



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 55

Rabu

13 November 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3):	
- Pelanjutan Tarikh Pembentangan Penyata Bagi Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019	(Halaman 31)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2020	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.23	(Halaman 33)
Maksud B.22	(Halaman 127)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)
Anggaran Pembangunan 2020	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.23	(Halaman 33)
Maksud P.22	(Halaman 127)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 13 November 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Salam Sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi Parlimen ini sepanjang sembilan minggu. Dan pada sesi Parlimen kali ini setakat hari ini sudah ada dua orang anggota Dewan atas kepenatan berkhidmat, telah pun pitam dalam Dewan yang mulia ini dan terpaksa dikejarkan ke hospital, dan Yang Berhormat Temerloh masih lagi dalam hospital.

Oleh kerana itu sebagai Tuan Yang di-Pertua yang prihatin dan bersifat penyayang saya ingin menghadihkan serangkap pantun kepada seluruh anggota Dewan supaya untuk menjaga kesihatan kerana malam ini pun dijangka Sidang Parlimen akan sampai pada pukul 10 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengar baik-baik.

*Mata redup perut berat;
Badan malas jadilah bulat;
Buatlah sit up bersukan angkat berat;
Amal gaya hidup sihat jiwa selamat.... [Tepuk]*

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi dan terima kasih atas pantun yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hanya pantun sahaja tidak mencukupilah Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Betul.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Saya minta supaya diadakan *medical check-up* untuk semua Ahli Parlimen... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Klinik Parlimen ada.

1. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membersihkan Daftar Pemilih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kota Melaka.

Kita juga merasa bersyukur kerana tidak ada lagi Speaker yang pengsan... [*Dewan Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang bercakap itu pun sudah pengsan dahulu- tidak termasuk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mewujudkan Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Daftar Pemilih, di mana jawatankuasa ini bertanggungjawab membuat penelitian yang menyeluruh terhadap isu-isu yang berkaitan dengan urusan pendaftaran pemilih.

Jawatankuasa ini juga akan mengenal pasti mekanisme yang sesuai dan terbaik untuk dilaksanakan oleh SPR bagi maksud pengemaskinian dan pembersihan Daftar Pemilih selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Taskforce SPR dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang baru ditubuhkan Yang Berhormat, telah ditubuhkan bagi tujuan penyelarasan maklumat warganegara berkaitan urusan pendaftaran pemilih khususnya pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik.

Di samping itu, Jawatankuasa tersebut juga melihat isu-isu berkaitan pengesahan maklumat warganegara bagi tujuan pembersihan Daftar Pemilih.

SPR juga menjalankan urusan pengemaskinian Daftar Pemilih daripada masa ke semasa berdasarkan perkara Peraturan 10, dan Peraturan 25, Peraturan-peraturan Pilihan raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ini termasuk memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia, dan memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan.

Bagi maksud tersebut, SPR telah membuat pengemaskinian Daftar Pemilih dengan memotong nama pemilih yang telah meninggal dunia yang meliputi – tahun 2017 sebanyak 139,118, dan sebanyak 117,826 nama pemilih pada tahun 2018. Manakala sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak 91,154 nama pemilih yang telah meninggal dunia telah dipotong daripada senarai Daftar Pemilih.

Di samping itu Yang Berhormat, SPR juga telah memotong nama pemilih yang hilang taraf kewarganegaraan yang melibatkan seramai 11,799 rekod. Daripada jumlah tersebut, 4,363 nama pemilih telah dipotong pada tahun 2017, dan 3,496 nama pemilih dipotong pada tahun 2018. Manakala sehingga 31 Ogos 2019, 3,940 nama pemilih yang telah hilang taraf kewarganegaraan telah dipotong daripada Daftar Pemilih.

Pengemaskinian Daftar Pemilih melibatkan pemilih yang telah meninggal dunia dan hilang taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

SPR juga meneliti isu Daftar Pemilih seperti isu pemilih berumur 90 tahun, isu ramai pemilih berdaftar di satu alamat, dan isu pesara tentera dan polis yang mengundi sebagai pengundi awal.

SPR juga telah melaksanakan pelbagai usaha menangani isu pemilih berumur 90 tahun ke atas, dan isu pemilih berdaftar di satu alamat dengan menjejaki mereka di lapangan berdasarkan kepada alamat mereka dan menulis surat untuk mendapatkan pengesahan status mereka.

SPR juga telah bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia untuk menangani isu pesara tentera dan polis yang mengundi sebagai pengundi awal. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah mengemaskinikan lokaliti mereka ke Lokaliti Awam dalam Bahagian Pilihan Raya yang sama untuk memastikan mereka mengundi sebagai pengundi biasa jika berlaku Pilihanraya Umum atau Pilihanraya Kecil.

■1010

Akhirnya, SPR juga telah melaksanakan kerjasama strategik dengan jabatan-jabatan ataupun agensi NGO dan parti-parti politik khususnya dalam membuat penambahbaikan terhadap data pemilih yang dibersihkan oleh SPR. Sekian, terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah kepada SPR di atas usaha-usaha mereka. Ini juga bukti bahawa Kerajaan Pakatan Harapan memang mempunyai hasrat yang tinggi untuk memastikan ada satu sistem pilihan raya yang bersih. Oleh sebab itu kita boleh lihat lantikan Ahli-ahli SPR yang baharu ini semuanya berpengalaman, berpengetahuan, begitu progresif dan juga bertanggungjawab.

Akan tetapi, untuk memastikan SPR memainkan peranan dengan baik, soalan tambahan saya yang pertama ialah adakah SPR boleh diberikan kuasa untuk mereka *suspend* ataupun gantung nama-nama yang diragui, yang mempunyai masalah ataupun pengundi yang mempunyai alamat-alamat yang bermasalah? Bolehkah SPR diberikan kuasa untuk mereka *suspend* atau gantung? Buat masa ini mereka tiada kuasa.

Kedua, kalau buat masa ini di bawah Akta Pilihan Raya 1958, di bawah seksyen 9A di mana semua kes-kes tidak boleh dibawa ke mahkamah berkaitan dengan isu pendaftaran pemilih. Sebelum ini banyak kes telah dibawa ke mahkamah hendak cabar senarai nama pemilih tetapi telah ditolak oleh mahkamah kerana seksyen 9A. Jadi, bolehkah seksyen 9A ini dimansuhkan supaya kita wujudkan satu prinsip *separation of power*? Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya di atas soalan tambahan tersebut. Pertama, Yang Berhormat Kota Melaka kata, adakah SPR boleh diberikan kuasa untuk menggantung? Itu Yang Berhormat Kota Melaka, kajian mendalam perlu dibuat.

Sebarang perubahan yang kita hendak lakukan Yang Berhormat Kota Melaka, perlu mendapatkan banyak rundingan dengan *stake holder*, pemegang taruh.

Jadi, saya rasa kalau sekiranya Yang Berhormat Kota Melaka, kalau Yang Berhormat Kota Melaka rasa ada cadangan-cadangan yang baik, Yang Berhormat Kota Melaka rasakan perlu untuk penambahbaikan, saya rasa pihak SPR– saya ada pegawai-pegawai datang ini, bersedia untuk mendengar dan bersedia untuk membuat kajian yang relevan untuk memastikan proses pilihan raya di negara kita ini berjalan dengan baik.

Sebagai contoh Yang Berhormat Kota Melaka, saya katakan di atas pos yang baru buat ini. Itu sebagai contohlah, bagaimana pihak SPR dan JPN cuba hendak memastikan data pemilih ini boleh dapat disediakan dalam keadaan betul-betul telus. Itu contohlah.

Mengenai dengan Yang Berhormat Kota Melaka katakan data pemilih, kalau sudah digazet tidak boleh dicabar di mahkamah. Saya tahu Yang Berhormat Kota Melaka, yang itu memang sebenarnya berlaku selepas pilihan raya Likas, sejarah dialah. Yang Berhormat Kota Melaka, benda itu memang menjadi kerisauan sesetengah pihak. Akan tetapi, Yang Berhormat Kota Melaka, saya rasa apa yang berlaku ialah SPR merasakan perlu ada *finality*, ada satu kemuktamadan dari segi data pemilih itu. Kalau setiap kali data pemilih ini dipersoalkan, tidak ada *finality*, ia akan menyebabkan kesukaran untuk SPR membuat kerja. Jadi saya rasa atas dasar itu kerana apa data pemilih itu kita letakkan satu *provision* ada satu *finality*, dengan izin, untuk tidak boleh dicabar.

Ini Yang Berhormat Kota Melaka, sebenarnya biasa dalam mana-mana undang-undang. Cumanya Yang Berhormat Kota Melaka, saya rasa kalau sekiranya Yang Berhormat Kota Melaka merasakan benda itu mungkin tidak bercanggah dengan prinsip demokrasi, kerajaan baharu ini kita bersedia untuk mengkaji dan menerima apa-apa pendapat. Akan tetapi, sama ada kita buat atau tidak, itu satu isu yang lain. Akan tetapi, kita boleh menerima pendapat-pendapat untuk kita mengkaji. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengerusi SPR ada maklumkan bahawa sistem pendaftaran secara automatik akan mengambil masa. Jadi, soalan tambahan saya berkaitan dengan perkara ini adalah berapakah peruntukan yang diperlukan bagi membangunkan sistem aplikasi pendaftaran pengundi secara automatik? Bilakah pendaftaran secara automatik ini akan dilaksanakan dan bagaimanakah pihak SPR dapat memastikan bahawa senarai pengundi menerusi aplikasi ini telus, selamat dan juga cekap?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Nampak soalan macam sikit, tapi banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jawab dengan padat dan ringkas.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong tentang berapa jumlah angka itu, saya memang tidak boleh berilah. Saya tidak ada angka itu. Yang Berhormat Parit Sulong kata berapa kos kan? Akan tetapi, yang saya tahu memang kos itu mempunyai satu kos yang agak substantif jugalah. Banyak. Akan

tetapi, tentang Yang Berhormat Parit Sulong kata berapa jumlah, saya minta maaf, saya tidak boleh berikan.

Saya mungkin akan dapatkan daripada itu – kalau Yang Berhormat Parit Sulong mahu saya jawab jawapan bertulislah. Tentang Yang Berhormat Parit Sulong kata, bilakah akan dilaksanakan. Saya difahamkan Yang Berhormat Parit Sulong, kita akan cuba sedaya upaya sebelum PRU Ke-15 inilah.

Kalau boleh PRU Ke-15 akan datang, pendaftaran automatik dapat dilaksanakanlah. Sekarang ini Yang Berhormat Parit Sulong, proses-proses sedang dilakukan untuk memastikan proses automatik ini dan isu 18 tahun serta sebagainya dapat dilaksanakan. Ketiga tadi apa dia Yang Berhormat Parit Sulong?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bagaimana SPR dapat memastikan bahawa senarai pengundi itu menerusi aplikasi ini nanti adalah cekap, telus dan juga selamat? *The list.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Itu Yang Berhormat Parit Sulong saya rasa SPR pada zaman Malaysia Baharu ini boleh buat, *insya-Allah.* Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, sikit, sikit. Saya hendak tambah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dato' Hasbullah bin Osman, Yang Berhormat Gerik. Sila. Saya tahu ramai yang minat, tetapi saya hendak bagi peluang. *[Tidak jelas]*

2. **Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rasionalnya peruntukan terhadap persatuan belia dipotong serta nyatakan hala tuju belia yang telah direncanakan oleh pihak kementerian untuk memberi gambaran terhadap masa depan belia negara.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan berkenaan rasionalnya peruntukan terhadap persatuan belia dipotong serta untuk menyatakan hala tuju belia yang telah direncanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, peruntukan belia tidak dipotong tetapi telah pun diselaraskan dan distrukturkan semula. Kementerian Belia dan Sukan ingin memberikan tumpuan kepada pelaksanaan program dan bukan sahaja kepada peruntukan berdasarkan kepada wang pentadbiran. Apa perbezaannya? Perbezaannya adalah sekarang kita memfokuskan kepada pertubuhan belia itu untuk melaksanakan program di peringkat akar umbi

dan untuk memberikan kertas kerja yang boleh diaudit selepas itu supaya kita tahu akhirnya wang tersebut disalurkan kepada perkara yang produktif.

Jika hendak dibandingkan dengan wang pentadbiran semata-mata, di mana di setiap daerah kita ada dalam enam ke sepuluh pertubuhan belia dan mereka mahukan pejabat mereka yang tersendiri. Mereka juga mahukan pekerja mereka yang tersendiri. Akan tetapi, akhirnya wang tersebut yang boleh dikongsi bersama akhirnya tidak dapat dibelanjakan untuk pelaksanaan program di peringkat akar umbi.

Akan tetapi, untuk membantu pertubuhan-pertubuhan belia, khususnya di peringkat negeri dan peringkat daerah, Kementerian Belia dan Sukan akan memberikan diskaun jika mereka ingin diserapkan untuk mengguna pakai infrastruktur ataupun *facilities* di bawah Kementerian Belia dan Sukan supaya mereka tidak perlu menyewa pejabat-pejabat di luar.

Pada masa yang sama, dari segi pegawai yang bertugas, mereka boleh berkolaborasi dengan lebih rapat dengan pegawai JBSN di peringkat daerah jika hendak dibandingkan untuk melantik pegawai-pegawai mereka yang tersendiri. Ini akan memastikan bahawa wang pentadbiran yang sebelum ini agak sukar untuk diaudit akhirnya boleh disalurkan semula kepada pelaksanaan program yang dapat dirasai oleh semua anak muda di kawasan kampung tersebut.

Kedua, kita juga ingin mencipta satu sistem insentif, di mana untuk pertubuhan belia, mengikut arus semasa perubahan, mereka perlu menyertakan lebih banyak kepimpinan wanita ke dalam sistem kepimpinan mereka. Pada masa yang sama, kita juga ingin memberikan insentif bagi pertubuhan belia yang memberanikan diri untuk melantik atau memilih lebih banyak anak muda di bawah umur 30 tahun dan menyerapkan mereka ke dalam struktur pentadbiran pertubuhan belia tersebut.

Dengan itu, hala tuju pada tahun hadapan adalah di mana kita akan berunding dengan seperti satu pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dan untuk memberikan insentif bagi mereka yang melantik lebih ramai wanita dan juga yang melantik lebih banyak anak muda dan diserapkan dalam struktur kepimpinan bawah umur 30 tahun. Pada masa yang sama, untuk fokus kepada pelaksanaan Program *Paper Work Based* jika hendak dibandingkan wang pentadbiran semata-mata. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menerangkan hala tuju yang baharu di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, saya melihat hampir 60 tahun belia kita ada sistem yang cukup terancang, tersusun daripada Majlis Belia di peringkat kebangsaan, Majlis Belia di peringkat negeri, Majlis Belia daerah di peringkat daerah serta pertubuhan belia-belie di mana matlamat yang paling utama, kita mewujudkan kepimpinan, yang kedua, ahli yang bersemangat suka rela.

Berdasarkan kepada Yang Berhormat Menteri, memberikan jawapan tadi, kita telah membunuh satu organisasi belia yang sudah hidup.

■1020

Ada dua pemimpin belia yang berada di dalam Dewan. Seorang di pihak Kerajaan, seorang di pihak pembangkang iaitu Yang Berhormat *Dato Saripuddin*, bekas Presiden Majlis Belia Malaysia dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, bekas Presiden Majlis Belia Malaysia.

Saya merayu dan memohon supaya yang lama diteruskan, yang baharu boleh ditambahbaikkan. Kalau tidak, Yang Berhormat Menteri akan mencipta satu sejarah membunuh persatuan belia sama ada Melayu, India, Cina dan pelbagai. Saya minta perkara tersebut dapat diberikan pertimbangan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Gerik. Kita patut memperbaiki mana yang boleh dan meneruskan sistem yang telah pun lama sedia ada dan bagaimana kita boleh perbaiki sahaja.

Oleh sebab itu, kita tidak membuat keputusan untuk mengubah kepimpinan MBM, MBN ataupun MBD di peringkat daerah ataupun menukar punca kuasa mereka kepada lagi satu pertubuhan yang baharu. Akan tetapi, apa yang kami lakukan adalah untuk menstrukturkan semula cara mereka mendapat pendanaan tersebut. Oleh sebab itu, bagi peringkat pusat sebagai contoh, pimpinan di peringkat pusat, wang pentadbiran tetap akan disalurkan tetapi mengikut insentif yang baharu. Ini di mana mereka perlu menyerapkan lebih ramai wanita dan anak muda bawah umur 30 tahun. Di peringkat negeri dan daerah, kita struktur semula mengikut pelaksanaan program.

Ini kerana kita hendak meramaikan atau kita ingin memastikan bahawa lebih banyak program yang dilaksanakan di peringkat akar umbi, jika hendak dibandingkan dengan pelantikan pegawai-pegawai di peringkat daerah bagi setiap satu pertubuhan belia ataupun untuk membayar kos pejabat yang akhirnya sangat tinggi. Apabila kita lihat perkara ini dapat diterjemahkan dalam pelaksanaan program, ia dapat dirasai bukan sahaja oleh kepimpinan pertubuhan belia tersebut, tetapi dirasai oleh semua belia di kawasan perkampungan ataupun daerah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Tidak ada soalan tambahan kedua? Ini perkara pelik bin ajaib. Sekarang saya jemput Dato' Rosol bin Wahid Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. oleh sebab Tuan Yang di-Pertua buka dengan pantun, saya pun buka dengan pantun.

Dari Barisan Nasional ke Pakatan Harapan,

Soalan nombor tiga perlu jawapan.

Terima kasih.

3. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) statistik semasa pengambilan satu peratus pekerja orang kurang upaya (OKU) dalam sektor awam ; dan
- (b) langkah-langkah menggalakkan lagi penyertaan golongan tersebut dalam sektor tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Hulu Terengganu. Minta maaf, tidak ada pantun. Tidak pandai pantun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Hulu Terengganu, statistik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menunjukkan bahawa sehingga 30 Jun 2019 jumlah pengisian OKU dalam perkhidmatan awam adalah seramai 3,686 pegawai ataupun sebanyak 0.29 peratus. Manakala, statistik urusan pengambilan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), menunjukkan bahawa pada tahun 2019 sehingga bulan Jun seramai 44 orang ataupun 0.49 peratus calon OKU dilantik ke perkhidmatan awam daripada sejumlah 8,924 orang calon lantikan tetap.

Pada tahun 2018 pula, daripada seramai 13,454 orang pelantikan tetap SPA telah melantik seramai 114 orang ataupun 0.85 peratus calon OKU ke perkhidmatan awam. SPA sentiasa menjadikan sasaran satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 sebagai asas dalam semua urusan pengambilan. Sungguhpun demikian, pencapaian sekarang ini banyak bergantung kepada kesediaan kementerian dan jabatan yang menerima penempatan calon OKU.

Untuk makluman semua, setakat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu yang telah mencapai 100 peratus. Malahan, mungkin lebih sedikit. Jadi, kita harus mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Bagi urusan pengambilan calon ke jawatan kontrak, kementerian dan jabatan telah diberikan kuasa dalam urusan pengambilan calon sebelum diperakukan kepada SPA. Ketua Jabatan juga berdasarkan kuasa diperuntukkan mengikut peraturan yang berkenaan boleh mengenal pasti calon OKU yang sesuai dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk dipertimbangkan pelantikan.

Seterusnya, bagi menggalakkan dan mempermudah semua calon, pemohon pekerjaan termasuk juga calon OKU, SPA telah menyediakan sistem pendaftaran pekerjaan secara dalam talian (*online*). Calon OKU boleh mengisi borang SPA 8i, di Portal SPA pada bila-bila masa dan di mana-mana jua dengan menyatakan status dan kategori ketidakupayaannya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, SPA juga mengambil langkah mengenai syarat kelayakan minimum sahaja kepada calon OKU. Berdasarkan syarat dan lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Di sini saya ingin mengumumkan kalau ada orang-orang OKU di luar

sana, kerajaan juga telah membuat satu keputusan membuat pengecualian kepada orang-orang OKU yang memohon mereka boleh dikecualikan daripada menduduki Public Service Entrance Exam (PSEE) sebagai langkah menggalakkan peserta OKU dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, ahli suruhanjaya daripada kalangan OKU juga telah dilantik menganggotai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Dalam menyampaikan maklumat dan panduan memasuki perkhidmatan awam, SPA sentiasa melaksanakan Program Outreach termasuk membuka *booth* di program-program karnival kerjaya anjuran pelbagai pihak. Pada tahun 2018, SPA telah melaksanakan sebanyak 61 buah Program Outreach di seluruh negara. Pencapaian satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam bergantung kepada semua pihak yang terlibat. SPA adalah satu daripada pihak berkuasa yang melantik dalam perkhidmatan awam. Selain SPA, pelantikan OKU juga turut dilaksanakan oleh PBM yang lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang saya rasa cukup detail. Cuma, hasrat untuk mencapai satu peratus itu masih jauh daripada apa yang dicita-citakan. Isunya ialah kerana mungkin ada stigma sosial terhadap keluarga untuk mendaftar anak-anak OKU dengan kementerian.

Persoalan saya, apakah kementerian ataupun kerajaan tidak bercadang ataupun bercadang untuk mengadakan insentif-insentif tertentu kepada keluarga-keluarga yang mempunyai anak OKU untuk berdaftar dengan kementerian? Kedua, apakah peranan kerajaan untuk menggalakkan pihak swasta dan juga GLC untuk mengambil pekerja-pekerja OKU sebagai satu cara mencapai hasrat satu peratus pekerja OKU dalam sektor pekerjaan? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu di atas soalan yang baik itu. Saya jawab soalan dua dahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Terengganu, memang pihak kerajaan tidak ada kuasa untuk mengenakan apa-apa syarat kepada pihak swasta. Apatah lagi pihak kerajaan sendiri pun memang sekarang ini menghadapi masalah untuk mendapatkan jumlah mencapai sasaran satu peratus itu kecuali kementerian yang saya katakan tadi, kementerian yang terlibat dalam OKU iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini di mana, memang kalau kita tengok – untuk makluman Yang Berhormat Hulu Terengganu, setakat ini apa yang berlaku ialah kementerian itu sahaja yang nampak lebih mesra dengan OKU.

Di mana, saya difahamkan, kalau kita pergi ke pejabat mereka pun, mereka set dalam keadaan mesra OKU. Jadi, saya rasa yang swasta kemungkinan ada masalah sikit. Akan tetapi, saya rasa cadangan Yang Berhormat Hulu Terengganu amat baik. Saya rasa mungkin akan dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tentang soalan Yang Berhormat...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Untuk, Yang Berhormat Menteri, untuk GLC?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ha?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: GLC pusat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: GLC saya rasa kita mungkin boleh bincang Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya rasa itu cadangan yang baik. Saya rasa pihak kerajaan sentiasa terbuka untuk menerima cadangan ini. Walaupun itu sebenarnya Yang Berhormat Hulu Terengganu, untuk makluman Yang Berhormat Hulu Terengganu tentang bidang kuasa, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi ini yang kadang-kadang saya rasa kalau ada cadangan yang baik kita kena salurkan kepada merekalah. Tentang Yang Berhormat Hulu Terengganu katakan stigma sosial, ini memang satu benda yang saya rasa diakui oleh pihak yang terlibat. Sebenarnya Yang Berhormat Hulu Terengganu, bukan sahaja stigma sosial kita juga menghadapi masalah dari segi kepekaan masyarakat terhadap masyarakat OKU. Kalau kita lihat saya difahamkan satu kajian telah dibuat untuk melihat supaya benda-benda ini dapat diselesaikan. Setakat ini Yang Berhormat Hulu Terengganu, negara yang agak ke depan dari segi menyelesaikan masalah OKU ini ataupun lebih mesra OKU ini ialah negara Australia.

Jadi mungkin kita boleh mempelajari daripada mereka bagaimanakah mereka boleh menangani isu-isu Yang Berhormat Hulu Terengganu bangkitkan itu. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat Hulu Terengganu...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Maksud saya Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan bercadang untuk memberikan insentif ataupun imbuhan kepada keluarga yang mendaftarkan anak mereka dengan kementerian?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Hulu Terengganu tidak boleh bertanya semacam siri bersambung. Tidak pernah *ending*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Insentif Yang Berhormat Hulu Terengganu, setakat ini saya tidak ada maklumat sebab apa, soalan-soalan Yang Berhormat Hulu Terengganu kebanyakan melibatkan kementerian yang spesifik. Soalan saya lebih kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Hanya jawab yang lain-lain.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya lebih kepada isu yang melibatkan perkhidmatan awam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jempol. Soalan tambahan kedua.

■1030

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balas pantun daripada Yang Berhormat Hulu Terengganu. Bukan pantunlah, saya menghabiskan dia punya ayat tadi. *'Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.'* [Ketawa]

Soalan tambahan saya, kerajaan memberi jaminan bahawa kuota khas satu peratus dalam pengambilan orang kelainan upaya ataupun OKU sebagai penjawat awam tidak terjejas susulan rancangan mengecilkan saiz penjawat awam yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan ketika ini. Jadi, berdasarkan kepada laporan SPA, setakat ini hanya 3,800 orang kelainan upaya diterima iaitu mewakili 0.31 peratus. Ini menunjukkan bahawa 0.6 peratus, tidak

sampai separuh pun OKU diterima bekerja.

Jadi, soalan saya apakah halangan yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam mencapai sasaran satu peratus pekerja kelainan upaya dalam sektor awam? Apakah terdapat kajian yang dibuat oleh kerajaan bagi mengenal pasti masalah mengenai situasi industri semasa dari segi penawaran kerja dan isu-isu pengambilan kerja orang kelainan upaya serta permasalahan dihadapi oleh orang kelainan upaya untuk memasuki pekerjaan? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini bukan – sila Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tentang kajian, memang ada kajian dibuat. Yang Berhormat, kajian memang ada dibuat cumanya sedang dibuat. Saya tidak boleh hendak *share* lagi *finding* nya. Yang Berhormat kata tentang hasrat untuk capai satu peratus itu, sebenarnya Yang Berhormat ia bergantung kepada kesediaan semua pihak.

Setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, memang Kementerian yang agak ke depan dan telah mencapai sasaran itu adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadi saya rasa Yang Berhormat *insya-Allah* tentang sasaran itu tidak akan terjejas kerana memang sasaran OKU satu peratus itu akan selari dengan jumlah perjawatan.

Saya tadi Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat lihat saya kata tadi, antara langkah yang kita telah buat, saya umumkan lagi sekali tentang kita mengadakan pengecualian kepada OKU daripada menduduki *public service entry exam*. Ini Yang Berhormat selama ini kami mendapati dari kajian yang dibuat apabila ada *exam* ini, ia menyebabkan ramai OKU yang tidak dapat bekerja sebab tidak lepas *exam* itu.

Sekarang ini kita telah membuat keputusan mengecualikan daripada menduduki *public service entry exam*. Ini satu pengumuman yang besar dibuat oleh kerajaan. Saya rasa selepas ini, kemungkinan selepas ada pengecualian ini yang saya difahamkan bermula selepas Mei 2019 *and above* kita *insya-Allah* akan mendapat jumlah yang disasarkan.

4. Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tentang perubahan Revolusi Industri 4.0 yang perlu diteruskan dengan baik berikutan perubahan teknologi yang tidak dapat dikekang dalam mendepani arus kemodenan dunia antarabangsa. Adakah kerajaan bersedia untuk mengatasi tambahan pengangguran yang bakal berlaku dan apa tindakan kerajaan untuk mengatasi Revolusi Industri 4.0.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Revolusi Industri 4.0 atau IR4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti perwujudan dan penghapusan pekerjaan, *jobs replacement*. Peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu modal insan negara perlu memberi kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik.

Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan kementerian-kementerian yang lain sedang berusaha dan satu Jawatankuasa Kerja

Pembangunan Kebajikan dan Bakat, *Technical Working Groups Skill* di bawah Revolusi Industri 4.0 yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah diwujudkan untuk mengatasi masalah ini.

Selaras dengan ini, pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 melalui jabatan dan agensi di bawahnya. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dalam perubahan keperluan pekerjaan masa hadapan, *future of jobs* serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan dan agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Revolusi Industri 4.0; dan
- (iii) memperluaskan akses latihan warganegara untuk mendapatkan latihan dan pendidikan teknikal dan vokasional;

Sehingga kini terdapat beberapa institusi yang menjalankan tugas tersebut. Sebagai usaha mengatasi kadar pengangguran, kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia*;
- (ii) menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi karnival kerjaya, penempatan melalui *client account*, temu duga terbuka, program kerjaya kerjasama antara agensi dan sebagainya. Bagi tempoh Januari ke Jun 2019, seramai 20,563 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pendapatan;
- (iii) mewujudkan pusat sehati menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Pembangunan Sumber Manusia dan sebagainya;
- (iv) melaksanakan *Graduate Enhancement Programme For Employability*;
- (v) memperkukuh dan memperkasakan program Sistem Latihan Dual Nasional; dan
- (vi) melaksanakan *Structured Internship Programme* yang diterajui oleh *Talent Corporation*.

Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Apakah tahap kesediaan majikan-majikan tempatan untuk melakukan peralihan kepada teknologi tinggi iaitu penggunaan digital ekonomi atau automasi di organisasi masing-masing. Bagaimana hendak meningkatkan kesedaran masyarakat atau

kumpulan sasar kepada IR 4.0 dan selaras dengan dasar baru iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama dapat dicapai. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita menjalankan beberapa libat urus dengan majikan-majikan, memberitahu apakah situasi yang terkini mengenai IR 4.0. Akan tetapi yang kita tidak boleh menafikan adalah *report* yang dibuat oleh *International Labour Organization* yang mengatakan bahawa kemungkinan besar 15 tahun ke 25 tahun ini ia akan mengakibatkan penghapusan kerja yang sedia ada sebanyak lebih kurang 14 peratus. Lebih lagi selama-lama lagi.

Akan tetapi yang mustahak adalah walaupun ia menjadi satu masalah pada masa sekarang tetapi pada pandangan dan pengetahuan kami, nampaknya lebih jurusan pekerjaan akan diwujudkan. Ini menunjukkan bahawa walaupun IR 4.0 akan memberi tekanan yang kuat kepada kerja-kerja yang sedia ada tetapi automasi sekali gus akan menolong lebih pekerjaan yang sedia dijadikan. Macam Lazada dan Alibaba baru-baru ini di mana berbilion-bilion dijual dalam tempoh satu dua hari dan lebih kerja diberi macam logistik dan sebagainya. Itu adalah pandangan di mana kita percaya ini akan menyelesaikan dan menolong untuk menghadapi IR 4.0. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meneliti daripada jawapan Yang Berhormat Menteri dan menghadami dari apa yang dimaksudkan. Mengikut laporan statistik 2016 hingga 2018, seramai 4,030 *graduate* telah dilatih dan bantuan kewangan diluluskan sebanyak RM76,000,095. Buat masa ini seramai 231 *graduate* sedang menjalani latihan yang mana bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM1.7 juta.

Persoalan saya ialah, apakah langkah kerajaan untuk mendesak sektor swasta dengan serius supaya terus terlibat melatih atau melalui program *internship* antara kerajaan dan swasta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Soalan yang cantik. Yang Berhormat, sebenarnya macam-macam galakan diberikan. Sebenarnya baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia sendiri telah menandatangani MoU dengan beberapa syarikat di mana *internship* itu, *training* TVET dibuat di sana sendiri dan *internship* adalah satu di antara *long term* program oleh kerajaan.

Saya rasa dalam sasaran kita untuk mencapai golongan *skills* di antara pekerja negara ini, ini adalah satu di antara cara dan Yang Berhormat semestinya dapat tahu bahawa beberapa MoU yang telah dibuat oleh kementerian dan lain-lain kementerian menunjukkan bahawa hasrat dan dasar inisiatif ini akan membawa keuntungan yang besar kepada pekerja-pekerja kita di negara ini. Sekali gus ini akan memberi gaji yang lumayan, meningkatkan produktiviti dan juga mengurangkan kos produktiviti mereka. Terima kasih.

■1040

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Tuan Yang di-Pertua, *siji, loro, telu, papat*, mohon jawapan nombor 5.

5. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, apakah perancangan untuk membaik pulih hakisan dan kerentanan pantai khusus di Pantai Barat Semenanjung terutamanya antara kawasan Sungai Besar.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan Projek Mengatasi Masalah Fenomena Air Pasang Besar dan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran dalam RMK-11 dengan siling kos projek sebanyak RM200 juta. Projek ini adalah bagi mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh Malaysia termasuklah di persisiran Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang turut merangkumi persisiran Pantai Sungai Besar. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka bermula pada tahun 2020.

Bagi negeri Selangor, kawasan yang terlibat dengan cadangan menaik taraf dan pembinaan ban pantai baru adalah yang pertama di Sabak Bernam; yang kedua di Kuala Selangor; yang ketiga di Klang; dan yang keempat di Kuala Langat. Terima kasih.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan terima kasih atas peruntukan yang disediakan. Isu hutan Yang Berhormat Menteri, isu kerentanan pantai ini menjadi topik utama, perhatian utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap di *United Nations General Assembly* pada Julai yang lepas. Soalan saya kawasan Pantai Barat khususnya di kawasan Sungai Besar, Bagan Datuk, Tanjung Karang, Klang adalah kawasan yang dalam lingkungan garis pantai 1,300 kilometer yang sangat-sangat berisiko.

Jadi soalan saya, apakah usaha kementerian untuk memberi pendidikan kesedaran kepada penduduk kawasan pinggir pantai khususnya, keluarga nelayan? Apakah kerajaan ada hasrat untuk memperkenalkan sistem pengurusan hutan yang lebih efektif, memandangkan kita punya sistem pengurusan hutan melalui Sistem Pengurusan Memilih (SMS) yang dibuat pada tahun 1978 sudah tidak sesuai digunakan pada ketika ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar, maksudnya pengurusan hutan itu adalah paya bakau. Okey, Tuan Yang di-Pertua, mengikut bajet yang dibagi, kebanyakan bajet ini hanya untuk membina ban, untuk mengatasi masalah ban-ban yang rosak tetapi walau bagaimanapun, pihak kementerian ada mengadakan beberapa kerja CSR iaitu menanam bakau. Jadi yang ini kita akan pertimbangkan semula mengikut bajet yang ada. Terima kasih.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Saya tertarik dengan satu artikel yang disiarkan di *Berita Harian* pada bulan lepas bertajuk, "*Hakisan pantai semakin meruncing di Semenanjung*". Isu hakisan pantai bukan hanya berlaku di negeri Pantai Timur, sebaliknya juga

turut berlaku di negeri-negeri Pantai Barat contohnya di Kampung Seri Menanti; Muar, Pantai Puteri; Tanjung Kling dan Tanjung Bidara; Alor Gajah. Hal ini menunjukkan projek hakisan pantai yang telah menelan ratusan juta ringgit kurang memberi kesan untuk menangani isu masalah hakisan pantai ini.

Saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan satu garis panduan dan penguatkuasaan khususnya mengenai projek pembangunan di kawasan pantai supaya mesra alam termasuk memindahkan tapak rumah ke kawasan baharu yang jauh daripada persisiran pantai?

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Setia. Untuk makluman Yang Berhormat Setia, saya bacakan di sini, kawasan-kawasan di Pantai Barat yang...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Setia, bukan Setia.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Maaf Yang Berhormat Setia. Okey, Yang Berhormat Setia, ya. Kawasan di Pantai Barat yang disebut, yang ada ban ataupun kawasan yang dilanda pantai yang terhakis, iaitu:

- Perlis di kawasan Bukit Putih, Kuala Perlis- lebuhraya, dan Kuala Perlis.
- Pulau Pinang - Mak Minah, Juru, Bagan Ajam, Pantai Robina, Muara Sungai Kerian dan Sungai Batu.
- Negeri Sembilan - di Port Dickson.
- Kedah - Kampung Tepi Sungai, Pulau Sayak.
- Perak - Larut, Matang, Manjung dan Hilir Perak.
- Selangor - Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang dan Kuala Langat.
- Melaka - Alai Perdana, Teluk Mas, Pangkalan Balak dan Kuala Linggi.
- Johor di Batu Pahat dan Pontian.

Peruntukan seperti mana yang saya bagi tahu tadi, RM200 juta.

Untuk nasihat ataupun perancangan masa depan, pantai-pantai ini juga terlibat dengan pihak berkuasa tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, pihak JPS ataupun kementerian, kita ada mengadakan banyak projek CSR untuk projek kerjasama ataupun projek kesedaran kepada rakyat termasuk yang saya bagi tahu tadi berkenaan dengan paya bakau.

Jadi dari masa ke masa pihak kementerian juga akan membuat Program Mesra Rakyat untuk membagi maklumat ataupun nasihat ataupun pandangan iaitu *educate people*, dengan izin, untuk memberi pandangan bahawa masalah hakisan pantai bukan hanya berlaku kerana disebabkan oleh ombak itu tetapi adalah pembangunan setempat. Kemungkinan dari segi mungkin tebus guna tanah di kawasan di mana ini akan melibatkan pihak PBT ataupun pihak berkuasa tempatan dan kita juga akan memberi kesedaran kepada pihak-pihak berkuasa dan juga rakyat.

Jadi melalui projek CSR, kita akan bagi kerjasama kepada rakyat ataupun, dengan izin meng-*educate people*. Terima kasih.

6. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, banyak rungutan di kalangan perunding dalam industri *oil and gas* masih banyak menggunakan perunding-perunding dari luar negara dan tidak memberi kepercayaan dan peluang kepada perunding-perunding tempatan. Nyatakan berapa ramai perunding luar negara yang masih digunakan oleh PETRONAS, dan apakah bidang dan kepakaran mereka.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rompin, PETRONAS sebagai sebuah syarikat minyak negara yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, komited dalam membantu untuk memajukan industri minyak dan gas tempatan.

Penglibatan PETRONAS dalam industri hulu dan hiliran dianggarkan 75 peratus daripada keseluruhan industri dalam negara. Untuk tempoh Januari hingga Ogos 2019, syarikat-syarikat perunding tempatan merangkumi lebih 60 peratus daripada jumlah keseluruhan syarikat perunding yang dilantik oleh PETRONAS. Bagi skop kerja yang terlalu khusus dan teknikal seperti *Engineering Procurement, Construction and Commissioning (EPC)*, *technology proprietary* dan digital, kepakaran tempatan adalah sangat terhad dan perlu diperolehi daripada sumber luar.

Sebagai contoh, teknologi pemetaan *seismic* laut dalam hanya dimiliki oleh syarikat global dan kepakaran ini tidak dimiliki oleh mana-mana perunding tempatan atau boleh dibangunkan dalam masa singkat oleh PETRONAS sendiri. Tambahan pula kerja-kerja yang dilaksanakan oleh perunding luar ini memerlukan kos modal yang tinggi, berteknologi tinggi, kompleks dan rumit kerana lapangan minyak dan gas yang ada sekarang adalah di laut dalam dan mempunyai kadar kontaminasi yang terlalu tinggi termasuk CO₂, sulfur dan merkuri.

■1050

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya terdapat empat firma di dunia yang menawarkan khidmat *seismic deepwater acquisition services*. PETRONAS melantik perunding-perunding atau vendor dari luar negara untuk memastikan kelangsungan projek dan sasaran kritikal tercapai.

Bagi memastikan lebih ramai vendor serta perunding tempatan terlibat secara aktif dan kompetitif di dalam industri minyak dan gas, pelbagai usaha, program serta inisiatif terus dilaksanakan PETRONAS dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi seperti program pembangunan vendor VDP dan juga VDPx, VDP Inovasi dan Teknologi, program lestari *BeyondHome* dan program pembiayaan vendor OGSE atau, dengan izin, *Oil and Gas Services and Equipment Petronas*.

Di bawah program VDP PETRONAS, sebanyak 108 syarikat telah mendapat manfaat ini dengan nilai kontrak bernilai lebih kurang RM9 bilion setakat Oktober 2019. Empat syarikat VDP bumiputera telah pun disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia manakala 30 VDP telah pun beroperasi di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS memandang serius dalam membangunkan kapasiti dan keupayaan perunding-perunding tempatan ini. Sebagai contoh, apabila aktiviti penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas PETRONAS di Turkmenistan dan Myanmar, perunding-perunding tempatan telah dilibatkan bersama memandangkan infrastruktur dan kepakaran negara tersebut masih terhad dan ini membuka peluang kepada perunding-perunding tempatan untuk meneroka pasaran baharu di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada rungutan di kalangan syarikat-syarikat yang sederhana bahawa sistem vendor telah ditamatkan oleh PETRONAS.

Keduanya, adakah sistem vendor yang sama dilaksanakan oleh PETRONAS dalam bidang *oil and gas* di luar negara di mana PETRONAS mempunyai kepentingan dalam pelaburan mereka?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini sahaja kita meneruskan usaha ini dengan memperkenalkan satu lagi program lestari iaitu untuk mencari penyelesaian dan membantu syarikat-syarikat tempatan dalam, pertama, pemerkasaan ekosistem. Ini termasuk 14 inisiatif, antaranya *talent development and employment*. Kedua, *access to financing*. Kita ada *Road to Bursa*, fiskal insentif, *Corporate Integrity Advocacy*. Ini antara usaha-usaha yang diteruskan oleh PETRONAS untuk membangunkan syarikat-syarikat perunding tempatan.

Pertanyaan yang kedua, seperti yang saya telah nyatakan tadi, apabila PETRONAS diberikan peluang untuk beroperasi di luar negara seperti di Turkmenistan di mana PETRONAS telah beroperasi di Turkmenistan selama 23 tahun, syarikat-syarikat perunding tempatan dibawa bersama-sama untuk terlibat secara langsung dan ini memberikan peluang kepada mereka untuk meneroka peluang-peluang baharu bukan sahaja di dalam negara Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa. Usaha-usaha ini akan diteruskan.

Seperti yang telah saya nyatakan tadi, sebanyak 30 syarikat VDP ini di kalangan bumiputera telah pun beroperasi di luar negara. Sebagai contoh, 17 syarikat telah beroperasi di Asia, lapan syarikat VDP beroperasi di *Middle East*, dua di *North America*, satu di *South America*, satu di *South Africa* dan satu di United Kingdom.

Ini membuktikan bahawa program vendor dan inisiatif yang dilakukan oleh PETRONAS telah berjaya membangunkan syarikat-syarikat tempatan untuk beroperasi di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Mungkin yang saya tanya itu ada lain sedikit tetapi ada kaitan dengan PETRONAS sebab saya tidak ada peluang lagi.

Saya pernah memohon di dalam Dewan ini agar *annual return* PETRONAS itu dibentangkan dalam Dewan untuk pengetahuan umum. Ini ada kaitan dengan soalan ini. Sebab, ketelusan, integriti PETRONAS boleh ada kaitan dengan rundingan-rundingan yang disebut oleh

Yang Berhormat Menteri. Bilakah *annual return* PETRONAS ini boleh dibentangkan dalam Dewan ini? *Thank You*.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Rompin. Namun, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya telah pun memberikan respons kepada persoalan ini.

Tidak timbul soal PETRONAS tidak melakukan satu pembentangan yang telus dan terbuka. Semuanya telah diaudit dan kita telah kemukakan laporan kewangan setiap tahun dan ini boleh diakses oleh Ahli-ahli Parlimen dan pihak awam. Saya percaya cadangan Yang Berhormat seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, boleh dipertimbangkan untuk memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban itu terus menjadi prinsip utama dalam pengurusan PETRONAS. Terima kasih.

7. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah kementerian akan menaikkan umur persaraan kepada 65 tahun pada masa akan datang yang mana langkah tersebut tidak optimum kepada kualiti dan perbelanjaan pengurusan.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih. Cadangan untuk meningkatkan had umur persaraan kepada 65 tahun merupakan cadangan yang kita terima dari NGO-NGO dan kesatuan sekerja di Malaysia.

Berdasarkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan sektor swasta di seluruh Malaysia, menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Ini bermakna seseorang pekerja itu boleh terus bekerja walaupun telah melebihi 60 tahun dan dia juga bergantung kepada tawaran pekerjaan oleh majikan.

Oleh itu, tiada keperluan pada masa ini untuk meningkatkan umur persaraan kepada 65 tahun kerana ini adalah pandangan kerajaan sekarang.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Adakah kementerian mempunyai unjuran keluar, maknanya yang bersara, dan yang masuk, yang baharu, penjawat awam bagi tempoh lima hingga 10 tahun yang akan datang? Dengan umur persaraan sekarang, berapa ramai kah yang tidak, dengan izin, *fit* atas sebab-sebab kesihatan?

Tuan M. Kulasegaran: Saya perlukan notis. Angka statistik itu saya tidak ada. Akan tetapi, saya boleh memberi jawapan bahawa ramai di antara yang bersara ini mereka tidak ada masalah-masalah kewangan, ada masalah-masalah *health problem* dan sebagainya. Maka unjuran dan pandangan daripada kesatuan sekerja dan sebagainya adalah mereka patut bekerja selepas 60 tahun.

Akan tetapi kalau kita tengok dari seluruh dunia ini, ada negara-negara dia berbeza-beza. Macam di Amerika adalah lebih kurang 65 tahun umur persaraan. Di Norway adalah di antara 62 hingga 75 tahun. Jadi, ada perbezaannya. Akan tetapi kalau kita ada *social security pension*,

ia dapat menolong mereka. Akan tetapi, bukan semua yang menikmati perkara ini pada ketika sekarang. Akan tetapi, pencen kerajaan dapat menolong mereka. Angka-angka persaraan dan sebagainya, saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan. Kalau kita tengok rekod, antara negara yang berjaya mengambil kembali mereka yang pencen ialah Singapura dan Jepun antara negara yang berjaya. Baru-baru ini dalam bajet yang lepas, kerajaan telah menawar insentif kepada badan-badan swasta dan kerajaan yang mengambil semula pekerja yang sudah pencen dalam kerja-kerja ringan.

Saya ingin dapat penjelasan, sehingga setakat ini, berapa peratus pencapaian yang telah pun dibuat diambil kesempatan oleh agensi swasta untuk mengambil balik pekerja yang sudah pencen ini, yang bersara dalam sektor-sektor swasta? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, angka itu saya akan bagi secara bertulis. Akan tetapi, yang mustahak adalah ramai di antara yang bersara dan sebagainya, kita perlu memberi keutamaan kepada anak muda kita. Itu prioriti yang pertama.

■1100

Kedua, jika ada kekosongan dan sebagainya, kita telah mengarahkan *Talent Corporation* untuk berunding dengan NGO-NGO yang terlibat- dengan yang umur lebih daripada 60 tahun, supaya mereka juga dapat menyumbang kepada ekonomi negara kita, supaya mereka juga dapat diserapkan di beberapa agensi-agensi yang tertentu. Ini adalah dengan syarat mereka ada kepakaran-kepakaran yang tertentu.

Oleh kerana, kalau mereka ada kepakaran itu sangat merugikan kalau mereka hanya bersara. Itu satu di antara inisiatif baharu yang dibuat.

Bajet yang ada ini hanya untuk graduan-graduan yang lepas, yang tidak bekerja untuk satu tahun dan lebih atau wanita-wanita dan sebagainya. Akan tetapi, cadangan untuk pesara ini boleh dipertimbangkan. Mungkin kita perlukan sedikit masa lagi. Terima kasih.

8. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) senarai Ahli Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap hukuman mati mandatori yang akan ditubuhkan kerajaan; dan
- (b) adakah para agamawan seperti mufti serta pihak jabatan agama turut terlibat sama dalam penubuhan jawatankuasa tersebut?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Soalan berkaitan dengan hukuman mati ya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kota Bharu, kerajaan setakat pada 29 Ogos 2019 telah bersetuju agar Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap hukuman mati mandatori ditubuhkan untuk mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman

ataupun dalam bahasa Inggeris- *sentencing policies* bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar tertakluk pada budi bicara mahkamah.

Komposisi keahlian Jawatankuasa Khas ini terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang perundangan seperti bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, bekas Peguam Kanan Persekutuan, pengamal undang-undang, pensyarah undang-undang daripada institusi pengajian awam terkemuka dan pakar kajian.

Untuk makluman, antara ahli jawatankuasanya ialah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum iaitu mantan Ketua Hakim Negara; Yang Berbahagia Tan Sri Datin Paduka Zaharah binti Ibrahim, mantan Hakim Besar Malaya; Encik Edmund Bon Tai Soon daripada *Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights*, seorang peguam; Encik Andrew Khoo Chin Hock daripada Majlis Peguam Malaysia ataupun *Bar Council*; Yang Berbahagia Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, mantan Pegawai Jabatan Peguam Negara; Encik Thang Ah Yong, mantan Pegawai Kanan Jabatan Penjara Malaysia; Yang Berbahagia Dato' Mah Weng Kwai daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM); Yang Berbahagia Dr Farah Nini binti Dato' Dusuki, Pensyarah Universiti Malaya; Yang Berbahagia Professor Madya Dato' Dr. P. Sundramoorthy, *Criminologists* di Universiti Sains Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya para agamawan seperti mufti, seperti Jabatan Agama Islam Negeri tidak dilibatkan secara langsung di dalam penubuhan jawatankuasa khas ini. Walau bagaimanapun, penubuhan jawatankuasa khas ini merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan proses gubalan undang-undang ini bersifat inklusif, holistik dan efektif dengan memfokuskan kepada sesi libat urus dan *outreach* yang mencukupi.

Justeru, penglibatan pelbagai lapisan masyarakat termasuk para agamawan seperti mufti serta Jabatan Agama Islam, dan sampai hari ini kajian ini melalui pelbagai platform dan seumpamanya- dan akan diberi perhatian khusus supaya hak individu dalam menyuarakan pandangan tidak diketepikan.

Oleh yang demikian, cadangan pelaksanaan sesi libat urus yang holistik akan melibatkan pelbagai pihak seperti sesi *townhall* negeri mengikut zon yang telah pun dilaksanakan. Sesi *townhall* bersama Ahli Parlimen – saya difahamkan juga telah dilaksanakan bagi pihak mungkin-mungkin tidak semua lagi. Konsultasi awam secara atas talian, pandangan pakar, *focus group discussion* bersama pakar-pakar, dan perjumpaan dengan keluarga mangsa dan banduan akhir. Sekian, terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Kita tahu bahawa apabila berlaku satu-satu kes jenayah yang melibatkan kematian, tidak dapat dinafikan pihak yang pasti mengalami kehilangan ataupun kerugian adalah keluarga si mangsa itu.

Soalan saya, adakah jawatankuasa yang ditubuhkan ini memikirkan satu bentuk ganti rugi ataupun *damages* kepada mangsa yang dibunuh sebagaimana di dalam Akta Undang-

undang Sivil, *bereavement*, ganti rugi kesedihan yang ada dalam undang-undang sekarang ini, sekurang-kurangnya meringankan beban kepada mereka.

Soalan yang kedua bilakah agaknya cadangan ini akan dibentangkan dalam Parlimen ini? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat daripada Kota Bharu. Satu soalan yang baik.

Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat tentang ganti rugi ataupun dalam bahasa Islam *diyah*, dalam bahasa Inggeris dipanggil *blood money*. Yang Berhormat, saya tidak pasti Yang Berhormat sedar atau tidak, sebenarnya ada satu keputusan mahkamah di Muar, Hakim mendiang Richard Talalla. Dia pernah membuat satu keputusan dalam kes itu, dia memberi ganti rugi. Walaupun ada hukuman, dia beri ganti rugi. Kita tidak ada peruntukan dalam CPC.

Yang Berhormat, seorang peguam yang agak senior, namanya Cik , seorang peguam di Muar. Dia pernah mengulas- dia pun ada belajar tentang *Islamic Law*. Jadi, saya hendak kata Yang Berhormat tentang Yang Berhormat kata itu sebenarnya itu juga kajian yang diambil kira oleh pihak jawatankuasa ini lah, tentang sama ada kita juga mengambil perundangan daripada pelbagai bidang kuasa lah, *jurisdiction* termasuk juga perundangan Islam yang memang ada menekankan tentang soal *diyah* dan sebagainya. Jadi, itu semua akan diambil kira dalam jawatankuasa ini.

Jadi, Yang Berhormat kata tentang apa ini- yang keduanya, tidak ingat lah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Bila agaknya hendak dibentangkan dalam Parlimen?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Saya difahamkan *insya-Allah* untuk makluman, segala yang sesi ini akan diselesaikan dalam akhir tahun ini. Ada *time frame* dia. Kalau tidak ada apa-apa aral, *insya-Allah* dalam bulan Mac tahun hadapan, *insya-Allah* akan dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, Setiawangsa ingin bertanya, adakah konsep kita menukar daripada hukuman mati mandatori yang mana kini kita memberi pilihan kepada hakim kepada bergantung kepada fakta-fakta kes, ini lebih bertepatan dengan semangat Islam sendiri. Sebab kalau kita lihat dalam perundangan Islam pun dia ada *leeway* yang diberikan kepada hakim-hakim, dan ia tidak bersifat mandatori sebagaimana dalam hukuman sivil yang ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya daripada Setiawangsa. Memang kalau dari segi perundangan Islam saya setuju dengan Yang Berhormat sebenarnya ada tiga pilihan kepada hakim sama ada kenakan hukuman bunuh, ataupun dia dibebaskan terus, ataupun dia dikenakan *diyah* ataupun ganti rugi. Sebab dia mengambil kira tentang- sebab hukuman mati ini dianggap *family* yang jadi *a grief party*, dengan izin, sudah tentu lah dia melibatkan anggota keluarga itu diambil kira. Itu dari segi falsafah perundangan Islam lah.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kata itu memang betul- memang dalam perundangan Islam benda itu diambil kira lah. Jadi, saya rasa sebab itulah dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum ini perkara-perkara ini akan diambil kira. Sebab kita hendak memastikan satu perundangan yang terbaik- mungkin ikut acuan Malaysia dapat ditubuhkan. Mengambil kira banyak pelbagai perundangan-perundangan daripada Islam dan juga yang lain-lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Adakah jawatankuasa ini juga membuat kajian berkenaan dengan pengamal undang-undang, juga institusi kehakiman kita dalam konteks mereka untuk melihat daripada segi hukum ini. Maksudnya ruang-ruang yang mungkin berlaku penyalahgunaan, ataupun penyelewengan di peringkat perundangan. Satu segi daripada segi hukuman undang-undang itu tetapi bagaimanakah daripada segi pemerkasaan kehakiman dan juga pengamal undang-undang berkenaan dengan hukuman mati mandatori. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, daripada segi jawatankuasa ini dia ada dia punya *term of reference* (TOR). Kalau saya boleh mungkin sentuh sikit. Antara terma rujukan mereka adalah untuk menyemak dan mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman ataupun *sentencing policies* berdasarkan keputusan Jemaah Menteri yang menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Menyemak dan juga mengkaji implikasi moratorium, pelaksanaan sesi hukum mati, mengadakan sesi konsultasi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan menganalisis, mengunjurkan syor dan laporan bagi penambahbaikan hukuman gantian terhadap hukuman mati.

Jadi itulah antara *term of reference*. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu kemungkinan lah, saya tidak pasti sama ada benda ini akan diputuskan oleh jawatankuasa.

■1110

Cumanya Yang Berhormat dalam sesi *town hall* itu, memang banyak pandangan-pandangan diberikan dan pihak jawatankuasa akan mendengar semua dan akan mengambil kira semua. Sekian terima kasih.

[Soalan No. 9 – YB Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput) tidak hadir]

10. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa jumlah pertubuhan belia di Kuala Krai yang aktif dan tidak aktif; dan
- (b) berapa jumlah peruntukan yang disalurkan serta apakah kursus yang boleh membantu melahirkan pimpinan belia.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga September 2019, sebanyak 492 pertubuhan belia di negeri Kelantan direkodkan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Pendaftaran ini melibatkan sejumlah 47 pertubuhan belia di jajahan Kuala Krai dan sebanyak tiga pertubuhan belia di jajahan Kuala Krai telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia kerana kegagalan mematuhi keperluan seksyen 22, Akta 668 berkaitan penghantaran Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD).

Berdasarkan statistik tersebut, 44 pertubuhan belia di jajahan Kuala Krai dikategorikan sebagai masih aktif. Berhubung dengan pemberian dana di seluruh Malaysia melalui tabung persatuan, RM6.6 juta setakat ini telah pun diperuntukkan. Melalui Kumpulan Wang Amanah Sukan, RM23.9 juta telah pun diperuntukkan. Kalau kita campurkan jumlahnya, sekitar RM30 juta.

Untuk memastikan bahawa pentadbiran pertubuhan belia dapat ditambah baik, kementerian juga telah pun menyalurkan bantuan RM3,000 khususnya kepada pertubuhan belia dalam membantu pelaksanaan program Majlis Perundingan Belia Negara di peringkat jajahan Kuala Krai. Ini juga berkaitan dalam pelaksanaan Kursus Kepimpinan Organisasi (KPO) yang bertujuan melatih dan melahirkan pemimpin belia di kalangan ahli jawatankuasa dan pelapis kepimpinan pertubuhan belia berdaftar. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah terdapat penyelarasan di antara dalam kementerian ini untuk mengagihkan peruntukan di antara persatuan-persatuan belia, khususnya setelah Yang Berhormat Menteri mewujudkan *Youth Power Club* (YPC) kerana di peringkat jajahan ataupun peringkat daerah, telah pun wujud Majlis Belia daerah ataupun jajahan.

Tidakkah Yang Berhormat dengan wujudnya YPC ini yang merupakan saya tidak pasti adakah ia saingan terdekat kepada Majlis Belia Malaysia (MBM), akan menyebabkan belianya akan berpecah kepada kumpulan-kumpulan yang membimbangkan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua perkara di sini. YPC tidak boleh menggantikan MBM kerana MBM merupakan badan induk. YPC hanya merupakan salah satu pertubuhan belia yang berdaftar. Pada masa yang sama, semua pertubuhan belia perlu memohon dana mengikut pelaksanaan program yang akan diaudit setiap tahun.

Ini seperti jawapan yang telah pun saya berikan pada soalan nombor dua tadi, di mana kita bergerak daripada sistem peruntukan berdasarkan wang pentadbiran kepada wang pelaksanaan program. Akan tetapi wang pentadbiran bagi peringkat pertubuhan pusat tetap akan diteruskan kerana ia memang diperlukan tetapi di peringkat negeri dan di peringkat daerah akan ditukar kepada pelaksanaan program.

Cara permohonannya agak mudah. Pertama sekali kita telah pun pendekkan masa untuk memohon. Sebelum ini perlu memohon sekurang-kurangnya dua bulan sebelum perkara itu diluluskan tetapi kita sekarang kita dalam proses untuk memendekkan kepada tempoh masa sebulan. Pada masa yang sama, ia boleh dimohon melalui *online* juga dengan izin supaya semua pihak dapat memohon dengan cara yang agak mudah.

Jika mereka pernah melaksanakan program di peringkat akar umbi, mereka akan diberikan prioriti utama tetapi pada masa yang sama SOP telah pun diubah kerana kita ingin membawa pertubuhan-pertubuhan yang tidak konvensional juga untuk diberikan peluang untuk memohon dan juga individu yang berpengaruh. Sebagai contoh anak muda yang boleh mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa tetapi sebelum ini tidak boleh memohon di atas kapasiti individu tetapi perlu melalui NGO yang kini ada masalah duit tol yang perlu dibayar, atau *percentage* yang perlu dibayar yang akhirnya tidak disalurkan terus kepada individu tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

11. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah status program MyAPEC Youth Connect dan MyASEAN Internship; dan
- (b) adakah kerajaan bersedia meningkatkan program ini mencapai standard VIE International Internship Programme, Perancis.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dari *University of Cyberjaya (Cyberjaya University College of Medical Sciences)* seramai 87 orang. Selamat datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selamat datang, sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan, status program ini masih berterusan sehingga sekarang sejak daripada tahun 2015 dan penyertaan yang diperoleh sehingga sekarang sehingga 20 September 2019 seramai 458 bakat muda negara yang telah menyertai dan mendapat manfaat menerusi Program Mobiliti Bakat yang dijenamakan semula daripada program yang dimaksudkan oleh soalan Yang Berhormat tadi.

Dengan penyertaan dan sokongan lebih daripada 30 kementerian, agensi dan pemain industri negara dan antaranya ialah MITI, Panasonic, BDO, Maybank Berhad, CIMB, AirAsia, Sime Darby, KPMG, UUM, Axiata, Intel, IBM dan banyak lagi. Sehingga kini, untuk makluman bahawa kita hanya mampu untuk mengendalikan program ini dengan syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai operasi di luar negara. Ini untuk memberikan pendedahan kepada bakat-bakat muda ini tentang pemikiran perniagaan di peringkat global supaya mereka mampu untuk bersaing dan berdaya saing dengan orang-orang yang telah berjaya di peringkat dunia ini.

Berkaitan dengan soalan (b) itu, apakah kita akan bersedia meningkatkan program ini. Kita sentiasa terbuka jika terdapat bajet yang mencukupi kerana sehingga kini kita hanya mampu untuk memberikan sekadar tiket pergi balik kepada mereka dan juga proses untuk mendapatkan visa yang dapat dibantu oleh pihak kerajaan. Berbanding dengan apa yang dilakukan oleh Perancis dalam program ini sejak daripada tahun 2000 lagi sekarang ini sudah pun ada 70,000 peserta yang terlibat dengan Kerajaan Perancis sendiri menyediakan elaun untuk mereka yang terlibat.

Perancis sekarang ini sudah membuka kepada bakat-bakat bukan saja untuk negara Perancis dan syarikat daripada Perancis tetapi daripada syarikat-syarikat di *Europe*. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiawangsa ambil maklum tentang penjelasan, tentang kejayaan mobiliti bakat dan juga beberapa kekangan yang kita hadapi untuk mencapai standard VIE *International Internship Programme*, Perancis.

Setiawangsa inginkan kepastian memandangkan kita sudah menjenamakan semula program ini, kalau sebelum ini ia dinamakan MyAPEC YouthConnect dan MyASEAN Internship, jadi adakah Program Mobiliti Bakat ini diperluaskan kepada tidak dihadkan kepada hanya negara APEC dan ASEAN. Hal ini sebab Setiawangsa fikir, dengan itu negara kita dapat lebih banyak manfaat daripada pendedahan bakat-bakat kita kepada negara-negara yang lebih luas.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa satu cadangan yang sangat baik yang dikemukakan supaya kita dapat memperluaskan dan memang *insya-Allah* TalentCorp sentiasa terbuka dengan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dan kita sentiasa akan *update* daripada semasa ke semasa untuk memastikan *talent* kita ini, bakat-bakat yang ada dalam negara kita ini akan mendapat pendedahan yang lebih luas, *insya-Allah*.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah penanda aras yang diletakkan bagi memastikan program ini menyumbang kepada pengurangan pengangguran dalam kalangan belia dan bagaimana program ini dapat memberi manfaat dua hala kepada pemain industri tempatan atau lebih ke arah penyertaan syarikat antarabangsa semata-mata dan apakah pulangan yang akan diperoleh oleh negara kita. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Pertama sekali ialah berkaitan dengan kebaikan ataupun manfaat pelaksanaan program ini ialah meningkat kebolehpasaran graduan tempatan dengan nilai tambah selaras dengan keperluan tenaga bakat global.

■1120

Ini antara yang boleh kita lakukan. Yang keduanya ialah melaksanakan program *Structured Internship Program* (SIP) yang diterajui oleh Talent Corp dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan dan di bawah SIP ini, graduan akan mendapat pendedahan awal kepada dunia pekerjaan sebelum menamatkan pengajian supaya mereka lebih berdaya saing dan memiliki kemahiran yang memenuhi keperluan industri dan sehingga kini, seramai 76 ribu belia di kalangan pelajar universiti dan pelatih TVET telah menerima manfaat daripada program ini selepas kita mempertingkatkan lagi program-program ini.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya satu lagi soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya mengenai program *Fellow Perdana Corporate* yang dilaksanakan di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan, Menteriannya ada di sini. Dilihat mampu memberi tambah nilai kepada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dalam aspek pengambilan bakat muda yang *knowledgeable* dan *insightful*, dengan izin, daripada segi kepimpinan.

Soalan saya, melalui peruntukan khusus dalam Bajet 2020, adakah kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengenal pasti anak-anak muda yang berpotensi daripada program tersebut untuk diserap masuk sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di kementerian-kementerian ataupun ditempatkan di pejabat ketua eksekutif syarikat korporat multinasional di dalam negara. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Sebab itu dalam jawapan saya di awal tadi, kita telah pun menyebut iaitu kita bersama dengan berbagai-bagai kementerian yang terlibat dalam kerjasama ini, kolaborasi ini dan *insya-Allah* kita akan bekerjasama daripada semasa ke semasa termasuk dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk kita melihat di mana merupakan keperluan-keperluan yang terbaik untuk kita berikan kepada bakat-bakat kita, *insya-Allah*.

12. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah langkah kerajaan dalam merapatkan jurang antara negeri-negeri kaya dan miskin serta pendapatan penduduk luar bandar dan bandar seperti mana yang dirangka di dalam Dasar Kemakmuran Bersama.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dungun, tumpuan kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri. Ia adalah penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin berdasarkan konsep kemakmuran bersama atau, dengan izin, *shared prosperity*.

Wawasan Kemakmuran Bersama merupakan agenda nasional yang akan memandu hala tuju negara secara lebih holistik bagi tempoh 2021 hingga 2030 untuk menjadikan Malaysia

sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama, inklusif merentasi kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan. Pelaksanaan WKB akan diterjemahkan untuk tempoh 10 tahun dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13.

Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar atau, dengan izin, *decent standard of living* kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030 dengan memberikan fokus kepada usaha untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan merentasi wilayah termasuk negeri-negeri serta penduduk luar bandar dan bandar. Ini adalah penting supaya negeri-negeri kurang membangun dan golongan penduduk yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbelah dan keupayaan ekonomi mereka diperkasa.

Objektif kedua dalam WKB iaitu menangani jurang kekayaan dan pendapatan menumpukan usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan. Bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, tumpuan kerajaan adalah untuk mewujudkan aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pekerjaan berpendapatan tinggi yang menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan. Dalam konteks jurang antara wilayah termasuk negeri-negeri serta kawasan bandar dan luar bandar, kerajaan menyedari bahawa jurang pengagihan ekonomi bagi kawasan tersebut makin melebar.

Justeru, di bawah teras strategik keenam WKB iaitu Keterangkuman Wilayah, pemetaan kawasan titik panas ekonomi atau *economic hotspot*, dengan izin, akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikan di kawasan tersebut. Dalam teras strategik kedua, terdapat 15 cadangan aktiviti pertumbuhan ekonomi utama yang dikenal pasti. Antaranya ialah ekonomi digital dan pertanian pintar untuk mengembangkan dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi merentasi wilayah dan negeri.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin dan percaya bahawa usaha kerajaan untuk merapatkan jurang pembangunan merentasi wilayah dan negeri serta penduduk luar bandar dan bandar akan tercapai melalui pelaksanaan WKB ini. Dasar dan strategik serta pelan tindakan berkaitan sedang giat dirangka oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 pada tahun hadapan. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Kita telah melalui empat dasar wawasan negara. Yang pertama dengan Dasar Ekonomi Baru kemudian

Dasar Pembangunan Nasional kemudian Dasar Wawasan Negara yang melibatkan yang akhir Wawasan 2020. Lalu apakah telah ada rekod dan juga pangkalan-pangkalan data untuk menjadi keutamaan kepada Yang Berhormat Menteri dalam membuat penilaian bagi menyelesaikan jurang perbezaan di antara negeri dan juga rakyat dalam kawasan bandar dan luar bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Kita sedia maklum bahawa negara telah memperkenalkan beberapa dasar untuk membangunkan negara Malaysia seperti yang disebut sebelum ini Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Wawasan 2020. Akan tetapi dalam mana-mana wawasan ataupun dasar yang dibentangkan, ianya merupakan satu unjuran dan perancangan untuk satu tempoh jangka masa yang telah ditetapkan. Malangnya kita mendapati bahawa hasrat dan matlamat Wawasan 2020 ini tidak dapat dicapai dalam masa setahun yang akan datang. Namun, kita juga mengakui beberapa kejayaan telah pun dicapai di sepanjang tempoh pelaksanaan dasar-dasar yang kita cerakinkan tadi.

Maka untuk memastikan hasrat kerajaan dan aspirasi rakyat untuk melihat supaya kekayaan negara dan kemakmuran ini dapat dikongsi secara adil dan saksama, kita terpaksa *revise* balik atau menyemak balik unjuran-unjuran ini dan meletakkan satu sasaran baharu menjelang 2030 dengan memastikan pembangunan luar bandar itu diberikan keutamaan kerana setelah 60 tahun negara kita merdeka, kita masih lagi melihat tahap kemiskinan yang perlu diberikan perhatian di beberapa bukan sahaja negeri tetapi di peringkat daerah juga.

Kadangkala dalam satu negeri di antara daerah dengan daerah juga ada satu jurang yang besar yang perlu diberikan perhatian. Maka antara matlamat yang telah saya gariskan tadi bukan sahaja kita melihat usaha untuk merapatkan kesenjangan di antara negeri dan negeri tetapi di antara luar bandar dan bandar dan juga di antara daerah dengan daerah dan wilayah dengan wilayah dan juga kesenjangan pendapatan.

Angka-angka yang disebut oleh Yang Berhormat Dungun tadi memang kita ada. Sebab itu berdasarkan angka-angka dan pencapaian yang telah kita capai, kita perlu semak semula supaya hasrat WKB ini dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Kita yakin kali ini dalam tempoh 10 tahun, matlamat ini dapat dilaksanakan dengan penyertaan dan sambutan yang diberikan oleh rakyat. Seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak ada maknanya kita menawarkan satu dasar yang baik sekiranya tidak mendapat penyertaan daripada semua pemegang taruh dalam negara termasuk rakyat dan juga masyarakat perniagaan.

Jadi, saya berharap dasar ini dapat dilaksanakan dengan segera. Esok saya akan bertemu dengan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga peringkat negeri kerana anggota perkhidmatan awam merupakan satu pemegang taruh yang amat penting, tulang belakang kerajaan untuk memastikan dasar ini dapat diterjemahkan dalam bentuk program-program dan inisiatif di seluruh negara.

■1130

Jadi saya percaya pertemuan pagi esok dengan pegawai-pegawai kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri yang disusun oleh Persekutuan dapat memberikan pencerahan dan kita secara kolektif bersama-sama membangunkan negara dan memberikan kemakmuran kepada semua. Terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi mencapai Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama ini, adakah kerajaan telah membuat kajian bagaimana dapat dicapai untuk menyeimbangkan perkembangan ekonomi di antara wilayah dan juga di antara bandar dengan luar bandar. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang adanya penyertaan daripada semua pihak yang terlibat, merupakan kumpulan sasar dan pemegang taruh.

Selain daripada pegawai-pegawai kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri, apakah tindakan lagi untuk membolehkan mereka yang menjadi kumpulan sasar itu khususnya di luar bandar juga diambil kira pandangan mereka dan penyertaan mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya menyambut baik cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Memang seperti yang saya nyatakan di peringkat awal, antara langkah yang akan kita lakukan ialah untuk menterjemahkan WKB ini dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan kita bentangkan pada hujung tahun hadapan di Parlimen.

Untuk membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas ini kita telah memulakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh bukan sahaja di peringkat Persekutuan tetapi juga di peringkat negeri termasuk *civil society*, masyarakat perniagaan dan juga mereka di kalangan kumpulan minoriti supaya maklum balas ini dapat kita muatkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, selaras dengan hasrat dan matlamat WKB.

Sebelum ini, rancangan Malaysia lima tahun ini biasanya digubal di peringkat Persekutuan. Namun saya mengambil pendirian untuk mengambil maklum daripada peringkat kepimpinan negeri, termasuk negeri-negeri yang bukan di bawah pentadbiran Pakatan Harapan. Ini kerana saya merasakan kerajaan negeri mempunyai senarai keutamaan mereka untuk dikongsi dengan Kerajaan Persekutuan supaya pelaksanaan projek-projek dan program ini dapat berjalan dengan lancar dan teratur demi memberikan kesejahteraan kepada rakyat di negeri-negeri yang berkenaan. Terima kasih.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apakah halangan-halangan tertentu yang kementerian

dapati untuk kerajaan melaksanakan supaya program-program yang hendak merapatkan jurang kemiskinan ini dapat dicapai? Apakah projek yang besar yang telah dikenal pasti yang memberikan impak yang besar kepada rakyat bagi rakyat mempunyai peluang pekerjaan yang lebih banyak di dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Saya percaya Yang Berhormat Kuala Krau juga sedia maklum antara cabaran global hari ini adalah dengan pendekatan teknologi-teknologi baru yang menuntut kita khususnya generasi muda untuk segera mendakap teknologi-teknologi ini dan menterjemahkan dalam usaha kita untuk meningkatkan produktiviti dan hasil bagi negara dan juga keluarga masing-masing.

Sekiranya kita masih lagi mengambil pendekatan lama untuk menggunakan cara-cara tradisional, kita akan ketinggalan jauh di dalam persaingan di peringkat rantau dan juga peringkat global. Inilah antara cabaran kita sebab itu kerajaan dalam Belanjawan 2020 telah memperuntukkan sejumlah peruntukan yang cukup besar untuk melatih anak-anak kita dalam bidang TVET dan menggilap bakat dan *talent* mereka supaya anak-anak muda ini yang lebih cenderung kepada teknologi-teknologi baru ini dapat segera memenuhi permintaan industri dan juga ekonomi global pada hari ini.

Cabaran yang kedua ialah bagaimana kita dapat membangunkan masyarakat yang ingin melihat supaya pendekatan-pendekatan baru untuk meningkatkan produktiviti ini dapat disegerakan. Antara langkah yang telah kita laksanakan ialah mengadakan perbincangan secara terus dengan peneroka-peneroka FELDA, peserta FELCRA dan RISDA kerana mereka ini antara golongan terpenting yang telah menyumbang kepada ekonomi negara sebelum ini dalam industri komoditi khususnya getah dan kelapa sawit.

Saranan kita apakah peneroka dan peserta ini ingin terus kekal di tahap yang sedia ada ataupun generasi baru FELDA, FELCRA dan RISDA bersedia untuk mendakap teknologi-teknologi baru untuk menguruskan ladang-ladang mereka. Sekiranya persefahaman ini dapat dicapai, saya percaya semua pihak akan mendapat hasil yang lebih baik dan meningkatkan produktiviti masing-masing. Saya percaya dengan inisiatif-inisiatif yang kita perkenalkan dalam WKB termasuk Rancangan Malaysia Kedua Belas dapat memenuhi matlamat yang kita harapkan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi soal Jawab Lisan. Seterusnya usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.36 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri di No. 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 14 November 2019.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**PELANJUTAN TARIKH PEMBENTANGAN PENYATA BAGI JAWATANKUASA PILIHAN
KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019**

11.37 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“**Bahawa** Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang melalui ketetapan yang dibuat oleh Majlis pada hari Isnin, 7 Oktober 2019 hendaklah meneliti Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 dan membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak lewat daripada 18 November tahun ini;

“**Bahawa** Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang memerlukan lebih masa bagi membolehkan Jawatankuasa ini meneliti isu-isu yang menjadi perhatian awam dengan lebih menyeluruh dan mendalam sebelum menyedia dan membentangkan penyatanya kepada Dewan ini; dan

“**Bahawa** Majlis membuat ketetapan melanjutkan tarikh bagi Jawatankuasa Pilihan Khas ini membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak lewat daripada hari Isnin, 25 November 2019”.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokong? Ada sokong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah perkara 1 tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Keenam]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

■1140

Tuan Pengerusi: Seperti biasa Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2020 untuk Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dua kementerian.

Had tempoh masa perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dihadkan juga seperti biasa selama 10 minit sahaja bagi setiap Ahli Yang Berhormat untuk berbahas. Tertakluk kepada masa, kita kurangkan ke lima minit kalau terlalu ramai orang yang hendak berbahas. Sekian, terima kasih.

Had masa untuk Yang Berhormat Menteri untuk menjawab juga seperti biasa, dalam lingkungan 60 minit.

**Maksud B.20 [Jadual] -
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli terbuka untuk dibahaskan. Saya menjemput Yang Berhormat Rembau.

11.41 pagi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sentuh Kepala Pembangunan, Butiran 030000 - Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Di bawah kerajaan sebelum ini, kita telah mewujudkan *Central Forest Spine- CSF Master Plan* pada tahun 2005 untuk membentuk rangkaian hutan perlindungan yang bersambung melalui pembentukan 10 koridor ekologi bagi kepentingan pemeliharaan dan restorasi biodiversiti kehidupan liar dan alam sekitar.

Peraka ini sangat-sangat diperlukan memandangkan jumlah keluasan hutan di Semenanjung telah berkurangan dengan begitu ketara sekali dan juga CSF ini juga merupakan pusat tadahan air kepada lebih daripada 90 peratus penduduk di Semenanjung. Lebih-lebih lagi kita melihat ribuan hidupan liar telah terbunuh ketika melintasi lebuhraya, sebab itu kita mewujudkan koridor ekologi tersebut. Kita juga telah mewujudkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan- *National Biodiversity Plan* tahun 2016-2025.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah perkembangan semasa *Central Forest Spine Master Plan*, serta *National Biodiversity Pelan*? Ini memandangkan isu kematian pelbagai hidupan liar terutamanya disebabkan kemalangan di lebuhraya semakin banyak dilaporkan.

Selain itu, Ketua Polis Negara pada bulan lepas telah mengeluarkan kenyataan bahawa terdapat orang-orang kenamaan, VVIP yang menjadi dalang serta terlibat dalam aktiviti pemburuan hidupan liar. Saya ucapkan tahniah kepada pihak PERHILITAN dan juga polis kerana baru-baru ini dalam Operasi Bersepadu Khazanah, seramai 47 pemburu haram telah pun ditahan.

Saya juga mengambil maklum Menteri sebelum ini juga telah menyatakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, akan dipinda bagi mengatasi masalah pemburuan haram dengan memasukkan hukuman penjara mandatori.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bilakah jangkaan pindaan kepada akta itu akan dibuat? Sejauh manakah keyakinan pihak kementerian bahawa pindaan ini benar-benar mengekang masalah yang wujud pada ketika ini?

Dan juga, apakah perancangan dari segi penguatkuasaan seperti mana kejayaan Operasi Bersepadu Khazanah untuk kita memastikan bahawa pemburu-pemburu haram ini

terutamanya yang datang daripada luar negara, dapat diambil tindakan terhadap sindiket dan juga kumpulan-kumpulan tersebut?

Kepala maksud Butiran 040000 – Pembangunan Air. Pada bulan September yang lepas, Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan kadar baharu tarif air di semua negeri akan diumumkan pada penghujung tahun ini selepas mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri. Penetapan kadar baharu ini menerusi mekanisme penetapan tarif air iaitu Mekanisme Penetapan Tarif atau *Tariff Setting Mechanism*- TSM yang dilaksanakan oleh SPAN melibatkan cadangan kenaikan antara 6 sen hingga 71 sen bagi setiap seribu liter penggunaan.

Adakah kenaikan yang dicadangkan ini telah mendapat kata putus daripada Jemaah Menteri? Sekiranya Jemaah Menteri telah bersetuju, berapakah kadar tarif akhir yang telah ditetapkan mengikut jenis penggunaan domestik dan industri bagi setiap negeri? Yang pasti kita sangat-sangat menantikan kenaikan tarif air ini dan kita hendak tahu sama ada satu keputusan muktamad telah pun dibuat oleh Jemaah Menteri.

Kepala maksud Butiran 020200 - Ukur dan Pemetaan Malaysia. Buat masa ini Malaysia telah memuktamadkan sempadan maritim dan perairan antarabangsa sepanjang 3,990 kilometer. Akan tetapi pengukuran dan pemetaan ini hanya melibatkan sempadan Malaysia bersama negara-negara lain.

Pada masa ini, Malaysia masih tidak mempunyai sempadan maritim, perairan antara negeri di Malaysia yang muktamad. Ini juga merupakan alasan yang telah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan apabila urusan pembayaran royalti minyak bagi beberapa negeri tidak dapat dipenuhi. Sebelum ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah menyatakan bayaran royalti minyak daripada 10 lapangan pengeluaran minyak tidak akan dibayar kepada Kelantan, Terengganu, dan Pahang selagi kerajaan belum dapat menentukan persempadanan perairan antara ketiga negeri terbabit. Ini adalah kenyataan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Susulan itu, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk melaksanakan pemetaan sempadan perairan dalam tempoh terdekat bagi mengatasi isu yang wujud agar perkara berhubung dengan tuntutan royalti ini dapat diselesaikan sepenuhnya. Saya percaya isu yang berterusan hanya akan menyebabkan perkara yang sama terus berulang pada masa hadapan, seolah-olah tiada penghujung kepada isu royalti ini. Saya berharap salah satu daripada sebab yang diberikan iaitu sempadan perairan antara negeri dapat diselesaikan dan mungkin Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan tentang perkara tersebut.

Sempadan antarabangsa darat. Bagi sempadan antarabangsa darat yang mana Malaysia berjiran secara langsung dengan Brunei, Indonesia, dan Thailand, sejumlah 74 peratus ataupun 2,431 kilometer daripada keseluruhan 3,257 kilometer panjang daratan telah berjaya dimuktamadkan. Selebihnya, iaitu sekitar 826 kilometer yang melibatkan sembilan kawasan masih lagi dalam proses rundingan berikutan terdapat tuntutan wilayah antara negara-negara terbabit.

Kerajaan perlu segera memuktamadkan sempadan antarabangsa ini kerana ianya melibatkan faktor-faktor keselamatan dan juga isu *jurisdiction*, dengan izin, penguatkuasaan dan agensi-agensi yang berkaitan termasuklah berkaitan imigresen, pencerobohan dan pemantauan aktiviti penyeludupan. Adakah telah diwujudkan garis masa daripada kementerian untuk menyelesaikan tindihan tuntutan antara negara yang terlibat, serta adakah terdapat mana-mana wilayah darat yang memerlukan Malaysia dan juga negara terlibat untuk menyelesaikan tuntutan ini di peringkat Mahkamah Tetap Timbang Tara Antarabangsa seperti yang kita telah bawa beberapa kes wilayah yang bertindih di kawasan lautan dan maritim kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching. Silakan.

11.48 pagi.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan mengambil masa yang lama, saya cuma ada beberapa perkara.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh Butiran 14500 - Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir, dan Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar.

Saya sebenarnya ingin bertanya tentang status Projek PSLB di Sungai Sarawak. Saya hendak berterima kasih kepada kementerian kerana memperuntukkan RM150 juta untuk projek mitigasi ini yang melibatkan sembilan kawasan di kawasan Bandaraya Kuching. Namun begitu, saya ingin bertanya sekali lagi tentang *timeline* yang ada sebab saya telah diberitahu- saya telah berjumpa pihak DID dan telah diberi satu *briefing* di mana mereka bercakap pada bulan ini, November tahun 2019, satu proses lantikan perunding akan disiapkan. Jadi saya hendak tanya, adakah lantikan tersebut telah dilakukan?

Selain itu, kerja-kerja *plan and design*, kerja ukur, pengambilan balik tanah, semua akan dilakukan bermula tahun depan sehingga bulan Mac tahun 2021. Cuma, selepas itu kerja-kerja fizikal dapat dilakukan. Saya hendak tanya bolehkah proses ini dipercepatkan? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk memastikan tidak ada lagi tundaan ataupun *delay*.

Janganlah, jangan, jangan, jangan *delay*, ini kerana rakyat Sarawak di kawasan saya telah tertunggu-tunggu projek ini untuk mengatasi masalah *flash-flood* yang kronik termasuk Hospital Umum Sarawak. Kita semua tahu, projek PLSB ini tidak dapat menyelesaikan semua masalah *flash-flood* di Bandaraya Kuching dan yang lebih diperlukan ialah untuk menyiapkan projek RTB seluruh Bandaraya Kuching. Saya diberitahu masih ada enam kilometer sungai yang haruslah dilakukan projek tebatan tersebut.

Jadi saya berharap mungkin dalam *the next Malaysia Plan*, peruntukan lebih dapat dipertingkatkan untuk merangkumi tempat-tempat seperti *Happy Valley*, Desa Wira, Sungai Maong Kanan, Sungai Maong Kiri yang akan *help* untuk kawasan Laksamana Cheng Ho dan juga *Iris Garden*. Terima kasih.

Selain itu, Butiran 29000 – Rancangan Bekalan Air Sarawak. Saya nampak di sini ada kenaikan sedikit sebanyak RM40 juta melalui pinjaman. Jadi saya hendak tanya secara terperinci, bagaimana peruntukan ini dapat dilakukan? Di mana tempat yang dikenal pasti untuk melakukan projek ini? Juga, bagaimana dinamik kerjasama bersama kerajaan negeri untuk mengenal pasti isu-isu yang harus ditangani dan tempat-tempat di mana projek ini harus dilakukan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

11.51 pg.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi bagi ruang kepada saya bagi mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan peringkat Jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Saya ingin merujuk terus kepada Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan catuan tebang tahunan hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan kepada catuan tebang tersebut, saya mohon pihak kementerian menjelaskan had tebang yang telah dilakukan oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia sepanjang tempoh RMKe-11. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan negeri-negeri yang telah berjaya mengekalkan persijilan MS ISO 9001.

Di sini saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan khususnya yang telah pun berjaya mengawal had tebang hutan sebagaimana yang diperuntukkan. Kalau kita lihat dari segi laporan yang kita ada, mendapati Kelantan telah pun berjaya mengawal tebang hutan tersebut kepada had yang dibenarkan. Oleh kerana itu, mungkin dapat penjelasan berhubung dengan keseluruhan negeri-negeri yang telah berjaya mengikuti had piawai tebang hutan yang telah ditetapkan.

Keduanya ialah Butiran 040000 – Pembangunan Air. Saya ingin mendapat perincian mengenai statistik setiap negeri yang mengalami masalah margin simpanan bekalan air terawat. Kita dapati bahawa kita mempunyai simpanan air yang besar. Yang telah saya sebut dalam perbahasan semalam ialah berhubung dengan Empangan Kenyir, sebagai contoh, yang mempunyai sumber air yang sangat banyak dan tidak dimanfaatkan semaksimum mungkin.

Saya fikir satu mekanisme perlu dilihat atau dicari bagaimana untuk kita memanfaatkan sumber air yang begini besar. Sama ada kita boleh jual ke negara-negara luar termasuk Singapura dan negara-negara jiran yang lain ataupun kita memanfaatkan air yang begini banyak.

Di waktu yang sama, kita dapati isu beberapa buah negeri yang berdepan dengan masalah banjir. Saya ingat mungkin mohon sekali lagi pertimbangan pihak kementerian untuk memikir secara serius isu banjir yang berlaku di Kelantan. Banyak kali dalam Dewan ini kita telah mengemukakan cadangan supaya suatu kajian kepentingan untuk disegerakan pembinaan empangan air di Kelantan bagi menakung air khususnya di Sungai Lebir. Saya fikir kalau ikut kajian, ia boleh menyelesaikan hampir separuh daripada isu banjir yang berlaku di Kelantan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada isu berhubung dengan Butiran 030400 – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Kita ingin dapatkan penjelasan, hingga setakat ini, berapa banyak hutan yang telah pun ditebang dan ditanam semula? Sebab kalau kita lihat, hutan simpan kekal yang ada di Malaysia sebagaimana yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Rembau dan sebagainya tadi, sebahagian besar hutan-hutan kita telah pun ditebang. Perlunya satu kawalan terhadap penebangan hutan ini dan tindakan mesti diambil kepada mana-mana negeri yang melanggar had tebang.

Di waktu yang sama, negeri-negeri yang telah pun mempunyai *reserve*, sebagai contoh Pahang, Kelantan, Terengganu, dia ada *reserve* taman negara yang menyebabkan mereka tidak dapat mengeluarkan hasil hutan kerana kawasannya telah di-*reserve* sebagai hutan ataupun taman negara.

Persoalan saya ialah apa mekanisme Kerajaan Pusat untuk mengganti kepada negeri-negeri yang tidak boleh mengeluarkan hasil kerana digazet sebagai taman negara? Saya fikir Kelantan, Pahang dan Terengganu antara negeri yang banyak hilang sumber pendapatan kerana *reserve* taman negara tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030200 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Baru-baru ini negara dikejutkan dengan insiden tangkapan oleh pihak renjer hutan. Seramai 30 orang yang masuk, mereka ini berkelah di kawasan hutan di Jerantut. Kenderaan mereka disita dan mereka dikenakan caj kerana tidak memiliki permit untuk masuk. Saya mengalu-alukan tindakan tersebut tetapi perlu kita ingat bahawa di waktu yang sama, rakyat kita sekarang ini berdepan dengan masalah tidak ada kawasan rekreasi yang selesa dan mereka pergi— sebab yang ditangkap ini ialah penduduk kampung yang berada di sekitar itu. Mereka pergi bawa keluarga pergi berkelah dalam kawasan hutan yang air terjun, air sungainya jernih. Kita dapati kalau di luar ini, masalah besar. Kita tidak dapat tempat air yang jernih. Mereka hanya berkelah di kawasan tersebut.

Memang kita akui untuk bayar permit satu kenderaan yang masuk dicaj RM100 dan setiap orang dicaj, saya difahamkan RM10 seorang. Ini jadi satu bebanan kepada mereka untuk pergi mendapatkan permit semata-mata untuk masuk berkelah, mandi, kemudian keluar. Tetapi mereka ditahan. Saya fikir satu ruang perlu diberi kepada rakyat kita yang daripada Kuala

Lumpur, daripada bandar yang kadang-kadang bersama dengan keluarga untuk pergi berkelah di kawasan-kawasan yang memang kawasan *reserve* hutan, kita akui. Sebab itulah sumber air jernih yang masih ada.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 08601 – Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai di Persisiran Pantai (JPSM). Saya fikir bahawa perlu satu mekanisme atau satu akta yang perlu dibuat supaya hutan bakau ini memang dijadikan kawasan yang tidak boleh ditebang sama sekali terutama di kawasan pinggir pantai. Selain daripada ia menjadi pengawalan kepada isu hakisan, ia juga menjadi pengawal kepada isu keselamatan bentang pertahanan negara. Kita dukacita, setengah-setengah kawasan pantai ditebang hutan bakau dan dijadikan kawasan padang rekreasi, padang golf dan sebagainya, dan manfaatnya kita dapati bahawa ia jadi satu ancaman kepada biodiversiti negara.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 20000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan. Saya tengok dalam laporan ini, pada tahun 2019, sebanyak RM8.7 juta diperuntukkan tetapi pada tahun 2020 hanya RM1 juta sahaja. Pengurangan yang sangat besar, sedangkan isu yang berlaku di Kelantan ialah isu masalah air ini yang sering kali ditimbulkan. Saya fikir perlu dilihat kembali tentang bajet ini supaya satu mekanisme dapat kita cari bagaimana untuk diberi keutamaan kepada negeri-negeri yang berdepan dengan masalah isu air dan sebagainya.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam. Khususnya kawasan Kubang Kerian, saya ingin melihat— dalam pemantauan yang saya buat, didapati banyak sungai-sungai yang sudah pun ditumbuhi dengan pokok-pokok, air sungai yang tidak mengalir dan ia menjadi masalah bila musim tengkujuh. Berhubung dengan rancangan ini, saya lihat bahawa ada keperluan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran memberi perhatian kepada sungai-sungai utama yang makin hari makin banyak pokok-pokok yang tumbuh dan perlunya suatu pembersihan sungai-sungai tersebut.

■1200

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya terkejut juga dalam laporan ini berhubung dengan perbezaan sesetengah negeri berhubung dengan Rancangan Bekalan Air Negeri. Sebagai contoh negeri Terengganu, pada tahun 2019 diperuntukkan sebanyak RM300 ribu tetapi pada tahun hadapan sebanyak kosong. Ada beberapa buah negeri yang kosong termasuk Sarawak. Dan ini saya fikir satu mungkin- saya rasa pelik sebab Sarawak juga berhadapan dengan masalah air. Sabah, Sarawak menghadapi masalah air yang serius tetapi peruntukan diberi kepada bekalan air negeri ini tidak ada- kosong. Berbanding tahun 2019 sebanyak RM80 juta diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, untuk akhirnya, saya juga ingin menyentuh soal kawalan terhadap Butiran 040100 – Pengurusan Air. Berhubung dengan isu besar yang berlaku di setiap negeri, kita dapati punca besar ialah masalah air yang tidak dijual yang perlunya satu peruntukan besar. Saya merujuk kepada kes di Kelantan. Banyak paip-paip lama yang perlu ditukar. Memang negeri tidak mampu memperuntukkan jumlah yang besar begini dan satu peruntukan perlu

dipertimbangkan bagi mengganti paip-paip lama supaya kebocoran, ketirisan air ini dapat dibendung, dan penduduk mendapat bekalan air yang sempurna.

Tuan Pengerusi, saya fikir itu beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat.

12.01 tgh.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Maksud Bekalan 23, Butiran – 020100 Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Di mana saya mendapati ada kenaikan sebanyak hampir RM30 juta. Saya mengucapkan tahniah. Akan tetapi pada masa yang sama saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri khususnya mengenai projek-projek tebatan banjir. Saya mendapati tidak mencukupi daripada segi kewangan untuk Sungai Siput di Jementah Segamat. Saya harap ia dalam Rancangan Malaysia Ke-12, *Rolling Plan 1*, ia akan dimasukkan.

Butiran 020200 – Ukur dan Pemetaan Malaysia. Saya mendapati- saya juga menyambut baik hampir terdapat sebanyak RM30 juta kenaikan. Akan tetapi, adakah ia memadai kerana saya mendapati kadang-kadang projek-projek seperti- kadang-kadang pembangunan sekolah pun disebabkan Jabatan Ukur dan Pemetaan dia sibuk dan sebagainya, ini makna kadang-kadang ambil selama setahun lebih, hampir dua tahun untuk mereka ukur tanah itu sendiri. Contohnya, Projek Sekolah Jenis Kebangsaan Jementah, Sungai Muar di mana kementerian telah pun membeli empat ekar tanah dan telah pun luluskan dan juga sebagainya. Akan tetapi, menunggu jabatan berkenaan untuk melaksanakan tanggungjawab. Saya harap Yang Berhormat sendiri akan memberi sedikit perhatian kepada ini, agar meminta jabatan berkenaan negeri Johor untuk mempercepatkan.

Mengenai Butiran 020400 – Pengairan dan Saliran. Ini mengenai masalah banjir. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana JPS negeri telah pun meluluskan hampir RM1 juta untuk menyelesaikan masalah parit yang melalui sungai. Jikalau ia tidak dibuat ia hanya boleh digunakan pada masa waktu-main polo air sahaja. Akan tetapi terima kasih kerana setelah sekian lama Yang Berhormat Menteri telah pun melalui JPS negeri meluluskan. Apa yang baik saya katakan baik, mana yang harus diperbaiki, saya akan kata harus diperbaiki.

Butiran 14500 – Menaik Taraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir. Apa yang saya baca berkenaan dengan tadi, saya juga mengambil kesempatan ini- dan saya juga banyak mendengar daripada Yang Berhormat Rantau Panjang, dan sedara mara kita daripada Kelantan. Mereka mempunyai masalah yang besar. Saya yakin Yang Berhormat Menteri juga akan membawa perkara ini bersama-sama dengan masalah RTS di Sungai Siput, Segamat tadi.

Butiran – 15300 Mengorek Kuala-kuala Sungai. Ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai lesen-lesen yang dikeluarkan oleh kementerian di mana saya harap ini akan dilakukan secara adil, terbuka dan juga secara *transparency* untuk mengelakkan fitnah daripada pihak ketiga, daripada wujudnya gejala-gejala rasuah ataupun salah guna kuasa ataupun pilih kasih dan sebagainya. Ini kita harus menunjukkan contoh kepada semua.

Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya juga telah menyentuh tadi.

Butiran 06400 – Rancangan Bekalan Air Negeri Johor. Saya mendapati- bergantung kepada anggaran projek yang lepas, pada masa ini hanya diberikan sebanyak RM50 juta- saya rasa mungkin kerana projek itu telah hampir siap dan sebagainya. Ataupun dalam fasa terakhir. Akan tetapi, saya ingin merekodkan bahawa kenaikan itu adalah satu yang macam hampir-sangat kurang sekali. Pada masa yang sama saya juga ingin merekodkan untuk rakyat negeri Johor bahawa sebagai Ahli Parlimen Segamat tidak bersetuju untuk kementerian menaikkan tarif air untuk negeri Johor kerana pada masa ini negeri Johor bayar yang tertinggi sekali hampir RM1.60. Maka kalau ia untuk kenaikan negeri Johor, maka diminta negeri-negeri lain pun sampai ke paras yang sama.

Yang Berhormat Menteri sendiri telah menyatakan dalam MQT semalam- panjang lebar bahawa Kerajaan Singapura membeli air dengan murah, dia beli daripada Johor, tidak akanlah Johor bayar begitu banyak sekali. So, saya rasa sebagai bangsa Johor ini adalah tanggungjawab saya untuk membawa ini kepada kementerian agar kementerian akan berfikir secara mendalam sebelum membuat keputusan kenaikan. Saya yakin Yang Berhormat Ayer Hitam juga akan bersetuju, kita sama-sama bangsa Johor, tanggungjawab kita untuk memperjuangkan hak rakyat di negeri Johor.

Masalah air juga- kita mendapati contohnya di perkampungan Kampung Paya, Gelang Cincin dan juga sebagainya ini adalah di bawah DUN Buluh Kasap. Kita mendapati sering kali musim tengkujuh dia banjir. Akan tetapi, apabila musim perayaan seperti Hari Raya dia tidak ada air, maka terpaksa dibekalkan. Ini bukan berlaku sekarang, sudah hampir selama 20 ia berlaku dan ada juga madrasah di mana kita dapati tidak ada air sehingga sekarang, harus diberikan.

So, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri membuat satu pemikiran luar kotak di mana, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini. Ini kerana saya yakin ia hanya merupakan daya pemikiran dan juga komitmen untuk menyelesaikan masalah. Ini kerana loji Kampung Paya ini akan disiapkan tidak lama lagi walaupun ini di belakang *schedule*...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya memberi laluan kepada Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Segamat.

Tadi berkaitan dengan air yang kita salurkan ke *Singapore* daripada Johor. Jadi, kita hendak minta kementerian yang terlibat. Bolehkah pihak negeri Johor hanya menjual air ke Singapura untuk kegunaan Singapura. Tidak perlu kita beli balik, untuk kita- kegunaan negeri Johor ini, kita yang proses sendiri, kita bina pemprosesan itu dan kita jual. Ini akan boleh mengurangkan sedikit penjimatan kita dari segi penggunaan air dan juga kita boleh mengurangkan pengaliran pembayaran wang keluar. Ini kerana kita beli air daripada *Singapore*, air itu daripada kita diproses di *Singapore* dan dibeli balik. Kenapa kita tidak proses sendiri untuk kegunaan sendiri. Itu sahaja, minta pandangan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya mohon ia dimasukkan jadi sebahagian daripada ucapan saya. Ia merupakan satu cadangan yang bagus. Akan tetapi malangnya kerajaan yang sebelum ini, apabila kita ada peluang untuk memperbetulkan kontrak ini pada tahun 80-an, mereka tidak buat. Saya tidak tahu mengapa mereka tidak buat tetapi saya tidak mahu- saya biarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan boleh Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, setahu saya pada tahun 1987, ketika itu di bawah Perdana Menteri Keempat iaitu Yang Amat Berhormat Langkawi dan beliau yang membuat keputusan tidak- okey, menaikkan kadar. Jadi apa pandangan dan penjelasan Yang Berhormat kerana PM keempat adalah PM ketujuh juga. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Itu lah anugerah Tuhan- PM keempat, PM ketujuh yang terbaik untuk Malaysia. Akan tetapi pada masa yang sama, pada masa itu PM keempat membuat keputusan sebagai Pengerusi Barisan Nasional. Kepentingannya adalah setelah berbincang dengan Kabinet yang merupakan rata-rata adalah Kabinet Barisan Nasional.

Akan tetapi pada masa kini, apabila beliau sebagai Perdana Menteri dan juga sebagai Pengerusi Pakatan Harapan, duduk bersama dengan Kabinet Pakatan Harapan, cara pemikiran adalah untuk menyelesaikan masalah... [*Dewan riuh*] Yang baik kita perhalusi. Saya tidak salahkan- yang baik kita perhalusi...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat tengoklah Parlimen Singapura apa yang dia cakap, semua Yang Amat Berhormat Langkawi yang buat, okey. Dialah yang kena disoalkan. Daripada segi undang-undang pun sudah lepas tempoh itu. Okey, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Ayer Hitam, saya faham, kita sama-sama suka dengan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ayer Hitam bertanding di sanalah.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Kita sama-sama suka *Singapore* tetapi pada masa yang sama walaupun saya penyokong kuat *Singapore*, banyak perkara yang baik saya kata, lihat

pada *Singapore*, pendidikan dan juga sebagainya, tetapi dalam isu air ini, saya yakin *Singapore* harus berfikiran waras kerana apabila terdapat *lopsided agreement*, ada kalanya walaupun mereka mempunyai kedudukan di atas tetapi mereka haruslah faham atas kepentingan bangsa Johor, dan sebagainya, mereka harus berfikir balik, tetapi tidak salah.

Banyak perjanjian dalam korporat, kadang-kadang apabila kita ambil alih perjanjian itu telah ada. Maka kita harus bincang. Ada yang boleh dicabar di mahkamah tetapi kalau tidak boleh dicabar di mahkamah, maka kita harus bincang, kita harus pujuk. Ini perkara-perkara merit, dan mungkin ada di antaranya ada yang kita memberi dan kita menerima kembali.

■1210

Ini merupakan suatu teknik politik. Saya yakin Yang Amat Berhormat Langkawi ini pakar dalam bidang ini maka saya tidak mahu sentuh, ini biarkan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri menjawab. Tidak adillah. Dia Yang Berhormat Menteri kan, takkan saya hendak jawab bagi pihak dia tetapi memandangkan..

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Boleh, boleh, boleh.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih. Saya dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk menyertai dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini. Saya pulangkan balik 1 minit 20 saat, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Segamat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi. Sila.

12.10 tgh.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *Cool, cool, cool*, Yang Berhormat Segamat, *cool*. Selalu *cool* hari ini lain sedikit. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta rakan-rakan tolong jangan ganggu saya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Mah, tudung itu betulkan sedikit, Mah. Tudung, tudung.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya ingin merujuk Yang Berhormat Menteri terima kasih. Hari ini Yang Berhormat Menteri datang, memang saya tunggu Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada Butiran 06400. Saya pun tidak tahu hendak masuk dekat mana Yang Berhormat Menteri. Jadi saya nampak Rancangan Bekalan Air Negeri Johor. Yang Berhormat Menteri amat faham dengan masalah yang saya hendak bangkitkan ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak maklumkan ini masalah gangguan bekalan air yang dialami di kawasan saya. Ia melibatkan tiga rancangan, tiga FELDA dalam Gugusan Lok Heng, tiga FELDA dalam Gugusan Waha, dua FELDA dalam Gugusan Aping, sembilan belas perkampungan Yang Berhormat Menteri. Isunya loji rawatan air Lok Heng, *raw water intake* di Sungai Sedili Kecil ada 4,004 akaun pengguna.

Kerajaan negeri sudah bina tiga *tube well* tetapi hanya mencapai kepada 0.9 mmlld *million meter per day* sedangkan keperluan sebenarnya ialah 6 mmlld. Apa yang saya harapkan, isu yang selanjutnya terdapat dua loji air, Yang Berhormat Menteri. Pengerusi SPAN sudah turun saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Klang kerana Pengerusi SPAN sudah turun dan saya percaya Yang Berhormat Menteri sudah arahkan kepada beliau untuk turun pergi tengok kepada isu ini dan beliau pun sudah turun.

Jadi terdapat dua loji air yang melibatkan loji air Lok Heng yang membekalkan air ke Gugusan FELDA Lok Heng yang menjejaskan 4,004 akaun pengguna yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat Menteri tadi. Manakala loji air Sungai Gembut pula membekalkan air ke FELDA Aping Barat, Aping Timur, Kampung Gembut Cina, Bandar Seri Perani, Sedili Kecil, Kampung Mawai, Kampung Gembut, Kampung Sayang dan Kampung Teluk ia menjejaskan sebanyak 6,041 akaun pengguna.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri, saya sudah sebut tadi kerajaan negeri sudah keluarkan peruntukan lebih kurang RM500,000 bina tiga telaga *tube well* di FELDA Lok Heng Selatan tetapi ia tidak mencukupi kepada keperluan yang dia perlukan. Jadi saya harap Tuan Pengerusi, supaya Yang Berhormat Menteri dapat tolong saya Yang Berhormat Menteri. Saya kasihan dengan rakyat saya ini. Masalah ini rupanya sudah lama, saya baru dalam kawasan ini dan masalah ini sudah berpanjangan, itu yang pertama.

Kedua Tuan Pengerusi, menyentuh kepada Butiran 14500 – Tebatan Banjir di Bandar Kota Tinggi. Ini tentang isu masalah banjir kilat yang memang tiap kali akan berlaku di Batu Tiga Jalan Mawai, di Batu Satu Jalan Mawai, di Taman Aman Jalan Lukut. Puncanya ialah kerana cetek Sungai Pemandi. Sungai Pemandi cetek dan bila itu berlaku ia sebabkan aliran air yang banyak di atas jalan, yang ini pun saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk membantu saya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 13500 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Isu saya Yang Berhormat Menteri, muara Sungai Sedili Besar ini ia berakhir di Lautan China Selatan dan sungai ini juga adalah merupakan tumpuan utama pergerakan keluar-masuk bukan sahaja nelayan-nelayan laut tetapi termasuk bot agensi penguatkuasaan seperti LKIM, APMM dan sebagainya.

Jadi, apa yang saya harapkan daripada Yang Berhormat Menteri supaya sungai ini dapat dibantu untuk diuruskan supaya pedalamannya secara tidak langsung akan dapat melancarkan lagi pergerakan nelayan-nelayan laut saya dan juga agensi-agensi penguat kuasa yang saya sebutkan tadi.

Terakhir Tuan Pengerusi,

[Dewan riuh]

Ada 5 minit lagilah. Butiran 14500 – Menaik taraf infrastruktur dan saluran bandar tebatan banjir. Saya ucapkan terima kasih kerana kementerian telah pun bina baraj pada tahun 2013 berhampiran dengan loji air PUB di Kampung Panti tetapi ia menyebabkan kekerapan berlakunya

banjir kilat setiap kali air pasang besar dan ditambah pula Kota Tinggi ini mewah dengan air hujan kalau hujan lebat.

Kawasan ini kerap dilanda banjir contoh di Jalan Niaga Utama yang menempatkan banyak peniaga-peniaga gerai muafakat Kota Tinggi dan sebagainya dan juga di persimpangan lampu isyarat. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat bantu saya supaya dapat membina agaknya pintu air automatik, *automatic tidal gate* di Sungai Bang dan juga di Pam Sam yang ada di Jalan Niaga. Saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu saya, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu yang pohon lebih awal.

12.16 tgh.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 13400 – Pembangunan Sumber Air, Butiran 14500 – Menaik taraf infrastruktur dan saluran bandar tebatan banjir, dan Butiran 14600 – Kajian Pra-Kemungkinan. Untuk butiran-butiran di atas, saya ingin bangkitkan cadangan membina empangan di Tawau dan empangan di Papar.

Dua cadangan empangan ini adalah projek-projek untuk pembangunan sumber air yang dicadangkan di Sabah. Persoalannya sekarang, adakah pembinaan empangan diperlukan? Bagi saya ianya bergantung kepada situasi dan keperluan. Kerajaan seharusnya membina empangan sekiranya berlaku situasi kelangsaan bekalan air adalah amat bermasalah.

Sebagai contoh di Tawau, saya amat bersetuju bahawa empangan seharusnya dibina kerana pada musim kemarau paras air sungai adalah sangat rendah sehingga catuan air diperlukan tetapi masa musim tengkujuh pula air sungai terlalu banyak sampai melimpah di tebing sungai sehingga berlaku banjir di kawasan Bandar Tawau.

Ini adalah situasi yang agak ekstrem dan di sini saya ingin menggesa kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan empangan air di Gudang Empat di Tawau, Cinta Mata bagi menyelesaikan dua masalah iaitu masalah banjir dan masalah kekurangan air yang dihadapi oleh kawasan sekitar Daerah Tawau termasuk Bandar Tawau, Palong dan Apas.

Pada musim tengkujuh, banjir kilat sering berlaku akibat dua faktor utama iaitu hujan lebat yang bertembung dengan air pasang dari sungai menyebabkan paras air naik. Banyak mangsa banjir kilat ini termasuk yang berlaku di Kalabakan. Manakala pada musim kemarau, saya difahamkan bahawa bekalan air di Daerah Tawau pada musim kemarau adalah serendah 16 juta liter sehari yang tidak termasuk kecurian air.

Saya difahamkan bahawa pada musim kemarau, penduduk di Daerah Tawau tidak mempunyai pilihan lain untuk mengambil bahagian selain daripada mengambil bahagian dalam aktiviti catuan air yang kadang-kadang berada di antara lima dan tujuh hari disebabkan paras air sungai yang jatuh kepada 0.8 liter. Tiga penyelesaian jangka pendek telah dicadangkan bagi

kerajaan untuk mempertimbangkan iaitu untuk membina sebuah tangki 5 juta liter dengan pam Runggu dan Quoin Hill dan masing-masing dan sebuah tangki 2 juta liter dengan pam dikongsi 10.

Akan tetapi itu hanya penyelesaian jangka pendek. Untuk jangka panjang bagi Bandar Tawau, empangan bagi tujuan takungan air adalah sangat-sangat diperlukan agar bukan sahaja dapat menyimpan air hujan tambahan pada musim tengkujuh, bahkan air yang disimpan ini boleh digunakan pada musim kemarau. Saya minta Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan proses pembangunan untuk pembinaan Empangan Cinta Mata di Tawau ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Empangan Papar pula, walaupun ia terletak di kawasan kawan saya di Papar tetapi ia juga mempengaruhi pengguna-pengguna air di Kota Kinabalu. Saya ingin membangkitkan kerisauan rakyat berkenaan pembinaannya. Salah seorang profesor, Profesor Dr. Felix Tongkul seorang ahli geologi dari Fakulti Sains dan Sumber Asli, Universiti Malaysia Sabah telah pun mencadangkan Takungan Pengambilan Langsung Air ataupun Direct Water Intake Reserval adalah penyelesaian yang lebih murah dan praktikal.

Ia diperlukan secara pengambilan langsung air dari sungai dan menyimpannya di dalam takungan di atas tanah yang lebih tinggi. Beliau berkata kos bagi membina takungan tersebut hanya sebahagian kecil daripada harga RM3 bilion untuk membina sebuah empangan baru di Papar.

Pada masa yang sama, ia tidak akan memusnahkan kepelbagaian geologi di sekelilingnya. Projek empangan yang dicadangkan di Kaiduan, Papar 36 kilometer dari Kota Kinabalu pada awalnya ditangguhkan pada tahun 2015 selepas menerima bantahan kuat dari kumpulan khas Orang Asli dan alam sekitar Sabah tetapi projek ini telah dibangkitkan semula di bawah Kerajaan Negeri Sabah yang baru.

■1220

Sekarang untuk memastikan bekalan air yang mencukupi untuk penduduk yang semakin meningkat di kawasan Pantai Barat Sabah, termasuklah Kota Kinabalu dalam tempoh 30 tahun akan datang. Projek ini pada mulanya dikenal pasti sebagai Empangan Kaiduan tetapi dinamakan semula sebagai Projek Hidro Elektrik Empangan Papar oleh Kerajaan Sabah yang baharu yang akan menelan belanja sebanyak RM3 bilion untuk membina empangan.

Lokasi yang dicadangkan adalah di Kampung Mondoringin di kawasan terpencil di Ulu Papar, kawasan tangkapan air terbesar di negeri ini yang merentasi daerah Penampang dan Papar. Namun demikian, saya difahamkan bahawa jumlah hujan di kawasan Ulu Papar adalah antara yang tertinggi di Sabah dengan lebih 3,000 milimeter setahun.

Selain itu, *Profesor Tongur* juga mendakwa bahawa empangan boleh menyebabkan kembar mikro yang menyebabkan oleh tekanan air tambahan yang bukan sahaja akan memudaratkan tumbuhan, tetapi juga kepada populasi berhampiran. Jadi, keperluan empangan di kawasan tersebut menjadi persoalan. Menurut laporan daripada The Edge Markets, dua buah syarikat iaitu Vizione Holdings Bhd (VHB) dan Pembinaan Maju Cemerlang Sdn Bhd (PMCSB)

telah di senarai pendek oleh Jabatan Air Sabah untuk mereka bentuk dan membina Empangan Papar yang dianggarkan bernilai sekitar RM2 bilion. Menurut laporan yang sama, kedua-dua syarikat telah menerima surat niat ataupun *letter of intent* secara bersama dari Jabatan Air Sabah. Menteri Pembangunan Infrastruktur Datuk Peter Anthony, baru-baru ini berkata, kerajaan negeri boleh meminjam dari Putrajaya untuk pembinaan empangan ini atau mempertimbangkan usaha awam swasta untuk menaikkan dana.

Empangan Papar tersebut dijangka berupaya membekalkan keperluan air kepada Kota Kinabalu dan Pantai Barat Sabah atau untuk tempoh 30 tahun akan datang atau kadang-kadang untuk 50 tahun akan datang. Jadi, persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap pembinaan Empangan Papar ini? Sokong ataupun tidak? Selepas itu, adakah Kerajaan Persekutuan akan memberikan geran secara langsung atau memberikan pinjaman selepas mempertimbangkan permohonan Kerajaan Sabah terhadap pembinaan Empangan Papar ini?

Tuan Pengerusi, masih di dalam Butiran 16700 – Rancangan Tempatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya mendapati bahawa peruntukan dinaikkan dari sebanyak RM387 juta pada tahun ini...

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Kota Kinabalu?

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Keningau.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Adakah Yang Berhormat Kota Kinabalu menentang atau menyokong Empangan Kaiduan ini?

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Saya tidak menyatakan sama ada saya menyokong atau menentang. Apa yang penting, apakah pendirian Kerajaan Persekutuan dalam pembinaan ini? Saya sambung, untuk Rancangan Tempatan Banjir. Saya minta Kerajaan Persekutuan untuk memberikan banyak tanah untuk menyelesaikan masalah yang selalu berlaku banjir di kawasan Kota Kinabalu, Penampang, Sepanggar yang dikatakan memerlukan sebanyak RM3 bilion oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan di Sabah iaitu Datuk Junz Wong.

Selain itu, saya juga meminta supaya banjir kilat yang selalu di Tawau juga mendapat perhatian daripada kementerian supaya tanah juga disediakan untuk menyelesaikan masalah banjir di Tawau.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 – Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Dalam perkara ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan status permohonan dana oleh Lembaga Pelabuhan Labuan. Pelaburan dana tersebut adalah untuk pajakan selama 99 tahun, tanah milik Persekutuan di bawah Lot 7079, Taulis 207536052 Bandar Labuan bagi tujuan operasi Lembaga Pelabuhan Labuan di Dermaga Merdeka ataupun Liberty Wharf.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Lembaga Pelabuhan Labuan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang pengoperasian pelabuhan dan jeti persendirian susulan ditubuhkan pada 31 Januari 2017 melalui perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu perluasan fungsi tahun 2017. Permohonan tersebut telah pun dibuat melalui surat bertarikh 6 September 2018. Akan tetapi, sehingga kini geran tanah masih belum dikeluarkan. Pada masa ini, Lembaga Pelabuhan Labuan masih lagi menyewa tanah lot 7079 tersebut daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan penyewaan tanah tersebut akan tamat tempoh pada tahun depan pada 31 Oktober 2020. Sekarang, Lembaga Pelabuhan Labuan sedang dalam proses RFP bagi melantik operator bagi Dermaga Merdeka ataupun Liberty Wharf.

Saya berharap agar geran tanah boleh dikeluarkan atas nama Lembaga Pelabuhan Labuan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas ini Yang Berhormat Keningau, selepas itu Yang Berhormat Rasah disusuli dengan Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

12.25 tgh.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa sidang ini kepada beberapa Butiran iaitu pertama, Butiran 040400 – Perkhidmatan Pemetungan dengan peruntukan sebanyak RM23.8 juta.

Saya ingin bertanya, sama ada jumlah ini meliputi pemetungan pembinaan sistem pemetungan di kampung di Batak, Tambunan di kawasan saya. Ini kerana kawasan yang dikenal pasti dan dicadangkan ini adalah kawasan di dalam kampung adalah sawah padi. Di *siring* sungai yang besar dan tidak sesuai.

Bagi saya, kalau ini dipilih sebagai lokasi pemetungan, pertama, orang kampung akan kehilangan tanah sawah padi. Ini adalah kawasan berdekatan dengan kependudukan kampung iaitu kampung-kampung. Kedua, sekiranya ada banjir dan sering kali Sungai Pagalan ini dibanjiri. Pemetungan ini mungkin akan rosak dan pencemaran akan berlaku dari Tambunan sehingga ke laut melalui beberapa daerah iaitu Daerah Keningau, Daerah Tenom, Daerah Beaufort, Daerah Sipitang.

Bagi saya ini tidak sesuai. Saya minta supaya pemetungan ini ditangguhkan sehingga kita mendapatkan lokasi yang lebih sesuai. Kedua, Butiran 02703 – Pemetaan di bawah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia di mana peruntukan adalah sebanyak RM62 juta.

Saya ingin bertanya, sama ada bajet ini termasuk perbelanjaan pengukuran dan pemetaan tanah-tanah adat atau Native Customary Land Rights di Sabah. Kalau tidak, mohon supaya pemetaan untuk tanah-tanah adat di Sabah ini diberikan peruntukan. Tuan Pengerusi, yang ketiga, saya ingin merujuk kepada Butiran 28000 mengenai rancangan bekalan air Sabah. Bajet yang diperuntukkan adalah sebanyak RM48,050,000. Akan tetapi, cuma RM50,000 sahaja yang diperuntukkan secara langsung dan selebihnya adalah untuk pinjaman. Saya rasa ini tidak

sesuai, tidak *ngam*, kami *bilang* tidak *ngam* sebab kenapa dipinjamkan? Kenapa bukan diberikan secara langsung?

Oleh sebab, kalau kita pinjamkan peruntukan ini, sedangkan wang yang dipinjamkan ini dikutip daripada Sabah dan dipinjamkan kepada Sabah dan Sabah akan membayar duitnya sendiri. Jadi, itulah sebab saya *bilang* tidak *ngam*, tidak sesuai. Oleh sebab itu, bagi yang berhutang kepada Sabah adalah Kerajaan Pusat. Tidak kurang daripada RM500 bilion setakat ini. Saya minta sekiranya dipertimbangkan supaya kesemua peruntukan RM48 juta ini diberikan secara langsung. Itu sahaja. Sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

■1230

12.30 tgh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada saya pada tengah hari ini. Ada beberapa perkara yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Pertama, saya ucapkan tahniah kepada kementerian ini kerana mendapat peruntukan yang lebih khususnya peruntukan untuk pembangunan. Saya nampak ia naik daripada RM2.8 bilion kepada RM3.5 bilion pada tahun 2020. Kenaikan lebih 20 peratus. Saya harap dengan kenaikan yang tinggi untuk peruntukan pembangunan ini dapat membantu untuk membawa manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Jadi, saya akan menyentuh beberapa butiran di bawah peruntukan pembangunan sahaja. Pertama di bawah tajuk JPS atau Jabatan Pengairan dan Saliran. Saya nampak satu peruntukan yang sangat besar diberikan iaitu hampir RM1 bilion dengan beberapa pecahan tertentu di bawah Butiran 16700 di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Kalau tahun sebelumnya RM445 juta dan untuk tahun depan RM443 juta. Hampir sama.

Saya hendak tanya, macam manakah agihan kepada Rancangan Tebatan Banjir. Oleh sebab di kawasan saya sendiri dilalui oleh Sungai Linggi dan tahun ini pun beberapa kali berlaku limpahan air daripada Sungai Linggi ketika hujan lebat dan menyebabkan banjir. Saya difahamkan di bawah RMKe-12, sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk fasa kelima Rancangan Tebatan Banjir untuk Sungai Linggi.

Akan tetapi untuk tahun depan iaitu tahun kelima atau tahun terakhir di bawah RMKe-11, apakah ada apa-apa peruntukan daripada RM443 juta ini diberikan untuk Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Linggi khususnya yang melibatkan Parlimen Rasah. Oleh sebab kawasan ini mempunyai banyak perkampungan dan juga kawasan perumahan di tebing Sungai Linggi. Jadi mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Butiran kedua yang saya hendak bangkitkan adalah berkenaan dengan Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan iaitu di bawah Butiran 21000. Sebagai anak Negeri Sembilan saya

ucapkan terima kasih kepada kerajaan sebab kalau tahun 2019 hanya RM200 ribu sahaja tetapi saya nampak kali ini sebanyak RM20 juta diperuntukkan kepada Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan. Terima kasih sebab Negeri Sembilan negeri yang kecil. Syarikat Air Negeri Sembilan pun dalam keadaan kewangan yang memerlukan suntikan peruntukan dana daripada Kerajaan Pusat.

Saya cukup yakin dan percaya peruntukan ini amat berguna dan amat bermakna untuk memperbaiki pembangunan dan penyaluran air bersih di Negeri Sembilan. Cuma saya hendak tanya bagaimanakah RM20 juta ini akan disalurkan? Sama ada ia akan disalurkan terus kepada syarikat air ataupun melalui kerajaan negeri sebab syarikat air di bawah kerajaan negeri.

Apakah RM20 juta ini yang dikhususkan dengan program-program ataupun kegunaan tertentu sahaja ataupun RM20 juta sebagai pemberian ataupun dana kepada syarikat air. Terpulang kepada Syarikat Air Negeri Sembilan untuk menggunakan mengikut perancangan yang telah digariskan oleh lembaga pengarah syarikat air. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Berkenaan dengan air juga di bawah Butiran 30000 di bawah tajuk Penyaluran Air Antara negeri. Saya nampak sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk tahun ini. Lebih kurang sama dengan tahun sebelumnya. Saya hendak tanya sebab ikutkan tajuknya ia melibatkan lebih daripada satu negeri. Oleh sebab tahun ini ada dimeterai perjanjian ataupun persefahaman di antara Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Melaka di mana Kerajaan Negeri Sembilan dalam keadaan tertentu akan menyalurkan air kepada negeri Melaka. Saya hendak tanya, RM50 juta ini ada tak sebahagiannya digunakan untuk kemudahan persediaan paip dan sebagainya yang melibatkan Negeri Sembilan dan Melaka?

Seterusnya berkenaan dengan air juga di bawah Butiran 95000 iaitu NRW Nasional. Ini merupakan antara tajuk yang saya rasa amat penting. Ia bukan setakat sesuatu yang perlu diberikan perhatian dan ia juga adalah satu amalan kita untuk mengelakkan ataupun mengurangkan pembaziran air bersih yang telah dirawat yang boleh digunakan.

Saya nampak sasaran untuk tahun depan sama seperti tahun sebelum ini iaitu 31 peratus kalau dibandingkan dengan apa yang telah dicapai pada tahun 2018 iaitu 35.7 peratus. Saya hendak tanya, saya nampak ada penambahan dan peningkatan peruntukan yang tinggi. Kalau tahun 2018 hanya RM6 juta digunakan, tahun 2019 diperuntukkan RM131 juta dan untuk belanjawan kali ini diperuntukkan RM365 juta. Satu kenaikan yang mendadak, yang meningkat dan sudah pastinya kalau peruntukan meningkat dengan begitu banyak, harapan dan juga sasaran sepatutnya meningkat.

Jadi saya hendak tanya, apakah ada rancangan khusus satu pelan keseluruhan untuk seluruh negara berkenaan dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan peratusan NRW. Daripada RM365 juta ini, berapakah agihannya kalau ada kepada Negeri Sembilan sebab Negeri Sembilan pun antara negeri yang dalam keadaan 32 *percentt* NRW khasnya di kawasan luar bandar yang tinggi.

Jadi saya hendak tanya, apakah ada peruntukan untuk Negeri Sembilan? Saya juga hendak tanya, di bawah RM365 juta yang diperuntukkan ini apakah *key factors* ataupun faktor-faktor utama seperti tukar paip dan sebagainya? Oleh sebab ia banyak yang menyumbang kepada NRW ini. Bukan setakat paip bocor tetapi meter yang telah lama, yang gagal berfungsi dengan baik ataupun ada kes penyambungan paip secara *illegal* iaitu kata orang curi air dan sebagainya yang mengakibatkan kerugian. Jadi hendak tanya, apakah pelan daripada kementerian?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan pada tengah hari ini adalah di bawah Butiran 80000 di bawah tajuk Projek Pembedungan Negara. Saya nampak tahun ini peruntukan sebanyak RM1.24 bilion diperuntukkan. Saya percaya, ia berkaitan dengan pembangunan untuk meningkatkan saluran pembedungan.

Akan tetapi saya hendak tanya, kenapa peruntukan yang begitu tinggi diperuntukkan untuk dua tahun berturut-turut berbanding dengan kos sebenar yang telah digunakan pada tahun 2018 iaitu hanya RM432 juta sahaja.

Ini memandangkan IWK sendiri sebagai satu konsortium yang mempunyai status untuk mengutip bayaran daripada pengguna, kenapakah satu peruntukan yang begitu besar, lebih RM1.2 bilion diperuntukkan? Apakah justifikasi ataupun ada rancangan khas untuk menyelesaikan banyak masalah yang tertunggak? Oleh sebab saya nampak masih banyak lagi usaha-usaha untuk menaik taraf saluran pembedungan perlu dilakukan. Apakah peruntukan ini digunakan untuk tujuan tersebut? Jadi itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiu.

12.38 tgh.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Di mana peruntukan untuk tahun 2019 sebanyak RM162 juta dan peruntukan tahun 2020 sebanyak RM182 juta.

Berkenaan Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti, saya ingin bertanyakan mengenai peningkatan peruntukan bagi tahun 2020. Adakah ia bagi menambah bilangan program antarabangsa yang telah dilaksanakan seperti pemulihan biodiversiti dan hutan kekal serta sejauh manakah keberkesanan program-program tersebut dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di peringkat awal untuk menjaga biodiversiti ini?

Selain itu, apakah langkah drastik yang disediakan oleh kerajaan dalam menangani isu pembalakan haram? Apakah inisiatif kerajaan dalam membaik pulih kawasan hutan yang telah musnah disebabkan pembalakan haram ini?

Kedua, Butiran 030200 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Peruntukan tahun 2019 sebanyak RM77.4 juta dan peruntukan tahun 2020 sebanyak RM88.9 juta.

■1240

Butiran ini, iaitu Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara, peruntukan 2020 meningkat lebih kurang RM11.5 juta. Menurut *World Economic Forum*, Malaysia memiliki jaringan jalan raya bertaraf dunia. Perkara ini sangat membanggakan.

Namun dari sudut konservasi hidupan liar, mereka mengalami fragmentasi habitat yang mana mereka terperangkap di dalam habitat yang kecil dan dikelilingi oleh infrastruktur seperti jalan raya. Ini membawa kepada kes-kes kematian haiwan liar seperti harimau belang, beruang, kambing gurun dan sebagainya berpunca daripada kemalangan jalan raya. Apakah pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang kerajaan dalam menangani isu ini? Dan apakah langkah kerajaan bagi memupuk semangat konservatif hidupan liar di kalangan masyarakat?

Begitu juga berkenaan isu hidupan liar mati ditembak seperti isu gajah pigmi Borneo yang mati ditembak baru-baru ini dan sejauh manakah usaha kerajaan dalam melindungi hidupan liar daripada ancaman seperti pemburuan haram serta jangkitan virus seperti kes harimau spesies harimau Malaya- Awang Besul baru-baru ini. Mohon penjelasan.

Butiran ketiga, 050500 - Sistem e-Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Setiu, minta laluan sikit.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Satu lagi isu yang berlaku ialah soal ancaman daripada ancaman ternakan oleh kera ini. Dia menjadi satu ancaman serius hari ini dan kita dapati bahawa sebahagian besar petani-petani mengadu masalah kera yang dilepaskan di kawasan perkampungan dan jadi satu ancaman. Mungkin Yang Berhormat Setiu boleh lihat ini sebagai salah satu di antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Boleh masukkan dalam ucapan saya. Saya pohon supaya dimasukkan ucapan Yang Berhormat Kubang Kerian dalam ucapan saya di mana bukan sekadar kera yang perlu dijaga, bahkan lutong juga.

Tuan Pengerusi...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, bukan sekadar kera, lutong, tapi beliau-beliau pun kena juga...

Seorang Ahli: Beliau, beliau [*Ketawa*]

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Khinzir, khinzir- babi.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Khinzir. Oh! Ini bahasa baru ini, orang Terengganu tidak faham [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi, pelaksanaan 100 peratus sistem e-Tanah, sehingga kini hanya dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Adakah dengan penghapusan peruntukan

pada butiran ini di mana peruntukan tahun 2019 sebanyak RM12.9 juta tetapi untuk peruntukan tahun 2020, tiada sebarang peruntukan. Adakah dengan penghapusan peruntukan pada butiran ini telah dimasukkan kepada butiran lain? Jika ya, pada butiran manakah? Jika tidak, mustahil sistem yang baru dilaksanakan, tidak memerlukan apa-apa peruntukan. Mohon penjelasan.

Seterusnya Butiran 030200, Kajian Pra Kemungkinan. Tahun 2019 tiada peruntukan tetapi tahun 2020, peruntukan sebanyak RM5 juta. Seterus di mana berkaitan dengan butiran ini, diperuntukkan sebanyak RM5 juta. Namun pada tahun sebelumnya, tidak ada apa-apa peruntukan. Saya ingin mohon perincian daripada pihak kerajaan berkenaan butiran ini.

Akhir sekali Butiran 10300 - Pembangunan Teknologi Penggunaan Kayu Latihan Pencegahan Kebakaran Hutan. Sehingga kini sejauh manakah perkembangan pembangunan teknologi ini dalam mencegah kebakaran hutan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Sekian Tuan Pengerusi... *[Membaca sepotong doa]*

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong.

12.44 tgh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk berbahas dan sebelum saya merujuk kepada butiran, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kakitangan JPS khususnya di Pulau Pinang yang telah membuat lawatan ke kawasan Jelutong terutamanya di kawasan Datuk Keramat, di kawasan Sungai Pinang yang selalu mengalami masalah banjir.

Saya merujuk kepada Butiran 139000 - Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir dan saya ingin tanya sama ada kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi isyarat bahaya banjir, pemasangan apa-apa mekanisme di kawasan tersebut, di mana kita lihat kawasan-kawasan seperti Jalan P. Ramlee, Kampung Makam, Jalan Counter Hall, Jalan Maklum dan Kampung Rawa di Dun Sungai Pinang sentiasa mengalami masalah banjir.

Saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri untuk memberi perhatian, di samping projek tebatan banjir yang telah pun dirancang, sama ada sebagai langkah segera, isyarat bahaya banjir boleh dipasang di kawasan-kawasan tersebut.

Pada masa yang sama saya juga ingin merujuk kepada Butiran 16100 - Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar dan bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri sama ada, ada rancangan untuk membina ataupun membuat projek-projek tambak laut. Saya di sini bertanya perkara ini kerana saya telah baca satu rencana dalam *Matchable South-East Asia* yang diterbitkan oleh *The Center for Governance and Political Studies* yang mengesahkan bahawa kita lihat secara umumnya kita tahu bahawa Kutub Utara dan Kutub Selatan disebabkan oleh kenaikan, dengan izin suhu dunia, mulai cair dan ini menyebabkan paras laut semakin meningkat.

Rencana ini menyatakan, sembilan lokasi di Malaysia mungkin tenggelam dalam masa 30 tahun. Lokasi-lokasi tersebut yang telah dinyatakan dalam rencana ini adalah Alor Setar menjadi sebuah pulau. Ini adalah dinyatakan dalam rencana ini. Sepanjang kawasan Parit Buntar hingga Taiping tidak kelihatan disebabkan oleh kenaikan paras laut. Lebuhraya Utara-Selatan akan tenggelam, Bagan Datuk, Teluk Intan, Kuala Selangor akan lenyap, Port Klang akan tenggelam, Shah Alam mengecil dan KLIA bertempat di sebelah pantai. Ini adalah perkara yang agak merisaukan saya.

Pulau Pinang tidak terpencil. Pulau Pinang memang selalu mengalami masalah banjir. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, sama ada, ada apa-apa rancangan besar untuk melaksanakan tebatan-tebatan banjir. Di samping projek tebatan banjir, kita memperbesarkan sungai, mengorek sungai dan sebagainya, adakah apa-apa rancangan untuk membuat projek-projek tambak laut? Ini kerana terdapat juga cadangan ataupun fikiran yang menyatakan bahawa projek-projek tambak laut ini sedikit sebanyak dapat mengawal kemasukan air apabila berlakunya kenaikan dalam paras air laut.

Pada masa yang sama, bila ada hujan yang lebat, projek-projek tambak ini dapat mengawal kejadian-kejadian banjir daripada berlaku. Saya akan menyerahkan salinan rencana ini yang telah diterbitkan oleh *Center for Governance and Political Studies*.

Saya di sini pada masa yang sama ingin menyeru juga kepada kementerian untuk merujuk kepada Butiran 260000 - Rancangan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang. Di Pulau Pinang saya berterima kasih kerana setakat ini kita tidak mengamalkan apa-apa catuan air.

Cuma saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada tiga empangan yang ada di Pulau Pinang iaitu Empangan Air Hitam, Empangan Bukit Mertajam dan Empangan Bukit Damba yang berada di lokasi kawasan Parlimen Jelutong, dan bertanyakan sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan yang ada di situ supaya kita tidak terlalu memohon dan terlalu, dengan izin, mengambil air daripada Kedah ataupun daripada negeri Perak.

■1250

Cuma, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan di sini?

Akhir sekali, saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas pengumuman yang telah dibuat baru-baru ini di mana kerja-kerja tebatan banjir di Sungai Pinang yang telah dirancang akan bermula pada tahun depan. Semoga dengan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir itu, kejadian-kejadian banjir di Kedah, di Pulau Pinang, di Jelutong akan menjadi sesuatu yang akan menjadi sejarah dan rakyat di kawasan Jelutong tidak lagi akan terpaksa mengharungi banjir yang telah berlaku semenjak lebih kurang 11 ke 15 tahun yang lalu.

Saya mohon menyokong dan saya berterima kasih di atas peluang yang telah diberikan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Kuala Kangsar tak ada dalam Dewan.

Tuan Pengerusi: Oh, tak ada? Baiklah, kalau begitu, saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, gantilah.

Tuan Pengerusi: Baik, baik. Kita berikan peluang di sebelah sini pula ya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sana dulu ya?

Tuan Pengerusi: Saya sudah senaraikan. Itu masalahnya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya dah termula dah. Dah termula dah.

Tuan Pengerusi: Ikut senarai, seterusnya di sebelah...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tak ada ya?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong pun boleh. Parit Sulong ada dalam senarai itu.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Pengerusi, Batu pun ada.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagi Bagan Serai terus sahajalah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ha, Yang Berhormat Kuala Kangsar dah sampai dah.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Silakan ya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tuan Pengerusi, dekat bahagian sini juga, Tuan Pengerusi. GPS, daripada tadi tak ada.

Tuan Pengerusi: GPS, saya baru dapat senarai. Ada dah saya masukkan. Dah ada.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Jangan lupa Papar.

12.52 tgh.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Maaf saya, Tuan Pengerusi. Saya ingat tadi lama. Saya dari luar.

Saya terus ke Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, mengapa kementerian mengurangkan peruntukan ini dengan begitu ketara sekali iaitu hampir RM22 juta berbanding tahun lepas? Sedangkan banyak kawasan khususnya di Parlimen Kuala Kangsar yang memerlukan perhatian JPS, lebih-lebih lagi dalam kerja-kerja pembedung saluran di kawasan-kawasan kampung. Bagaimanakah peruntukan sebanyak RM100,000 ini benar-benar mencukupi untuk menampung segala keperluan di kawasan-kawasan yang betul-betul berhadapan dengan masalah saluran yang tidak terurus khususnya yang sering kali menghadapi banjir kilat di kawasan saya?

Untuk Parlimen Kuala Kangsar, ada beberapa permasalahan yang Kuala Kangsar minta fokus dan perhatian Yang Berhormat Menteri dalam aspek penyediaan peruntukan. Pertama, kerja-kerja penyelenggaraan dan mendalamkan sungai-sungai yang bermasalah serta kerja penyelenggaraan dan menaiktarafkan sistem perparitan yang sistematik untuk mengatasi banjir kilat.

Kedua, pembangunan kolam air panas di Kampung Ara Panjang di DUN Manong. Seterusnya banjir kilat yang sentiasa berlaku di Kampung Rambai Tujuh dalam DUN Bukit Chandan dan banjir kilat di Kampung Jeliang di DUN Manong dan akhir sekali banjir kilat di kawasan-kawasan taman-taman yang ketika ini sedang diselenggarakan oleh pihak PBT.

Seterusnya, saya terus ke Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam. Terdapat peningkatan sebanyak RM168 juta lebih untuk peruntukan ini. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah keutamaan pengurusan saluran yang akan dibuat dan di mana?

Yang Berhormat Menteri, bahagian jajaran Sungai Perak yang mengalir melalui dan membelah Parlimen Kuala Kangsar, yang pernah menjadi tarikan penggemar sukan air serta flora dan fauna kehidupan air, sekarang sudah tidak berapa meyakinkan untuk pelancong-pelancong datang untuk mengadakan sukan-sukan air di situ kerana dasar Sungai Perak di kawasan Bandar Diraja Kuala Kangsar telah menjadi tohor dan cetek dan mengumpul sedimen yang tidak lagi kondusif untuk aktiviti-aktiviti ini.

Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang melihat semula cadangan saya untuk mengurus semula Sungai Perak di kawasan ini supaya ia kembali menjadi pusat sukan air, sungai yang masyhur dan menjadi jalan pengangkutan yang dapat diusahakan *river cruise*, dengan izin, hingga ke Bagan Datok? Apakah usaha untuk memastikan kebersihan atau pencemaran tidak berulang dan kemerosotan status indeks kualiti air bagi semua sungai di negara ini terutama sekali di stesen-stesen di hulu dan hilir tapak pelupusan sampah haram?

Saya terus kepada Butiran 16900 – Penyelidikan dan Pembangunan. Yang Berhormat Menteri, mohon perincian, apakah penyelidikan yang sedang diusahakan bagi memastikan sumber air kita terjamin dan berkualiti? Kini, Malaysia hanya menggunakan kira-kira tiga peratus sumber air bawah tanah dan sasaran jumlah penggunaan air bawah tanah disasarkan kepada 20 peratus setelah ada undang-undang khusus untuk penggunaan sumber air bawah tanah. Adakah usaha penyelidikan bagi memastikan kita dapat menggunakan lebih 20 peratus sumber air bawah tanah memandangkan keperluan yang amat mendesak di seluruh negara pada masa-masa tertentu? Juga, adakah penyelidikan dibuat bagi mengenal pasti jangka masa sumber ini boleh bertahan?

Selain daripada sumber air bawah tanah, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk melakukan inisiatif di dalam *seawater desalination* yang merupakan antara kaedah alternatif yang dikenal pasti dapat memastikan sumber air yang mencukupi terutama sekali di

negeri-negeri yang sering mengalami kekurangan bekalan air? Sebagai contoh, Singapura telah mengalami kekurangan bekalan air dan mereka menggunakan kaedah penyahgaraman air laut sebagai alternatif sumber air mentah di mana 25 peratus keperluan air Singapura sekarang.

Saya terus kepada Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Di Parlimen Kuala Kangsar, kami memerlukan prasarana yang akan menyelesaikan masalah banjir yang sekian lama tidak selesai. Dengan peruntukan sebanyak RM443 juta untuk tahun 2020, bagaimanakah kementerian akan memanfaatkan peruntukan tersebut untuk tujuan pengawalseliaan setiap projek tebatan banjir di seluruh negara yang akan dilaksanakan? Adakah dengan pengurangan peruntukan ini bermaksud projek tebatan banjir di kawasan-kawasan yang sering mengalami banjir akan terbantut atau terjejas? Daripada peruntukan tersebut, berapakah yang akan dikhususkan untuk kerja-kerja penyelidikan awal sebelum permulaan setiap projek tebatan dilaksanakan?

Saya sekarang terus ke Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Yang Berhormat Menteri, bentuk muka bumi Semenanjung terdedah kepada lautan luas dan tiupan angin monsun yang mengundang ombak besar serta pembangunan tidak mesra alam. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah bentuk pencegahan hakisan yang paling berkesan dan akan dilaksanakan dan berapa lama kah daya tahan pencegahan hakisan untuk satu-satu pantai? Juga, berapakah anggaran peruntukan untuk kerja-kerja pemasangan halangan kepada hakisan pantai yang berdekatan dengan perkampungan nelayan? Mungkin sudah sampai masanya untuk satu dasar pengurusan zon pantai perlu diwujudkan.

Saya juga mohon Yang Berhormat Menteri bagi sedikit penjelasan, adakah kajian yang dilakukan oleh *Rutgers University* USA baru-baru ini yang menyatakan bandar-bandar utama Malaysia akan berada di bawah paras laut menjelang tahun 2050 di bawah kajian mereka bertajuk *New Elevation Data Triple Estimates of Global Vulnerability to Sea-Level Rise and Coastal Flooding*? Apakah langkah yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi menyelamatkan kemungkinan ini?

Saya terus kepada Butiran 08601 – Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai (JPSM). Di sini dianggarkan peruntukan tahun 2019 dan tahun 2020 dengan peruntukan yang dinyatakan untuk tanaman 6.6 juta pokok. Mohon Yang Berhormat Menteri jelaskan, daripada mana lebih peruntukan diperoleh untuk tanaman 6.6 juta pokok tersebut? Dengan peruntukan sebanyak RM2 juta, berapakah jumlah pokok bakau yang akan ditanam lagi pada tahun 2020? Juga, berapakah kos sebenar penanaman pokok bakau mengikut keluasan pantai?

Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Pembahas daripada PH berapa ramai lagi? Yang Berhormat Bagan Serai saya dah masukkan. Yang Berhormat Padang Serai dah ada.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Batu.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ledang.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sebelah BN pula.

Tuan Pengerusi: BN dah ada senarai.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ha, BN dah ada senarai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Batu ya? Lagi?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ledang juga, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dah ada, dah ada. Oh ya, Yang Berhormat Ledang. Okey. Baik, saya bacakan senarai yang ada sekarang. Yang Berhormat Bagan Serai akan terus pada pukul 2.30 nanti. Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Ledang dan seterusnya ikut senarai BN ya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, Padang Serai?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bagan Serai ada, ada. Yang Berhormat Bagan Serai ada. *[Disampuk]* Dua-dua ada. Yang Berhormat Padang Serai dengan Yang Berhormat Bagan Serai semua ada. *[Ketawa]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Limbang. Limbang pun baru *submit*, Tuan Pengerusi. Limbang baru masukkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang baru masuk ya? Okey. Yang Berhormat Petaling Jaya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nama sahaja serai, tak ada serai pun.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ini serai wangi kah serai apa?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Beaufort nak masuk juga tapi dia tak ada dekat Dewan.

Tuan Pengerusi: Kemudianlah itu ya. Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Sandakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dah dua kali saya dengar sokong Yang Berhormat Beaufort terus, ada apa-apa kah? *[Ketawa]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Masa sudah cukup.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kinabatangan nak cakap? Tak ada dalam senarai? Okey, nanti kita isikan kemudianlah ya. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jelutong sudah cakap kah, Yang Berhormat Jelutong? Ini hari banyak baik ya? Bagus, bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Majlis berhenti rehat dan diteruskan pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai untuk menyambung perbahasan.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismilahir Rahmanir Rahim.* Maksud B.23 Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti, Butiran 030200 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah kerajaan bersedia untuk memperkasakan National Biodiversity Centre (NBC) ke arah menjadikan Natural History Museum (NHM)? Siapakah dan apakah kriteria-kriteria individu yang ada dalam pasukan NHM ini supaya ia betul-betul menjadi satu kejayaan bagi kerajaan kita? Ini adalah yang pertama.

Adakah kerajaan akan memperkasakan lagi program pendidikan dan kesedaran dengan lebih agresif lagi? Jadi, dengan mengiktiraf individu-individu yang aktif ataupun NGO contohnya Malaysian Nature Society (MNS) yang aktif dalam aspek ini.

Keempatnya, adakah kita bersedia untuk meningkatkan pemantauan perlindungan hidupan liar untuk mengelakkan konflik antara manusia dan hidupan liar dan juga pemburu-pemburu haram ini. Adakah kerajaan akan meningkatkan lagi kajian dan pembangunan dan terutamanya dana untuk penyelidikan-penyelidikan yang berwibawa?

Saya ingin bertanya kepada kementerian sejauh manakah kerajaan negeri menyambut seruan Kerajaan Persekutuan? Dalam pemeliharaan habitat kehidupan liar seperti Central Forest Spine dengan keluasan yang sesuai supaya hidupan liar ini dapat kawasan yang cukup untuk berkeliaran. Tidak ada kita dengar haiwan kena langgar mati ataupun haiwan menyerang orang. Ini yang kita bimbang.

Seperkara lagi ialah tentang kritikal populasi harimau di Malaysia ini yang dikatakan kurang daripada 200. Saya ingin tahulah berapa sebenarnya, adakah kajian dilakukan? Berapa di Belum-Temengor? Berapa di Taman Negara, Terengganu, Johor dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, Butiran 14500 iaitu menaik taraf infrastruktur dan saluran bandar dan tambatan banjir. Ini saya hendak cakap tentang banjir yang berlaku di Bagan Serai. Ini banjir di Bagan Serai ini dah jadi acara tahunan. Bila musim hujan berterusan, bila musim air laut pasang, maka air ini bertembung, maka berlakulah banjir termenung. Dia duduk tengah-tengah dia tidak keluar. Jadi, ini dah jadi perkara yang menjadi jeritan rakyat di Parlimen Bagan Serai. Kalau kita tengok RTB, RTB dah siap. RTB yang diberikan dahulu dah siap. Kenapa?

Pertamanya, air buang tidak dapat keluar daripada sawah. Itu kita dengar baru-baru ini bendang tenggelam, sawah tenggelam. Air tidak dapat keluar kerana juga air sungai parasnya tinggi kerana air pasang dan juga kerana hujan yang berterusan. Hujan di hulu. Jadi, ini perkara-perkara yang menyentuh. Sudah tentulah tindakan dilakukan oleh JPS ialah menggerakkan pam-pam bergerak ini. Baguslah. Akan tetapi pam-pam dia bergerak di Bagan Serai saya nampak macam tidak cukup. Saya pernah cadangkan kalau tidak cukup, kita pinjam daripada Larut Matang sebab banyak kawasan yang kena.

Keduanya, mengurangkan lepasan air daripada Tasik Bukit Merah. Air kalau tinggi risiko pada tasik itu, pada tasik empangan itu. Sebab itu, *engineer*-nya begitu berhati-hati untuk lepaskan di sebalik itu juga bimbang tentang banjir yang sedang berlaku hari ini.

Projek jangka panjangnya, inilah permintaan sebenarnya. Dalam RMK-11, *rolling plan* ke-4 – 2019/2021 telah dinyatakan untuk naik taraf RTB Sungai Kurau, Sungai Sama Gagah dan Sungai Beriah. Naik taraf ban, contohnya dari Tasik Bukit Merah ke Padang Lalang. Naik taraf ban di Sungai Beriah dan Sungai Sama Gagah. Menaik taraf struktur pintu kawalan, perlindungan tebing dan juga melakukan korek pulih saluran yang sedia ada.

Begitu juga, permintaan untuk mewujudkan pam-pam yang berkapasiti tinggi. Pam-pam kekal. Kalau dah macam ini selalu – saya hari itu nyatakan kalau dah tiap-tiap tahun acaranya, contohnya PPS di Sekolah Kebangsaan Changkat Lobak tidak ada infra yang cukup. Dewan terbuka tidak ada, *toilet* tidak cukup. Saya cadangkan supaya buat Pusat Pemindahan Kekal (PPK). Gunakan kuarters-kuarters guru yang tidak digunakan itu supaya mereka yang terlibat ini baru-baru ini banjir sampai 15 hari. Dua minggu lebih bermastautin di situ. Jadi ini, benda-benda yang perlu dilihat. Satu daripada aspek untuk mangsa banjir, satu daripada aspek RTB ini. Penaiktarafan yang kita minta ini, harap-harap Bagan Serai dapat ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 15200 – Memperbaiki, Mengindahkan, Membersihkan dan Merawat Air Sungai-sungai. Ini saya hendak bawa cerita ini baru-baru ini masa musim kemerdekaan, kami di Daerah Kerian telah buat satu program yang julung-julung kali diadakan sejarah iaitu menyusuri Sungai Kurau. Saya tidak pernah dapat peluang ini. 21 bot, 80 orang peserta menyusuri selama lebih kurang dua jam lebih. Daripada Jeti Marin Kuala Kurau sampai ke Kampung Padang Lalang melihat – oh rupanya sungai ini cantik. Saya tidak nampaklah

sampah sarap dan kotor-kotoran itu. Cuma, saya terpancang, alangkah baiknya kalau sungai-sungai ini diperhatikan, dijadikan satu pusat ekopelancongan seperti yang ada di negara luar, di Vietnam kita pergi tengok, Sungai Mekong apa semua ada buat pusat-pusat pelancongan.

■1440

Jadi nelayan ini turun ke laut pun bahaya kalau dia bawa pelancong-pelancong ini tidak bahaya dan ini jadi punca pendapatan pekerjaan bagi mereka, ini jadi satu punca rezeki bagi mereka. Jadi ini dapat menarik ramai lagi pelancong ke kawasan Daerah Kerian ataupun khususnya Parlimen Bagan Serai.

Jadi sungai saya hendak cerita, Sungai Kurau ini sungai bersejarah sebenarnya. Zaman penjajah Inggeris dulu tempat pusat perdagangan, kapal masuk saya diberitakan. Saya baca sejarah itu kapal cerita masuk bawa tebu, bawa kelapa untuk dieksport keluar. Produk-produk ini dieksport sampai ke luar negara dulu, ini cerita dulu. Jadi penceritaan sejarah ini juga dapat menjadi satu perkara yang baik untuk pelancongan di Bagan Serai.

Seperkara lagi kita mesti ingat burung-burung hijrah. Ini *airport* natural, burung-burung hijrah daripada utara ke selatan. Burung-burung tempatan dapat kita lihat semasa kita menyusuri Sungai Kurau ini. Selain daripada itu dapat juga tengok buaya tapi buaya di Sungai Kurau buaya baik. Buaya baik tidak macam setengah-setengah, macam mana?

Beberapa Ahli: Sebelah sana.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebelah sana? Sebelah sana buaya macam mana?

Beberapa Ahli: Buaya darat

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Buaya darat? Saya tidak tahulah nanti Yang Berhormat Jelutong *explain* lah. Saya cerita buaya baik sebab apa, di mana ada buaya di situ ada udang galah. Jadi ini yang paling bagus. Saya hendak ceritakan di samping itu kita dapat juga menceritakan kepada masyarakat ataupun pelancong-pelancong tentang masyarakat di Bagan Serai, masyarakat Banjar yang *famous*, yang masyhur dengan sejarah dengan kebudayaannya, dengan makanan dan sebagainya.

Mungkin juga kita boleh buat pasar terapung juga macam tempat-tempat lain. Saya bukan apa mencadangkan, selain daripada Pulau Orang Utan di Parlimen Bagan Serai, selain daripada Kuala Gula tempat santuari burung. Alangkah baiknya dijadikan sungai yang ada ini sebab sungai ini kali pertama saya lalu memang indah dan cantik. Kalau boleh Menteri atau Timbalan Menteri marilah ke Parlimen Bagan Serai tengok sekali macam mana Sungai Kurau. Sejauh saya *travel* hari itu sejauh 58 kilometer.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa, tujuh minit sebab ramai lebih daripada 23 orang lagi.

2.42 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya teruskan dengan Butiran 020400. Banjir tidak dapat dielakkan namun risiko bencana boleh diurus.

Pertama, saya ingin bertanya mengenai Program Ramalan dan Amalan Banjir Negara (PRABN). Kajian Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia mendapati kira-kira 10 peratus daripada keluasan negara merupakan kawasan yang mudah banjir dan boleh menjejaskan kira-kira 4.9 juta penduduk serta kerugian harta benda melebihi daripada RM900 juta setahun.

Data sedia ada menunjukkan PRABN dilaksanakan berfasa dan masih belum siap sepenuhnya. Saya ingin bertanyakan bilakah PRABN dijangka akan dapat berfungsi dengan baik dan apakah mampu memberi tempoh masa yang mencukupi untuk agensi dan penduduk bertindak lebih awal bagi menghadapi bencana banjir.

Selain itu, sekiranya banjir berlaku di ibu negara apakah sistem ini juga mampu memberikan amaran secara efektif dan efisien. Berapakah kos yang diperuntukkan untuk membangunkan sistem ini mengikut fasa. Kedua, kita memahami kos yang diperlukan agak tinggi untuk menguruskan bencana dan ia kekangan yang dihadapi oleh pihak kerajaan. Namun, sistem saliran sedia ada perlu diteliti semula. Kemungkinan sistem saliran yang dibangunkan sebelum ini lebih kurang 20 tahun yang lalu tidak sama dengan keadaan kita pada hari ini. Dengan berlakunya peningkatan penduduk dan tekanan saliran yang tinggi, oleh itu saya juga sarankan agar sejumlah peruntukan disalurkan untuk melaksanakan garis panduan dan rancangan pembangunan bagi menjadikan bandar-bandar berdaya tahan bencana banjir.

Kemudian, Butiran 15200 – Memperbaiki, Mengindah, Membersih dan Merawat Air Sungai-sungai dan Infrastruktur (MASMA). Tuan Pengerusi saya tertarik dengan inisiatif yang diambil oleh pihak Belanda untuk membangunkan sistem *Room For The River* setelah negara tersebut dilanda banjir pada tahun 1993 dan 1995. Belanda melabur bilion Euro untuk sistem tersebut kerana sebahagian besar kawasannya yang berada pada paras yang terdedah kepada banjir.

Oleh itu saya ingin bertanya sekiranya pihak kementerian telah mengadaptasi sistem ini kerana ia bukan hanya dapat mengurangkan risiko bencana banjir namun ia juga mampu memulihara kelestarian sungai. Seterusnya statistik yang didedahkan oleh seorang pensyarah di Pusat Pengajian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menunjukkan lebih 80 peratus sungai di bandar-bandar utama boleh dianggap telah mati akibat pencemaran sisa industri yang semakin meningkat.

Jabatan Alam Sekitar meletakkan negeri Johor iaitu negeri yang paling banyak sungai tercemar pada tahun 2017. Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada peruntukan yang telah diperuntukkan dalam butiran ini, bagaimana peruntukan diagihkan dan apakah sasaran tahunan pihak kerajaan untuk memulihkan sistem sungai tercemar teruk.

Kemudian Butiran 040100 – Pengurusan Air. Tuan Pengerusi jawapan Yang Berhormat Menteri semalam di Dewan Rakyat adalah Malaysia merupakan hak untuk menyemak semula harga air yang telah dibekalkan ke Singapura walaupun Singapura mendakwa Malaysia kehilangan hak tersebut setelah gagal berunding pada tahun 1987 dan 2012.

Saya berpandangan semua wakil rakyat bersetuju harga jualan air mentah ke Singapura bernilai tiga sen bagi setiap seribu galen sangat tidak munasabah. Saya mencadangkan agar pihak kementerian membentangkan Kertas Putih di Dewan Rakyat berkenaan isu Perjanjian Air 1962 dan usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia untuk menyelamatkan semula harga air tersebut. Memandangkan perjanjian tersebut akan berakhir pada tahun 2061, banyak perbelanjaan yang terpaksa dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Oleh itu, apakah *road map* kementerian bagi memastikan kedua-dua negara boleh duduk berbincang mengenai isu ini dalam masa yang terdekat.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Boleh minta penjelasan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ya sila.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkaitan dengan isu bekalan air. Saya minta pandangan Yang Berhormat, kalau kita lihat daripada butiran yang dipaparkan dalam buku ini, anggaran perbelanjaan kerajaan di mana Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan, contohnya diberi peruntukan sebanyak RM1 juta dengan pinjaman RM12.6 juta.

Isu yang ada sekarang ialah ada negeri yang diberi pinjaman, ada negeri yang diberi dalam bentuk geran dan saya mendapat maklum sebelum ini bagaimana pinjaman dikenakan bunga dua peratus. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, sebab ada negeri lain contohnya Pulau Pinang mendapat peruntukan RM33 juta. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, kita mohon supaya penjelasan dibuat macam mana pertimbangan diberi antara negeri-negeri dan kalau kita lihat dari sudut jumlah pinjaman yang diberi sedangkan tidak seimbang, sedangkan dasar kerajaan untuk mewujudkan suasana yang seimbang antara wilayah.

Jadi sepatutnya negeri-negeri yang masih perlu kepada dana yang banyak ini diberikan peruntukan bukan dalam bentuk pinjaman. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Pada pandangan saya, saya sangat bersetujulah supaya yang dikatakan jumlah pinjaman tadi ditukar kepada geran dan sebagai jasa Yang Berhormat Menteri kepada negeri Kelantan yang telah mengiktiraf Yang Berhormat dan saya ucap tahniah di atas anugerah DJMK daripada negeri Kelantan.

Kemudian Butiran 050300 - Program Konservasi Antarabangsa Giant Panda. Perjanjian Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Republik China pada tahun 2012. Pasangan panda telah sampai ke Malaysia pada tahun 2014 dan ditempatkan di Zoo Negara untuk tempoh selama 10 tahun.

Bermula pada waktu itu Kerajaan Malaysia mesti menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta setiap tahun bagi membayar *fee* untuk disumbangkan ke dalam Tabung Konservasi

Giant Panda. Selain simbol persahabatan dan kemakmuran, Giant Panda juga dikatakan menjadi satu tarikan pelancongan negara dan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan para pelabur dari China untuk terus melabur di negara Malaysia.

Isunya ialah sejumlah mana Giant Panda ini masih menjadi simbolik diplomatik dan perdagangan antara Malaysia dengan China setelah lima tahun ia diwujudkan dan berapakah kos yang telah ditanggung oleh kerajaan untuk program Konservasi Antarabangsa ini sepanjang masa ia dijalankan? Tuan Pengerusi itu saja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai diikuti oleh Yang Berhormat Paya Besar.

2.49 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya saya pergi ke Butiran 030300 – apakah pelan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan garis perpaduan yang dipatuhi, memenuhi piawaian antarabangsa.

■1450

Kedua, apakah pelan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan perhutanan kita tidak diancam oleh ancaman secara biologi dan '*biologism*'? Apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan jika berlaku ancaman secara biologi?

Butiran seterusnya 030100. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan Dasar Perhutanan Negara dan Akta Perhutanan Negara jika dijadikan garis peraturan dalam isu-isu pembalakan dan pemburuan haram?

Kedua, apakah langkah-langkah intervensi ataupun *intervention* yang Kerajaan Persekutuan dapat melakukan jika pemburuan haram berleluasanya?

Ketiga, apakah langkah-langkah punitif yang akan diambil kepada pihak-pihak yang bersalah dalam pembalakan mahupun pemburuan haram di dalam bidang kuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli?

Seterusnya, Butir 030000. Setakat ini apakah hasil kejayaan Forest Research Institute Malaysia (FRIM) dalam mewujudkan kerjasama strategik antara agensi tempatan dan antarabangsa?

Kedua, saranan menggunakan FRIM untuk menjana pendapatan dari segi pelancongan, bagaimanakah pihak kementerian ingin komersialkan FRIM terutama dalam memajukan dari segi penyelidikan?

Seterusnya, Butiran 040100. Mohon memberi penjelasan apakah rancangan untuk menghentikan dan mengendalikan paip air yang sudah luput dan menjadi satu masalah di kawasan Padang Serai? Kerap kali paip pecah memberi tekanan air tidak ada, paip-paip yang boleh dikatakan apabila *repair* paip dan bila buka air, paip sebelah lagi satu pecahkan lagi so banyak masalah dimana paip-paip itu telah reput, tidak ada apa-apa peruntukan pada kerajaan

negeri pada kali ini. Dalam peruntukan ini saya berharap Yang Berhormat Menteri buat sedikit peruntukan untuk negeri Kedah terutama sekali Parlimen Padang Serai.

Mengikut Kajian 2050, akan adakah masalah air di daerah Kulim, oleh itu Padang serai mencadangkan mendirikan sebuah empangan *to them* di kawasan Sungai Kob. Bila kita dirikan satu empangan dua masalah diselesaikan:

- (i) Takungan air boleh selamat; dan
- (ii) Banjir boleh diselamatkan.

Saya harap pihak kementerian ambil perhatian oleh sebab ini adalah perkembangan penduduk di kawasan saya akan bertambah dari bulan ke bulan dan juga ramai penduduk di sebelah negeri Pulau Pinang hijrah ke kawasan saya dan beli rumah di situ, so pada 2050 saya rasa satu masalah besar akan dihadapi oleh daerah Kulim. Oleh itu, saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Paya besar diikuti oleh Yang Berhormat Sibuti dan kemudian Yang Berhormat Parit Sulung.

2.53 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan perbahasan dalam Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, saya ingin mengalu-alukan kehadiran mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya Lembah Pantai Kuala Lumpur dan NGO dari negeri Johor Bidadari Selatan. Selamat datang ke Parlimen.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selamat datang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh celah tidak?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Belum *start* lagi hendak celah apa?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Pasal pelajar Universiti Malaya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tiada kaitan dengan butiran.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ada oleh sebab dialu-alukan boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Paya Besar ada tidak dalam maklumat Yang Berhormat Paya Besar mahasiswa Universiti Malaya ini masih ikat perut tidak? Maslah kewangan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Apa kaitan? Tanya Lembah Pantai. Lembah Pantai ada di sini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya ingat Yang Berhormat Kuala Krau kita berbahas di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan nanti.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa butiran yang berkaitan dengan Parlimen Paya Besar dan melibatkan nasional, pertamanya Butiran 13900 melibatkan Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir.

Yang Berhormat Menteri, saya ucap terima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pahang kerana telah mewujudkan satu sistem isyarat bagi memberitahu kepada masyarakat tentang bahayanya banjir apabila dalam jangkaan lima atau lapan jam akan tetapi yang masalahnya Yang Berhormat Menteri kenapa tidak ada satu pemakluman secara teknikal diberikan kepada masyarakat khususnya masyarakat bandar Sungai Lembing dan masyarakat Kampung Batu 6 Nadak Sungai Lembing kerana apa, JPS telah mewujudkan sistem ini Yang Berhormat Menteri akan tetapi tidak dimaklumkan kepada masyarakat. Program *awareness* ini amat penting supaya mereka tahu siren itu adalah untuk menunjukkan bahaya.

Saya juga hendak menyentuh Tuan Pengerusi berkaitan Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri. Kerana apa? Saya lihat ada pengurangan yang amat besar Yang Berhormat Menteri iaitu daripada RM22 juta kepada RM100,000 dan kawasan Paya Besar Yang Berhormat Menteri ialah kawasan seperti mana yang Yang Berhormat Bagan Serai sebutkan tadi ialah kita ada acara tahunan iaitu banjir. Tiap-tiap tahun akan berlakunya banjir. Jadi, kenapa JPS tidak diperuntukkan sejumlah wang yang mencukupi untuk membetulkan perparitan dan saluran khususnya di Parlimen Paya Besar?

Saya juga hendak menyentuh Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Saya hendak tahu status terkini berkaitan dengan pakej kedua pembinaan ban mencegah banjir Sungai Pandan dan Sungai Kuantan di Bukit Rangin. Saya lihat peruntukan sudah ada Rancangan Malaysia Ke-11, lagi setahun nak habis Yang Berhormat Menteri akan tetapi masih belum ada tanda-tanda. Dahulu jawapan Yang Berhormat Menteri tahun lepas peringkat reka bentuk, saya hendak tahu status terkini yang harus dinyatakan kepada saya

Saya juga hendak menyentuh Butiran 22000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Pahang pun ada bersama-sama mendengar perbincangan ini. Kenapa Kerajaan Negeri Pahang tidak diberikan secara langsung peruntukan kewangan untuk tahun ini? Hanya diberi RM27 juta dalam bentuk pinjaman. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi datang ke Pahang buat pengumuman, rakyat-rakyat Pahang suka, gembira kerana telah diperuntukkan lebih kurang RM2.41 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Berkaitan Air, 173 untuk tangki imbalan berkapasiti RM106 juta di kawasan perindustrian Gebeng dan di kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu gangguan bekalan air di Raub. Jadi saya hendak tengok mana butiran peruntukan tersebut dalam Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang? Adakah disimpan dalam satu butiran yang saya tidak tahu? Saya harap Yang Berhormat Menteri tolong jawab. Kerana apa? Empat butiran ini berkaitan rapat dengan diri saya dan rakyat negeri Pahang saya mohon sangat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya juga Tuan Pengerusi ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan peringkat nasional. Butiran 030200 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Universiti Sains Malaysia Tuan Pengerusi sudah buat satu kajian tahun 2017 menyatakan spesies seperti kera, babi hutan, gajah, musang pandan, beruk merupakan spesies yang di antara spesies yang populasi hutan yang semakin hari semakin berkurangan dan saya hendak tahu apakah usaha kementerian untuk melindungi spesies hidupan liar ini supaya ia tidaklah mencatat kematian yang tinggi. Kerana kalau inilah yang kita lakukan kita akan hilang populasi hutan.

Kita harus ikut bagaimana Jepun, kerajaan Pakatan Harapan suka sangat ke Jepun, tengok Jepun apa Jepun buat. Jepun buat Artificial Feeding Program. *Habitual Improvement Programme* dengan izin, jadi saya harap sangat perkara-perkara ini dapat diselaraskan supaya kita dapat menyelamatkan hidupan hutan.

Saya juga hendak menyentuh butiran di bawah Ministerial Meeting Tiger Range Countries. Kerana apa? Saya yakin pagi tadi Yang Berhormat Rembau telah sebut sudah berapa ramai Ahli Parlimen sebut tentang International Union for Conservation of Nature (IUCN) dan saya risau Yang Berhormat Menteri sebagai contoh harimau dijual dengan harga RM620,000 hingga ke RM1 juta dan bagaimana pemburu-pemburu ini sanggup bergadai nyawa sanggup dikenakan hukuman akan tetapi mereka lebih tertarik kepada jumlah jualan oleh kerana jumlah jualan inilah yang dianggap sebagai untung walhal mereka lupa bahawa khazanah hutan yang patut diselamatkan.

Saya juga menyentuh Yang Berhormat Menteri. Minit-minit yang terakhir ini berkaitan dengan EU. Saya yakin di pihak kerajaan di pihak pembangkang kita amat sensitif apabila datang kepada industri kelapa sawit.

■1500

Saya yakin Yang Berhormat Menteri amat memahami dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini amat memahami sekali. EU tolak industri sawit atau hasil sawit kita kerana pembalakan, kerana orang utan tetapi saya tidak nampak di bawah Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti ini dapat mengengkang perkara ini. Ini kerana, apa yang berlaku hari ini ialah WWF buat kajian kekurangan orang utan di kawasan Timur Sabah, di kawasan Kelambar dan juga Tabin.

Ini semua perkara-perkara yang harus kementerian ini mengambil kepedulian dan harus mengambil satu peruntukan yang mencukupi sebagaimana Yang Berhormat Arau selalu sebut. Kalau tidak ada peruntukan yang mencukupi, kita sokong supaya ditambahkan supaya kita dapat selamatkan hutan, kita dapat betulkan di peringkat antarabangsa dan akhirnya isu EU ini akan menyelamatkan lebih stok minyak yang berada di negara kita. Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara yang saya hendak sentuh iaitu NRW Nasional...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cepat sedikit, masa sudah tamat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya faham. Saya minta sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Seminit, terima kasih. Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri. Ini perkara yang merunsingkan saya Yang Berhormat Menteri. Saya yakin inilah kementerian di antara kementerian yang apabila berbahas ada dua tokoh iaitu Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Syabas saya ucapkan kerana jarang saya nampak kementerian, kalau Menteri ada Timbalan Menteri tidak ada. Akan tetapi inilah kementerian yang saya pandang tinggi. Itu sebabnya saya harap sangat sistem penyampaian kementerian ini harus dibetulkan.

Saya mengambil contoh NRW Nasional telah diperuntukkan sebanyak RM1.9 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Akan tetapi yang mengecewakan saya Yang Berhormat Menteri, apabila saya melihat *Audit Report 2018*, perbelanjaan sebenar sehingga 31 Disember 2018 Tuan Pengerusi, hanya RM6.3 juta iaitu 0.33 peratus. Yang Berhormat Menteri datang ke Gebeng buat kenyataan akhbar berakhirnya Rancangan Malaysia Kesebelas kita akan *reduce* kepada 31 peratus NRW. Akan tetapi perbelanjaan hanya 0.33 peratus. Ada lagi 99.67 peratus perbelanjaan daripada RM1.9 bilion peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas tidak digunakan.

Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, kalau perlu kita rombak agensi, kita rombak agensi. Ini kerana saya harap sangat di bawah kepemimpinan Yang Berhormat Menteri kita dapat selesaikan masalah NRW ini. Kalau boleh tengok-tengoklah Parlimen Paya Besar berkaitan NRW ini yang sangat besar sekali.

Saya setuju Tuan Pengerusi, perjanjian air dengan Singapura ini harus dibuat tetapi izinkan saya memberikan cadangan sedikit Yang Berhormat Menteri. Kita dengan Singapura ini berkawan sudah lama, kita rakan dagangan yang kedua tertinggi selepas China. Kita juga tahun 2018 ada *trade surplus* lebih kurang RM32 bilion. Apabila di *compare*-kan import dan eksport. Bincang elok-eloklah, jangan guna kekerasan kerana kita ada perundangan antarabangsa. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti.

3.03 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada P.23, Butiran 10100 – Pemuliharaan Hidupan Liar dan Projek Kerjasama Antarabangsa Perhutanan, Sarawak. Parlimen Sibuti di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas telah diluluskan untuk pembinaan ataupun mewujudkan *Sibuti Wildlife Sanctuary* dengan nilai sebanyak RM2 juta.

Di sini saya melihat peruntukan yang disediakan – saya lihat tiada dapat kita lihat peruntukan sebanyak RM2 juta tersebut di dalam mewujudkan *Sibuti Wildlife Sanctuary*. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkenaan perkara tersebut memandangkan *Sibuti Wildlife Sanctuary* ini sangat penting. Di mana banyak tangkapan-tangkapan hidupan liar yang berada di

utara Sarawak terpaksa dibawa lebih kurang 1,000 kilometer ke Kuching apabila kita hendak menyelamatkan hidupan liar tersebut. Maka kita memerlukan *Wildlife Sanctuary* ini dengan izin di utara Sarawak.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Saya melihat peruntukan pada tahun lepas di peruntukan sebanyak RM22 juta dan pada tahun ini hanya RM100,000. Saya ingin mendapatkan jawapan mengapakah penurunan yang mendadak bagi peruntukan tersebut dan pemahaman saya kerja-kerja kecil ini kebiasaannya dalam projek-projek pembersihan sungai. Kalau kita lihat di kawasan di negeri Sarawak terutamanya banyak projek-projek pembersihan sungai diperlukan oleh penduduk-penduduk terutamanya di kampung-kampung dan juga di kawasan rumah-rumah panjang. Ini bagi memastikan bahawa sungai-sungai mereka bersih dan juga tidak tersumbat memandangkan ketika ini banyak penanaman kelapa sawit menyebabkan kawasan-kawasan rumah panjang dan kampung banjir akibat sungai yang tidak bersih.

Mengenai Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Sarawak merupakan salah sebuah negeri terbesar dan juga mempunyai panjang pantai yang sangat besar. Saya juga ingin bertanya kepada Menteri, adakah terdapat projek bagi kawasan Parlimen Sibuti untuk tahun 2020 terutamanya untuk masalah hakisan sungai di Pantai Tusan, Pantai Bakam, Kuala Sibuti dan juga Kuala Niah. Memandangkan kawasan tersebut mengalami hakisan yang teruk dan juga membebankan nelayan-nelayan.

Selain daripada itu, saya ingin menyebut Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah status cadangan untuk mengorek Kuala Sungai Miri. Memandangkan projek tersebut sudah banyak kali dijanjikan oleh kerajaan lepas dan juga kerajaan sekarang. Ini kerana kuala sungai ini perlu didalamkan bagi membolehkan industri perkapalan dapat dilaksanakan. Selain daripada itu, apakah bentuk projek-projek kecil untuk mengorek kuala-kuala sungai di kawasan Parlimen Sibuti bagi tahun 2020. Saya juga berharap agar Pantai Bakam dan juga Pantai Bungai di Parlimen Sibuti disenaraikan dalam projek tahun 2020.

Selain daripada itu, saya ingin menyebut Butiran 050300 – Program Konservasi Antarabangsa Giant Panda. Saya mengucapkan terima kasih, pada tahun lepas Yang Berhormat Menteri ada di dalam Dewan. Tahun ini pun Yang Berhormat Menteri ada di dalam Dewan. Saya menyebut perkara yang sama berkenaan tentang Konservasi Panda ini. Pasangan panda ini telah duduk di Malaysia selama lima tahun dan juga kita telah mengeluarkan bajet yang besar untuk menjaga keluarga panda ini. Salah seekor anak panda telah dikembalikan.

Saya juga ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan, apakah hasil konservasi yang kita peroleh daripada penjagaan panda ini? Sekiranya pasangan panda ini melahirkan anak yang baru, adakah kerajaan akan menamakan anak panda ini menggunakan nama tempatan ataupun nama yang berunsur kemalaysiaan. Memandangkan kedua-dua anak panda yang lahir saya melihat nama yang diberi tidak melambangkan perhubungan antara Malaysia dan juga China.

Selain daripada itu, ini mungkin perkara yang mudah. Memandangkan panda ini hanya duduk di Kuala Lumpur dan tidak semua rakyat Malaysia dapat menikmati dan juga melihat anak panda ini, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memperagakan panda ini ke wilayah-wilayah seperti Sabah dan Sarawak? Ini membolehkan rakyat-rakyat yang tidak dapat pergi melawat Kuala Lumpur untuk melihat dan juga menikmati keluarga panda ini. Inilah yang saya ingin bangkitkan berkenaan tentang anak panda.

Saya ingin bertanya tentang Butiran 050400 – Penarafan Bintang yang baru diwujudkan sebanyak RM1 juta. Apakah yang dimaksudkan berkenaan tentang RM1 juta ini? Akhir sekali berkenaan tentang Butiran 02801 – Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyenggaraan Sempadan Antarabangsa. Pada tahun lepas saya melihat terdapat satu peruntukan yang khusus menyukat sempadan Malaysia dan Brunei.

Saya juga ingin membangkit sekali lagi adakah peruntukan tersebut telah diguna pakai dan juga adakah kerajaan telah mendapat kata putus sempadan antara Brunei dan juga Malaysia? Bagi saya ini melibatkan kepentingan, memandangkan pemimpin pada kerajaan yang lepas telah menyerahkan Blok L dan juga Blok M yang mempunyai kandungan minyak tinggi kepada negara Brunei. Sekali lagi saya bertanya.

■1510

Sekali lagi saya bertanya, adakah kerajaan akan menuntut semula blok tersebut untuk dikembalikan kepada kerajaan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Papar dahulu, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Sila, Yang Berhormat Papar.

3.10 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam kita memperkasakan pengurusan air, tanah dan sumber asli secara mampan untuk kesejahteraan negara, kerajaan telah memperuntukkan bajet pembangunan sebanyak RM3.5 bilion di mana tahun sebelumnya diberikan sebanyak RM2.82 bilion. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan baru terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Butiran 15300 iaitu untuk mengorek kuala-kuala sungai diperuntukkan sebanyak RM135.79 juta. Bajet ini sangat diperlukan terutamanya di negeri Sabah di mana seperti di kawasan P.175 Papar memerlukan pengorekan muara-muara yang cetek.

Semalam, saya menerima kompelin daripada nelayan-nelayan Kampung Benoni, tempat saya lahir, tempat saya membesar bahawa mereka tidak dapat pergi ke laut menangkap ikan di sebabkan muara laut yang cetek. Muara ini cetek bukan kerana tidak dikorek tetapi ia terjadi disebabkan oleh kontraktor yang mengorek pada ketika ini tidak berpengalaman. Apa yang saya

hendak sarankan di sini ialah biarlah kita mencari kontraktor-kontraktor yang berpengalaman supaya perkara seperti ini tidak terjadi.

Hari ini kita mengorek, esok muara itu akan cetek lagi. Jadi apa yang saya mahu ialah supaya kementerian dapat memberi satu subjek di mana apabila kita memilih kontraktor, pilihlah kontraktor yang berpengalaman supaya perkara ini tidak terjadi dua kali. Memang betul, P.175 Papar banyak permasalahan muara cetek. Ini selalu disuarakan oleh nelayan-nelayan kampung terbabit apabila air surut, ada kalanya nelayan-nelayan ini tidak dapat ke laut seperti apa yang terjadi kepada nelayan-nelayan di Kampung Benoni seminggu yang lalu disebabkan tidak dapat melalui muara yang cetek. Muara-muara yang saya maksudkan ialah muara Sungai Papar, muara Sungai Kinarut, muara Sungai Benoni, muara Sungai Kimanis, muara Sungai Pengalat Besar dan Bundusan, muara Sungai Kinarut dan muara Sungai Beringis.

Dengan peruntukan yang ada, saya memohon agihan peruntukan ini supaya pengorekan muara yang cetek dapat dilaksanakan apabila diperlukan. Ini memerlukan pemantauan yang berkala supaya semua kerja dapat dilaksanakan dengan baik. Saya juga ingin bertanya macam mana cara pemberian lesen mengorek muara ini kepada pemohon, demi untuk memberi peluang kepada pemohon-pemohon lain supaya kerja ini tidak dimonopoli oleh satu atau dua kontraktor sahaja.

Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam sebanyak RM175 juta telah diberi peruntukan pada tahun ini berbanding dengan RM69.9 juta tahun sebelumnya. Ini menunjukkan kerajaan memang peka dengan permasalahan rakyat. Maka saya bercadang dengan peruntukan yang ada ini supaya kita dapat memperkasakan Sungai Papar di mana kita boleh menjana ekonomi dan aktiviti-aktiviti perdagangan yang dapat memberikan kebaikan dan kesinambungan kepada penduduk Papar.

Ia juga memberi *potential* pelancongan dalam dan luar negeri. Segala aktiviti untuk pelancongan juga boleh dibuat di sepanjang Sungai Papar ini tetapi ia memerlukan prasarana yang baik dan sempurna seperti pembaikan tebing-tebing yang runtuh supaya kita akan dapat membawa pelancong-pelancong luar untuk datang ke Papar. Sungai Papar ini akan lebih terserlah apabila sebahagian daripada projek *waterfront* dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Acara sukan air dan lain-lain aktiviti lain juga boleh dibuat dan ini akan menarik lagi ramai pendaatang ke pekan Papar.

Butiran 16700 – Rancangan Tambatan Banjir dan Saliran yang diperuntukkan sebanyak RM443.92 juta. Banyak kampung berhampiran bandar, pekan yang setiap kali hari hujan akan terjadi banjir kilat, begitu juga banyak kampung di pedalaman akan menerima nasib yang sama. Bayangkan apa akan terjadi kepada barang-barang di dalam rumah kita, apabila terjadi banjir kilat? Banjir kilat ini terjadi disebabkan oleh perparitan yang tidak ada atau tidak teratur disebabkan tidak ada peruntukan ataupun dana untuk membina dan menyelenggarakan parit-parit dan longkang-longkang demi melancarkan perjalanan air sewaktu hujan.

Baru-baru ini saya melawat beberapa kampung yang dilanda banjir untuk melihat keadaan mangsa-mangsa dan memberikan sumbangan untuk membina dan menyelenggarakan parit-parit dan longkang-longkang demi melancarkan perjalanan air. Bayangkan sebagai seorang wakil rakyat, jika kita selalu berhadapan dengan banjir kilat ini, berapakah sumbangan yang harus kita hulurkan. Dalam setahun, kita memerlukan banyak sumbangan. Jadi saya memohon kepada kementerian supaya dapat memberi sedikit dana untuk kita melaksanakan segala permasalahan perparitan yang dihadapi oleh rakyat. Jadi dengan ini, sekian sahaja dan saya menyokong bajet ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong diikuti oleh Yang Berhormat Hulu Selangor, kemudian Yang Berhormat Tanjong Manis dan Yang Berhormat Merbok.

3.18 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi maksud B.23 Butiran 020400 – Pengaliran dan Saliran, dan maksud P.23 Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri. Sistem perparitan yang selamat penting dalam kita nak mengurangkan masalah banjir kilat. Untuk kawasan Parlimen saya *u-shape concrete* telah diluluskan pada tahun 2014 tetapi pembinaannya hanyalah sebelah jalan sahaja. Jadi saya hendak memohon agar pembinaan *u-shape concrete* ini diteruskan sepanjang perjalanan daripada Jambatan Batu Pahat sehingga ke Semerah. Pertanyaan saya kepada pihak kementerian, bilakah projek ini akan diteruskan dan disambung?

Seterusnya saya hendak membawa satu isu berkaitan pembersihan parit di Parit Jayus 4 Mukim 18, Sri Medan. Soalan saya kepada kementerian adalah apakah pihak kementerian akan meneruskan kerja-kerja pendalaman parit melibatkan jajaran di Sri Medan iaitu daripada pekan Parit Sulong menuju ke Sungai Batu Pahat memandangkan sebelum ini kerja mendalamkan parit itu hanya dilakukan separuh jalan iaitu hanya melibatkan sebahagian jajaran simpang Sungai Kiri sahaja.

■1520

Kawasan Parlimen Parit Sulong ini, Yang Berhormat Menteri, adalah kawasan yang sering dilanda banjir. Jadinya, adakah terdapat apa-apa perancangan daripada JPS dalam langkah untuk membaik pulih infrastruktur pengairan dan saliran di Batu Pahat khususnya di kawasan Parit Sulong secara menyeluruh? Bukannya sedikit-sedikit.

Bagi Maksud P.23, Butiran 13900 – Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir. Saya pernah dimaklumkan bahawa pihak kementerian pada ketika itu akan melaksanakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) bagi tujuan penyediaan atau persiapan menghadapi ancaman banjir kilat di sekitar Jalan Rugayah, Batu Pahat. Jadinya soalan saya berkaitan perkara ini adalah, apakah status penyediaan PISMA bagi kawasan Daerah Batu Pahat? Sejauh manakah

ia telah dijadikan garis panduan kepada pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah banjir kilat di sekitar kawasan Batu Pahat?

Seterusnya soalan saya yang berkaitan adalah bagaimanakah pula kerjasama yang dijalankan oleh pihak kementerian melalui JPS bersama dengan PBT Batu Pahat bagi memastikan masalah saliran ini dapat ditangani secara lebih konsisten dan dapat dielakkan secara berperingkat? Apakah terdapat perancangan ataupun pelan pembangunan bagi mengawal banjir di kawasan-kawasan yang berpotensi banjir dan sering banjir dalam kawasan Batu Pahat terutamanya bagi kawasan Parlimen Parti Sulong dan juga kawasan Parlimen Batu Pahat juga bersekali? Sebab kita *neighbor* dan kita berjiran.

Bagi Maksud P.23, Butiran 02803 – Pewujudan Sistem Pemetaan Utiliti. Pewujudan peta utiliti ini sangat penting. Tujuannya adalah ia— dalam menjalankan projek pembangunan dan sebagainya. Jadinya soalan saya pada pihak kementerian adalah bagaimanakah pihak kementerian menilai kepentingan dan adakah ada rancangan untuk mewujudkan peta utiliti di seluruh kawasan luar bandar terutamanya di kawasan Parlimen Parit Sulong? Adakah pihak kementerian akan memperuntukkan sejumlah dana untuk membantu dua PBT yang terletak di kawasan Parlimen Parit Sulong iaitu Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Majlis Daerah Yong Peng bagi membangunkan peta utiliti ini?

Seterusnya, Butiran 08100 – Pusat Pembangunan Produk Herba. Adakah terdapat sebarang kerjasama di antara kementerian dengan Kementerian Kesihatan dalam menyampaikan maklumat kepada orang awam mengenai kebaikan produk herba semula jadi negara ini? Bagaimanakah kaedah kementerian menyampaikan dan memaklumkan senarai produk herba yang selamat digunakan kepada rakyat? Soalan seterusnya pula adalah bagaimanakah kementerian ataupun Pusat Teknologi Herba (HTC) akan bertindak sebagai sebuah pusat pengeluaran herba dinamik yang akan menjadi pengganti kepada produk-produk jamu tradisional yang sehingga kini masih menjadi pilihan masyarakat?

Terakhirnya adalah Butiran 08601 – Penanaman Pokok Bakau dan Spesis-spesis Yang Sesuai di Persisiran Pantai (JPSM). Bagi butiran ini, saya hendak minta perhatian yang lebih daripada pihak kementerian kerana sudah banyak kali saya sebut mengenai perkara ini di Dewan yang mulia ini. Di kawasan saya, ada satu kawasan yang dinamakan Teluk Wawasan dan Teluk Wawasan ini ia ada pokok bakau yang telah berusia lebih daripada 100 tahun.

Namun begitu, kawasan ini tidak mendapat perhatian sama ada dalam bentuk pemuliharaan dan pemeliharaan. Saya melihat ia salah satu daripada ekosistem semula jadi yang sangat berharga yang perlu kita pelihara. Bukan senang kita hendak jumpa tanaman yang berusia lebih daripada 100 tahun. Sepatutnya ia boleh digazetkan sebagai kawasan pokok bakau simpan seperti hutan simpan.

Jadinya soalan saya kepada pihak kementerian adalah, ada tidak sebarang usaha daripada pihak kementerian untuk membantu untuk membangunkan dan memelihara kawasan pokok bakau simpan di kawasan Parlimen Parit Sulong ini? Di kawasan ini juga ada jeti lama.

Mungkin kementerian boleh turun padang dan lihat bagaimana ia boleh berpotensi untuk dijadikan kawasan mini rekreasi ataupun ekologi yang secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan am kepada masyarakat yang berkunjung ke kawasan tersebut.

Itulah antara yang dapat saya bangkitkan dalam perbahasan kali ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Selangor. Saya hendak memulakan untuk lima minit kerana ramai lagi yang mohon menulis untuk berbahas. Sila, Yang Berhormat Hulu Selangor.

3.25 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin mengalu-alukan pelajar Ijazah Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) daripada Gombak. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selamat datang.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus ke Kepala Bekalan B.23 Butiran 060200 – Penyelenggaraan dan Pembaikan. Apakah kategori permohonan yang ada di bawah peruntukan ini? Bagaimanakah cara untuk memohon peruntukan ini? Saya mencadangkan agar satu peruntukan tetap diberikan bagi melaksanakan penyelenggaraan berkala kepada fasiliti di bawah kementerian.

Butiran 050000 – Program Khusus. Apakah kementerian tidak mempunyai sebarang program konservasi khususnya buat hidupan liar di Malaysia? Mohon pihak kementerian untuk fokus kepada hidupan liar seperti harimau serta tapir yang kian pupus di negara kita.

Beralih kepada Kepala Pembangunan P.23 Butiran 07100 – PERHILITAN yang menerima peruntukan sebanyak RM53 juta. Di Hulu Selangor, terdapat sebuah Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun yang kian uzur. Permohonan bagi menaik taraf bangunan kurungan hidupan liar, naik taraf kurungan pra pelepasan, masalah pendawaian elektrik dan penghawa dingin, sistem perpaipan yang bocor serta kuarters kakitangan juga perlu dinaiktarafkan. Permohonan telah diangkat tetapi hingga kini masih belum menerima peruntukan. Malah, kenderaan untuk menyelamatkan hidupan liar juga telah uzur. Ini amat mendukacitakan kerana pusat ini amat penting bagi melindungi hidupan liar seperti tapir yang kini diancam kepupusan. Tapir juga merupakan ikon kepada Daerah Hulu Selangor.

Mohon pihak kementerian untuk turun padang membuat lawatan melihat sendiri masalah di pusat ini. Jika naik taraf dapat dijalankan, Hulu Selangor pastikan dapat menjadikan pusat ini sebagai salah satu tarikan pelancongan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi setempat.

Bagi Butiran 14200 – Pemulihan Struktur, saya ingin mendapatkan maklumat, apakah jenis pemulihan yang diadakan dan digunakan untuk apa dalam peruntukan ini?

Butiran 14500 – Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir serta Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Melalui butiran ini, ia seperti hanya untuk bandar sahaja. Bagaimana pula dengan RTB untuk kawasan luar bandar?

Di Hulu Selangor pada tahun 2012 telah berlaku satu banjir besar yang berpunca di lembangan Sungai Batang Kali apabila tebatan banjir tersebut pecah dan rosak. Lebih 1,000 buah rumah dan penduduk terjejas teruk akibat banjir besar ini. Melibatkan kerosakan harta benda melebihi RM50 juta. Permohonan untuk membaik pulih dan naik taraf telah dimajukan tetapi sehingga kini masih belum ada sebarang tindakan. Mohon kementerian untuk mengutamakan permohonan ini bagi mengurangkan impak jika berlaku lagi banjir besar di kawasan ini.

Seterusnya Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Dicadangkan agar peruntukan ini juga dapat digunakan bagi kerja-kerja pembersihan berkala di kawasan sungai dan RTB. Mohon penyelenggaraan berkala ini dipentingkan kerana di Hulu Selangor juga sering berlaku banjir kilat akibat saluran yang tersumbat. Mohon kementerian untuk melihat isu ini.

Akhir sekali, Butiran 15400 – Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam. Dilihat peruntukan untuk butiran ini meningkat sebanyak RM106 juta. Apakah rancangan kerajaan bagi peruntukan ini? Adakah rancangan ini juga ada melibatkan kawasan Hulu Selangor? Kawasan Felda Sungai Tengi Selatan selalu menghadapi tekanan air yang amat rendah terutamanya pada musim perayaan.

■1530

Mohon kementerian dapat menyelesaikan masalah yang telah lama berlaku di sini. Saya bagi pihak rakyat di Hulu Selangor ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk membuat lawatan ke Hulu Selangor. Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Manis, kemudian Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Jerantut, dan Yang Berhormat Batu. Silakan.

3.30 ptg.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Daripada RM22 juta dalam tahun 2019 kepada RM100 ribu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh merujuk kembali jumlah ini disebabkan banyak kerja-kerja kecil yang dibuat oleh JPS seperti membaiki ban yang rosak yang mengalami kerosakan pantai jadi memerlukan peruntukan untuk memperbaiki ban-ban tersebut.

Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Sejumlah RM3.5 juta untuk tahun 2020, ini satu peningkatan daripada tahun 2019. Jadi seperti yang saya hendak lanjutkan daripada Soalan Lisan saya tempoh hari mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menimbang semula ataupun

memberi pertimbangan untuk dua buah kampung yang saya sebutkan iaitu Kampung Sebako dan juga Kampung Paloh yang mengalami masalah hakisan pantai yang teruk.

Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Masalahnya di kawasan saya dan juga di kawasan-kawasan lain di Sarawak, masalah pengorekan kuala-kuala sungai ini jarang dilakukan. Apabila berlaku sekali monsun, sungai akan menjadi cetek disebabkan oleh pergerakan pasir di kawasan pantai. Jadi ini akan menyukarkan pihak nelayan untuk balik daripada laut selepas menangkap ikan. Jadi, banyak yang terpaksa menunggu sehingga air pasang barulah mereka boleh masuk ke sungai. Jadi, kita mohon pihak kementerian mengambil perhatian untuk mengorek beberapa sungai yang ada di kawasan saya seperti Sungai Sebako, Sungai Penibung, Sungai Betanak, Sungai Penipah, Sungai Salah Kecil, Sungai Tekijong dan Sungai Beruit. Mereka menghadapi masalah kuala sungai yang cetek Yang Berhormat Menteri.

Butiran 14600....

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, sekejap saya minta video ini ditunjukkan muka penuh Yang Berhormat Tanjong Manis... *[Tuan Pengerusi merujuk kepada paparan di skrin TV]* Hah, barulah handsome... *[Dewan ketawa]*

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Rugi, rugi, rugi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Tanjong Manis.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Kena minta masa tambahan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Rakyat sudah boleh tengok.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: *[Ketawa]* Butiran selanjutnya Butiran 14600 – Kajian Pra Kemungkinan. Saya cuba mencari di dalam butiran lain sama ada kajian seperti yang saya sebutkan kajian NCES ataupun kajian *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP) termasuk dalam kajian pra kemungkinan yang ada peruntukan sebanyak RM5 juta. Jadi ini adalah peluang untuk kita membuat satu kajian mungkin khusus untuk negeri Sarawak terutamanya kajian NCES atau ISMP di mana kita boleh memberi keutamaan kepada pantai-pantai yang mengalami hakisan yang teruk. Jadi mungkin boleh dimasukkan dalam bajet ini.

Untuk butiran selanjutnya Butiran 29000 – Rancangan Bekalan Air Sarawak. Mengikut data yang saya ada, pada tahun 2019 sebanyak RM80.9 juta, tetapi pada tahun 2020 tidak ada peruntukan langsung, sebaliknya dalam bentuk pinjaman iaitu berjumlah RM123.203 juta.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri kenapa tiada peruntukan untuk tahun 2020, dan terjadi pula pinjaman kepada negeri Sarawak.

Akhir sekali Butiran 95000 – NRW NASIONAL. Jadi, kita berharap ada sedikit peruntukan untuk negeri Sarawak kerana banyak paip-paip kita yang telah usang yang kita mengalami masalah kebocoran di sana-sini. Jadi, kita ada peruntukan sebanyak RM365 juta- jadi ia jumlah yang besar. Kita berharap ada sedikit untuk negeri Sarawak khususnya untuk kawasan Tanjong Manis. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok.

3.34 ptg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 13400 – Pembangunan Sumber Air Negara. Saya cuma ingin bertanya kepada kementerian, pendirian kementerian berkenaan sistem penguraian air hujan iaitu *rainwater harvesting system*, sejauh manakah usaha-usaha kementerian dalam menjadikan ia sebagai alternatif sumber air kerana difahamkan ia telah pun ada *guideline* daripada NAHRIM dan juga NADMA dan juga sebenarnya ada kajian menunjukkan sistem ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan juga *return of capital (ROC)*, dengan izin, yang juga sebenarnya berbaloi untuk jangka masa yang pendek.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Saya menyaksikan pengurangan yang sangat ketara daripada RM22 juta pada tahun 2019 kepada RM100 ribu. Jadi, saya mohon penjelasan, kenapa berlaku pengurangan yang sangat ketara ini kerana hakikatnya di kawasan-kawasan selalu berlaku banjir kilat dan sebagainya hanya kerana akibat tersumbat dan juga *sedimentation* yang tidak berlaku penyelenggaraan. Apabila kita tanyakan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, alasan yang lazim kita dengar ialah masalah peruntukan. Maka saya mohon pihak kementerian untuk melihat akan isu ini.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Ini juga antara perkara yang pernah saya bangkitkan iaitu Tanjung Dawai. Tanjung Dawai mengalami hakisan sepanjang pantai Tanjung Dawai yang serius, maka saya mohon kepada kementerian, adakah dalam bajet kali ini ada termasuk kawasan Tanjung Dawai juga, kerana Tanjung Dawai merupakan kawasan antara yang berpotensi sebagai tempat pelancongan.

Akhir sekali, Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir. Ingin saya bertanyakan status permohonan RTB Sungai Petani dan Sungai Bongkok. Walaupun ia tidak dalam kawasan Parlimen tetapi ia memberikan sedikit kesan juga kepada Parlimen Merbok kerana ia adalah dalam kawasan yang berdekatan.

Ini betul-betul akhir ya. Butiran 06500 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah yang mana difahamkan tahun lepas kita memang diperuntukkan kira-kira RM1.7 bilion tetapi di dalam buku bajet ini dicatatkan pada tahun 2020 kelihatan kosong. Saya mohon penjelasan pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerantut, diikuti oleh Yang Berhormat Batu kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Ledang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terpandang yang mana satu Yang Berhormat Kuala Krau kah atau Yang Berhormat Jerantut? Terpandang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau antara yang terkebelakang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terpandang muka yang mana satu dahulu? Yang Berhormat Jerantut atau Yang Berhormat Kuala Krau?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ikut giliran.

3.37 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau mengikut peraturan ini Yang Berhormat terpandang dahulu. Terpandang Yang Berhormat Kuala Krau...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terpandang Yang Berhormat Jerantut.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut bersama dalam Peringkat Jawatankuasa.

Sedikit sahaja iaitu pertamanya tentang Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti.

Saya merujuk kepada Butiran 030100 – Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kita semua tahu bahawa hutan ini penting kepada kelestarian kehidupan kita.

Cuma saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, berapakah saiz hutan di negara kita ini yang masih lagi belum diteroka- terkini, bukan yang dua, tiga tahun sudah itu. Kalau boleh yang terkini, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat bersama dengan kerajaan negeri dalam membantu kerajaan negeri yang telah merizabkan hutan-hutan simpan ini untuk tujuan-tujuan tertentu. Ini kerana mereka telah meninggalkan hutan ini, dan hutan ini tidak dibangunkan maka tentulah negeri mengalami kekurangan hasil. Jadi apakah ada dapatan daripada Kerajaan Pusat untuk membantu kerajaan negeri bagi mengatasi kekurangan hasil yang dialami oleh pihak negeri.

Mengambil contoh negeri Pahang. Negeri Pahang telah memberikan keluasan kawasan seluas 4343 kilometer persegi kawasan Taman Negara di Jerantut, Pahang. Hutan ini tidak boleh dibangunkan, tidak boleh hasil. Jadi 4000 kilometer persegi ini luas. Tambahan pula kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Wan Rosdy telah juga turut merizabkan 258,992 ekar merupakan kawasan tadahan air hujan. Ini sekali lagi memberikan impak yang besar kepada hasil kerajaan negeri.

Jadi kalau ada bantuan yang boleh diberikan dalam bentuk khusus, mengatasi kekurangan hasil ini, maka ia merupakan satu langkah yang terbaik, secara tidak langsungnya mengajak kerajaan-kerajaan negeri menyimpan hutan-hutan yang ada di negeri mereka bagi memastikan bekalan air yang berterusan ini tidak berkurangan.

Ini kerana kita lihat tanah-tanah- kebanyakannya tanah-tanah ini diteroka, dimajukan sehingga kawasan-kawasan tadahan menjadi kurang. Jadi isu tanah ini memang saya tahu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi mungkin dengan adanya kerjasama yang baik,

mungkin kita dapat mengatasi masalah kawasan tadahan air. Yang Berhormat Kuala Krau macam hendak bangun sahaja.

■ 1540

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dua minit setengah lagi. Sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Jerantut sebut mengenai tanah rizab hutan, cuma saya hendak ingatkan juga kepada Yang Berhormat Jerantut, jangan lupa pada tanah rizab Melayu yang sekarang ini digambarkan tinggal 12 peratus sahaja tanah rizab Melayu ini dan saya harap sebagaimana Yang Berhormat Ahli Parlimen Tambun memperjuangkan supaya tanah rizab Melayu ini dapat dikekalkan. Ini satu langkah yang paling bijak oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak.

Saya hendak ingatkan juga, supaya Yang Berhormat Menteri dapat ingatkan kepada Menteri-menteri Besar di setiap negeri supaya tanah rizab Melayu ini sebenarnya adalah terlindung atau dijaga di bawah Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan. Jadi, kalau tanah rizab Melayu itu diambil untuk pembangunan lain, serta-merta mesti ganti. Kalau tidak ganti, tidak boleh.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memastikan supaya tanah rizab Melayu ini tidak sewenang-wenangnya diambil untuk tujuan-tujuan pembangunan kalau tidak ada gantian. Saya mohon Yang Berhormat Menteri juga menyatakan berapakah luas tanah rizab Melayu di peringkat negeri-negeri yang tidak diganti di bawah Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih. Walaupun itu *state matter* tetapi di bawah Perlembagaan Persekutuan boleh jawab.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Bagi peluang untuk *you* cakaplah.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masukkan itu sebagai ucapan saya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030200 - Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Hari ini kita sering kali mendengar konflik antara haiwan dan manusia. Jadi kita lihat hidupan liar semakin terancam dan secara tidak langsungnya juga ia mengancam kepada kehidupan manusia, sama ada dari segi keselamatan dan juga dari segi ekonomi.

Kalau kita lihat peningkatan kematian hidupan liar meningkat. Tahun 2015 misalnya, ada 6,258 kes, tahun 2017 meningkat kepada 7,451. Jadi, saya hendak tanya apakah perancangan kerajaan dalam usaha yang bersungguh-sungguh untuk melindungi haiwan-haiwan liar ini? Mungkin kerajaan boleh mencadangkan kepada kerajaan negeri, mewujudkan pusat konservasi mini bagi menempatkan haiwan-haiwan tertentu. Misalnya di kawasan saya ini, sekarang sedang berlaku konflik serangan gajah liar terhadap manusia. Jadi, saya minta kalau ada ruang Yang Berhormat Menteri atau minta Yang Berhormat Timbalan Menteri datang sendiri melawat kawasan-kawasan Parlimen Jerantut ini, yang sekarang ini dihantui oleh serangan gajah liar.

Seperkara lagi saya hendak sentuh Tuan Pengerusi sedikit sahaja. Pagi tadi rakan saya Yang Berhormat Kubang Kerian ada menyentuh tentang ancaman monyet atau kera ini istilah tempat saya ini kera dan beruk yang memang sekarang ini mengganggu orang kampung hendak bercucuk tanam pun tidak boleh, hendak memelihara ayam dan itik pun tidak boleh kerana memang dia mengganggu sungguh.

Jadi, PERHILITAN dah mengambil tindakan tetapi tindakan itu mungkin jangka pendek. Apakah penyelesaian kerajaan untuk membantu petani kampung ini kita serius dalam mengatasi masalah serangan monyet di kampung-kampung ini. Mungkin Yang Berhormat Menteri tidak berapa dapat maklumat yang jelas tetapi ia memang serius, memang mengancam kebanyakan kampung-kampung. Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu.

3.43 ptg.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang turut hadir bersama. Saya terus pergi ke Butiran 020100 - Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Bagi isu tanah-tanah kerajaan di bawah pentadbiran Pejabat Tanah dan Galian, saya melihat adalah harus bagi kementerian untuk mengkaji semula tanah-tanah yang diberi hak sewaan premium, juga dikenali sebagai tanah TOL kepada syarikat-syarikat yang telah lama bertapak di sesebuah kawasan. Perkara ini menjadi pertikaian masyarakat dan kami di Pusat Khidmat Rakyat, Bahagian Batu kerap kali menerima laporan oleh penduduk di sesetengah kawasan tertentu.

Hal ini demikian, kerana ada beberapa pihak yang salah gunakan tanah tersebut untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat dan apabila aktiviti-aktiviti ini berjalan, dia memberi banyak kesan kepada penduduk sekitar contohnya pencemaran udara, pencemaran bunyi, dan juga pencemaran air. Tanah-tanah yang sepatutnya menjadi kawasan hijau ataupun *green land* juga diberi hak sewaan premium kepada syarikat-syarikat atau mana-mana badan berkepentingan.

Di sini, saya tidak setuju apabila kepentingan rakyat diketepikan. Jadi, saranan saya adalah dengan baik bagi kementerian untuk mengkaji semula status tanah-tanah yang ingin diberi hak sewaan oleh kerana jurang dan jalur keperluan masyarakat tidak sama seperti dahulu. Saya juga ingin merakamkan permohonan saya agar perkara ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat dan masyarakat di kawasan terbabit dapat menikmati kembali keselesaan dan keselamatan buat mereka dan keluarga.

Butiran 020400 - Pengairan dan Saliran Pertanian. Saya melihat adalah harus bagi Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memberi jawapan kepada saya mengapa kolam tadahan air, kolam Nanyang di Taman Wahyu telah menyerupai pusat pelupusan sampah. Ini bukan kali

pertama saya membawa isu ini di Dewan yang mulia ini. Permukaan kolam tadahan air dipenuhi sampah dan perkara ini telah berpanjangan untuk satu jangka waktu yang lama. Kesihatan penduduk pastinya menjadi ancaman denggi dan Aedes. Untuk maklumat tambahan, pihak pemaju yang di sekitar bantu Jabatan Pengairan dan Saliran untuk buat pembersihan kerana pihak pemaju risau nilai pembangunan mereka akan jatuh. So, saya harap kementerian lebih peka terhadap isu ini.

Lampiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri. Manakala apabila dilihat kepada peruntukan yang diperuntukkan kepada JPS bagi lampiran 15000 pada tahun 2019, peruntukan diberikan sebanyak RM22 juta. Mengapa peruntukan anggaran bagi tahun 2020 diturunkan kepada hanya RM100,000 sahaja? Perkara ini secara langsung akan mengganggu gugat urusan kerja-kerja kecil JPS.

Butiran 80000 – Projek Pembedungan Negara. Ingin mengetahui status projek loji kumbahan di Kampung Batu Muda yang sehingga sekarang, saya sebagai wakil rakyat tidak mengetahui status tersebut kerana saya terdengar bahawa kementerian telah buat satu laporan SPRM terhadap projek tersebut. Jika ia betul, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mendapatkan kepastian daripada kementerian tentang apakah tindakan Kerajaan Persekutuan selepas Kerajaan Pakatan Harapan diwariskan masalah-masalah lampau, seperti masalah di kawasan perkampungan orang asal ataupun Orang Asli.

Masalah ini saya bangkitkan adalah apakah tindakan Kerajaan Persekutuan terhadap tangki-tangki air yang telah dipasang, sistem perpaipan juga telah disiapkan tetapi bekalan air masih tidak diterima oleh penduduk. Sebagai contoh, masalah ini boleh dilihat di Kampung Air Pasir, Kampung Peta dan Kampung Punan di Johor. Mohon penjelasan sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bachok, diikuti oleh Yang Berhormat Ledang, kemudian Yang Berhormat Limbang dan seterusnya Yang Berhormat Petaling Jaya. Sila Yang Berhormat Bachok.

3.48 ptg

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya terus kepada Butiran 030100 - Perhutanan Semenanjung Malaysia. Seawalnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana peningkatan peruntukan kepada Kementerian, Air, Tanah dan Sumber Asli iaitu sebanyak RM1.3 bilion bagi perbelanjaan mengurus manakala RM3.5 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Saya kira ia satu perkembangan yang baik, menunjukkan keseriusan terhadap aspek pemeliharaan dan pemuliharaan air, tanah dan sumber asli yang penting kepada keseimbangan ekosistem negara. Di bawah Butiran ini, saya ingin menyentuh mengenai beberapa perkara.

Pertama, berkenaan dengan keluasan hutan di negara ini yang masih menepati komitmen dalam Sidang Kemuncak Bumi Rio 1992 dengan anggaran 18 juta hektar kawasan diliputi hutan, merangkumi 55.3 peratus keseluruhan, berbanding komitmen yang dinyatakan iaitu 50 peratus kawasan liputan hutan. Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, mengenai langkah yang telah diambil bagi meneruskan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

■ 1550

Sejauh mana kerjasama yang erat telah dilakukan bersama-sama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi memastikan pematuhan terhadap amalan pengurusan hutan lestari dan penanaman semula hutan yang mengalami degradasi dan penebangan pembalakan. Saya juga ingin bertanya mengenai permintaan terhadap pembangunan rekreasi dan ekopelancongan yang juga penting bagi memastikan aspek pemuliharaan hutan berlaku secara lestari selain membantu pengurusan landskap perhutanan.

Seterusnya pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Kelantan telah mewartakan sebahagian Hutan Simpan Kekal (HSK) sebagai Hutan Tadahan Air menjadikan ianya merangkumi 20.97 peratus daripada Hutan Simpan Kekal iaitu 128.6 ribu hektar daripada keseluruhan HSK. Saya ingin mendapatkan jawapan mengenai berapa peratus Hutan Tadahan Air di seluruh negara ketika ini dan adakah kementerian melakukan perbincangan bilateral dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya lebih banyak mewartakan Hutan Tadahan Air di negeri masing-masing.

Butiran 030200 – Perlindungan Hutan Liar, Hidupan-hidupan Liar dan Taman Negara. Saya meneliti berlakunya peningkatan hampir RM11 juta bagi butiran ini. Seperti mana kita sedia maklum, isu kepupusan hidupan liar yang berlaku di negara kita hari ini semakin membarah meskipun di sebalik penguatkuasaan serta perhatian yang diberikan oleh pihak bertanggungjawab, kepupusan binatang-binatang liar seperti harimau Malaya, gajah Pygmy Borneo, beruang matahari dan badak Sumatera dan pelbagai spesies lagi terus berlaku didorong oleh faktor pemburuan haram dan juga kerosakan hutan.

Saya ingin bertanya berapakah jumlah terkini spesies hidupan liar di negara ini dan apakah langkah drastik kementerian bagi menangani faktor pemburuan haram yang berleluasa di samping faktor kemusnahan hutan yang berlaku. Bilakah Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 akan dipinda bagi memastikan hukuman yang lebih berat kepada pemburu haram yang berleluasa ketika ini.

Seterusnya Butiran 08600 – Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Saya ingin mendapatkan makluman mengenai jumlah hektar pembalakan di Hutan Simpan Kekal yang dilakukan di kawasan hutan pengeluaran. Berapakah lesen yang telah dikeluarkan bagi tempoh Januari sehingga Oktober tahun ini dan berapakah hektar pembalakan haram telah berlaku dalam kawasan HSK.

Begitu juga pembalakan di luar HSK yang bertujuan untuk pembangunan tanah dan mengalami tebanan habis. Berapakah hektar tanah telah digunakan bagi aktiviti pembalakan

dan sejauh manakah pengawalan kerajaan bagi memastikan pembalakan berlaku di luar HSK ini, mendapat kelulusan kajian Impak Alam Sekitar (EIA).

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 30 saat lagi.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Seterusnya Butiran 20000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan. Saya melihat peningkatan peruntukan di bawah butiran Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan daripada RM8.8 juta pada tahun 2019 kepada RM13.6 juta. Justeru saya ingin bertanya mengenai perancangan Rancangan Air Terawat khususnya di Negeri Kelantan. Apakah peruntukan ini turut memperincikan perancangan bagi memastikan bekalan air terawat disalurkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan Kerajaan Negeri mengenai sumber bekalan air Kelantan ketika ini. Sejauh mana ancaman kekurangan sumber bekalan air yang mungkin dihadapi oleh Negeri Kelantan dan jika wujud, apakah perancangan pihak kementerian bagi mengatasi masalah ini. Saya pohon satu lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Butiran 020000 – Pengurusan Air Geologi dan Tanah. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai Tanah Rizab Melayu. Sehingga tahun 2017, anggaran tanah rizab Melayu berkeluasan 4.3 juta hektar atau 33.3 peratus. Meskipun keluasannya meningkat namun ia masih belum mencapai kadar peratusan yang telah ditetapkan oleh wasiat Raja-Raja Melayu iaitu sebanyak 50 peratus.

Saya fikirkan kadar peratusan ini boleh dicapai sekiranya semua pihak patuh kepada Enakmen Rizab Melayu Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan penggunaan ataupun pembatalan status tanah rizab Melayu, sewajarnya ia diganti semula mengikut jenis dan keluasan yang sama. Jika tiada gantian maka penggunaan atau pembatalan status tersebut tidak sah. Saya mahu mendapatkan perincian berapakah jumlah tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan statusnya mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 dan permohonan pihak berkuasa negeri jika telah terbatal berapakah yang telah diganti. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Bachok. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ledang.

3.55 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ada lima perkara yang ingin disentuh. Pertama, Butiran 020400 – Pengairan dan Saliran. Saya dapati bahawa ada sedikit peningkatan dalam Belanjawan 2020 kepada RM8 juta tambahan dari RM100 juta kepada RM108 juta. Namun dalam perkara ini, saya ingin bangkitkan tentang isu penyenggaraan parit di mana di Negeri Johor memang banyak parit begitu juga saya rasa di Kedah mungkin di Perak dan lain-lain.

Jadi saya harap perkara ini dapat perhatian kerana dalam Belanjawan pada tahun ini peruntukan yang diberikan ialah RM2.5 juta sedangkan permohonan adalah RM5 juta. Mereka hanya dapat separuh daripada peruntukan yang telah diperolehi. Justeru ianya menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan parit itu tidak kerap dan ada kalanya mungkin dalam satu tahun sekali atau dua kali sahaja menyebabkan banyak parit-parit kita ini macam hutan dan boleh menyebabkan mungkin risiko banjir.

Jadi saya telah mencadangkan kepada pihak JPS supaya sekurang-kurangnya ada pemakluman berjadual kepada ketua-ketua kampung, penghulu, ADUN dan mereka tahu bilakah kerja-kerja ini akan dilaksanakan dan boleh dipantau. Saya juga mencadangkan supaya mungkin kita boleh rujuk semula kontrak penyenggaraan, apakah kaedah di mana perkara ini dapat dilaksanakan dengan lebih kerap tanpa melibatkan kos yang terlalu berlebihan. Saya juga ingin mencadangkan supaya ada peruntukan ini diberikan mengikut keluasan parit dan juga risiko banjir.

Perkara yang kedua Butiran 150000 berkenaan dengan kerja-kerja Kecil JPS. Ini saya rasa telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar pagi tadi juga iaitu peruntukan telah berkurangan banyak daripada RM22 juta kepada RM100 ribu sahaja. Saya ingin bangkitkan perkara ini kerana ia berkait dengan isu bekalan gangguan bekalan air yang terkait dengan gangguan bekalan elektrik di kawasan saya pada hujung September lepas. Gangguan itu mengakibatkan ribuan yang terjejas selama tiga hari dan gangguan ini didapati adalah kerana tiadanya bekalan gen set di rumah pam air.

Jadi apabila itu berlaku menyebabkan mereka terpaksa tunggu dalam tempoh yang lama, kembalinya elektrik kemudian barulah boleh dibekalkan kembali air kepada kawasan-kawasan yang terjejas. Jadi saya minta supaya terdapatnya peruntukan mungkin bagi pembekalan gen set supaya semua rumah pam ini sekiranya berlakunya gangguan elektrik maka dia akan *trigger* kembali bekalan air.

Ketiga ialah berkenaan dengan Butiran 060200 – Penyenggaraan dan Pembaikan. Ini berkenaan dengan penyelenggaraan jeti di sepanjang pesisiran Sungai Muar terutamanya khususnya bagi Kampung Rawang, Kampung Berlemang, Kampung Kolam, Kampung Teluk Kemang dan juga Kampung Pantai Layang yang mana kebanyakan jeti-jeti ini dahulu pernah dibina dan dibangunkan oleh pihak JPS tetapi sekarang ia terbiar dan sebenarnya banyak daripada jeti-jeti ini tidak boleh lagi digunakan. So, mohon perhatian pihak kementerian untuk melihat berkenaan dengan penyelenggaraan.

Keempat, Butiran 040100 tentang pengurusan air. Saya pernah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini juga berkenaan dengan isu bekalan air terawat untuk Sekolah Kebangsaan Puteri Ledang di mana sekolah ini terletak tidak jauh daripada Pekan Sagil lebih kurang empat hingga lima kilometer tetapi mereka selama ini telah mendapat bekalan air tidak terawat dari air Gunung Ledang.

Dahulu air ini bersih tetapi kini memang ada masalah pencemaran jadi ianya perlu ada bekalan air terawat. Jadi saya maklumkan kepada pihak kementerian bahawa pihak SAJ sebenarnya telah pun tawarkan sebagai projek CSR untuk membekalkan air tetapi saya mohon tahu perkembangan apakah projek ini.

Seterusnya yang terakhir ialah Butiran 07100 – PERHILITAN. Ini juga telah dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi berkenaan dengan isu haiwan perosak. Sementara kita hendak pastikan supaya haiwan spesies terancam ini dapat dijaga dan juga dipastikan mereka terpelihara tetapi kita juga ada masalah haiwan perosak yang mungkin telah keluar daripada kawasan-kawasan mereka kerana telah dicerobohi oleh manusia.

■1600

Maka, mereka telah masuk ke kawasan-kawasan manusia, di tanaman-tanaman kebun-kebun. Malah, ada saya dapat laporan ada monyet makan lampu. Bukan lagi makan tanaman, tetapi makan lampu. Seolah-olah mereka tidak ada makanan lagi. Jadi, apakah tindakan PERHILITAN dan agensi lain dalam mengatasi masalah ini secara tuntas? Supaya ada keseluruhan yang dapat kita juga dengan baik dan ia tidak berulang. Yang Berhormat Kepong minta laluan...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, ya saya minta tumpang soalan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara ringkasnya, sila.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, ringkas. Ini mengenai Butiran 030100, berjumlah RM32 juta. Saya hendak minta kementerian menjelaskan di Kuala Lumpur, ada peruntukan apa di bawah butiran ini? Khususnya Hutan Bukit Nanas? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sila, Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Sebenarnya itulah yang terakhir tadi Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih. Lima Butiran tadi saya telah bangkitkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Limbang diikuti oleh Yang Berhormat Petaling Jaya, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Sandakan dan Yang Berhormat Arau.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Boleh nanti minta Hulu Rajang sikit? Boleh? Dua minit?

4.01 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada B.23, Butiran 020400 – Pengairan dan Saliran. Saya ingin menyentuh tentang program pemuliharaan sungai. Jadi, untuk di Limbang, saya telah berbincang dengan JPS sekurang-kurangnya sebanyak RM1 juta untuk tahun hadapan. Sebanyak RM1 juta diperlukan untuk membersihkan sungai-sungai di bawah program pemuliharaan sungai untuk di Parlimen Limbang.

Kedua, saya terus kepada P.23, Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Jadi, cerita ini ialah tentang pengorekan muara Sungai Limbang. Program ini sebenarnya sudah lama dulu, untuk mengorek kuala Sungai Limbang yang semakin mendap sekarang ini. Banyak lagi – *I mean dia effect the whole river*, Yang Berhormat Menteri. Kalau sudah belakang, sepanjang sungai, sekarang sudah makin cetek. Dulu, disebabkan oleh EIA *because* kuala sungai *is affected* dengan *under* negara Brunei. *So, they requested for EIA* dan EIA itu telah pun siap dibuat. *Just that, because of decisions the EIA* punya *report* itu *lapse*.

Jadi, kita difahamkan bahawa pihak JPS Sarawak telah pun meminta supaya pengecualian hendak buat semula lagi EIA, *that will takes time again*. Jadi, statusnya pada masa ini saya difahamkan projek untuk pengorekan muara Sungai Limbang ini ialah sekarang ini menunggu keputusan JPS Malaysia untuk tender *and the cost is RM10 million*. Jadi, saya ingin tahu apakah statusnya sekarang?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Sekurang-kurangnya kita tahu, sebab orang tanya bila, bila, bila. Cerita ini sudah lama, yang sebenarnya dari kerajaan dahulu lagi.

Seterusnya ialah P.23, Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Pada masa ini juga saya difahamkan Sungai Limbang ada program rancangan tebatan banjir untuk Sungai Limbang disebabkan ada kaitannya juga dengan pemendapan kuala Sungai Limbang ini yang menyebabkan sekarang ini banjir kerap berlaku. Semua kampung-kampung di sepanjang sungai itu, sekarang ini apabila air pasang, *it's very high*, ia sudah mencecah lantai. Ini *in the town itself*. Jadi, saya difahamkan siling peruntukan untuk tebatan banjir Sungai Limbang ini ialah sebanyak RM21.67 juta dan difahamkan di peringkat *study*.

Jadi, saya ingin bertanya juga di sini kepada kementerian, apakah status *study* ini? Di peringkat mana dan bila ia akan dilaksanakan dalam – *and when are you going to complete the study* and bila kita hendak mulakan kerja-kerja tambatan banjir ini? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya. Saya harap semua akan menepati masa kerana ada 41 orang Ahli Parlimen yang berminat untuk berbahas dan Yang Berhormat Menteri akan menggulung pada pukul 5.00 petang. Sila Yang Berhormat Petaling Jaya.

4.04 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 15200 – Memperbaiki, Mengindahkan, Membersihkan dan Merawat Air Sungai-sungai dan Infrastruktur. Masalah pencemaran sungai akibat pembuangan sampah

haram seperti yang semakin berleluasa di Malaysia amat membimbangkan. Bukan sahaja kerana telah menjejaskan kualiti alam sekitar tetapi juga menjejaskan ekosistem dan kehidupan penduduk yang tinggal berdekatan.

Saya mengambil contoh sungai-sungai di kawasan saya iaitu Petaling Jaya. Ada dua insiden yang berlaku pada bulan Julai yang lalu, beberapa ratus ekor ikan yang mati telah ditemui di Sungai Kayu Ara akibat daripada aktiviti pencemaran sungai yang dilakukan sepanjang kawasan tersebut. Kedua, yang dilaporkan oleh *Sinar Harian* dalam video dan menunjukkan beberapa lori yang penuh dengan bahan buangan pembinaan membuang sampah secara haram ke dalam Sungai Klang di sekitar kawasan PJS 3, Taman Medan. Beberapa laporan telah dibuat tetapi tidak berjaya mencegah pembuangan sampah ke dalam sungai.

Didapati bahawa tindakan yang diambil langsung tidak memberikan kesan kepada kegiatan haram ini. Oleh itu, saya ingin bertanya sejauh manakah tindakan penguatkuasaan dan pembentukan undang-undang yang lebih berkesan telah diambil terhadap kegiatan pembuangan sampah ke dalam sungai? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi memastikan bahawa terdapat pemantauan yang berterusan terhadap kegiatan ini?

Selain itu juga, bagaimanakah peruntukan yang disediakan ini untuk melindungi sungai kita daripada aktiviti pembuangan sampah haram? Butiran 16700 – Rancangan Tambatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Saya ada beberapa soalan, yang pertama ialah bolehkah kementerian menyatakan status terkini pembangunan sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir? Bagaimana pula dengan pelaksanaan Projek Tebatan Banjir?

Selain itu juga, berapakah bilangan Projek Tebatan Banjir yang telah diluluskan dan disiapkan setakat ini? Di kawasan Petaling Jaya seperti di Jalan Universiti, Taman Tun Dr. Ismail Jaya, U2 dan lain-lain tempat di daerah Petaling Jaya adalah kawasan yang dijangka berisiko dilanda banjir dan banjir kilat. Jadi, apakah tindakan sewajarnya kerajaan bagi memastikan bencana banjir kilat tidak berulang lagi pada musim tengkujuh ini?

Adakah kerajaan akan mengkaji semula sistem pengairan dan juga saliran yang sedia ada bagi menaik taraf lagi sistem yang lebih berkesan dan sempurna termasuklah cadangan pembinaan lebih banyak sistem takungan banjir bagi menampung kuantiti air hujan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik. Selepas itu Yang Berhormat Sandakan.

4.08 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud Bekalan 23, Butiran 020200 – Ukur dan Pemetaan Malaysia. Saya mohon kerjasama pihak kementerian di mana ini perkara *state* tetapi kita di peringkat kementerian kena minta tolong iaitu pengukuran tanah yang tidak betul, kebanyakan di kawasan-kawasan luar bandar yang

menyebabkan kalau kita tengok pelan yang asal, ada sesetengah itu rumah dia duduk dalam pelan B tetapi kalau kita hendak perbetulkan balik memerlukan belanja.

Di sinilah saya minta kalau boleh kementerian sediakan bajet untuk membetulkan balik ukuran lot-lot yang berkaitan. Butiran 020300 – Mineral dan Geosains. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, terutama air mineral yang keluar daripada Johor dan juga Pahang yang kita tahu ada pencemaran dari segi isu baru-baru ini. Banyak orang bawah menyebut kemungkinan ada masuk bahan-bahan kimia, jadi orang agak bimbang untuk membeli air mineral yang dikeluarkan daripada negeri Johor dan negeri Pahang.

Perkara kedua di bawah mineral ini saya minta bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh duduk bersama dengan kerajaan negeri yang hari ini kita melihat pasir-pasir keluar dengan banyaknya daripada dalam negara, sama ada dibeli oleh negara luar.

■1610

Jadi, ini juga akan memberi kesan kepada pencemaran dalam negara. Begitu juga dengan lombong-lombong di mana di tempat saya sendiri di Gerik, di dalam Hulu Perak lombong bijih timah yang kita lihat ada pencemaran. Bagaimana pihak Persekutuan dengan *state* dapat bekerjasama?.

Seterusnya Butiran 020400 - Pengaliran dan Saliran. Saya ingin bertanya kelulusan tebatan banjir di Gerik telah diluluskan silingnya RM200,000 tahun sudah. Setakat ini bagaimana kedudukannya apabila banjir kilat berlaku baru-baru ini, ia agak menggusarkan penduduk dalam Parlimen Gerik.

Butiran 030100 - Perhutanan Semenanjung Malaysia. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan *state* untuk me-*reserve*-kan kawasan tadahan air yang tidak di-*reserve*-kan. Di sinilah kawasan kayu balak yang besar-besar. Jadi kalau kita boleh *reserve*, ia akan menyelamatkan sungai-sungai dari tercemar, terutama kawasan di luar bandar.

Saya juga ingin bertanya di bawah balak ini. Berapakah kuota persetujuan di antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri-negeri setiap tahun? Saya difahamkan sebenarnya ada kuota yang boleh dikeluarkan balak-balak di setiap negeri kecuali Perlislah yang tidak ada balak. Akan tetapi Perak, Pahang ada kuota. Kalau tidak ada kuota, ia akan menjadikan setiap negeri tadi mengeluarkan lebih kayu yang menyebabkan ia sebagai sumber hasil negeri tetapi ia akan merosakkan masa depan negeri kita.

Butiran yang seterusnya 030200 - Perlindungan Hidupan Liar. Saya ingin bertanya kepada kementerian, satu ketika dahulu kawasan Royal Belum ada badak sumbu. Akan tetapi hari ini difahamkan sudah pupus. Apakah tindakan kita untuk mewujudkan kembali badak sumbu yang sudah pupus ini tadi? Mungkin kita boleh ambil benih daripada Afrika ke dan jadikan kawasan Royal Belum tadi wujud semula badak sumbu.

Butiran yang seterusnya 030400 - FRIM. Saya hendak ucapkan terima kasih ...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh celah?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Gerik. Tadi Yang Berhormat Gerik mungkin dengar Yang Berhormat Ledang ada menyatakan bahawa monyet-monyet memakan lampu. Jadi mungkin kah juga Yang Berhormat Gerik hendak memaklumkan Dewan semenjak kerajaan baru ini, macam-macam berlaku. Badak sumbu pun sudah tidak ada dan monyet pun sudah lapar. Bukan manusia sahaja yang lapar, binatang pun lapar, sementara kerajaan ini. Lutong pun lebih lapar lagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan ada badak sumbu kah?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Betul Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau kita tengok pada tahun-tahun akhir ini agak pelik. Macam-macam, lutong makan pisang, itu normal tetapi kalau lutong pergi makan kaca, ini pening juga.

FRIM tadi saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah memilih kawasan saya untuk Projek Bunga Padma ataupun saya hendak sebut yang bahasa Inggeris kadang tergulung lidah saya, antara FRIM dengan FGV. Cuma saya tidak tahu perkembangannya setakat mana. Akan tetapi saya cukup bangga. Saya tahu dalam Parlimen Gerik ada lebih daripada lima ke enam spesies Bunga Padma yang boleh kita lawan di peringkat dunia kerana satu ketika dahulu kawasan Gerik sebenarnya kawasan Bunga Padma. Jadi saya ucap terima kasih banyak kepada pihak FRIM dan juga pihak FGV yang memberi tanah lebih kurang lima ekar. Kalau sudah berjaya, saya minta *paper* buat iklan, boleh datang ke Gerik hendak tengok macam mana bunga Rafflesia. Ini saya hendak sebut ini pun susah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Rafflesia.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Bunga Pakma bahasa orang kampung. Kalau orang dahulu, Bunga Padma ini ialah kita masak pokok ini untuk mengecutkan orang yang perempuan bersalin. Kita pakai bunga pakma ini.

Jadi satu lagi *last* sekali Butiran 80000 - Projek Pembedungan Negara. Saya melihat rakyat terpaksa membayar bil setiap bulan tentang pembedungan tetapi servis pembedungan ini yang menjadi tanda tanya. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan supaya tidak ada bisung-bising di peringkat rakyat di bawah tentang pembedungan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sandakan. Selepas itu Yang Berhormat Arau.

4.15 ptg.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan dua isu dalam perbahasan saya pada hari ini. Pertama sekali saya ingin merujuk kepada muka surat 235, Butiran 2800 di bawah Rancangan Bekalan Air Sabah dan juga Butiran 9500 di bawah *NRW National* di mana anggaran untuk tahun 2020 meningkat dari RM131 juta ke RM365 juta.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah dari anggaran ini akan dibelanjakan

di Sabah untuk mengurangkan *non-revenue water* (NRW) dengan izin yang begitu tinggi di Sabah di mana angka NRW untuk tahun 2018 bagi seluruh Malaysia adalah 35 *percent* dan NRW Sabah adalah setinggi 52 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, salah satu fakta utama bagi NRW yang tinggi di Sabah ialah kerana masih terdapat banyak paip yang telah usang dan masih beroperasi dari era dahulu sehingga kini. Paip-paip ini sering kali bocor seterusnya menyebabkan gangguan bekalan air dan secara langsung menyumbang kepada peningkatan NRW yang tinggi. Terdapat 19 peratus ataupun 227 kilometer daripada 1,200 kilometer daripada jumlah panjang keseluruhan paip di Sandakan telah mencecah usia melebihi 20 tahun.

Sudah masanya penggantian paip dilakukan kepada paip-paip ini terutamanya yang mana kerap pecah dan bocor. Selain itu, paip transmisi 900 MM dari loji rawatan air Bukit Garam Kinabatangan menyalurkan lebih kurang 52 juta liter sehari ke Sandakan. Paip ini mula beroperasi dari tahun 1988. Sebahagian paip ini dipasang melalui kawasan yang dahulunya adalah kawasan perladangan kelapa sawit.

Seiring peredaran masa setelah mencapai tempoh beroperasi 30 tahun, kawasan persekitaran paip-paip yang dipasang di kawasan ini telah mula ditumbuhi semak dan berpaya serta tidak mudah untuk diakses dengan menggunakan kenderaan. Dikhuatiri paip ini terdapat kebocoran yang mana tidak dapat dikesan dan menyumbang kepada NRW yang tinggi.

Oleh itu, memindahkan laluan paip ini adalah satu keperluan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti kebocoran dan pembaziran berpanjangan di samping memudahkan kerja-kerja pemantauan dan pemeriksaan. Masalah kekurangan bekalan air di Sandakan, Sabah merupakan satu masalah yang telah lama membebankan rakyat bukan sahaja mengganggu kesejahteraan rakyat malah ia menyebabkan Sabah jauh kekurangan maju dari Semenanjung. Ia juga secara langsung menjejaskan perkembangan ekonomi oleh kerana kekurangan keyakinan pelabur asing untuk melabur di Sandakan. Pada dua bulan lalu, rekod bagi putus bekalan air adalah tiga hari ke empat hari berterusan.

Justeru itu, saya ingin menegaskan dengan serius supaya Yang Berhormat Menteri dapat meneliti isu NRW di Sabah dan memperuntukkan pembiayaan yang mencukupi bagi mengurangkan NRW ke tahap yang lebih rendah.

Kedua, saya ingin merujuk kepada muka surat 232 Butiran 10804 - Program *Heart of Borneo* (HoB) Negeri Sabah di mana RM5.7 juta diperuntukkan untuk tahun 2020. Berdasarkan angka yang dinyatakan bahawa RM5.72 juta dan RM5.23 juta diperuntukkan bagi program ini pada tahun 2018 serta tahun 2019 juga.

Dengan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri memandangkan perjanjian inisiatif bagi *Heart of Borneo* telah ditandatangani pada tahun 2007 antara negara Malaysia, Indonesia dan Brunei. Apakah hasil yang tercapai daripada inisiatif ini setakat ini? Bagaimanakah inisiatif ini dapat memanfaatkan Sabah dan Malaysia secara keseluruhan? Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau. Selepas itu Yang Berhormat Nibong Tebal.

4.19 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang budiman, bakal Setiausaha Agung DAP.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bakal Presiden UMNO.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali. Hah! Presiden UMNO, insya-Allah. Pertama sekali ialah Butiran 020200 - Unit Ukur dan Pemetaan Malaysia. Saya minta supaya jawapan diberikan berhubung dengan kedudukan Pulau Brasmana.

■1620

Dulu semasa saya kecil-kecil, Pulau Brasmana ialah sebahagian daripada Malaysia, sebahagian daripada Perlis. Bila sudah besar, saya tengok tiba-tiba pulau itu terkeluar masuk ke kawasan Thailand. Jadi sebagai mengenang nama Brasmana, maka sebuah hotel yang kita bina, kita bubuh nama Hotel Brasmana. Jadi kita minta supaya perjanjian yang dipakai itu, apakah tepat bahawa Pulau Brasmana itu dan Bukit Putih itu berada di Thailand? Bukit Putih di Malaysia tapi kita lihat ada beberapa tempat yang hak yang Thailand dimasukkan ke Malaysia. Contohnya di Bukit Kuancu, Bukit Kencana di Padang Besar, tokong itu ialah Thailand punya tetapi— tokong itu Malaysia punya tetapi dikira hak Thailand sebab ada perjanjian tukar kalih, tukar kalih dan sebagainya. Kalau pemetaan boleh tukar ganti, tukar ganti begitu, maka saya minta supaya Brasmana dimasukkan di bawah Perlis.

Yang keduanya ialah Butiran 31000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Perlis. Negeri Perlis merupakan negeri yang paling tinggi sekali *non-revenue water* iaitu 63 percent. Kelantan 49 percent, Kedah 48 percent dan *national average* ialah 35 percent. Perlis 63 percent. Kita bagi peruntukan RM14 juta, saya ingat tidak mencukupi. Jadi saya merayulah kepada Yang Berhormat supaya kita tambah jadi RM28 juta.

Yang ketiga, Yang Berhormat, ialah berhubung dengan perhutanan. Perhutanan, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Malaysia telah membuat kempen menanam pokok iaitu sebanyak 26 juta pokok yang dibuat pada 22 April 2010. Sehingga tahun 2012, rekod yang ditengok dalam *Google* menunjukkan bahawa kita telah tanam 15 juta pokok. Jadi saya ingin bertanya, kempen itu bagaimana kedudukannya sekarang?

Saya hendak syorkan kepada Yang Berhormat supaya Yang Berhormat akan dikenal seluruh dunia lepas ini bahawa kita letakkan matlamat satu juta ekar. Yang Berhormat, kalau satu juta ekar, kalau tanam pokok getah, kita dapat 180 ke 200 pokok, kalau getah hutan ya. Jadi, kita dapat 180 juta pokok. Kalau kita tanam pokok lain, mungkin dalam 100 pokok. Tapi kalau kawasan hutan yang ada sekarang, balak yang kita dapat lebih kurang 10 pokok satu ekar. Kalau satu juta ekar, kita dapat 10 juta. Tapi kita letakkan matlamat 100 juta. Kalau 100 juta, kena dapatkan kawasan satu juta ekar.

Yang Berhormat, ini bukan perkara mustahil. Kita pernah bagi tanah kepada satu orang peniaga di Sarawak yang berjumlah lebih kurang satu juta ekar dan dia telah mewujudkan beberapa orang Ahli Parlimen di sini yang berjaya dan kejayaan mereka ialah kerana mereka juga mempunyai ladang satu juta ekar di negeri yang berkenaan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Arau, sikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya cadangkan supaya kerajaan meletakkan matlamat satu juta ekar kawasan balak dan kita akan letakkan matlamat mungkin lima tahun ataupun 10 tahun ataupun enam tahun untuk capai ya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian sikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian yang berikutnya ialah FRIM. Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Satu Parlimen satu FRIM. Sebab kawasan FRIM ini orang tidak berani curi. Kalau satu Parlimen satu FRIM, cukup cantik sebab FRIM di Malaysia ini adalah di antara yang terbaik dalam dunia.

Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya minta sikit komentar daripada Yang Berhormat Arau berhubung dengan kemasukan kayu-kayu yang dibawa ke Malaysia yang jadi ancaman kepada hutan kita. Contohnya *acacia mangium* yang dibawa masuk kemudiannya menjadi ancaman kepada hutan kita. Mungkin boleh dilihat perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, tolong lihat. Ini di antara ucapan saya. Masukkan dalam ucapan yang terhebat ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian di bawah emolumen kakitangan kontrak, RM1.3 juta. Yang Berhormat, saya cadangkan supaya kita wujudkan renjer kontrak. Sebab, renjer yang ada sekarang ini setengahnya masa kita ambil dia, dia muda, dia kuat tapi sekarang bila dia tengah berumur, dia kurang kuat. Kecuali beberapa orang saja yang ada di Malaysia ini yang di umur lewatnya masih kuat seperti Perdana Menteri, seperti sana, seperti sini dan sebagainya. Jadi, kita minta ditambah emolumen untuk kakitangan kontrak.

Kemudian yang berikutnya, Yang Berhormat, ialah berhubung dengan JPS. Yang Berhormat pegang slogan saya ini ya. Lebih murah ini, Tuan Pengerusi. Lebih murah jaga sihat daripada jaga sakit. Jaga sihat mungkin RM1 saja. Tapi bila sakit, beribu-ribu. Demikian juga untuk JPS. Lebih murah jaga sumber air daripada kita *pi* buat tebatan banjir. Tebatan banjir belanja RM2 bilion tapi belum jamin bahawa banjir itu tidak berlaku. Tetapi kalau kita jaga sumber air RM2 bilion, satu negara boleh selamat sebab sumber air itu akan menjamin supaya banjir tidak berlaku. Sebab apa, kita kena ingat, kalau sumber air tidak dijaga, inilah yang akan berlaku.

Kemudian yang terakhir sekali, Yang Berhormat. Yang terakhir tidak ada butiran. Ini yang akhir. Yang pertamanya, saya protes fasal kes lima minit, tiga minit, Yang Berhormat. Tidak pernah. Dulu Yang Berhormat di sini, saya di sana. Saya Menteri Parlimen, saya bagi ruang seluas-luasnya.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dato' Dr. Xavier Jayakumar]: Tiada butiran, macam mana saya hendak jawab ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang akhir. Tidak payah jawab, Yang Berhormat.

Kemudian yang keduanya, saya protes SPR sebab buat peraturan yang PH pun susah, kami pun susah.

Paling akhir sekali, Yang Berhormat— ini kena sebut ya. Yang Berhormat, saya hari ini hari yang paling sedih dalam dunia. Fasal apa, Yang Amat Berhormat Langkawi ialah seorang yang dihormati sebagai Perdana Menteri yang dihormati tetapi hari ini dia sudah tidak mendapat sokongan DAP. Bila DAP tidak mengambil tindakan kepada Ronnie Liew...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Butiran apa? Butiran apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Maka kita lihat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan *dok* merepeklah. Sudahlah.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dato' Dr. Xavier Jayakumar]: Ini butiran tidak masuk, Tuan Pengerusi.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Apabila Yang Berhormat Arau merepek, itu untuk menghilangkan perasaan tidur lewat. Tapi itu tidak akan rekod dalam *Hansard*. Yang Berhormat Menteri tidak perlu jawab. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sebelum saya bawa P.M. 36(12), Yang Berhormat berhati-hati. Yang penghabis sekali, mungkin DAP balas dendam kerana Bersatu tidak ambil tindakan kepada Peja. Jadi, tidak ambil tindakan... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, apa kena-mengena dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli? Di manakah Peraturan Mesyuaratnya berkenaan dengan perkara tersebut? Itu tidak payah jawab. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nibong Tebal. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi ini bererti apa yang berlaku sudah tidak asli lagi. Ya, terima kasih.

4.26 ptg.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Yang Berhormat Arau, cukup Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up you.*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Nibong Tebal.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin mulakan dengan Butiran 020100 – Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat nampak sihat, Yang Berhormat ya. Okey, okey. *Alhamdulillah.*

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: ...Yang diperuntukkan sebanyak RM96.26 juta. Di antara tugas utama ataupun fungsi utama JKPTG adalah untuk mengurus pembahagian hal-hal pusaka kecil. Saya ingin sentuh perkara ini berserta dengan Butiran 050500 – Sistem e-Tanah Wilayah Persekutuan dan Butiran 02301 – Projek e-Tanah yang diperuntukkan sebanyak RM26 juta.

Tuan Pengerusi, sistem e-Tanah ini diwujudkan di awal tahun 80-an dengan tujuan utamanya ialah untuk memodenkan pentadbiran tanah melalui *computerization of land administration*, dengan izin, bagi menghasilkan pentadbiran yang efisien untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Jadi persoalan saya di sini, Tuan Pengerusi, selepas lebih kurang 30 tahun sistem ini dilaksanakan, apakah keupayaan, kesediaan sistem ini untuk, pertama, menjana data-data tanah yang penting untuk tujuan perancangan dan pelaksanaan program khususnya pada tiga perkara. Yang pertama. untuk tanah-tanah pusaka kecil. Tanah-tanah ini selalu menghantui masyarakat kita di luar bandar terutamanya, dan begitu juga di bandar pun, apabila beberapa generasi, masalah isu pusaka ini tidak dapat diselesaikan. Jadi kalau sistem e-Tanah ini dapat berkeupayaan menjana kedudukan ataupun distribusi tanah-tanah pusaka ini, kemudian pihak kementerian ataupun JKPTG mencari jalan untuk tangani isu ini supaya ianya dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh. Sebab ini memang menghantui penduduk-penduduk kita di kawasan pedalaman.

Yang keduanya, tentang data tanah-tanah wakaf. Kita difahamkan memang isu tanah ini adalah isu kerajaan negeri. Tapi kalau pihak JKPTG dapat koordinat, menyelaras penjanaan data melalui sistem e-Tanah ini, maka kita dapat maklumat yang terperinci, maklumat awal yang bagi tujuan untuk perancangan pembangunan tanah-tanah wakaf yang menjadi isu besar yang kita bincangkan dalam Dewan ini sekian lama. Itu yang kedua.

Begitu juga ketiganya berkenaan isu-isu tanah-tanah yang terbiar. Kita selalu bangkit soalan ini melalui Kementerian Pertanian, apa yang kita hendak lakukan di tanah terbiar.

■1630

Akan tetapi kita tidak ada satu data yang lengkap kedudukan tanah ini. Di mana, siapa pemilik dia, berapa keluasannya. Akan tetapi saya percaya kalau sistem e-Tanah ini dapat menjanakan data-data ini untuk kegunaan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian lain,

maka tugas kita untuk merancang dan melaksanakan program-program bagi kepentingan rakyat akan dapat dilaksanakan dengan segera. Itu yang pertama.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai, dengan peruntukan sebanyak RM135.8 juta, satu peruntukan yang agak besar.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak kementerian kerana cukup prihatin tentang persoalan ini. Isu korek muara sungai ini memang menjadi satu isu yang cukup mustahak bagi nelayan-nelayan pantai terutamanya. Mereka tidak dapat keluar pergi ke laut, tidak dapat balik pada masa yang mereka kehendaki. Terpaksa bergantung kepada situasi air. Kalau air pasang baru boleh keluar ataupun boleh balik. Jadi, ini satu isu yang cukup mendesak untuk menjaga kepentingan nelayan dan saya ingin memohon pihak kementerian untuk memberi perhatian di kawasan saya di Nibong Tebal iaitu di Sungai Changkat di dalam DUN Jawi, Nibong Tebal.

Yang ketiganya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 11900 – Kajian Sumber Air Tanah Negara. Diperuntukkan sebanyak RM23.1 juta. Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, apakah projek-projek yang sedang dilaksanakan atau pun dalam perancangan untuk dilaksanakan bagi manfaat kepada rakyat dalam tajuk ini, dalam kajian sumber air tanah negara.

Adakah pihak kementerian sekarang ini cuba juga dalam R&D nya untuk mencari bahan alternatif ataupun sumber alternatif daripada, sumber konvensional. Umpamanya mendapat air daripada atmosfera seperti teknologi daripada Sepanyol, umpamanya- contoh. Ini telah pun dilaksanakan di India dan di beberapa tempat. Saya percaya kalau sekiranya teknologi ini dapat dilaksanakan, maka dapat kita selesaikan masalah bekalan air terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak dan juga di Sabah yang selama ini dok pakai tong biru sahaja.

Yang seterusnya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tajuk Bekalan Air, Butiran 06400 sampai kepada Butiran 31000 yang diperuntukkan peruntukan yang cukup besar, RM451.4 juta yang termasuk geran dan juga pinjaman.

Dalam aspek ini, rancangan-rancangan bekalan air ke negeri-negeri di seluruh negara. Boleh sedikit kementerian memberi penerangan kepada saya terutamanya rancangan untuk bekalan air di negeri Pulau Pinang...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Sikit sahaja...

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: ...Sekian, terima kasih.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Eh, habis dah?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sudah habis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Maran, lepas itu Yang Berhormat Jeli. Sila.

4.34 ptg.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Perbekalan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Saya nak menyentuh beberapa perkara tentang bajet kementerian ini. Yang pertama ialah Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir, Menaikkan Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir dan beberapa yang lain.

Untuk makluman, kita sedia maklum bahawa bencana banjir adalah merupakan satu bencana yang saban tahun berlaku di negara kita dan Maran tidak kurang, kerana Maran berada di pinggir Sungai Pahang dan banyak kawasan yang terlibat dengan bencana banjir ini.

Semasa banjir tahun 2016 dan 2017, seramai 10,432 orang terjejas di Pahang disebabkan bencana ini dan jumlah kerugian yang dicatatkan juga melebihi RM13 juta. Malah kerugian ini bukan sahaja dialami oleh rakyat jelata tetapi juga melibatkan agensi-agensi kerajaan termasuk harta JPSP. Kalau tak silap, jumlah kerugian keseluruhan melibatkan harta benda awam milik Jabatan Pengairan dan Saliran pula ketika banjir tersebut mencecah kepada RM40 juta.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, saya mohon supaya sedikit perhatian diberikan kepada permohonan projek tebatan banjir di Maran, di mana di Maran ini walaupun tidak berlaku banjir dengan air yang naik di seluruh Sungai Pahang tetapi bila berlaku hujan lebat sahaja, banjir kilat akan berlaku dan saban tahun ia berlaku. Sebab itulah kita dah kemukakan permohonan peruntukan kepada kementerian sejumlah RM25 juta. Mungkin secara *staged*, dengan izin, berperingkat. Saya difahamkan juga mungkin Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah pun pada dasarnya ia bersetuju untuk meluluskan peruntukan ini. Saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri demi masa depan rakyat di kawasan ini, dapat meluluskan peruntukan bagi tebatan banjir ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah Butiran 020300 – Mineral dan Geosains. Ini seperti mana yang disebutkan oleh beberapa rakan kita dalam Dewan ini tadi tentang bekalan ataupun penjualan air mineral yang meluas di seluruh negara dan air-air botol ini kadang-kadang berbagai-bagai *brand* dikeluarkan. Saya tidak tahu, sebab itu saya minta penjelasan daripada kementerian. Berapakah kategori air-air ini? Yang saya tahu, yang sebahagian besar daripada kita tahu, yang air ini boleh diminum. Apabila beli di kedai mungkin harganya berbeza, sama ada setengah kilo dan sebagainya. Yang biasa kita lihat, dia berpandukan kepada penutup botolnya.

Ada yang penutup putih, dikatakan kualiti air ini rendah. Yang kedua ialah penutup botol hijau, lebih baik daripada yang warna putih dan yang ketiga ialah penutup biru. Ini mempunyai kualiti yang lebih tinggi. Jadi saya minta supaya kerajaan atau kementerian memberi maklum kepada kita, apakah sebenarnya beza antara air-air mineral yang dikeluarkan ini dan apakah ia selamat digunakan kerana bagi pembekal, mereka tidak ada masalah. Asalkan mereka boleh mendapat wang daripada pengeluaran air ini, maka mereka akan keluarkan.

Saya ingin tahu juga, berapakah jumlah lesen yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan air mineral dan air botol ini kerana kita bimbang kalau tidak diperhatikan betul-betul, mereka akan menyalahgunakan peluang ini dan mereka hanya mendapat keuntungan. Akhirnya masyarakat mendapat sakit ataupun bahaya daripada pengeluaran ini...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sikit, Yang Berhormat Maran. Saya nak tambah tentang air tadi. Tadi air mineral, lagi satu air yang paling mahal ialah air oksigen. Adakah ianya dikawal bersama dengan air mineral yang disebut dan kualiti dia tadi. Apa pandangan Yang Berhormat Maran?

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya tahu sebab bila saya bercakap, biasanya dia mesti ada di belakang sebab dia nak keluar TV... *[Dewan ketawa]* Saya minta Yang Berhormat Menteri masukkan sekali. Kalau boleh, ada lagi air-air lain yang ada kategorinya...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Makan kawan ini.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: ...Maka beritahu kepada kami semua. Kita tak nak ada yang dikeluarkan *viral* baru-baru ini yang mengatakan sumber air daripada tanah perkuburan. Ha! Ini, kita bukan hendak menuduh mana-mana tetapi kita tak hendak nanti oleh kerana syarikat ini sebenarnya tidak mengeluarkan air daripada punca itu tetapi oleh kerana *viral* yang tidak betul, maka nama syarikat menjadi buruk.

Yang terakhir...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Maran, sikit sahaja sebelum masuk akhir.

Seorang Ahli: Kubang Kerian, Kubang Kerian.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Ha! Okey, sila Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Komen sikit berhubung dengan-sekarang ini, mutakhir ini terlalu banyak syarikat yang mengeluarkan penapis air ini, dan mekanisme kawalan kepada syarikat-syarikat tersebut. Sejauh mana ia benar-benar sebagaimana diiklankan ataupun rakyat jadi mangsa kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan penapis-penapis air yang tidak berkualiti sebenarnya tetapi diiklankan dan rakyat terkesan dengan isu ini.

■1640

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya minta Menteri masukkan juga cadangan ini dan kita minta supaya kerajaan meneliti bagaimana lesen diberikan, apakah kualiti penapisan yang dibuat, apakah ia selamat untuk digunakan oleh rakyat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini di bawah Kementerian Hal Ehwal Pengguna, bukan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Tanah. *[Ketawa]* Tidak apa, sila.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: *[Ketawa]* Sebab dia nak keluar air itu Tuan Pengerusi.

Kemudian *last* Tuan Pengerusi, 040000 – Pembangunan Air. Saya minta, saya ingat di banyak kawasan Parlimen, masih ada lagi tempat-tempat yang menghadapi masalah bekalan air kerana yang pertamanya ialah paip yang terlalu lama. Di Pahang sahaja kalau tidak silap saya, maklumat diberikan oleh kementerian, lebih kurang 12 ribu kilometer dari Pahang ke London kalau kita sambung paip, inilah keperluan gantian air paip di Pahang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Maran, masa amat cemburu.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Saya minta supaya kementerian memberikan perhatian bekalan air di Chenor seberang iaitu di Bukit Kertau yang membekalkan air di sepanjang seberang Chenor itu.

Kedua, bekalan air di kawasan FELDA yang sering berlaku terutama FELDA Jengka 7. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli, selepas itu Yang Berhormat Kuala Krau.

4.41 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada enam perkara.

Pertama, Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Saya hendak bertanya tentang pendidikan untuk rakyat Malaysia, kanak-kanak sekolah dan masyarakat umum supaya mereka cintakan hutan, cintakan sungai, tanam pokok. Adakah ini termasuk dalam peruntukan ini? Kalau tidak, sama ada korporat ada menyumbang, adakah kementerian bercadang untuk menggalakkan sektor korporat yang besar-besar menyumbang kepada usaha-usaha untuk rakyat Malaysia cintakan sungai, cintakan hutan.

Keduanya ialah P.08600 – Pengurusan Hutan Semenanjung. Saya di Jeli ada satu program oleh pejabat daerah iaitu hutan dalam bandar. Kawasan ini kecil sahaja iaitu 7 ekar setelah mendapat kerjasama Jabatan Hutan. Saya mohon untuk diteruskan kerjasama supaya ia dijadikan satu kawasan riadah yang mendapat daya tarikan di kawasan ini.

Ketiga, P.07100 – PERHILITAN, RM53.6 juta. Ini berkaitan dengan monyet, babi hutan, gajah, harimau, *Alhamdulillah* harimau tidak lagi menjadi masalah di Jeli, dulu masalah. Gajah isu yang besar. Isunya ialah berkaitan kakitangan dan peruntukan. Ada kaedah baru dalam belanjawan dan kita ucap terima kasih. Ini masalah yang penting. Di Tanjong Piai pun saya difahamkan ada ancaman daripada monyet. Sebagai contoh, babi hutan biasa, gajah. Jadi, ini melibatkan kerosakan taman getah, buah-buahan dan kelapa sawit. Setakat mana kaedah baru ini dapat mengurangkan konflik antara manusia dengan binatang dan setakat mana boleh membendung masalah yang dihadapi oleh petani.

Keempat Tuan Pengerusi, RTB – P.16200. Sungai Golok di Kelantan ini laluan nya Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan Tumpat akhirnya. Jadi, beberapa bahagian sudah pun diperkuatkan tebing sungai tersebut. Jadi kita hendak tahu, kita tahu ada rancangan untuk RTB ini. Setakat mana *progressnya* dan sama ada ia akan meliputi kawasan-kawasan tertentu di empat jajahan tadi iaitu di empat Daerah Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan Tumpat. Setakat mana peruntukan RM443 juta ini, sebanyak mana diperuntukkan untuk Sungai Golok.

Di kawasan saya, saya memohon pertimbangan Sungai Lanas dan juga kawasan Lakota yang sentiasa banjir, didalamkan dua sungai itu menimbulkan masalah kerana kadar lima, enam kali setahun apabila hujan lebat. Oleh kerana sungai cetek, maka sama ada peruntukan di bawah P.15000 dapat untuk kerja-kerja kecil JPS dapat digunakan untuk membaiki sungai-sungai kecil tersebut.

Seterusnya, berkaitan dengan NRW yang banyak dibicarakan oleh Ahli Yang Berhormat, RM365 juta. Kita hendak tahu selama mana, berapa tahunkah diperlukan untuk membolehkan kerajaan menangani masalah NRW. Tadi Yang Berhormat Arau kata Perlis nombor satu, 63 peratus, Kelantan pun tinggi hampir 50 peratus, tinggi NRW nya, RM365 juta seluruh negara ini, bila dapat selesaikan masalah? Ini masalah utama di Sabah, Pahang dan lain-lain. Bagi Kelantan, saya hendak tahu, bila boleh selesaikan masalah NRW supaya masalah bekalan air ini dapat dikurangkan.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Yang Berhormat Kuala Krau, sila. Selepas itu Yang Berhormat Hulu Terengganu.

4.45 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 - Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Kita tahu bahawa tanah ini ada tanah di bawah kerajaan negeri dan juga ada tanah yang diwartakan di bawah JKPTG. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan berapakah keluasan tanah yang berada di bawah JKPTG. Apakah perancangan-perancangan pembangunan yang akan dilakukan di tanah-tanah tersebut, khususnya bagi negeri Pahang.

Sebentar tadi sedang saya membuat pencelahan terhadap ucapan Yang Berhormat Jerantut, saya telah menyatakan tentang tanah rizab Melayu. Saya mohon juga jawapan daripada Yang Berhormat Menteri supaya tanah rizab Melayu ini dapat dikekalkan pada tahap 50 peratus. Sekarang tinggal 12 peratus. Kita mestilah rujuk kepada Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan supaya perkara mengenai tanah rizab Melayu ini dapat kita kekalkan.

Seterusnya tentang Butiran 040100 – Pengurusan Air. Saya mohon pihak Yang Berhormat Menteri nyatakan berapakah hutang-hutang bagi kerajaan-kerajaan negeri mengenai projek bekalan air dengan Kerajaan Persekutuan. Khususnya bagi Butiran 22000 - Hutang

Bekalan Air bagi negeri Pahang yang RM2.2 bilion. Saya percaya dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menyerahkan pengurusan air ini kepada Pengurusan Paip Air Berhad supaya hutang ini dapat dilupuskan.

Begitu juga tentang peranan Kerajaan Negeri Pahang dalam pembinaan projek-projek rumah kos rendah awam ini. Ramai di kalangan pengguna-pengguna yang berada di rumah ini tidak membayar bil bekalan air. Kita harap juga Kerajaan Persekutuan dapat menimbangkan perkara ini. Begitu juga perkara yang seterusnya tentang peruntukan atau hutang RM200 juta ketika Pahang atau Belia dan Sukan menganjurkan SUKMA pada tahun 2012 supaya beban hutang RM200 juta ini dapat dihapus kira. Begitu juga tentang perbelanjaan RM40 juta yang telah ditanggung oleh kerajaan negeri bagi kerja-kerja pembaikan air, paip air dan juga loji akibat daripada banjir.

Seterusnya saya ingin tahu jumlah anggaran projek RM767 juta tetapi perbelanjaan sebenar 2018 hanya RM6.628 juta. Sekarang dipinda pada tahun 2019 kepada RM4.500 tetapi telah ditiadakan. Jadi, saya mohon jawapan Yang Berhormat Menteri, apakah sebabnya berlaku perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Mencelah sedikit, Jerai.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sudah habis. Ya Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Terengganu, selepas itu Yang Berhormat Kemaman, sila.

4.48 ptg.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada apa yang ingin saya nyatakan dalam Jawatankuasa ini iaitu Bekalan 23, Butiran 030200 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara bersama dengan P.07100 – PERHILITAN. Sebagaimana banyak yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan musuh tanaman iaitu kera, khinzir, gajah dan lain-lain. Memandangkan Hulu Terengganu adalah kawasan pertanian, jadi ini musuh besar yang sedang melanda petani-petani. Jadi, kita berharap agar satu tindakan di bawah kementerian ini dibuat untuk mengatasi masalah ini.

Apa yang saya hendak cadangkan kepada kementerian agar diadakan subsidi-subsidi perangkap kera dan juga beruk dan sebagainya untuk meringankan ataupun untuk membasmi musuh-musuh tanaman ini kerana dengan adanya perangkap-perangkap ini, *insya-Allah* kita yakin masalah ini akan dapat diselesaikan.

Kemudian Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada Bekalan 23, Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar bersama dengan Butiran 020400 – Pengairan dan Saliran.

■1650

Apa yang saya bangkitkan di sini ialah di Hulu Terengganu ada satu kolam takungan iaitu berada di Kampung Paya Besar Kuala Berang yang mana takungan ini telah berusia lebih daripada lima tahun dan perlu kepada *maintenance* dan juga pembaikan dan diharap pihak kementerian dapat menyediakan bajet yang secukupnya untuk mengatasi masalah ataupun menyelesaikan keadaan takungan yang telah lama ini kerana ia amat penting untuk masyarakat di sekitar ini untuk mengatasi masalah banjir.

Kalau sebelum takungan ini diadakan dahulu, banjir di sini mengambil masa selama seminggu air bertakung tetapi dengan adanya takungan ini, ianya dapat mengurangkan jumlah masa banjir di kawasan tersebut.

Kemudian, satu lagi isu yang agak kritikal iaitu pemulihan tebing Sungai Telemong di Kampung Tok Imam Lapar yang mana tebing sungai ini telah terhakis yang menyebabkan akhirnya jambatan yang menghubungkan di kampung ini akan terputus dan ini amat membimbangkan kerana jambatan ini digunakan oleh ramai penduduk terutamanya anak sekolah dan pekerja-pekerja. Jadi, diharap peruntukan yang cukup diberi perhatian yang sewajarnya untuk memastikan jambatan ini tidak runtuh ataupun sungai ini tidak terhakis dapat diselesaikan.

Kemudian, satu lagi di Taman Jaya, Kuala Berang iaitu hakisan tebing sungai yang cukup kritikal di mana saya nampak apa yang berlaku, banyak tanah-tanah yang berada di situ telah pun hanyut, akhirnya tuan-tuan tanah Cuma mempunyai geran sahaja. Tanah telah tidak ada lagi. Jadi, ini juga perlu kepada proses ataupun projek untuk memastikan tebing ini tidak terhakis.

Kemudian, seterusnya yang terakhir iaitu Pembangunan 23, Butiran 25000 – Rancangan Bekalan Air Terengganu yang mana diperuntukkan sebanyak RM900 ribu sahaja untuk tahun ini walaupun ada peningkatan. Cuma, apa yang ingin saya minta di sini ialah apakah projek yang dirancang oleh kementerian untuk Rancangan Bekalan Air untuk Negeri Terengganu? Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kemaman. Lepas itu Yang Berhormat Beaufort.

4.52 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Pertama, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama berbahas dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS Pelbagai Negeri dan 15300 – Mengorek Kuala Sungai. Saya ingin menyuarakan hasrat ataupun isu yang di kawasan Parlimen saya di Kemaman iaitu Sungai Kemaman yang semakin cetek sehingga

menyukarkan aktiviti-aktiviti bot nelayan untuk menangkap ikan dan vessel/agensi kerajaan untuk melaksanakan urusan. Oleh itu, saya minta perhatian oleh pihak Menteri dan kementerian untuk mendalamkan jajaran Sungai Kemaman memandangkan sungai tersebut merupakan laluan utama keluar masuk bot-bot nelayan dan juga vessel/agensi kerajaan.

Seterusnya, Butiran 16700 – Rancangan Tambatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Pertama, saya ingin membawa isu berkaitan dengan projek tambatan banjir di Parlimen Kemaman di kawasan Kemaman yang sebelum ini saya dah pernah sebut dalam Parlimen ini. Oleh itu saya ingin mengetahui status terkini perkembangan projek pembangunan tambatan banjir lembangan sungai bersepadu di Kemaman dan bilakah projek ini dijangkakan siap?

Keduanya, dengan peruntukan yang diterima dalam Rancangan Tambatan Banjir iaitu sebanyak RM443.9 juta. Saya ingin mengetahui juga perancangan dan projek-projek terkini yang dilaksanakan di negeri Terengganu khususnya di seluruh kawasan di negeri Terengganu kerana memandangkan situasi banjir yang sentiasa berlaku di penghujung tahun setiap akhir tahun.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti serta Butiran 030100 – Perhutanan Semenanjung Malaysia. Setiap tahun kawasan hutan hujan tropika negara kita dimusnahkan berikutan kerakusan kegiatan pembalakan yang berleluasa dan pembangunan yang tidak lestari yang menyebabkan ancaman kepada manusia dan alam sekitar.

Besarliah harapan saya dengan peruntukan yang diterima dalam pengurusan hutan dan biodiversiti ini, pencerobohan hutan-hutan yang diwartakan dan dilindungi dapat ditangani secara komprehensif tanpa kompromi. Saya ingin mengetahui sejauh manakah komitmen pihak kerajaan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri bagi memastikan kawasan hutan di negara kita terus dilindungi dan dikekalkan dengan 50 peratus kawasan liputan hutan.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri akan mengeluarkan satu garis panduan berkenaan bidang kuasa kerajaan negeri dalam mengurus aktiviti pembalakan dan pengeluaran hasil hutan yang tidak terkawal di setiap negeri masing-masing. Oleh itu, sejauh manakah garis panduan yang telah dikeluarkan dapat mencapai pengurusan hutan yang lebih mampan dan lebih lestari lagi?

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 08600 – Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Saya difahamkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menyasarkan sebanyak lima juta hektar bagi keluasan hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2020. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah inisiatif dan apakah program yang dilaksanakan dalam usaha bagi mencapai sasaran tersebut?

Seterusnya merujuk kepada Butiran 030200 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri tindakan yang tegas diambil terhadap mereka sama ada warga tempatan mahupun warga asing yang terlibat dengan kegiatan pemburuan haram dan juga penyeludupan haiwan liar yang semakin membimbangkan kita. Kita melihat populasi hidupan liar semakin terancam terutama spesies yang terancam terutama

harimau Malaya dan gajah Pygmy Borneo yang begitu hebat konflik dan ancaman daripada manusia yang tidak berperikemanusiaan. Saya hendak tahu sehingga kini berapakah mengikut kajiannya spesies-spesies binatang tersebut yang ada di hutan negara kita ini?

Seterusnya, Butiran 070100 – PERHILITAN yang dilihat peruntukan yang diterima berkurangan iaitu sebanyak RM6.1 juta sedangkan fungsi PERHILITAN ini berperanan besar melindungi dan memelihara kawasan perlindungan daripada kepupusan. Oleh itu, saya ingin mengetahui program-program dan aktiviti pengurusan kawasan-kawasan perlindungan sekali gus memperkasakan fungsi PERHILITAN ini selaras dengan dasar kepelbagaian biologi kebangsaan yang ada.

Seterusnya yang terakhir saya ingin menyentuh berhubung dengan Butiran 2500 – Rancangan Bekalan Air negeri Terengganu. Saya melihat peruntukan bekalan air di negeri Terengganu dipotong sehingga RM300 ribu. Sehubungan itu, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kenapakah ianya dipotong peruntukan yang sepatutnya diberi kepada Terengganu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beaufort. Lepas itu Yang Berhormat Masjid Tanah dan Yang Berhormat Batu Kawan. Sila.

4.58 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 28000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Sabah. saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian sudah memantau loji baharu Beaufort ini yang mana sehingga kini masih lagi menimbulkan masalah kepada rakyat di kawasan saya.

Menjadi rungutan dan kemarahan rakyat kepada kerajaan kerana air kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada dan dikatakan loji ini tidak dapat membekalkan air kepada paip-paip kita di seluruh kawasan Daerah Beaufort ini. Jadi, saya mohon kepada kementerian supaya melihat kepada perkara ini secara serius kerana ini adalah masalah serius kepada rakyat dalam kawasan Parlimen Beaufort.

Begitu juga dengan loji Limbawang yang membekalkan air kepada Daerah Kuala Penyu yang juga berada di dalam kawasan Parlimen Beaufort juga bermasalah daripada masa ke semasa kadang-kadang sehari-hari tidak akan ada bekalan air di Daerah Kuala Penyu, di Daerah Kecil Menumbok. Jadi, saya minta kepada kementerian juga memantau apakah keperluan lagi untuk kita tambah baik loji ini dan bantulah untuk memberikan peruntukan agar masalah rakyat ini dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya dan *once and for all*, kata orang Inggeris dengan izin.

■1700

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS yang saya lihat telah dikurangkan, hanya RM100,000 sahaja diperuntukkan. Saya rasa ini akan menjejaskan

program-program pembersihan sungai-sungai dan parit-parit yang selalu menimbulkan masalah kepada rakyat. Berlaku banjir-banjir yang tiba-tiba sahaja berlaku kerana hujan dan sebagainya kerana parit-parit ini sudah pun kotor dan dipenuhi oleh rumput-rumput dan memerlukan pembersihan secara berkala. Jadi kalau peruntukan sudah diturunkan, ini akan menimbulkan masalah oleh Sungai Kelia, Sungai Tangolian dan lain-lain sungai dan parit-parit yang ada dalam kawasan Parlimen Beaufort. Jadi, saya mohon supaya ini dapat dilihat semula oleh kementerian.

Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Juga saya minta supaya dapat dibuat satu kajian secara menyeluruh kepada pantai-pantai yang ada di dalam negara kita Malaysia termasuk jugalah di kawasan saya sendiri. Di mana antara pantai-pantai yang terlibat ialah Pantai Mempakul, Pantai Menumpang, Pantai Tinambak, Linsuk dan Selikuh serta juga Mansut dalam kawasan Parlimen Beaufort yang kini sudah mengalami hakisan pantai.

Bukan sahaja kehilangan punca ekonomi tetapi juga tempat tinggal mereka juga sekarang ini dalam keadaan yang saya rasa membimbangkan dan tidak akan ada tempat mereka tinggal lagi sekiranya hakisan ini menjadi-jadi. Oleh itu saya mintalah supaya pihak kementerian dapat melihat, membuat kajian dan membantu kita untuk menyelesaikan masalah ini, mungkin mengadakan tambak dan sebagainya supaya hakisan ini tidak akan menjadi-jadi lagi.

Saya juga ingin merujuk terakhirnya kepada Butiran 02801 – Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyenggaraan Sempadan Antarabangsa. Saya ingin bertanya, adakah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah datang Tanjung Kelias di Menumbok iaitu saya difahamkan merupakan lokasi paling barat di Malaysia ini. Sudah kah pemetaan dibuat? Jika sudah, kerana kita hendak mahu membangunkan kawasan ini sebagai satu lagi kawasan tarikan dalam Parlimen Beaufort. Saya berharap sangat supaya JUPEM dapat melaksanakan pemetaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Yang Berhormat Masjid Tanah.

5.02 ptg.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyebut tentang empat butiran. Butiran pertama di bawah Butiran 15100 iaitu Mencegah Hakisan Pantai dan saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana telah pun memberi peruntukan segera untuk hakisan pantai di Kampung KK Kuala Sungai Baru, Pengkalan Balak dan juga Kampung Tanjung Dahan baru-baru ini.

Akan tetapi saya hendak bagi satu pantun untuk Yang Berhormat Menteri.

'Pergi berkempen di DUN Kukup,

Kerajaan negeri bagi, tapi tidak cukup'.

Oleh sebab itu saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri dapat bagi peruntukan daripada *Federal* untuk bantu cegah hakisan pantai ini, yang mana Kampung Balik

Batu, Teluk Gong, Kampung Tengah tidak dimasukkan. Saya berharap sangat sebab ini hendak bina struktur lapis lindung pantai yang boleh mengancam penduduk Masjid Tanah yang berdekatan dengan pantai. Saya benar-benar berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan peruntukan ini bagi melihat dan *zoom* balik secara spesifik.

Seterusnya saya ingin pergi pada Butiran P.16700 - Rancangan Tebatan Banjir. JPS Melaka ada mohon RM30 juta untuk projek tebatan banjir di Masjid Tanah bagi mengatasi kawasan Masjid Tanah Ria yang hari ini pun dia orang sudah panggil bukan Masjid Tanah Ria tapi 'Masjid Tanah Duka'. Oleh sebab saban kali sahaja dalam setahun, tiga, empat kali banjir dan ini juga bagi mengatasi masalah pembetungan yang telah pun sekian lama dan tidak dapat menampung jumlah air yang semakin besar disebabkan pembangunan yang banyak di dalam kawasan DUN Lendu.

Jadi, kami perlukan segera sebab ada peruntukan turun di dalam Daerah Alor Gajah katanya RM30 juta tetapi itu di dalam Parlimen Alor Gajah, bukannya Masjid Tanah. Jadi, saya benar berharap supaya ia dapat dipertimbangkan juga untuk Rancangan Tebatan Banjir di dalam Parlimen Masjid Tanah kerana kalau tidak, saban kali berlaku banjir kos pembersihan juga sangat tinggi yang kita perlukan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 15300 - Mengorek Kuala Sungai. Saya juga berharap agar pembinaan ban di sungai-sungai iaitu di muara sungai Kuala Sungai Baru dapat dipercepatkan. Kalau tidak, pasir akan mengganggu untuk bot-bot nelayan ini turun ke laut. Ini kerana kalau dia hendak turun ke laut dia kena tunggu, kena turun awal dulu letakkan bot dekat tengah laut, barulah mereka dapat turun ke sungai dan di pantai sebab kalau tidak nanti, susah bila air cetek.

Begitu juga dengan aktiviti pengorekan pasir. Saya benar-benar berharap agar pihak kementerian memperlihatkan tentang bagaimana aktiviti ini telah pun menjejaskan muara sungai menjadi cetek dan membuatkan keladak air pun timbul dan mendapat lumpur dari hulu sungai semakin menjadi ke tengah. Jadi, saya harap dapat melihat dan juga dapat beri perhatian kepada perkara ini sebabkan apabila berlaku aktiviti pengorekan pasir ini menyebabkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi berlaku dan akhirnya menyebabkan hasil di sungai menjadi kurang.

Seterusnya saya ingin menyebut tentang Butiran 030000 - Pengurusan Hutan dan juga Biodiversiti. Butiran kecilnya 030100 dan juga 030200 dan saya ingin bertanyakan tentang pertambahan peruntukan yang berlaku. Adakah ini bermakna pertambahan dana diberikan kepada agensi-agensi untuk mempertingkatkan lagi penguatkuasaan untuk mengawal aktiviti pemburuan haram. Sebagaimana yang telah disebut oleh sahabat-sahabat Yang Berhormat tadi dia cakap tentang Harimau Malaya yang telah pupus dan begitu juga dengan Kertam iaitu badak sumbu Sumatera yang telah pun menjadi arwah disebabkan oleh perkara-perkara pemburuan haram dan juga yang benda-benda yang lain yang berlaku.

Saya ingin bertanyakan, adakah kita berikan kepada pihak berkuasa hidupan liar dan juga NGO yang terlibat dan juga agensi-agensi penguatkuasaan bagi mereka sama-sama

menangani, membantu pemburuan haram dan sebagainya kerana mereka ini berhadapan dengan pelbagai cabaran. Jadi saya hendak bertanya bagaimanakah dengan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat Malaysia tentang masalah ini dan supaya masyarakat Malaysia juga bersama-sama menghayati pemuliharaan dan juga pemeliharannya.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri untuk masalah yang berlaku dekat Masjid Tanah. Sama juga dengan kawan-kawan lain kita bukan sahaja dengan masalah kera, monyet dan juga kita berhadapan dengan masalah 'beliau'. Banyak sangat 'beliau' dekat Masjid Tanah dan merosakkan tanaman. Banyak sangat babi hutan merosakkan tanaman, pagar orang kampung, habis barang-barang, masuk rumah dan sebagainya.

Begitulah dia minta tolong pada RELA tetapi nanti ditembak macam tidak berperikemanusiaan. Jadi, bagaimanakah untuk kita atasi masalah ini. Jadi saya benar-benar berharap kerana di Melaka juga jumlahnya cukup banyak aduan. Sebanyak 716 aduan, yang itu yang mengadu, yang tidak mengadu kita tidak tahu dan 253 aduan datangnya daripada Daerah Alor Gajah.

Last sekali saya ingin bertanya, saya hendak *take respond* kepada pihak kementerian tentang cadangan kerajaan negeri, tentang pelan jangka panjang untuk mewartakan sebahagian daripada 4,000 hektar kawasan tadahan air yang sebelum ini kawasan ladang sawit dan sebagainya untuk dijadikan sebagai hutan kekal sebagai satu habitat baru untuk haiwan-haiwan ini. Bolehkah ia direalisasikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Yang Berhormat Batu Kawan, lepas itu Yang Berhormat Putatan.

5.08 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk Batu Kawan membahaskan Kementerian KATS ini. Saya mulakan dengan Butiran 040100 – Pengurusan Air. Ingin saya tahu di sini, apakah rancangan kementerian untuk menyediakan satu *storm catchment area* dengan izin, di Daerah SPS dan SPT memandangkan Parlimen Batu Kawan ada dua daerah, sama ada di Perai, Bukit Tengah ataupun di Bukit Tambun.

Berikutan di bawah butiran yang sama, soalan saya bilakah projek mendalam dan membuang enapan di Sungai Junjung Mati, Daerah SPT, kerja-kerja penstabilan Sungai Junjung di Permatang Tinggi. Bilakah juga kerja-kerja menaik taraf *siphon* di Kampung Bukit Kecil Juru dan juga bilakah kerja-kerja menaik taraf alur Sungai Junjung Mati di sebelah kilang Rex semua di Daerah SPT akan dijalankan oleh kementerian. Memandangkan ini daripada laporan JPS negeri tetapi saya ingin tahu apakah jangka masa yang diperlukan oleh JPS di bawah kementerian Yang Berhormat untuk melaksanakan projek-projek ini.

Kedua, adalah Butiran 14500 – Menaik Taraf Infrastruktur dan Saliran Bandar Tebatan Banjir. Tuan Pengerusi, ingin saya tanya juga apakah projek-projek menaik taraf sungai-sungai

yang melalui DUN Perai, DUN Bukit Tengah dan DUN Bukit Tambun. Sebagai contoh Perai dan Sungai Juru dan Sungai Junjung yang melalui Kampung Main Road, Chang Yin Fatt, Taman Emas, Kampung Nanas, Kampung Dop, Kampung Jawa, Kampung Tok Panjang, Kampung Kebun Sirih, Juru Estet, Taman Mangga dan Taman Pinang, Kampung Tersusun, Taman Sentul, Taman Sentul Jaya, Kampung Sekolah, Taman Merak, Ladang Valdor, Kampung Baru dan Sungai Bakap.

■1710

Berapakah projek yang dipohon oleh JPS Pulau Pinang untuk kerja-kerja pendalaman dan menaik taraf sungai dan tebatan banjir di DUN Bukit Tambun bagi tahun 2020 dan juga di DUN Bukit Tengah dan Prai? Saya ingin tahu, ini memandangkan beberapa kawasan di kawasan Parlimen Batu Kawan adalah kawasan di bawah paras laut, maka apabila hujan lebat untuk satu jangka masa yang pendek, kawasan-kawasan tersebut akan banjir dengan cepat.

Seterusnya saya menyebut Butiran 08601 – Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai di Persisiran Pantai. Saya ingin tahu berapa kawasan di negeri Pulau Pinang yang telah *di earmarked* untuk projek-projek penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai dan adakah Batu Kawan termasuk dalam rancangan ini? Sekiranya tidak saya mohon Batu Kawan dimasukkan bersama dengan Pulau Aman sekali.

Saya merujuk Butiran 07100 – PERHILITAN. Bersama dengan Yang Berhormat yang lain, kawasan Batu Kawan juga tidak terkecuali oleh ancaman-ancaman daripada rakan-rakan kita yang lain, babi hutan di kawasan Pulau Aman dan Kampung Baru dan juga monyet di Batu Kawan.

Pada masa yang sama, ingin saya tahu rancangan PERHILITAN untuk melawat Sungai Prai untuk membuat banci spesies-spesies burung dan juga ikan yang ada di sana memandangkan kawasan itu berhampiran dengan kawasan perkilangan. Ada beberapa kilang-kilang yang melepaskan bahan-bahan buangan mereka itu ke dalam Sungai Prai yang telah menyebabkan mengikut apa yang dikatakan oleh orang-orang tua di sana banyak spesies ketam, ikan dan hidupan lain yang dahulu wujud tetapi hari ini tidak wujud lagi atau dianggap sebagai pupus. Jadi, saya ingin tahu apakah PERHILITAN akan datang, sekiranya ia dengan izin *I will be very happy to host a visit by PERHILITAN*.

Tuan Pengerusi, ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini penghargaan kami kepada JPS dan semua *team* NADMA dalam banjir yang telah melanda Pulau Pinang beberapa minggu yang lepas, terutama sekali ingin saya *highlight* di sini satu masalah dengan Loji Rawatan Indah Water di Taman Sejati. Satu lawatan tapak oleh SPAN yang telah diketuai oleh Yang Berhormat Charles bersama dengan pasukan beliau juga bersama dengan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Zairil dan Yang Berhormat Phee Boon Poh bersama ADUN kawasan telah meneliti isu bahan-bahan buangan daripada tapak komersial di sebelah dengan kawasan perumahan Taman Sejati.

Masalahnya adalah Loji Rawatan Kumbahan Indah Water tersebut dikongsi oleh kawasan perumahan dan kawasan komersial. Projek ini telah diluluskan semasa kerajaan sebelumnya dan malangnya terpaksa juga dilaksanakan memandangkan bajet telah diberikan, projek pun telah berlangsung, akan tetapi hari ini kita perlu menangani masalah hasil daripada keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini.

Akan tetapi saya ingin mengucapkan terima kasih di atas komitmen oleh agensi-agensi di bawah kementerian Yang Berhormat terutama sekali SPAN dan juga JPS oleh sebab satu keputusan ataupun cara penyelesaian telah dicapai sekiranya berjaya di kawasan tersebut *pilot* projek ini, maka saya harap pihak kementerian boleh *adapt* cara tersebut. Berganding bahu dengan KPKT untuk memastikan PBT menggunakan garis panduan ini sekiranya kawasan komersial berkongsi loji kumbahan atau Loji Rawatan Indah Water bersama dengan kawasan perumahan. Dengan ini saya ucapkan sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Sila Yang Berhormat Putatan.

5.14 ptg.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada satu sahaja. Saya terus ke Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Terdapat satu pusat pendaratan ikan di Pasir Putih di tempat saya P.173 Putatan, memang terdapat seramai 300 orang nelayan berdaftar di kawasan ini dan menggunakan pusat pendaratan ikan yang terdapat di sini.

Masalahnya apabila air surut, perahu-perahu nelayan ini tersadai satu kilometer jauhnya daripada pusat pendaratan ikan ini menyebabkan nelayan terpaksa mengangkat hasil-hasil ikan itu begitu jauh. Penyelesaiannya iaitu muara sungai kecil ini perlu didalamkan dan dibina tembok pengadang ombak di kiri dan kanan agar muara yang didalamkan itu boleh bertahan hingga beberapa bulan.

Untuk pengetahuan Jabatan Pengairan dan Saliran memang servis kawasan ini. Akan tetapi apabila hari ini didalamkan, dia cuma boleh bertahan dalam berapa tempoh, kadangkala dalam sebulan sahaja kerana ia akan di tutup semula oleh pasir-pasir yang dibawa oleh ombak. Oleh itu pengadang di kiri dan kanan itu adalah perlu. Itu sahaja, saya memohon agar kementerian dapat meluluskan permohonan saya untuk mendalamkan muara sungai dan membina tembok pengadang ombak ini. Ia cuma muara yang kecil sahaja untuk kemudahan nelayan-nelayan mendaratkan hasil ikan mereka. Terima kasih, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Baiklah Ahli Yang Berhormat. Seramai 40 orang Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Masa diperuntukkan,

saya difahamkan Yang Berhormat Menteri ada urusan di luar negara. Berapa minit? Selama 45 minit?

5.14 ptg.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dato' Dr. Xavier Jayakumar]: Satu jam lebih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Satu jam ya, yang tidak sempat boleh beri jawapan bertulis. Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan sejumlah RM4.776 bilion kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Jumlah ini merangkumi peruntukan perbelanjaan pengurusan sejumlah RM1.276 bilion dan peruntukan pembangunan sejumlah RM3.5 bilion. Bajet pembangunan dan pengurusan 2020 kementerian masing-masing telah meningkat sebanyak 23.72 perisen dan juga 8.5 perisen berbanding tahun 2019. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan pentadbiran kerajaan Malaysia yang baharu dalam menguruskan isu-isu berkaitan air, tanah dan sumber asli negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian juga merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan 40 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahas isu-isu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Sebelum saya mula menjawab isu-isu yang dibangkitkan, izinkan saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kewangan terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa ucapan Belanjawan 2020 yang lalu telah menyediakan sejumlah peruntukan tambahan di bawah Kementerian Kewangan bagi tujuan mencapai objektif dan strategi kementerian ini. Antaranya ialah untuk memberikan RM48 juta bagi memulihara keaslian hutan dan biodiversiti semula jadi ataupun geran sepadanan dan menyokong inisiatif *Central Forest Spine* dan *Heart of Borneo* dan juga RM15 juta bagi *Malaysian Conservation Alliance for Tigers* (MYCAT), Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok dan juga NGOs lain.

Sebanyak RM20 juta bagi melantik renjer dari kalangan askar yang telah bersara dan masyarakat Orang Asli setempat. Ini bagi memastikan keaslian hutan-hutan dan biodiversiti semula jadi terpelihara sebagai warisan generasi negara pada masa hadapan. Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan agar peruntukan tersebut disalurkan kepada kementerian ini dan bagi memastikan peruntukan yang disalurkan kepada NGO mencapai matlamat yang ditetapkan. Kementerian juga akan mewujudkan terma rujukan dengan izin, *in term of reference* mekanisme kawalan dan lain-lain yang perlu bagi memastikan peruntukan ini digunakan seperti yang dihasratkan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya akan kumpulkan beberapa pertanyaan dan soalan yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat tentang isu air, banjir, muara sungai dan juga kepada yang

katakan hakisan pantai dan sebagainya. Ini semua adalah saya akan rangkumkan di dalam satu jawapan Tuan Pengerusi. Untuk isu air ini, saya hendak beritahu kepada semua Yang Berhormat, kita ada rancangan jangka panjang dan rancangan jangka pendek yang berkenaan dengan isu air di dalam negara kita.

■1720

Akan tetapi isu air ini bukan sama rata di semua negeri, ada negeri-negeri yang cukup dengan sumber air iaitu air mentah tetapi ada juga negeri-negeri yang akan adakan *stressed* di dalam tahun hadapan akan datang dalam dua tahun dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita tahu Ahli-ahli Yang Berhormat ialah kalau kita tidak ambil tindakan sekarang, kalau kita tidak buat sesuatu sekarang, dalam tempoh 10 tahun dari sekarang, kita akan menghadapi masalah air yang besar di dalam negara kita.

Oleh sebab itu, kementerian telah membuat perancangan keseluruhan di mana kita bagi tumpuan kepada setiap negeri mengikut keupayaan mereka untuk kita adakan program masing-masing daripada Perlis ke Johor, Sabah dan Sarawak. Masalah besar di dalam negara kita adalah *Non-Revenue Water* (NRW). Purata yang saya tahu di dalam negara ialah hampir 35 peratus. Akan tetapi ada negeri yang kebanyakannya melebihi daripada 40 peratus. Tertinggi ialah negeri Perlis yang ada 67 peratus NRW. Itu bermakna, kalau 100 MLD keluar dari loji rawatan air, sebanyak 67 peratus hilang di dalam tanah. Kerugian kita besar.

Oleh sebab itu kementerian akan bagi keutamaan untuk menurunkan NRW keseluruhannya. Kita ada pelan kita dan sekarang pun di dalam ada kementerian kita di dalam proses untuk tender beberapa pakej di semua negeri termasuk Perlis, Perak, Pahang, Kelantan, Sabah, Sarawak dan juga negeri-negeri lain untuk kita menghadapi masalah ini. Saya telah buat satu andaian...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Menteri, boleh tidak? Boleh. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah ini bantuan atau pinjaman untuk kita mengurangkan kadar NRW ini.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Untuk NRW ini bukan pinjaman, ini adalah geran dari kerajaan. So, kita ada dan sekarang kita hendak tukar meter, kita akan tukar paip di dalam kawasan-kawasan tertentu. Akan tetapi ini semua kita kena dapatkan satu kerjasama daripada setiap negeri. Setiap negeri ada syarikat air persendirian dan mereka kena bekerjasama. Negeri Kelantan, Johor dan Pulau Pinang telah datang jumpa saya.

So, saya sekarang akan kerja dengan negeri Pahang yang telah jumpa dengan saya banyak kali. Bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjumpa dengan saya banyak kali tentang isu air di dalam negeri Pahang. Kita ada perancangan jangka panjang (*long term*) di dalam negeri Pahang. Akan tetapi, Pahang ada masalah juga di dalam industri air dan syarikat airnya. Kita kena fahami dan kita kena akui bahawa ada masalah dan kita kena atasi masalah ini secepat mungkin pada masa yang akan datang.

Akan tetapi untuk negeri-negeri masing-masing, saya hendak katakan macam ini. Industri air ini, keperluannya ialah *capex* yang tinggi sangat, *very high capex* untuk kita baik pulih, naik taraf dan juga bina baru loji-loji air dan sistem air di dalam setiap negeri.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Akan tetapi, masalah dia adalah...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai, Jerai.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Bagi saya habis dahulu. Akan tetapi masalah dia adalah, sebab tidak cukup dana dari negeri masing-masing dan syarikat-syarikat air di dalam negeri masing-masing tidak ada peruntukan luar jangka untuk membuat paip dengan NRW ataupun bina baru dan sebagainya. Ia bergantung kepada pusat untuk kita bantu mereka bagi mengatasi masalah ini. Akan tetapi, oleh sebab itulah kita di kementerian, telah pun mengadakan prosesnya di mana TSM ini - saya ingat kita kena faham isu TSM ini tarif air yang kita ada sekarang.

Capex ini besar sekarang, kita belanja ialah perbelanjaan pada waktu sekarang tetapi tarif-tarif yang ada ini ialah 20 tahun sebelum ini. Macam mana syarikat-syarikat air di dalam negeri masing-masing akan gunakan tarif yang ada sekarang untuk kemajuan mereka ataupun menaik taraf sistem-sistem yang ada di dalam setiap negeri. Oleh sebab itu, saya melalui kementerian saya telah mulakan perbincangan ini dengan *tariff setting mechanism* ini untuk kita adakan satu kefahaman bahawa ini sudah tiba masanya untuk kita naikan tarif air di dalam negara dan semua negeri untuk ikut bersama-sama.

Oleh sebab, kalau tidak ada kenaikan tarif air di dalam setiap negeri, kita tidak boleh menaikkan taraf sistem air di dalam negara kita. Ada negeri yang tidak ada air mentah, kena beli dari negeri yang lain. Contohnya sekarang, Selangor beli air dari Pahang, selesai sudah masalah, selesai masalah. Akan tetapi sekarang kita hendak adakah di mana satu projek lagi air dari Perak akan dijual ataupun akan bersama-sama dengan Perak dan Pulau Pinang akan menaikkan taraf air dalam sistem air ini di dalam negeri masing-masing.

Negeri Johor, kalau kita tidak buat sesuatu di dalam tempoh dua tahun yang akan datang, akan ada *stressed water* yang besar sebab tidak mencukupi air mentah di dalam negeri Johor. Ini satu masalah besar yang kita hadapi. Negeri Kelantan, ada beberapa kawasan tidak cukup air. Exco negeri Kelantan telah datang berjumpa dengan saya dan kita bersetuju untuk adakan sedikit kefahaman di mana kita akan bina loji-loji air yang dikatakan mini-mini LRA di dalam negeri Kelantan untuk meningkatkan *supply* air di dalam negeri Kelantan. Akan tetapi negeri Kelantan ini masalah dia, dia gunakan air di bawah tanah sahaja, dia tidak gunakan air yang dikatakan dari sungai. So, sebab itu kita kena ada *hybrid project* di mana kita gunakan air sungai dan pada masa yang sama, kita akan gunakan air di bawah tanah juga.

Oleh sebab itu, di dalam tempoh yang terdekat di dalam RMK-12 ini, kita akan mulakan untuk gunakan air di bawah tanah juga di beberapa negeri. Contohnya di negeri Johor mesti dilakukan. Di negeri Kedah mesti menggunakan air di bawah tanah, Pahang tidak payahlah sebab ada air *surface water*. Negeri Perak tidak payah kerana ada *surface water* tetapi Selangor

kita kena adakan. Di Kelantan kita kena guna pakai *hybrid*, air di bawah tanah dengan air sungai kena digunakan untuk kita mengatasi masalah.

Di Kelantan baru-baru ini kita telah pun meluluskan untuk membina empangan di Gua Musang.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu, Sibu sini.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya hendak tanya sedikit?

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Di utara Gua Musang. Ya.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, walaupun dapat buat penyelesaian dari sudut *hybrid* tadi tetapi yang paling penting, paip yang begitu lama yang sudah uzur di Kelantan. Jadi, bilakah masanya yang ditetapkan oleh kementerian Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan isu paip.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Kita telah mula, sekarang dalam proses tender. Ada dua pakej ataupun tiga pakej di Kelantan yang kita telah mula untuk menukar paip, menukar meter dan sebagainya di dalam kawasan. Akan tetapi ini tidak boleh diselesaikan di dalam tempoh satu dua tahun. Jikalau kita ada satu angka di mana kita hendak turunkan NRW daripada 31 peratus kepada 25 peratus, ini akan mengambil masa lebih daripada lima tahun untuk kita lakukan. Kena ingat Yang Berhormat, kalau kita hendak menurunkan satu *percent* sahaja NRW di seluruh negara, kita kena belanja hampir RM1 bilion untuk turunkan sebanyak satu *percent* NRW. Ini satu-satunya bebanan besar kepada kerajaan untuk kita buat *capex* yang tinggi dengan air mentah yang kita ada.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu di sini, Sibu sini. Boleh saya tanya Yang Berhormat Menteri tentang loji bekalan air atau *pump* air dari Sibu untuk membekalkan air mentah ke Tanjong Manis - SCORE. Adakah projek ini di-dana dia dari Kerajaan Persekutuan atau dari kerajaan negeri? Bagaimana untuk memantau projek macam ini kerana sekarang projek itu menghadapi masalah. Ini kerana *initially* dia gunakan air di bawah tanah tetapi itu tidak *successful* tidak berjaya kerana air bawah tanah itu terlalu kotor untuk diproses dan mempunyai ammonia.

■1730

Kalau air tiada ammonia, dia tidak dapat diproses untuk jadi air untuk diminum. Jadi, bagaimana projek ini sekarang? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Saya tidak akan dapat jawab spesifik untuk projek itu tetapi saya akan bagi sedikit isu tentang air di bawah tanah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Sebelum kita ambil air dari bawah tanah, kita kena buat kajian keseluruhan kawasan itu berapa *volume* yang kita ada, *reserve* kita ada di bawah tanah. Kita kena tahu dahulu sebelum kita hendak ambil air dari bawah tanah dan kawasan mana yang ada air di bawah tanah. Ini kena buat kajian dahulu. Selepas itu, bila kita ambil air dari bawah tanah, kita kena tahu berapa banyak kita kena ambil.

Sebab, isu air bawah tanah ini kita mesti ada *recharge*. Tanpa *recharge* kepada air di bawah tanah, kita tidak boleh ambil sahaja air yang mencukupi dari mana-mana tempat yang kita ambil. Itu jadi masalah di dalam kawasan-kawasan seperti Jakarta atau di California sekarang di mana ada *sinking of the plato* sebab banyak air sudah diambil dari bawah tanah.

So, sekarang ada sistem yang diguna pakai oleh negara seperti Denmark dan *Holland* di mana kita buat kajian dahulu. Sebab itu kerajaan sekarang telah pun adakan satu kajian untuk negeri Johor dan negeri Kedah di mana kita akan *map* keseluruhan negeri dia, air di bawah tanah macam mana keadaan dia, *volume* dia macam mana, di mana ada mereka dan kita akan gunakan kepakaran dari negara Jepun dengan 4D *survey* ini untuk dapatkan keseluruhannya. Selepas itu sahaja kita akan ambil air dari bawah tanah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sefaham saya, hanya dua sahaja projek macam ini untuk membawa air di bawah tanah tetapi kedua-dua projek itu tidak berjaya. Satu di Sibu di Sungai Sadit.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: *Let me check about Sibu and I will get back to you in specific term, okay?*

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya hendak— hujung daripada jawapan tadi, saya ingin mendapat pengesahan semula tentang pembinaan takungan air di Hulu Kelantan ataupun di Gua Musang di Sungai Lebir atau sebagainya. Saya tidak berapa jelas. Minta penjelasan tentang isu tadi. Katanya sudah ada dalam projek.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Ya, sudah diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini untuk projek di utara Gua Musang di Nenggiri, kalau tidak silap saya nama dia. Empangan itu telah pun diluluskan tetapi saya difahamkan bahawa itu bukan sahaja untuk menjana elektrik sampai 300 megawatt tetapi dia juga kena dilakukan sebagai tebatan banjir di dalam kawasan itu. So, ini projek besar akan ambil masa sedikit untuk kita laksanakan tetapi sudah ada kelulusan.

Tuan Sabri bin Aziz [Jerai]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan bekalan air di negeri Kedah, lima loji air di Kedah yang akan dibina dan dinaik taraf itu, setakat mana projek tersebut telah dilaksanakan?

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Projek-projek itu telah ditender oleh SADA sekarang untuk dilaksanakan. Itu ialah dengan kadar— ada pinjaman tetapi untuk jangka panjang, kita akan selesaikannya dengan bagi geran kalau mereka mulakan dahulu dengan pembinaannya. Di Langkawi pun kita sudah pastikan projek yang dilaksanakan di Langkawi adalah menggunakan hibrid di antara air bawah tanah dan juga air sungai. Ini akan digunakan di Langkawi.

So, ini keadaannya di dalam negara kita. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya dan sokong keadaan di kementerian di mana *tariff setting mechanism* untuk harga air ini kita mesti lihat dari sudut untuk kita bina projek-projek baharu di dalam negeri dan kita hendak bagi bantuan kepada syarikat-syarikat air di dalam negeri untuk berbuat demikian.

Saya boleh janjikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peraturan dan apa yang telah kita bincangkan dan kita telah sediakan ialah untuk SPAN menjaga syarikat-syarikat air ini di mana kita akan *regulate profit* mereka. Sistem air ini bukan *for profit*. Ini ialah suatu yang kita kena buat untuk rakyat. So, kita kena *regulate profit* di dalam syarikat-syarikat ini. So, tidak kira siapa-siapa pun syarikat-syarikat yang hendak datang untuk mulakan industri ini, dia kena ikut peraturan yang kita telah tetapkan.

Prioriti yang kita katakan ialah kita akan *standardize* keuntungan di dalam syarikat-syarikat ini dan kita akan teliti gaji CEO ataupun *director-director* syarikat ini, macam mana mereka dan kita akan pantau sebab syarikat-syarikat ini menjalankan tugas-tugas mereka di dalam sistem yang adil dan juga *lean and clean company* yang kita akan adakan di dalam negeri masing-masing.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Akan tetapi, pada masa yang sama...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Sedikit sahaja mengenai tarif air. Saya sebenarnya bersimpati bila Yang Berhormat Menteri sebut bahawa kita perlu tingkatkan tarif air. Tetapi saya rasa bila kita sebut hendak naikkan tarif air ini, ia akan mengundang persepsi ataupun kemarahan rakyatlah, saya ingat, sebab tidak pernah dinaikkan.

Cumanya, apakah mekanisme yang kerajaan hendak bawa supaya rakyat betul-betul faham? Sebagai contoh, kita tengok semakan terakhir kalau negeri Pahang, saya ingat tahun 1983, kalau Perlis tahun 1996 dan Terengganu tahun 1997. Maksudnya, memang sudah lama. Akan tetapi, secara domestik penggunaan air rumah sekitar RM14 hingga RM17.

Sangat jauh bezanya kalau kita beli sekotak rokok. Saya rasa lebih mahal ya sehari. Dan juga kita minum *coffee* di kafe-kafe yang popular. Jadi, itu saya hendak tanya, apakah mekanisme ini? Supaya kita juga yang di sini bila kita ada dasar baharu atau hendak naikkan tarif air, itu dapat diterima secara terbuka oleh semua pihak. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tambah sedikit, Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya cadangkan, kalau boleh kita jangan bazirkan air dahulu sebelum naik tarif air. Pada masa ini, kita bazir air banyak di kawasan-kawasan paip pecah sana, pecah sini. So, kita naik harga lagi, rakyat akan marah. So, kalau boleh kita selesaikan masalah ini dahulu baru naik tarif air. Kalau tidak, itu akan menjadi beban kepada rakyat. Itu sahaja pandangan saya.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Itu pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Akan tetapi, saya ingat keseluruhannya, kita kena faham industri air ini taraf mana industri air ini. Kalau kita hendak meningkatkan taraf kita hendak buat baik dan kita hendak tentukan bahawa 24 jam ada air dalam paip dan 365 hari ada air, kita mesti kena belanja. Air ini kita mesti bayar. Kalau *handphone* itu habis kredit terus RM25 boleh bayar, RM30 boleh bayar, tiada masalah, tetapi bila saya kata hendak naikkan harga air 30 sen, 20 sen *first band* yang kita katakan

maksimum *you* akan bayar untuk satu keluarga dengan empat orang yang menggunakan air ini ialah RM15, RM20 sebulan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Itu sebab saya katakan bahawa SPAN akan memantau syarikat-syarikat berkenaan. Ini masalah dia ialah persepsi yang rakyat ada sekarang ialah bocor sini, bocor sana air, putus air untuk tiga hari dan sebagainya. Saya faham. Isu ini sudah lama sudah. *We are inheriting old system* yang kita ada. Tetapi untuk atasi masalah ini, kita kena mulakan dengan *slate* yang *clean* yang baharu.

Ini saya minta semua Yang Berhormat beritahu kepada penduduk di dalam kawasan. Kalau tidak belanja, kalau kita tidak buat baik— bukan kita tidak *repair* paip-paip yang bocor dan NRW. Kita beri tumpuan pada NRW pada masa yang sama. Akan tetapi, kalau syarikat-syarikat air di dalam negeri-negeri masing-masing kalau katakan dia boleh ketepikan peruntukan dia lima *percent* atau enam *percent* dari apa yang dia kutip dan digunakan di dalam kawasan-kawasan masing-masing di dalam tempoh 10 tahun, boleh selesai masalah ini.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih kepada penjelasan. Pengalaman saya daripada korporat, memang apa Yang Berhormat Menteri katakan memang betul, kalau saya seorang korporat.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: *You* seorang korporat apa, Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Akan tetapi sekarang saya seorang ahli politik, maka saya perlu fikir lebih daripada keuntungan, di mana tanggungjawab sosial. Saya hendak fokus soalan saya, Yang Berhormat Menteri, di negeri Johor. Tarif airnya adalah antara yang tertinggi di Malaysia.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Adakah saya kata Johor akan naikan tarif air?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Bolehkah saya ambil ini sebagai ia tidak akan dinaikkan? Maka, saya ucapkan terima kasih.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Adakah saya kata tiada? So, jangan takut dengan Johor lah.

■1740

Oh! Ini maknanya saya ambil seperti orang India kata bila dia diam maksudnya bersetuju, [*Berucap dalam bahasa Tamil*] dengan izin.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Itu Yang Berhormat cakap.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya ambil begitu terima kasih.

[*Dewan ketawa*]

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Sebab itu saya telah buat keputusan di dalam kementerian, sebab kita lihat Akta WASIA sekarang. Akta WASIA telah ditubuhkan pada tahun 2000, sudah dekat lebih 20 tahun Akta WASIA ada. Akta WASIA itu baik, kita tubuhkan Akta WASIA sebab kita hendak ada *check and balance* kepada syarikat-syarikat air di dalam negeri.

Sekarang lepas lebih 20 tahun, kita nampak bahawa isunya di dalam, di negeri masing-masing ialah perbelanjaan, tidak cukup dana untuk dibelanja di dalam industri air di syarikat-syarikat air. Oleh sebab itu, saya hendak kembali balik kepada Akta WASIA yang mana kita akan melihat macam mana kita boleh bantu negeri-negeri di bawah tanpa meningkatkan hutang mereka kepada syarikat-syarikat sebagai PAB ataupun hutang-hutang mereka.

Masalah di dalam syarikat-syarikat air di negeri ialah bila hutang mereka naik, bayaran balik dari syarikat itu kepada PAB dan sebagainya tinggi. Oleh sebab itu, kita selalu kena naikkan tarif air untuk mereka seimbang dengan *business plan* yang ada. Kalau *business plan* itu tidak boleh diguna pakai, tidak guna kita adakan tarif air *mechanism* yang lebih tinggi ataupun kita hendak belanja lebih dan bagi tanggungan kepada syarikat-syarikat air di dalam negeri.

Oleh sebab itu, kita kena cari satu cara yang baharu iaitu di mana kita katakan syarikat-syarikat swasta berkenaan boleh masuk di dalam perkara ini— ini satu cadangan sahaja, sekarang kita akan buat dengan teliti, yang dalam. Di mana mereka akan datang kita akan— macam SPAN akan tentukan bahawa mereka yang datang ini kita *rregulate profit margin* mereka, kecil sahaja— ia tidak bagi beban kepada syarikat air negeri tetapi dia jual air kepada syarikat air negeri dengan kadar yang ditentukan oleh kementerian dan SPAN. Macam ini mereka tidak ada beban untuk bayar balik hutang yang besar dan kita pastikan industri air ini cukup di dalam tiap-tiap negeri. So, itulah jawapan saya untuk negeri, air sebab saya ada lagi perkara-perkara yang lain yang saya hendak masukkan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, boleh tidak? Tuan Pengerusi? Boleh Menteri? Saya ada menyentuh tentang negeri Pahang, hutang dan beban...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Ya, kita sudah selesaikan luar bandar. Sudah selesaikan hutang-hutang luar bandar.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Termasuk hutang semasa SUKMA...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Itu *you* kena minta kepada Menteri Kewangan. Itu bukan masalah saya. *You* minta Menteri Kewangan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kelantan macam mana Menteri?

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sikit Menteri isu air tadi. Kita faham kerisauan Yang Berhormat Menteri ialah kos yang terpaksa diberi kepada pengusaha air. Akan tetapi yang membimbangkan rakyat kita ini termasuk juga Yang Berhormat Segamat dan Yang Berhormat Padang Serai dan juga saya ialah peratusan kenaikan daripada harga sekarang. Kalau sekarang ini lebih kurang 52 sen dan Filipina RM2.00, saya difahamkan dan Singapura RM4.00 untuk setiap 1,000 liter pertama itu.

Jadi, anggaran berapa peratuskah kemungkinan yang kerajaan akan menetapkan harga air ini supaya masyarakat dan juga wakil rakyat tidak pening kepala hendak terangkan kepada

rakyat, hendak bantu Menteri ini. Kalau naik lebih daripada RM4.00 kah, ataupun RM2.00, RM3.00 dan sebagainya. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Saya boleh bagi jaminan kepada Yang Berhormat. Bila kita buat kajian, kita ada tiga *band*, di mana kita katakan *band* pertama, *band* kedua dan *band* ketiga. Kalau katakan *you* di bawah *band* ketiga dan *you* gunakan air terlampau banyak sekali di dalam rumah, memang harganya lebih tinggi dari *band* satu. Akan tetapi 60 peratus yang pengguna itu ialah di dalam *band* yang pertama.

Peningkatan di *band* pertama sangat rendah, saya boleh katakan sangat rendah sebab ia bukan keseluruhan. Ia ada *band* satu, dua dan tiga. Ia bergantung pada pengguna di dalam tiap-tiap rumah, berapa air yang digunakan. Jangan cuci kereta tiap-tiap harilah, tidak payah. Itu akan tentukan bahawa harga air berpatutan yang kita akan beri.

Isu banjir— banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangkitkan isu banjir di dalam kawasan masing-masing. Isu banjir ini— saya dapat jawapan dari pegawai-pegawai saya. Purata kenaikan tarif di dalam *tariff setting mechanism* (TSM) itu antara 7 sen sehingga 71 sen bagi 1,000 liter.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi,

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Saya hendak masuk kepada banjir...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu sahaja hendak tanya. Tuan Pengerusi, kalau bil elektrik kita kecualikan kepada pemohon atau yang disenaraikan di bawah eKasih. Adakah apabila tarif bekalan air ini dinaikkan, adakah diambil kira juga penerima eKasih, golongan eKasih akan dikecualikan daripada membayar bil? Mungkin bil air ini pada kadar RM20 ke bawah tidak perlu dibayar oleh senarai eKasih.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat, itu bergantung kepada syarikat air di dalam negeri. Kita tidak buat keputusan itu. Kementerian tidak akan buat keputusan itu. Keputusan itu ialah di bawah negeri, tanggungan negeri. Bolehkah negeri itu tanggung untuk— katakan B40 ini didaftarkan di bawah eKasih, tidak perlu bayar 20 kubik milimeter air, tidak payah bayar. Itu bergantung kepada bajet negeri masing-masing. Kita tidak akan campur tangan di dalam isu itu.

Isu banjir. Isu banjir ini sekarang meningkat. Ia meningkat sebab kita ada fenomena katakan keadaan *climate change* dan sebagainya. Ini memang di depan kita *climate change*, kita tidak boleh lari daripada ini. So, saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Kita mesti adakan program di kawasan masing-masing atas isu *climate change* sebab banjir ini akan ada selalu. Saya tidak boleh janji di sini bahawa bila ada banjir, kita boleh menurunkan kawasan-kawasan tertentu.

Banjir ini masalahnya ialah di dalam kawasan-kawasan tertentu, kawasan lain dan kawasan-kawasan yang lain. Hujan yang turun ini kadang-kadang sangat hebatnya hujan yang turun di dalam kawasan-kawasan berkenaan. So, sebab itu saya ingat kita sebagai wakil rakyat,

kita kena faham isu *climate change* dan kita kena adakan pendidikan kepada sekolah-sekolah di dalam kawasan kita masing-masing.

Sebab banjir ini berkait dengan hakisan pantai. Banjir ini juga berkait dengan muara sungai dan cara-cara yang kita minta untuk kita selalu mengorek muara-muara sungai dan sebagainya. Sekali bila kita bersihkan satu muara sungai, kita belanja RM100,000 sampai RM500,000. Saya boleh pastikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lepas enam bulan, balik dah kepada keadaan sebelum ini.

Ini yang situasinya untuk muara-muara sungai yang kita ada. Dua perkara. Satu, ombak-ombak yang besar yang tarik pasir kepada muara-muara sungai. Nombor dua, negeri masing-masing kena ada mesyuarat dengan Menteri Besar dan Exco di dalam negeri-negeri tentang kegunaan hutan di dalam negeri masing-masing. Keadaan sekarang kalau kita pergi mana-mana sungai di dalam negeri kita, warna sungai itu menunjukkan bahawa kita ada *sedimentation* yang besar di dalam sungai-sungai berkenaan. Sungai-sungai besar ini warnanya bukan macam dulu. Fasal apa? Ia ada *erosion* yang besar di atas.

Tadi ada Yang Berhormat tanya saya, SOP yang saya telah sediakan oleh JPSM untuk kita keluarkan kawasan-kawasan di mana hendak adakan pembalakan dan sebagainya. SOP itu ada. Adakah tidak negeri akan ikut SOP itu? Terpulang kepada negeri masing-masing. Saya tidak boleh ikatkan SOP itu dengan keadaan yang ada di bawah di mana mereka tentu ikut SOP. Tidak ada. Yang Berhormat faham, isu tanah ini ialah isu negeri. Kalau Yang Berhormat setuju untuk saya buat perubahan dalam Akta Tanah Negara, itu ialah satu *constitutional reform*. Setuju kah atau tidak setuju?

■1750

Kalau setuju, kita di dalam kementerian dan juga kerajaan dapat kuasa yang lebih untuk menentukan hutan-hutan yang kita ada ini, kita akan pelihara dan simpan selama-lamanya. Kalau dipersetujui oleh Yang Berhormat di dalam Parlimen, kita boleh ambil tetapi saya kena mendapatkan sokongan Tuanku berkenaan di dalam negeri masing-masing. *So, this is not going to happen. So, let's not go there.*

Akan tetapi saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat bertanggungjawab kepada penduduk di dalam kawasan. Adakan dialog dengan Menteri Besar dan Exco negeri masing-masing untuk menentukan bahawa hutan-hutan yang ada di dalam negeri masing-masing dijaga dan jangan buka kawasan-kawasan yang terlampau besar untuk pembalakan dan sebagainya. *It has to stop.* Ini penting untuk kita...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya terpanggil apabila Yang Berhormat Menteri hendakkan kuasa itu. Pada saya, kalau ia tidak menjadi masalah, tidak ada masalah. Cuma dari segi kalau kita lihat perbandingan sungai, saya setuju. Sungai yang besar macam negeri Pahang, antara sumber pencemarannya ialah kawasan pembalakan.

Akan tetapi bagaimana kuasa yang ada pada kementerian untuk kita tingkatkan dari segi pengawasan dan penguatkuasaan sungai yang memang di dalam bidang kuasa kementerian. Misalnya, Sungai Kim Kim di Johor yang punca pencemaran kepada sungai itu— mungkin dengan kuasa yang ada kepada kementerian, boleh membantu. Sedangkan Sungai Kim Kim tidak adapun kawasan pembalakan. Jadi, apakah jawapan Yang Berhormat Menteri selain daripada...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Sungai Kim Kim itu di bawah MESTECC, bukan di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Ia di bawah JAS. Saya tidak ada kuasa...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Saya faham Yang Berhormat.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Saya tidak ada kuasa.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Saya faham tetapi maksud saya, kalau boleh kita menggembelng kuasa pengurusan sungai. Pencemaran dalam sungai mesti di bawah bidang kuasa kementerian ini sebab ini ke sungai. Pencemaran lain mungkin di bawah kuasa MESTECC.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: ...yang berkaitan dengan air.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Sekejap, sekejap. Yang Berhormat, itu pun kita kena tukar akta juga, okey. Sungai-sungai pun di bawah negeri juga dan bukannya di bawah Persekutuan. Semua sungai di bawah negeri. Banyak kuasa di bawah negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta kita mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan Exco. Bawa soalan-soalan yang dilontarkan kepada saya ini, bawa balik kepada mereka dan kata dengan mereka, kita kena lakukan sesuatu bersama-sama untuk pastikan bahawa iklim dan juga masa depan kita akan sampai khazanah itu.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: So, saya hendak balik kepada— saya minta maaf, saya kena habiskan sebab saya ada urusan kerajaan di luar negara.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: So, saya kena— *I have to take a flight after this, so please.* Bagi saya habiskan ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *One minute* Yang Berhormat Menteri. *One minute.*

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang sungai dan juga tentang hutan, ini saya faham isu yang sensitif dan juga isu negeri. Akan tetapi apabila kita bincangkan hutan misalnya, di delegasi kelapa sawit di luar negara memang data-data itu ada. Masalahnya ialah data-data yang tidak sama dengan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang jumlah hutan kita misalannya.

Jadi, kena ada satu kerjasama yang erat antara pelbagai kementerian, *multiple ministerial effort*, satu. Keduanya, kena ada orang yang bercakap dengan setiap kerajaan negeri supaya sentiasa berpegang kepada apa yang dipersetujui tentang hutan dan juga ladang dan lain-lain lagi. Terima kasih.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih. Memang kita ada tiga kementerian sekarang yang bekerjasama untuk memastikan bahawa kita berpegang kepada kenyataan yang kita buat pada 1992 di Rio yang mengatakan kita memastikan 50 peratus dari tanah-tanah di seluruh negara, kita akan pastikan ia adalah hutan simpanan. Sekarang nombor yang kita ada ialah 55.43 peratus yang ada hutan simpanan di dalam negara kita.

Akan tetapi selain dari hutan itu, HHSK dan sebagainya, itu ialah keperluan kepada negeri masing-masing. Apabila setiap tahun kita mengeluarkan beberapa hektar untuk diberikan lesen pembalakan dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya ingat kita kena mengadakan satu kefahaman bahawa kita kena bekerjasama dengan JPSM. Kita kena pastikan bahawa kawasan-kawasan ini yang kita akan keluarkan tidaklah dimasukkan di dalam kawasan-kawasan tadahan air. Itu penting untuk kita ikut.

Saya gembira dan saya sukacita di sini untuk menyebutkan bahawa beberapa negeri telah bersetuju dengan kementerian dan juga telah gazet beberapa hektar tanah tertentu seperti negeri Kedah, Terengganu, Kelantan dan Perak telah bersetuju untuk mereka kekalkan beberapa hektar di bawah yang dikatakan kategori untuk tadahan air untuk masa depan. So, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Banjir. Ya, ya, ya.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya ucapkan tahniah di atas pandangan Yang Berhormat Menteri, soal beberapa buah negeri yang rizab hutan mereka sebagai taman negara. Persoalan yang saya bangkitkan ialah sejauh mana pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Pusat atas pengorbanan kerajaan negeri yang hasilnya tidak dapat dikeluarkan kerana rizab kepada taman negara, terima kasih.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Tahun ini Yang Berhormat, kita telah membuat bayaran kepada setiap negeri dengan peruntukan yang telah ditentukan oleh Menteri Kewangan. Di mana kita minta setiap negeri untuk menjamin dan bagi kita beberapa hektar yang akan digazetkan. Berikutan itu, setiap hektar akan diadakan nilainya.

Contohnya, pada tahun ini sehingga 30 April 2019, hutang berhala air adalah seperti berikut. Kedah sebanyak RM1.8 bilion, Johor sebanyak RM334 juta dan Kelantan sebanyak RM800— semua sekali ini ada setiap negeri yang kita telah adakan peruntukan yang kita telah mula bagi. Tahun ini sudah ada RM60 juta yang kita bagi kepada seluruh negeri-negeri...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Pahang, Pahang, Yang Berhormat Menteri. Negeri Pahang.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Kalau *figure* ini saya tidak mahu sebutkan *figure* yang salah, so lebih baik saya bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat serta berapa hektar yang telah diwartakan dan berapa nilai yang telah diberikan kepada setiap negeri. Akan tetapi keseluruhannya ialah RM60 juta yang telah diperuntukkan dan sudah pun diberikan kepada negeri masing-masing. Akan tetapi pada tahun ini.

Tahun depan kita ada lebih juga tetapi kita kena bekerjasama. Di mana negeri kena tentukan bahawa jajaran hektar yang akan dibagi itu lebih besar dan kita boleh bagi tengok berapa kaedah itu yang kita boleh gunakan. Pada masa yang sama, untuk meningkatkan pendapatan di dalam negeri masing-masing, kita boleh menggunakan kawasan-kawasan taman negara, kawasan-kawasan tertentu di dalam hutan simpanan untuk *ecotourism*.

Sekarang orang bersedia untuk membayar *big dollar* untuk duduk dalam hutan. Dia suka duduk dalam hutan. Tiga malam, empat malam, dia sanggup membayar sampai USD1,000 untuk satu hari. Ada orang, ada keperluan yang kita boleh guna pakai di dalam negeri masing-masing. Saya dengar Kelantan ada sebuah tempat air terjun yang tertinggi di dalam Asia Tenggara. Kawasan itu boleh dimajukan dengan orang-orang yang tertentu yang akan datang dan bawa dana untuk *invest* di dalam kawasan itu, negeri kena bersetujulah di dalam isu ini.

Ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa isu memohon penjelasan berkenaan Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Di mana pada tahun 2019 peruntukan adalah sebanyak RM22 juta tetapi hanya RM100,000 bagi tahun 2020. Jawapannya ialah Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas kos projek yang diluluskan untuk Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri adalah RM100 juta.

Walau bagaimanapun perbelanjaan bagi tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019 telah mencapai kos projek yang diluluskan. Ini bermakna siling peruntukan telah habis. Bagi memastikan butiran berkenaan masih ada dalam permohonan tambahan siling kos projek dan peruntukan tambahan boleh dibuat dalam tahun 2020, maka token RM100,000 diletakkan di bawah butiran ini. Keperluan peruntukan untuk tahun 2020 akan dimohon semasa sesi peruntukan tambahan kelak. So ada lah, jangan takut, bulan Mac saya akan minta. Saya tahu banyak di sini telah pun minta supaya saya tengok keadaan di dalam isu ini. Saya akan minta untuk satu jumlah yang munasabah dari Kementerian Kewangan dalam bajet pada bulan ketiga yang akan datang.

■1800

Lagi satu isu yang dibangkit oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ialah hutan dan hidupan liar yang ada di dalam kawasan kita. *Central Forest Spine* ialah satu-satunya yang kita kena gemari dan kita kena simpan sebagai khazanah negara kita. Saya panggil *Central Forest Spine* ini sebagai *Tiger Corridor*, dari utara kepada selatan. Ada tiga kawasan-kawasan *Central Forest Spine* yang berkenaan, dari Selatan ialah Endau-Rompin, Taman Negara, dengan juga hutan yang ada di Perak dan Kedah. Okey, tidak apa.

Akan tetapi apa yang kita lihat ialah ada beberapa kawasan tertentu di dalam *Central Forest Spine* ini telah digunakan dan diberikan oleh negeri masing-masing untuk dimajukan sebagai ladang-ladang di dalam kawasan tertentu. Ini yang telah kita nampak ada keputusan di dalam *Central Forest Spine* itu.

So, kita melalui JPSM telah pun mula untuk kita tanam balik kawasan-kawasan di mana di bawah tanah itu masih di bawah kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi ada banyak di kawasan ini di mana geran-geran telah dikemukakan kepada syarikat-syarikat swasta yang katakan kita tidak boleh masuk di dalam kawasan itu sebab itu bukan tanah kita.

Kalau kita hendak buat sesuatu di mana kita hendak adakan *Central Forest Spine* dengan *contiguousnya* satu, kita kena beli tanah itu dan tanam pokok di dalam itu. Oleh sebab itu saya ingat kita akan mulakan di dalam kawasan-kawasan tertentu di mana kita pegang kuasa untuk buat demikian. Saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini bahawa tanam pokok-pokok hutan ini bukan senang. Kita tanam dia untuk satu hektar, untuk jaga untuk tiga tahun. Kita kena tanam, lepas itu kita kena pastikan pokok itu tingginya akan sampai kepada tiga atau empat meter. Selepas itu biarkan pokok itu dan dia boleh jadi pokok yang besar.

Akan tetapi sebelum itu kita kena kawal, kita kena baja, kita kena tengok macam mana keadaan. Untuk satu hektar untuk kita tanam pokok-pokok hutan, perbelanjaan kita ialah dekat RM48 ribu untuk tiga tahun. Peruntukan daripada kerajaan untuk RMKe-11 ialah RM150 juta di mana kita telah tanam beberapa ribu hektar tetapi separuh dari peruntukan itu kena digunakan untuk kawal selia pokok-pokok yang telah kita tanam. Tiga tahun kita telah tanam, tahun keempat dan kelima, peruntukan itu akan digunakan untuk kita pastikan kawasan-kawasan di mana yang telah kita tanam itu menjadi hutan untuk masa depan yang akan datang.

Di sini saya minta kerjasama dari kerajaan negeri, korporat dan juga syarikat-syarikat swasta untuk bersama dengan kita di dalam program ini di mana kita akan tanam satu juta pokok untuk masa depan, dua tiga tahun yang akan datang. Ini saya mintalah kerjasama dari semua pihak untuk kita jayakan projek ini di dalam kawasan.

Dan juga hidupan liar. Hidupan liar ini satu isu yang kita telah pun bangkitkan dahulu di dalam Dewan yang mulia ini. Saya telah pun— kita pun adakan sebuah satu *survey* yang telah dibuat dan akan siap sedia untuk tahun depan dan dari *survey* itu kita akan dapatkan data-data terkini mengenai haiwan-haiwan liar di dalam hutan-hutan kita di seluruh negara.

Akan tetapi pada masa sekarang, Program Konservasi Harimau Malaya diteruskan. Malam tadi, dengan kerjasama *Air Asia*, kita telah kemukakan satu kapal terbang sahaja di mana mereka telah lukis *Malayan Tiger*, dengan '*Save the Malayan Tiger*' dan kalau *you* masuk dalam kapal terbang itu, semua tulisan di seluruh dalam kapal terbang itu ialah tentang Harimau Malaysia.

Saya berterima kasih kepada AirAsia dan juga Tan Sri Tony Fernandes yang belanja lebih dari RM1 juta untuk kita bawakan *awareness of the Malayan Tiger* kepada rakyat umum di dalam negara kita. Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sikit sahaja. saya minta terpusing belakang sebab saya tengok nota sini, pada 22 April 2010 kita membuat kempen 26 juta pokok untuk sama dengan 26 juta penduduk. Kita punya *achievement*, dengan izin...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Tahun apa itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tahun 2010. Pada 22 April 2010 sempena tahun Hari Hutan Sedunia, kita tanam 26 juta pokok *and then* kita dah *achieved 50 million*. Sebanyak *50 million*. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak cadang satu juta pokok, saya ingat terlampau rendah. Saya cadangkan supaya kita lancarkan 33 juta pokok sama seperti penduduk Malaysia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya nak beritahu Yang Berhormat, saya di antara orang yang boleh bantu secara percuma tanpa mengambil nama apa-apa, secara diam-diam melalui NGO-NGO untuk membantu sekurang-kurangnya satu pertiga daripada 33 juta ini saya akan bagi sumbangan melalui NGO-NGO.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih, sudah masuk *Hansard*. So, saya akan pegang kuat kepada apa yang *you* telah katakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah masuk *Hansard*, dan saya hendak lancar 30 juta, saya siarkan sekurang-kurangnya 10 juta, tetapi tak perlu sebut nama. *I don't need*, saya tak perlu nama.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian fasal ini – *tag Malayan Tiger* tadi. Dia macam mana dia kecam, lepas itu macam...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Kita akan tanam, okey. Yang Berhormat Arau, bagi saya habiskan dulu. Kita akan tanam 100 juta pokok di dalam lima tahun yang akan datang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tanam 100 juta ya? Okey. Saya menyokong sepenuhnya tetapi bentuk– saya nak beritahu Yang Berhormat. Saya ada pengalaman sebab saya bekas Menteri Besar. Saya tanam pokok dalam masa tiga tahun, saya boleh capai sampai 20-23 kaki lebih kurang. Jadi, kenapa pokok ini tinggi? Dia ada tekniknya sebab pokok ini benda yang hidup, dia ada teknik yang membolehkan dia naik dan cepat dan laju. Yang Berhormat boleh dan sekarang ini saya tanam, dulu saya tanam sebagai Menteri Besar, sebanyak 86. Sekarang Kerajaan Negeri Perlis sedang mengutip hasil pokok yang saya tanam.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, Menteri kena meneruskan. Kalau tidak, ditinggalkan kapal terbang.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Saya hendak jawab kan juga tentang soalan yang telah dibangkitkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, ini fasal pokok lah. *You* jawab fasal lain fasal kementerian ini. Pokok ialah *key factor*.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: ...Apakah status Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan ataupun DKBK. DKBK telah dilancarkan pada Februari 2016..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Sorry* Yang Berhormat, fasal *paper tiger* tadi. Fasal *Prime Minister*, *paper tiger* tadi, Yang Berhormat ada sebut... [*Dewan riu*h]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Menteri terpaksa keluar awal hari ini.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: DKBK ini telah dilancarkan pada Februari 2016. Dasarnya mempunyai 17 sasaran yang merangkumi aspek biodiversiti seperti perhutanan, kawasan perlindungan, akses dan perkongsian faedah sumber biologi serta mobilisasi sumber dan dana berkaitan. Kementerian ini sedang dalam proses menyediakan Laporan Kebangsaan Keenam kepada *Convention on Biological Diversity* (CBD) yang akan menilai 17 sasaran DKBK ini. Proses semakan semula DKBK akan dijalankan pada tahun 2020.

Dengan soalan yang bilakah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) akan dipinda? Draf pindaan Akta 716 telah disiapkan dan telah dibawa ke Jemaah Menteri pada 8 November 2019. Draf pindaan ini akan dibawa ke Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum dibentangkan di dalam Parlimen dan saya harap kita boleh bentangkan rang undang-undang ini pada bulan Mac yang akan datang.

Pindaan ke atas akta ini adalah merangkumi peningkatan kadar denda daripada denda maksimum RM500,000 kepada RM1 juta dan juga peningkatan hukuman penjara dari maksimumnya 10 tahun kepada 15 tahun. Langkah ini dijangka berkesan dalam usaha mencegah jenayah hidupan liar.

Apakah perancangan penguatkuasaan kementerian dalam mencegah pemburuan haram? Kementerian akan meneruskan Operasi Bersepadu Khazanah dengan kerjasama PDRM, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan NGO yang telah dilancarkan pada 3 September 2019 untuk membanteras pemburu haram tidak kira VIP ataupun warga asing. Pada masa ini, OBK dilihat sangat berkesan bagi membanteras pemburu haram dengan 47 tangkapan antara September hingga November 2019.

Denda tertinggi yang telah dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pesalah hidupan liar ini ialah RM1.56 juta dan penjara 18 tahun.

■1810

Kementerian ini juga sedang bekerjasama dengan pihak *International Police* atau INTERPOL bagi membanteras jenayah rentas sempadan negara.

Untuk Yang Berhormat Kubang Kerian yang telah pun ada minta soalan mekanisme undang-undang untuk pastikan pokok bakau tidak boleh ditebang. Saya hendak beritahu tentang

isu pokok bakau ini tidak boleh ditebang tetapi kita ada masalah dengan bakau juga. Tanaman bakau ini walaupun banyak Ahli-ahli Yang Berhormat katakan kita akan mulakan tanaman bakau ini tetapi kita telah mulakan dengan tanaman-tanaman bakau ini.

Masalahnya ialah ia bukan satu kerja yang senang. Ombak-ombak yang ada di dalam kawasan-kawasan ini kita kena jaga. Kalau kita tidak berhentikan ombak yang datang dari laut di dalam kawasan-kawasan di mana kita telah tanam pokok-pokok bakau yang kecil-kecil itu, jahanam pokok semua. Kita kena pastikan bahawa *wave breakers* yang kita katakan kita kena buat dahulu sebelum kita tanam pokok-pokok bakau di dalam kawasan tetapi ini telah pun dijalankan oleh JPSM di dalam beberapa kawasan dan tempat di Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Kuala Kangsar telah minta penjelasan berkaitan tanaman 66 juta pokok bakau dan perbelanjaan peruntukan sebanyak RM2 juta pada tahun 2020 serta anggaran kos menanam pokok bakau per hektar.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 08601 – Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Persisiran Pantai telah bermula mulai tahun 2005. Semenjak pelaksanaan program ini sehingga 2018, keluasannya 2,873.99 hektar kawasan telah berjaya ditanam dengan bilangan pokok sebanyak 6.6 juta pokok pelbagai spesies. Pada tahun 2020, peruntukan sebanyak RM2 juta meliputi aktiviti tanaman dan rawatan serta penganjuran kempen kesedaran awam. Kos menanam bagi pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai adalah sebanyak RM12,500 per hektar.

Saya akan bagi sedikit penerangan di dalam soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tentang penjelasan berkaitan had tebangan bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia bagi RMKe-11.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya ingat jawapan bertulis tidak apa.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Okey, saya bagi tulislah, lebih baik. Yang Berhormat Setiu telah pun minta dengan isu pokok pun, saya akan bagi dalam tulisan. Okey.

Yang Berhormat Bachok telah bertanya saya, berapakah keluasan kawasan hutan tadahan air seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 10(1)(e) Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] yang diterima pakai oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia telah memperuntukkan supaya pihak berkuasa negeri melalui pemberitahuan dalam warta mengelaskan hutan simpanan kekal sebagai kawasan hutan tadahan air bagi mengekalkan fungsinya sebagai punca bekalan air negara.

Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia memantau status pewartaan kawasan hutan tadahan air dalam HSK dan melaporkan status berkenaan dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN). Sehingga 31 Disember 2018, seluas 809,823 hektar kawasan di dalam HSK telah diwartakan sebagai hutan tadahan air. Langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan liputan hutan adalah pengurusan hutan secara berkala, pindaan Akta Hutan Negara 1984 dan Catuan Tebang Tahunan (CTT).

Yang Berhormat Jelutong telah pun minta kesan kenaikan paras air laut dan penenggelaman bandar-bandar utama di Malaysia. Saya ingat jawapan ini senang sahaja sebab dengan ada *climate change*, kita kena pastikan kita kena bekerjasama dengan semua kementerian dan agensi di mana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada lancarkan *sustainable development goals* dan kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat kena adakan program-program dalam kawasan masing-masing ditentukan bahawa *sustainable development goals* ini kita akan capai pada tahun 2030.

Dengan itulah kita akan pastikan bahawa paras air laut ini tidak akan naik dan yang diberitahu kepada kita dengan *reports* yang ada pada tahun 2050 ada beberapa kawasan-kawasan berpantai dia akan hilang dengan paras air laut yang akan naik, itu satu andaian tetapi kalau kita bekerja bersama-sama untuk pastikan bahawa *temperature rise* ini bukanlah lebih dari 1.5 darjah ataupun tidak sampai kepada lima darjah kita boleh katakan kawasan-kawasan ini selamat tetapi kalau kita tidak buat apa-apa pun pastikanlah negeri Perlis akan hilang banyak di dalam dengan laut yang akan naik dan kawasan-kawasan berpantai akan bersama juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, *very good*. Maklumat ini menunjukkan sekali gus bahawa beberapa orang Ahli Parlimen akan hilang kawasanlah sebab bandarnya sudah tenggelam. Okey, dia bagus. *Report* ini amaran awal kepada kebanyakan kawasan yang kena kawasan bandar, jadi ramai kawasan bandar ini puak-puak PH lah. Terima kasih.

[*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Saya ingat Yang Berhormat Arau akan hilang Parlimen dialah.

[*Dewan ketawa*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya sokong, Yang Berhormat Menteri.

[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: [*Ketawa*] Baik, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, berkenaan dengan isu kenaikan walaupun kita telah habis masa, saya berterima kasih di atas jawapan yang diberikan. Cuma berita yang saya baca tadi amat mengejutkan kerana *headline*-nya mengatakan, "*9 Malaysian Cities that could be submerged when sea levels rise in 2050*". So, saya benar-benar risau dan berharaplah dengan jawapan yang diberikan itu kita akan dapat mengatasi masalah ini. Saya berterima kasih di atas maklum balas yang diberikan.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Akhir sekali saya hendak cakap tentang satu isu tentang e-Tanah sahaja. E-Tanah ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan sekarang e-Tanah telah dilaksanakan 100 peratus di Wilayah Persekutuan. Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk adakan kunjungan kepada Pejabat PTG di Wilayah Persekutuan untuk lihat dengan teliti caranya e-Tanah ini dilaksanakan.

Saya diberitahu bahawa di Wilayah Persekutuan lepas e-Tanah ini dilaksanakan, 100 peratus semua *online* peningkatan pendapatan yang dikutip oleh PTG sudah pun nampak. So, saya minta kita adakan program untuk Perak. Kita akan adakan program untuk negeri-negeri yang lain dan saya harap negeri-negeri ini akan bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan untuk adakan program e-Tanah ini di dalam negeri-negeri masing-masing untuk diproses dan dilancarkan.

Lagi satu ialah kita akan adakan perubahan di dalam akta di mana tanah-tanah pusaka dan juga tanah yang diwartakan dan sebagainya, kita ada satu mekanisme baharu di mana kita akan cuba selesaikan masalah ini. Kita faham bahawa masalah ini ialah sebab tanah itu kecil dan ada banyak yang minat beli tanah ini kita kena bagi kuasa kepada seorang pegawai untuk tentukan *if that is a majority agreement* untuk selesaikan masalah ini kita akan ikut. Itu kita akan bawa kepada Parlimen untuk buat perubahan di dalam Akta e-Tanah ini.

Tuan Pengerusi, saya sudah habiskan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Yang lain saya akan jawab dengan bertulis.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya mohon kepastian Yang Berhormat Menteri tentang apa yang saya sebut mengenai Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian tentang tanah-tanah yang di bawah hak milik ini hendak dimajukan. Saya mohon jawapan bertulis dan juga tentang isu tanah rizab Melayu juga saya mohon jawapan bertulis supaya dia menjaga...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar: Saya boleh ringkaskan. Saya boleh ringkaskan jawapan saya kepada tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan di bawah JKPTG. Memang kita ada banyak tanah yang di bawah JKPTG tetapi tanah-tanah ini telah pun diserahkan kepada kementerian-kementerian masing-masing.

Ini adalah tanggungjawab kementerian untuk bangunkan tanah-tanah ini tetapi ada satu peruntukan yang dibagikan dalam keadaan ini di mana dalam tempoh lima tahun kalau mana-mana kementerian tidak majukan tanah-tanah ini, dia kena kembali balik kepada PTP.

■1820

Selepas itu, kita akan berikan tanah ini kepada mana-mana kementerian untuk kemajuan selepas itu. Itu ialah caranya yang kita ada. Akan tetapi tanah *reserve* Melayu saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Okey Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baik, seterusnya masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,276,283,000 untuk Maksud B.23, di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,276,283,000 untuk Maksud B.23, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,500,450,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,500,450,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

Terima kasih kepada semua. Sekarang kita beralih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Maksud B.22 [Jadual] -
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B22 dan Kepala Pembangunan P22 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Saya telah menyediakan sedikit senarai ini. Nampaknya lebih ramai pembahas kali ini. Jadi, terpaksa dihadkan lima minit seorang.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tidak mengapalah lima minit pun.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tujuh, tujuh.

Tuan Pengerusi: Tujuh? Baik kita mula dengan tujuh tetapi saya ingat kita kena kurangkan. Baik, tengok macam mana keadaan. Saya menjemput Yang Berhormat Beluran untuk memulakan perbincangan. Silakan.

6.21 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada beberapa butiran yang di bawah kementerian ini iaitu di bawah Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar, Butiran 02003 berkaitan bekalan air bagi Sabah dan Butiran 01703 berkaitan bekalan elektrik bagi negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, semalam saya merujuk kepada siaran *Berita Harian* semalam, tajuk berita yang menyatakan penduduk jalan kaki lapan jam ke jalan utama. Dikatakan penduduk di Kampung Sugut berjalan kaki lapan jam untuk ke jalan utama kerana tiadanya jalan perhubungan yang baik. Ia melibatkan beberapa buah kampung seperti Kampung Mangkasulap, Kampung Nakadong, Kampung Tagapalang, Minsusurat, Mantub, Waigon dan sebagainya untuk ke jalan besar di Kampung Gana menuju ke Kota Marudu. Saya tidak segan untuk mengatakan bahawa berita ini benar walaupun sedikit *exaggeration on the number of population involve*, dikatakan 2,000 *but little bit exaggerated*.

Akan tetapi soal jalan itu adalah satu berita yang betul, benar dan berlaku di kawasan Parlimen saya. Saya juga tidak segan untuk mengatakan bahawa Parlimen Beluran, Daerah

Beluran ini antara daerah yang dicatatkan sebagai daerah yang mempunyai insiden kemiskinan dua digit, 12.1 peratus. Itu merupakan kenyataan.

Saya juga tidak segan untuk mengatakan bahawa terdapat 1,182 ketua isi rumah (KIR), yang tergolong dalam kategori miskin tegar dalam kawasan Parlimen Beluran ini dan 1,070 KIR yang dikategorikan sebagai miskin. Jadi antara miskin tegar dengan miskin, lebih daripada 2,200 ketua isi rumah tercatat. Itu merupakan kenyataan.

Oleh sebab itu apabila merujuk Bajet 2020 ini di bawah butiran Jalan-jalan Luar Bandar. Saya ingin tahu daripada RM880 *million* yang disenaraikan dalam jadual butiran kementerian ini, sejauh mana jalan-jalan di kawasan saya ini akan diambil perhatian diberi peruntukan melalui peruntukan ini?

Ini termasuk Jalan Nangoh Meliau, Telupid, Jalan Sapi Menduring, Jalan Lumau Kapuran Telupid, Jalan Sualok Lidung Beluran, pembinaan jalan menghubungkan jambatan untuk menghubungkan Jalan Kampung Ansuang dan Kampung Berayong, pembinaan jambatan untuk menghubungkan Kampung Tebidong-Bidong dengan Kampung Perancangan, Jalan Lingkabau Mangkasulap, Jalan Kabuluh Tanjung Nipis, Jalan Golong Pinangkau, Jalan Tangkarason Bawang, Jalan Matanggal Kinadaan, Jalan Lubang Buaya Paitan, Jalan Kampung Monopod, Sugut. Berapa banyak akan diberi daripada peruntukan RM880 juta untuk kementerian ini bagi projek jalan-jalan kampung tahun hadapan?

Bagi bekalan elektrik luar bandar. Bekalan elektrik luar Bandar Sabah, Butiran 02003, sebanyak RM350 juta diperuntukkan tahun depan. Untuk Sabah sahaja ini, RM350 juta. Oleh sebab itu saya ingin tahu berapa banyak akan diberi kepada Beluran, sama ada kampung-kampung ini akan mempunyai bekalan elektrik.

Kampung Rungus Beluran, perkara ini telah saya beritahu kepada Yang Berhormat Menteri. Ada tiang di kampung ini, ada wayar kabel tetapi tiada sambungan elektrik kerana *transformer* ada masalah sedikit dan masalah telah saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri ketika Yang Berhormat Menteri datang melawat Kampung Paitan dalam kawasan Parlimen saya dua bulan yang lalu.

Jadi, saya ingin tahu bekalan elektrik luar bandar, sama ada Kampung Rungus akan mendapat peruntukan daripada butiran ini. Begitu juga Kampung Abuan Paitan, Kampung Keniogon Sugut, Kampung Obah Paitan, Kampung Timpus, Kampung Alongai, Kampung Matanggal Baru, Kampung Melalin, Kampung Bebagu, Kampung Monopod, Kampung Bukit Besi, Kampung Pinuanakan, Kampung Kolapis Seberang, Kampung Lubuk Dungun Beluran. Berapa banyak?

Okey, Butiran 01703 - Bekalan Air Luar Bandar Sabah diperuntukkan RM216 *million*. Loji air, sama ada akan diadakan sebuah loji untuk Mukim Lingkabau, Mukim Ulu Labuk Kopuron, sama ada masalah bekalan air di Kampung Ulu Labuk ini yang melibatkan Kampung Kopuron akan dapat limpahan peruntukan. Sama ada Kampung Pulau Jambongan akan mendapat

limpahan, sama ada Kampung Sungai Sugut akan dapat limpahan daripada peruntukan RM216 juta ringgit.

Jadi Tuan Pengerusi, Beluran memerlukan bantuan peruntukan yang dikhususkan untuk negeri Sabah. Jika agihan dibuat seperti sebelum ini, tentu sekali Beluran akan terus tertinggal daripada arus perubahan dan pembangunan yang dikehendaki oleh rakyat. Saya khuatir nanti selepas laporan Rancangan Malaysia Kesebelas akhirnya nanti akan tercatat lagi Beluran sebagai antara daerah di Sabah yang masih mencatat insiden kemiskinan dua digit.

So, saya minta agar permulaan kepada Bajet 2020 tahun hadapan ini diberi perhatian yang lebih kepada masalah elektrik, masalah air dan masalah jalan kampung. Saya yakin tidak semua daripada senarai kampung ini akan dapat peruntukan, dapat diselesaikan masalah tetapi saya percaya bahawa kementerian di bawah kerajaan baru ini akan lebih menumpukan kepada kawasan-kawasan Parlimen yang tercatat sebagai kawasan Parlimen yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi.

Oleh sebab itu perhatian lebih, kalau agihan sebelum ini— sebab itu saya minta agar cara agihan peruntukan akan datang ini mesti diubah dan diberi perhatian kepada kampung-kampung yang mempunyai kemiskinan yang tinggi. Setakat itu Tuan Pengerusi. Saya pohon.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

6.29 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke kenyataan Yang Berhormat Menteri yang menyatakan belanjawan ini akan fokus kepada program memberi impak terus kepada masyarakat luar bandar, khususnya jalan desa dan kediaman projek perumahan rakyat termiskin.

Saya ada beberapa persoalan yang spesifik kepada kawasan saya Parlimen Kuala Kangsar. Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan berapakah peruntukan untuk jalan-jalan desa di Parlimen Kuala Kangsar yang telah dipohon begitu lama.

■1830

Seterusnya Butiran 050400 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Seperti Yang Berhormat Menteri nyatakan minggu lalu, sebanyak 60 ribu lampu jalan kampung akan dibekalkan. Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepanjang dua tahun ini berbanding peruntukan hanya 10 ribu lampu jalan sebelum ini. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim akan menambah 15 ribu lampu jalan jenis diod, pemancar cahaya LED menjadikan keseluruhannya 25 ribu.

Difahamkan kementerian juga telah mendapat kelulusan peruntukan daripada Perdana Menteri membabitkan 35 ribu lampu jalan baru-baru ini menjadikan jumlah 60 ribu lampu jalan untuk tahun ini dan tahun depan. Soalan saya, adakah 25 ribu lampu jalan LED yang diluluskan

oleh MESTECC dan 35 ribu lampu jalan yang diluluskan oleh Perdana Menteri merupakan jenis yang sama.

Kedua, berapakah anggaran kos penyelenggaraan lampu-lampu jalan kampung yang sedia ada, terutamanya di kampung-kampung di Parlimen Kuala Kangsar? Ketiga, agensi kementerian manakah yang terlibat dan bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemasangan lampu jalan ini dan apakah bentuk kawal selia yang akan dilakukan untuk memastikan lampu-lampu jalan baharu yang dipasang betul-betul berfungsi secara berterusan?

Saya terus ke Butiran 030000 - Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, Butiran 030100 - Pembangunan Usahawan Desa. Persoalan saya, adakah pengurangan sebanyak RM364 ribu untuk peruntukan ini bermaksud kementerian tidak lagi berminat kah untuk menyetengahkan produk-produk hasilan usahawan desa?

Bagaimanakah kementerian akan mewujudkan kesinambungan kepada Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 yang dilancarkan Oktober tahun lepas yang merangkumi strategi membangunkan persekitaran perniagaan yang kondusif melalui pengurangan bajet untuk pembangunan usahawan desa. Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020, bagaimanakah peruntukan di bawah butiran ini dapat membantu golongan pengusaha batik dan kraf tangan yang menjalankan perniagaan mereka di kawasan-kawasan kampung terletak di destinasi-destinasi pilihan pelancong negara seperti di Terengganu dan Kelantan.

Program Peningkatan Pendapatan (PPP), konsep mentor. Sehingga kini lebih 500 orang sudah mendapat manfaat daripadanya. Apakah sasaran kementerian untuk tahun 2020? Berapakah peruntukan khusus untuk Program *Rural to Global* yang dilaksanakan untuk membantu pemasaran produk-produk usahawan desa kepada pasaran global?

Saya terus ke Butiran 04000 - Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan, Butiran 040300 - Kemajuan Masyarakat KEMAS. Bagaimanakah penurunan peruntukan untuk KEMAS ini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak setanding dengan tadika-tadika berbayar swasta? Berapakah peruntukan khusus untuk satu, setiap Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) di negeri-negeri? Kedua, setiap Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) di negeri-negeri? Dan berapakah peruntukan khusus untuk pendidikan kemahiran yang amat ditunggu oleh wanita-wanita di kawasan saya kerana di zaman BN dulu ia terbukti berjaya.

- (i) pusat masakan;
- (ii) pusat jahitan;
- (iii) kelas seni tangan;
- (iv) kelas dandanan diri;
- (v) pendidikan kesejahteraan keluarga; dan
- (vi) pusat literasi komputer.

Apakah bentuk penambahbaikan yang akan dilaksanakan khusus untuk Akademi Kemahiran KEMAS yang menawarkan kursus sepenuh masa peringkat sijil kemahiran yang terdiri daripada Sijil Kemahiran Malaysia dan Diploma Kemahiran Malaysia? Apakah pelan

perancangan kementerian dalam memastikan pendidikan berasaskan kemahiran dalam bidang jahitan dipertingkatkan kualiti modul pendidikannya?

Apakah akan wujud padanan pekerjaan untuk mereka di dalam bidang fesyen dan reka cipta yang kian lumayan? Apakah peruntukan untuk KEMAS akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh kementerian dalam mencari tenaga-tenaga pengajar baharu yang bukan sahaja berpengalaman, malah mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang yang ditawarkan oleh Akademi Kemahiran KEMAS?

Butiran 03020 - Kesejahteraan Rakyat. Kesejahteraan rakyat sangat berkait rapat dengan isu migrasi luar bandar ke bandar kerana sejahtera itu perlu dipandang dari konteks keupayaan ekonomi dalam memberi hasil kepada rakyat dan disebabkan peluang ekonomi yang sempit di kawasan luar bandar, migrasi ke bandar menjadi pilihan anak muda untuk mencari peluang pekerjaan. Persoalan saya, bagaimanakah kenaikan peruntukan ini dapat menjanjikan peluang-peluang baharu kepada masyarakat luar bandar dalam sektor pekerjaan.

Kedua, industri-industri manakah yang dilihat berpotensi untuk dibangunkan di kawasan luar bandar agar *rural employment* dengan izin dapat dicipta? Apakah bentuk sinergi yang dilaksanakan oleh kementerian bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam usaha mensejahterakan rakyat melalui pembangunan ekonomi digital yang dijangka akan mengadaptasikan Teknologi 5G dan *artificial intelligent* dengan izin?

Butiran 030300 - Majlis Amanah Rakyat (MARA), UNI Klinik. Ramai yang berminat Yang Berhormat Menteri. Berapakah peruntukan khusus untuk membangunkan UNI Klinik untuk tahun 2020 dan sehingga Oktober 2019 dan berapakah jumlah UNI Klinik yang berjaya didaftarkan? Kedua, berapakah peruntukan yang dikhaskan untuk Program Pembangunan Usahawan Profesional (PROSPEK) dalam pelaksanaan UNI Klinik? Berapakah jumlah sasaran usahawan profesional perubatan yang bakal mengendalikan UNI Klinik ini?

Berapakah kos perbelanjaan untuk satu seminar dan latihan keusahawanan dan kedua konsultasi perniagaan? Agensi atau syarikat manakah yang mengendalikan seminar dan latihan keusahawanan PROSPEK untuk pelaksanaan UNI Klinik ini dan berapakah jumlah pinjaman yang tersedia untuk doktor yang sudah tamat *housemanship* memulakan UNI Klinik dan apakah kriteria khusus yang perlu ada pada mereka untuk melayakkan mereka mengendalikan UNI Klinik ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 00602 - Maktab Rendah Sains Mara. Pengurangan peruntukan sebanyak RM16 juta lebih menimbulkan persoalan tentang keseriusan kementerian dalam melahirkan anak-anak bumiputera berpendidikan dari MRSM ini. Bagaimanakah pengurangan peruntukan ini dapat memastikan kualiti pendidikan MRSM setanding dengan sekolah-sekolah SBP dan institusi pendidikan menengah swasta dan apakah bentuk pembaharuan yang boleh diimplementasikan dalam Sistem Pendidikan MRSM pada tahun 2020?

Kedua, adakah peruntukan untuk MRSM akan dikhususkan untuk menambahkan lagi jumlah MRSM menawarkan program Sains Keusahawanan yang buat masa ini hanya diajar di

MRSM IMTIAZ, KETENGAH yang merupakan MRSM perintis untuk program tersebut. Jika ya, berapakah anggaran peruntukan untuk tujuan itu? Dengan global pendidikan TVET yang semakin rancak penerimaannya, adakah kementerian berhasrat untuk menjadikan seluruh MRSM di negara ini sebagai MRSM Teknikal yang menawarkan pendidikan teknikal yang kini hanya terdapat di MRSM Bentong.

Akhir sekali, berapakah peruntukan khusus untuk tujuan penambahan guru MRSM, khususnya guru-guru yang berkemahiran untuk mengajar Sains Keusahawanan, teknikal, IGSE dan berapakah agihan peruntukan untuk MRSM Bitara, MRSM Tun Ghafar Baba, MRSM Taiping dan MRSM Pengkalan Chepa dan MRSM biasa. Berapakah agihan peruntukan perbezaan mereka dan nyatakan pelan perancangan untuk kedua-dua jenis MRSM tersebut berdasarkan perbezaan peruntukan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beaufort.

6.37 ptg

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bermula terus kepada Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar bandar yang ditambah peruntukannya. Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan. Saya minta dalam peruntukan ini, agar fasa 2, naik taraf Jalan Singkabung, Tanjung Aru, di kawasan saya dilaksanakan.

Jalan Menumpang Penambak di Daerah Kuala Penyu juga dilaksanakan, Jalan Selagun Satu, Jalan Kampung Muhibah di Beaufort juga dilaksanakan kerana semua ini adalah projek-projek yang diperlukan oleh rakyat termasuk Jalan Kampung Muhibah ini telah dilawat sendiri oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini dan mestilah ditunjukkan bahawa kerajaan kita begitu prihatin kepada rakyat.

Seterusnya saya juga merujuk kepada 050500 - *Rural Basic Infrastructure*, Saya tengok meningkat peruntukannya. Jadi saya hendak tahu, berapakah yang diperuntukkan untuk negeri Sabah. Saya juga minta dalam usaha untuk kita menyediakan *basic infrastructure* ini, penyelarasan dibuat agar projek-projek infra yang dilaksanakan itu menepati keperluan rakyat. Saya minta jalan-jalan yang saya sebutkan ini, Kampung Menanjung, di Kampung Jimpangah, di Kampung Siantan dalam Daerah Beaufort akan dilaksanakan. Jambatan gantung yang diperlukan di Kampung Alu Gilat juga saya minta diberikan kelulusan. Juga saya supaya jambatan gantung baru untuk Kampung Kinamam di Beaufort dilaksanakan.

Saya juga merujuk kepada Butiran 030200 - Kesejahteraan Rakyat. Saya ingin tahu jenis-jenis program yang dilaksanakan di bawah butiran ini. Siapakah kumpulan sasar kementerian dan apakah hasil ataupun *outcome* dengan izin yang diharapkan melalui program ini?

Ingin saya mencadangkan agar pihak kementerian melalui agensi yang dekat dengan rakyat iaitu KEMAS dapat mengenal pasti keluarga-keluarga yang daif di kampung-kampung dan melaksanakan program-program secara holistik yang mampu merubah kehidupan mereka seperti misalnya setelah kita membina rumah PPRT kepada mereka, sekiranya anak-anak mereka tidak mampu dihantar ke sekolah, tiada pakaian yang bersih dan sebagainya, maka kita bantu juga mereka.

■1840

Sekiranya ibu itu tidak mempunyai pekerjaan, mereka dilatih untuk mendapat satu kemahiran dan mendapat pula pendapatan daripada kemahiran itu dan meneruskan kehidupan mereka supaya apa yang dilaksanakan itu benar-benar dapat merubah nasib mereka.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa. Saya tengok di sini peruntukan untuk tahun 2020 telah dikurangkan berbanding dengan tahun 2019. Saya ingin tahu, berapakah bilangan usahawan desa yang telah dapat dibangunkan setakat ini dan apakah sasaran kementerian bagi tahun 2020? Adakah kementerian berhasrat untuk menambah banyak lagi dan mengenal pasti kumpulan usahawan-usahawan yang baharu untuk kita bangunkan? Sudah kah dikenal pasti jenis usaha ataupun *business* yang akan dibangunkan oleh kementerian untuk usahawan kita yang berada di luar bandar?

Berapa ramai kah bilangan di kalangan kaum wanita yang disasarkan dan juga berapakah di kalangan orang-orang muda yang kita sasarkan? Ini kerana kedua-dua kumpulan ini adalah kumpulan yang penting. Wanita merupakan mereka yang rajin berusaha. Begitu juga dengan orang-orang muda, kita tidak mahu mereka berhijrah ke bandar-bandar kerana tidak mempunyai pekerjaan. Sedangkan jika kita bantu mereka secara holistik, maka mereka akan dapat melaksanakan projek-projek mereka, usaha mereka di kampung-kampung tanpa mereka berhijrah dan mereka boleh dapat meneruskan kehidupan dan mereka juga boleh menjadi orang-orang yang berjaya.

Terus kepada Butiran 00611 – Program GIATMARA. Saya tengok diperuntukkan RM24,500,000. Saya minta agar GIATMARA Limbawang dan GIATMARA Beaufort dalam kawasan saya dapat di^ugradekan, dengan izin, dan program-program di GIATMARA ini juga dapat ditambah baik bagi membolehkan graduan-graduannya mampu memulakan *business* ataupun usaha yang dapat memberikan mereka sumber ekonomi yang merubah nasib mereka.

Saya ingin melihat supaya anak-anak luar bandar yang hadir di GIATMARA ini dapat menjadi usahawan yang berjaya. Ini kerana saya lihat mereka ini mempunyai kebolehan dan mereka rajin berusaha tetapi jika kita masih lagi berada di dalam landasan yang lama, di takuk yang lama, apa yang diajar itu yang lama-lama juga, maka kita tidak akan dapat menjayakan mereka ini.

Oleh kerana itu, ia mestilah sesuai dengan kehendak semasa, dengan teknologi yang terkini. Perlunya ada kerjasama di antara KPLB dengan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya mereka menggunakan *internet*, *online*

business dan sebagainya. Juga, menjemput pereka-peraka untuk jahitan dan pakaian-pakaian, pereka-pereka yang terkenal dalam negara kita Malaysia untuk membantu dan mendidik mereka dalam perekaan pakaian-pakaian, *designs* yang terkini.

Saya lihat jenama-jenama yang tertentu menggunakan juga reka bentuk ataupun *designs* daripada kumpulan-kumpulan etnik yang boleh dipasarkan sampai ke peringkat antarabangsa. Maka di sinilah kita boleh menggunakan seperti kami di negeri Sabah yang mempunyai kumpulan etnik yang begitu banyak sekali, yang begitu cantik *design* pakaiannya.

Akan tetapi kalau dibiarkan pada takuk yang lama, tentu hanya untuk orang-orang atau kaum-kaum yang tertentu sahaja. Akan tetapi jika ia ditambah baik *designs*-nya, reka bentuknya, maka ia boleh dipasarkan sampai ke peringkat antarabangsa. Anak-anak inilah yang belajar di pusat GIATMARA ini yang akan mendapat *benefitnya* ataupun manfaatnya daripada usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan daripada kalangan orang-orang di luar bandar terutama sekali daripada kalangan orang-orang muda kita yang kita mahu mereka ini mencapai kejayaan.

Jadi, saya minta supaya pihak kementerian melihat ini secara serius. Jangan lagi berada di takuk yang lama tetapi kita melihat jauh, *beyond boundaries* kita, *beyond* kementerian supaya apa yang kita laksanakan pada hari ini akan membawa manfaat yang terbaik kepada rakyat kita khususnya kepada anak-anak kita yang berada di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Silakan.

6.44 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama ialah Butiran 020400 – Kemajuan Tanah dan Wilayah di bawah Maksud Bekalan ya.

Tuan Pengerusi, semasa kita memperkenalkan pembangunan wilayah pada masa yang lepas, sebelum itu kita perkenalkan IADP di bawah Kementerian Pertanian. Selepas IADP, barulah munculnya pembangunan wilayah. Selepas IADP, diwujudkan pembangunan wilayah.

Akan tetapi Perlis, hilang IADP, hilanglah. Tidak ada apa lagi. Kita telah bangkit berkali-kali di Parlimen ini. Semasa saya jadi Ahli Parlimen, semasa orang lain menjadi Ahli Parlimen, kita bangkit berkali-kali dan Yang Berhormat Kangar akan menyokong saya, Yang Berhormat Padang Besar akan menyokong saya dengan hebatnya supaya pembangunan wilayah diwujudkan di negeri Perlis. Setuju? Terima kasih.

Kemudian yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Seperti Yang Berhormat Kuala Kangsar katakan tadi, kita tertanya-tanya kenapa peruntukan dikurangkan.

Ini dia persoalan-persoalan yang kita hendak timbulkan berhubung dengan KEMAS iaitu yang pertama, apakah sebab serta halangan yang dihadapi oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sehingga diberikan peruntukan yang rendah daripada sebelumnya? Apakah pelan

strategik oleh pihak kementerian bagi menjalankan segala aktiviti serta program di bawah KEMAS sedangkan peruntukan yang diberi tidak diturunkan?

Apakah penurunan peruntukan kepada KEMAS ini disebabkan kerajaan merasakan agenda yang dibawa oleh KEMAS tidak terlalu membantu kerajaan untuk menjayakan agenda menaik taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar? Dan sejauh manakah penjenamaan semula 500 taman bimbingan kanak-kanak di bawah kendalian KEMAS ini dapat dilaksanakan dengan baiknya sekiranya peruntukan yang diberi dalam Bajet 2020 adalah berkurangan daripada sebelumnya?

Demikian juga saya ingin bertanya, apakah pihak kementerian bersetuju dengan cadangan melantik guru-guru KEMAS ini diambil di kalangan belia ataupun siswazah yang masih menganggur sehingga kini untuk menjadi guru pembantu KEMAS?

Dalam KEMAS ini juga, Tuan Pengerusi, kita ada termasuk juga program-program lain. Dulu KEMAS telah memperkenalkan, kementerian telah memperkenalkan rancangan Satu Kampung Satu Produk dengan diolah bersama seperti yang dibuat di Thailand iaitu OTOP Thailand, *One Tambon One Product* di Thailand.

Kita lihat *One Tambon One Product*, Satu Kampung Satu Produk di Thailand berjaya, Tuan Pengerusi. Kejayaan mereka itu kita merasakan, pertama, produk itu dieksport ke Malaysia. Yang keduanya, orang Thailand yang datang ke Malaysia yang berniaga dengan hebatnya di seluruh negara membawa produk-produk *One Tambon One Product* dari Thailand ke sini.

Orang kita bukan sahaja tidak dapat memasarkan produk kita keluar tetapi dalam Malaysia pun banyak Satu Kampung Satu Produk ini nampaknya perlahan-lahan hilang. Ini kerana kekuatan kepada kempen kita ialah semasa pelancaran. Bila habis pelancaran, kempen itu pun berlalu begitu sahaja. Kadang-kadang masa kita buat pelancaran, kita akan bagilah hadiah kepada usahawan yang berjaya.

Jadi, usahawan berjaya pun diisytiharkan, diberi hadiah tetapi bila tahun yang berikutnya kita tidak lagi bagi peruntukan, usahawan itu bukan saja tidak berjaya tetapi hilang daripada pasaran mata dan juga pemikiran kita. Jadi, benda ini tak wajar berlaku. Kita lihat apa yang berlaku di negara jiran yang terbaik ini, kita hendaklah ambil contoh dan teladan.

Kemudian— saya tidak mahu bercakap panjang sebab saya akan pegang dengan pendirian saya sebab saya protes masa lima minit, tujuh minit dan tiga minit ini. Sebagai tanda protes, saya tidak akan hadir ke Parlimen pada esok hari dan elaun saya, saya akan bagi balik kepada kerajaan dan juga rakyat, elaun harian saya sebab saya tak hadir di Parlimen. Kali pertama saya tak hadir di Parlimen secara sukarela kerana tidak berpuas hati tentang apa yang berlaku.

Yang keduanya, saya tidak puas hati kerana SPR telah memperkenalkan peraturan di Tanjong Piai. Dan yang akhir sekali ialah saya tidak berpuas hati kerana Perdana Menteri yang kita sayangi tiba-tiba tidak disokong oleh DAP, seperti tidak ambil tindakan terhadap Ronnie Liew.

Tuan Pengerusi: Butiran apa ini, Yang Berhormat? [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya masih ada masa. Saya tidak boleh diganggu dengan hebatnya.

Yang berikutnya ialah berhubung dengan Butiran 051200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Elaun ini telah dikurangkan. Dulu kita bagi RM1,000, sekarang tinggal RM500. Tetapi sekarang ini hendak diperkenalkan pula MPKK Persekutuan. Eh! *Come on man*, ini bukan cerita main-main ini. Sebab, Pakatan Harapan ini ialah pengharapan rakyat kepada kerajaan baharu ini supaya bawa pembaharuan. Sekiranya didapati apa yang kurang kami buat, perbetulkan. Kau nak kata yang kami buat itu tak guna tak betul, sebab *hangpa* semua ini ialah produk lama termasuk Tuan Pengerusi jadi hakim, produk lama, sekarang duduk di zaman baharu.

■1850

Saya juga produk hampir lama, sekarang duduk pada zaman baharu. Ini ialah sesuatu yang berlaku mungkin ada kekurangan. Zaman saya tidak ada biasiswa tetapi jadi manusia yang hebat juga seperti hari ini. Akan tetapi zaman sekarang ada biasiswa, ada pinjaman. Jadi jangan kata yang lama tidak berguna sebab semua ibu bapa kita ialah orang lama dan kita menjadi bapa kepada anak-anak kita.

Jadi kita kena ingat bahawa jangan ungkit yang lama. Yang baharu kita hendak buat ini, biar rakyat nampak ada satu pengharapan bahawa kerajaan baharu ini boleh membawa perubahan dengan hebatnya. Akan tetapi tiba-tiba MPKK yang berjalan dengan elok, kalau mereka kata nak ambil ini, tidak mahu ambil orang politik, sekarang kenapa nak ambil orang politik, nak ambil orang yang sama parti politik. Padahal di kampung-kampung manalah ada orang PH dalam kampung, adalah empat, lima orang yang lawan ketua-ketua cawangan kalah, lepas itu jadi PH. Sekarang hendak lantik jadi pengerusi, jadi jawatankuasa, lantiklah kamu sebelum kamu dilantik, tidak ada masalah. Akan tetapi kita kena ingat mereka tidak berkelayakan, tidak berkemampuan, tidak pernah kendalikan mesyuarat, tidak pernah jadi apa. Jadi kalau betul-betul kerajaan ini hebat, lantik orang yang berwibawa yang ada sekarang.

Kenapa mesti nak diubah *boh* nama Persekutuan? Cuba lihat kawan-kawan kita daripada Sabah dan Sarawak, kecil hati. Perkataan Persekutuan itu digunakan di Sabah dan Sarawak. Apa, kerajaan negeri tidak berguna mesti sebut Persekutuan? Kalau betul-betul hendak tadbir, tadbir terus, tidak ada masalah. Kamu gunakan Persekutuan, tadbir daripada sini. Tidak mungkin boleh berlaku kalau tidak ada pertolongan dari negeri.

Jadi saya minta supaya MPKK ini dikekalkan, jangan kemudian nak diperkecilkan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Segamat nak bangun tanya atau berucap?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Berucap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hendak berucap, tunggu. Belum habis lagi Yang Berhormat, hormat saya sedikit, *sit down*. Duduk-duduk.

Tuan Pengerusi: Dah habis dah Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mengganggu saya, saya tunjuk kepada Tuan Pengerusi. Jadi kita nak supaya MPKK ini dikekalkan. Saya minta supaya pegawai-pegawai KEMAS yang ada sekarang ini bagi perhatian ke arah pembangunan tadika, tabika itu.

Keduanya, bagi kepada pembangunan ekonomi. Jangan mereka pula terlibat untuk sama-sama menghukum, kalau siapa yang pernah menyokong Barisan Nasional, hukum. Siapa yang nak menyokong PH, terus diberi jenama-jenama yang hebat. Kerajaan ini saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, tak lama sebab kita lihat apa yang mereka buat sekarang ini...

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...la lebih buat membalas dendam. Tuan Pengerusi, balas dendam. Bukan nak bawa pembaharuan, nak balas dendam.

Tuan Pengerusi: Ya, seperti yang saya sebut tadi ini Butiran P. 165.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Butiran terakhir, butiran terakhir.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita dah marah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukup.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kerajaan ini harus menjadi kerajaan yang ada harapan dan bukan kerajaan membalas dendam. Walaupun hari ini saya lemah hati tengok muka Tuan Pengerusi yang begini baik tetapi saya pegang kepada prinsip janji saya bahawa saya tidak hadir di Parlimen atas protes yang saya sebutkan tadi iaitu pertama SPR di Tanjong Piai; Kedua, Perdana Menteri yang kita sayangi tidak disokong oleh DAP; dan ketiga Peraturan Parlimen lima minit. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jadi dari Arau, kita beralih ke Kangar, silakan.

6.53 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan butiran belanjawan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana saya sentiasa berpendapat dalam menuju agenda Wawasan Kemakmuran Bersama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar seharusnya menjadi kementerian yang utama yang sepatutnya diberi tambahan peruntukan. Namun saya sedar pada hari ini saya dimaklumkan lebih kurang dalam 80 peratus rakyat Malaysia berhijrah duduk di kawasan bandar. Jadi kita mesti memikirkan satu cara untuk menjadikan luar bandar kembali 'seksi', maksudnya orang suka tinggal di luar bandar, orang mahu kehidupan yang lebih berkualiti berada di luar bandar.

Jadi saya hendak menyentuh Perkara 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, dalam perkara yang spesifik 030100 – Pembangunan Usahawan Desa. Saya melihat sasaran kementerian bertambah tetapi peruntukan berkurangan, tadi daripada RM2.048 juta kepada RM1.684 juta. Jadi bagaimanakah kementerian mahu memastikan sasaran mereka dapat dicapai

dengan peruntukan yang berkurangan ini. Apakah program-program yang akan dijalankan di bawah peruntukan ini.

040000 – Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan, di bawah perincian 040200 – Komuniti Desa sebanyak RM4.6 juta. Saya melihat dalam *outcome*, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini salah satunya adalah untuk merapatkan jurang digital. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian, kita ini kawasan luar bandar tanah tidak banyak. Jadi pusat komuniti pun kadang-kadang tidak digunakan secara optimum. Jadi apa kata kita di sekolah-sekolah luar bandar ini tidak banyak kemudahan, banyak sekolah yang komputer pun tidak ada. Jadi daripada kita hendak buat secara berasingan, lebih elok sebenarnya untuk orang kata perkara dalam aspek latihan berkaitan dengan digital ini kita buat dengan kerjasama sekolah. Jadi kita menggalakkan ibu bapa pun rapat dengan sekolah, anak-anak yang tercicir dalam pelajaran pun kita dapat biasakan mereka dengan sekolah.

050000 – Program Khusus. Saya melihat di bawah perincian 050500 – *Rural Basic Infrastructure*. Pertamanya saya hendak menegurlah, kalau boleh kita pakai Bahasa Melayu. *Rural basic infrastructure* ini bukan susah sangat nak *translate*, infrastruktur kemudahan asas luar bandar. Peruntukan yang naik cukup besar sebanyak RM14.49 juta kepada RM35.6 juta. Jadi apakah jenis infrastruktur asas ini kerana kita baca juga ada peruntukan lain untuk jalan, kita ada peruntukan lain, untuk lampu dan sebagainya. Cuma saya tengok dari segi semua perincian ini tidak ada yang disebut secara khusus tentang pembaikan rumah sedangkan inilah yang paling banyak, selalu yang dibuat setiap tahun.

Saya juga mengesan dalam peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebelum ini juga ada peruntukan untuk pembangunan luar bandar sebanyak RM20 juta. Itu di bawah Perkara 00121. Jadi apakah perbezaan antara peruntukan ini dan juga peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi?

030200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Jadi mungkinlah di bawah skim ini mungkin diletakkan soal pembaikan rumah. Jadi saya minta pertimbangan supaya bantuan untuk pembaikan rumah ini tidak *rigid*. Ini kerana dalam banyak permohonan sebelum ini kita lihat salah satu syaratnya dia mesti tergolong dalam senarai mereka yang berada di dalam senarai eKasih. Sedangkan mereka di dalam senarai eKasih ini tidak semestinya mereka punya keperluan adalah untuk pembaikan rumah. Ada orang rumah dia dah elok tetapi dia perlukan bantuan dalam bentuk lain. Ada orang bentuk lain dia dah elok tetapi rumah mereka sangat daif dan teruk tetapi mereka tidak berbuat untuk membaiki rumah ini kerana mereka tidak tergolong dalam senarai. Jadi ini perlu disemak semula supaya bantuan yang kita bagi ini tepat kepada sasaran yang hendak diberi.

Seterusnya berkaitan dengan MARA, 00602 – MRSM, RM27.9 juta. Saya percaya MARA seharusnya bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya sebelum ini telah membahaskan tentang keperluan asrama penuh untuk mengambil lebih banyak pelajar-pelajar daripada B40, yang mana pelajar-pelajar ini sudah tentulah kebanyakannya datang dari

luar bandar. Jadi saya fikir MARA lah yang sepatutnya menjuarai, berada di barisan hadapan dalam mendekatkan jurang kaya miskin dalam aspek pendidikan.

00604 – IKM dan juga 00611 – Giat MARA. Sebelum ini dalam perbincangan dasar saya menyebut banyak projek di negeri Perlis yang tertunda, lewat, tidak siap dan terpaksa tukar kontraktor. Antara alasan utama mereka beri ialah kerana tidak cukup pekerja. Saya percaya institut latihan kita ini telah banyak melahirkan pekerja-pekerja separa mahir dan juga mahir. Jadi saya berharap keluaran-keluaran kita daripada institut latihan di bawah MARA ini dapat kita *match making* ataupun kita padankan dengan keperluan industri. Sayang kita keluarkan banyak graduan yang kita kata tadi separa mahir dan mahir tetapi mereka ini akhirnya buat kerja lain, sedangkan kita banyak projek kerajaan yang tertangguh, tertunda, lewat dan tidak siap atas faktor kekurangan pekerja.

Seterusnya 00614 – Bangunan Perniagaan MARA. Saya pergi ke beberapa bangunan MARA, saya tengok bangunan MARA ini kebanyakannya agak suram. Jadi apakah langkah kementerian? Apakah puncanya yang pertama? Seterusnya, apakah langkah kementerian untuk menghidupkan semula kawasan-kawasan ini? Saya tengok MARA ini rantaianya hebat. Kalau usahawan ini kita ada latihan, ada pendanaan, kita siap sedia tempat tetapi mengapakah seolah-olah ia macam *work in silo*, seolah-olah tidak ada jalinan antara semua perkara ini menyebabkan pelaburan kita buat bangunan ini bukannya murah, bangunan ini kita buat dengan harga yang cukup besar tetapi ia tidak memberi pulangan yang sepadan dengan pelaburan kita. Lama-lama sebagaimana bangunan-bangunan yang lain, dia punya susut nilai, jadi bangunan ini pun sudah tidak menarik lagi. Akhirnya kita hendak keluar duit pula untuk nak *maintain*, untuk menyelenggara bangunan ini tetapi sayangnya kita tidak dapat melahirkan usahawan-usahawan hebat yang kita telah latih dan telah kita beri pendanaan dan sebagainya.

Seterusnya, 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar dan juga 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Saya melihat Semenanjung ya pertamanya, 01701 – Semenanjung untuk bekalan elektrik jauh beza peruntukan berbanding dengan Sabah dan Sarawak. Saya tengok kata macam Sabah, Sarawak ini diberi keutamaan yang hebat. Pertamanya, saya ucapkan tahniah tetapi janganlah menganggap bahawa di Semenanjung ini masalah ini telah selesai. Berkaitan dengan air, saya harap dapat beri keutamaan. Saya tadi pun semasa perbincangan rakan saya Yang Berhormat Arau pun menyebut, saya dah sebut dua kali sebab itu saya tidak bangun, tentang masalah *non-revenue water* di Perlis ini dah 63 peratus paling tinggi di Malaysia. Itu pun dah saya ucapkan terima kasihlah sebab kerajaan tahun lepas saya difahamkan dah memperuntukkan sebanyak RM107 juta untuk air sahaja di Perlis. Akan tetapi saya berharap masalah ini dapat segera diselesaikan.

Jadi bekalan air luar bandar ini keutamaan seharusnya diberikan kepada kawasan-kawasan yang selalu ada masalah terutama masalah air kerana kebanyakan juga bila air ini masalah, ia bukan sahaja soal bekalan tetapi juga soal penyakit. Penyakit kalau kita tidak

sediakan air yang bersih, yang elok, jadi penyakit pun, jadi kita mengeluarkan. Kita jimat kononnya lambatkan pembaikan tetapi kita meningkatkan kos dari segi aspek kesihatan.

■1900

Terakhir ialah 02404 – Program Lonjakan Mega Luar Bandar. Saya hendak tanya apa yang mega nya sekiranya peruntukannya hanya RM11.3 juta? Jadi, kalau boleh dapat diterangkan oleh kementerian. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sik.

7.00 mlm.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terus untuk perbincangan Butiran 020700 – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Saya ingin mendapatkan respons kementerian berkenaan beberapa perkara berkaitan butiran ini. Pertama, berapakah jumlah terkini pegawai KEDA yang ada iaitu pegawai tetap dan kontrak? Apakah berlaku keseimbangan pengambilan pegawai dengan keluasan kawasan dan penduduk yang perlu dijaga? KEDA ini beroperasi di 89 peratus keseluruhan negeri Kedah.

Kedua, apakah bentuk-bentuk program latihan dan keusahawanan yang telah dilaksanakan dan bagaimana partisipasi masyarakat dan sejauh mana ia mencapai sasaran yang diharapkan? Begitu juga program pemulihan komuniti yang menyasarkan golongan istimewa sama ada ibu tunggal, warga emas mahupun anak-anak yatim. Apakah program yang digerakkan bagi kelompok ini, khususnya bagi meningkatkan sosial mobiliti mereka supaya keluar daripada belunggu kemiskinan?

Seterusnya, saya ingin bertanya mengenai projek-projek utama yang sedang dijalankan di bawah KEDA ini, khususnya di Daerah Sik. Saya juga memohon maklumat perincian premis-premis atau bangunan di bawah seliaan KEDA ini yang tidak digunakan atau dalam maksud projek yang gagal sama ada Pusat IKS, rumah-rumah kedai dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, Butiran 040200 - Komuniti Desa. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai program yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan komuniti desa. Apakah perancangan yang telah dirangka pada tahun 2020? Sejauh mana kolaborasi dengan agensi-agensi lain yang dilakukan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), khususnya dalam kempen pencegahan dadah yang begitu serius di desa-desa pada ketika ini?

Begitu juga yang berlaku di Daerah Sik sana. Selain itu, saya juga ingin bertanya tentang kolaborasi kementerian bersama dengan Kementerian Pendidikan dalam soal mengurangkan keciciran pelajar di luar bandar. Ramai di kalangan pelajar-pelajar di luar bandar, khususnya di Sik juga yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka akibat kesempitan hidup dan

sebagainya. Jadi, apakah program kesedaran pendidikan yang telah dilakukan dalam mengatasi masalah ini?

Seterusnya, Butiran 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains MARA. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai status pembinaan MRSM Sik yang berasaskan MRSM Program Ulul Albab yang merangkumi konsep integrasi sains tulen dan tahfiz. Projek ini telah diluluskan oleh kerajaan yang lalu di bawah MARA berapa tahun sebelum ini, namun projek ini masih belum bermula sehingga ke hari ini. Soalan saya, bilakah projek ini akan dimulakan? Apa halangan yang menyebabkan kegagalan untuk dimulakan projek ini? Berkaitan status infrastruktur pelengkap seperti mana bekalan air, jaringan *internet* dan sebagainya. Sejauh mana pembangunan infrastruktur ini telah mula digerakkan oleh pihak kementerian?

Seterusnya, Butiran 02004 - Bekalan Air Alternatif. Saya juga ingin menyentuh berkaitan ini dengan Projek Bekalan Air Bersih Di Luar Bandar, khususnya di Daerah Sik berkaitan dengan mendapatkan sumber bekalan air bersih daripada sumber asli iaitu daripada bukit ataupun anak-anak sungai yang telah ada. Apa yang menjadi isu di sini adalah ketiadaan sistem perpaipan yang baik serta tangki takungan air bagi menyalurkan air tersebut untuk diguna pakai oleh penduduk tempatan. Sumber ini sangat baik untuk dibangunkan kerana sumber air itu sudah ada, cuma peruntukan tambahan perlu dilihat oleh kementerian bagi menampung keperluan air di kawasan Sik dan di daerah-daerah yang lain juga. Justeru itu, saya ingin bertanya adakah sudah ada suatu dana yang khas untuk menyelesaikan masalah ini?

Seterusnya, yang terakhir Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat iaitu peruntukan lebih RM280 juta. Jadi, saya mohon perincian skim ini. Adakah projek pemulihan dan membaiki rumah-rumah penduduk yang daif ataupun yang ditimpa bencana juga termasuk dalam skim ini? Di Daerah Sik sendiri, di Bandar Baru Beris Jaya. Walaupun nama bandar tetapi satu penempatan semula penduduk yang dipindahkan akibat pembinaan satu empangan, Empangan Beris. Lebih 600 buah rumah di situ. Saya telah menghantar surat kepada pihak kementerian untuk membantu membaiki pulih 90 buah rumah yang rosak akibat berlaku ribut beberapa tahun lepas. Namun, hingga ke hari ini projek ini- maknanya, pemulihan rumah ini masih belum berjalan. Kelompok perumahan ini sebenarnya telah dibina oleh pihak kementerian sendiri lebih 10 tahun yang lalu. Jadi, saya mohon khusus projek ini dapat dilihat secara serius oleh pihak kementerian untuk membaiki pulih rumah-rumah yang terjejas ini. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Seterusnya, Yang Berhormat Segamat. Silakan.

7.06 mlm.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa. Saya ingin tanya, apakah fokus jika program ini dilaksanakan di Daerah Segamat? Oleh kerana Segamat ini dikatakan sebagai hab untuk

pertanian dan juga daging. Maka, saya hendak tahu apakah projek dan berapakah akan dilaksanakan, sekiranya ada?

Butiran 030200 – Kesejahteraan Rakyat. Saya ingin bertanya, apakah program-program yang seumpama ini akan diadakan di Daerah Segamat, Parlimen Segamat? Maka, pejabat saya juga turut boleh membantu ataupun kita bekerjasama dalam program berkenaan ataupun mengeluarkan, kita tanggung kos secara bersama.

Butiran 05300 – Pusat Komuniti Desa (PKD). Kita pun mendapati di kawasan saya pun ada banyak yang perlu dibangunkan. Ada yang dah uzur dan sebagainya. Maka, saya juga pernah menghantar surat pada kementerian pada 19 Mei tetapi sehingga sekarang belum mendapat sebarang penjelasan.

Berkenaan mengenai Butiran 050400 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Saya mengucapkan bahawa baguslah ada peningkatan lebih kurang hampir RM10 juta lebih tetapi banyak lampu-lampu jalan yang diminta di kawasan saya itu masih tidak ditunaikan. Ia juga termasuk dalam surat yang telah dihantar kepada Pejabat Menteri.

Butiran 050900 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan KEMAS. Ini saya hendak merujuk kepada spesifik iaitu Tadika Kemas di Kampung Paya Jakas, ianya telah pun disahkan oleh Bomba tidak selamat tetapi anak-anak masih belajar di sana. Maka, saya berharap kementerian akan membuat sesuatu kerana bangunan itu tidak selamat, sudah uzur dan juga sebagainya. Jika berlaku apa-apa nanti, nanti kita akan dipersalahkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan mesyuarat**]*

Saya sebagai Ahli Parlimen ingin membawa kepada Yang Berhormat Menteri kerana bukan itu sahaja. Maka, kita mengetahui adanya masalah serius kerana juga masalah guaman dan sebagainya.

Mengenai Butiran 00100 – Pendidikan Kemahiran. Saya pun hendak tanya, apakah jenis kemahiran yang akan diberikan? Adakah ini kemahiran bersama dengan TVET ataupun kemahiran-kemahiran jangka pendek?

Mengenai Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Di kawasan Parlimen Segamat di DUN Buloh Kasap masih juga ada seperti Kampung Gelang Cincin dan juga sebagainya yang mempunyai masalah air yang serius dan juga ada sekolah tahfiz yang tidak ada air sampai sekarang. Maka, bukan sahaja di Sabah dan Sarawak, malah di Semenanjung Malaysia, malah di Segamat, bandar pentadbiran daerah.

Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya ucapkan tahniah, ada peningkatan yang banyak dan juga sebagainya. Maka, saya harap jalan-jalan ini akan dibuat kembali.

Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. RM120 juta untuk tahun 2020, saya ucapkan tahniah. Maka, saya harap juga jalan-jalan di desa juga akan diberi perhatian, khususnya di kawasan saya. Butiran 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar. Ini suatu yang bagus

walaupun RM20 juta, saya hendak tahu apakah fokus? Apakah arah tuju dan bagaimanakah ianya akan dilaksanakan? Bagaimana pejabat-pejabat Parlimen seperti kami boleh bekerjasama dengan kementerian? Satu lagi perkara yang saya hendak tanya ialah merujuk kepada surat yang saya dah hantar pada kementerian bertarikh pada 11 April 2019. Saya ingin bacakan, di mana jalan perhubungan desa, kita ada 16 buah permohonan yang telah dimohon melalui pejabat daerah sebanyak RM3.29 juta. Nombor dua adalah Jalan Luar Bandar (JLB), 21 projek yang masih tertangguh sebanyak RM1.97 juta.

■ 1910

Ketiga, adalah Butiran 02000 - Bekalan Air Luar Bandar (BALB), 11 projek di daerah Parlimen Segamat, RM8.92 juta ini masih tidak dijalankan. Keempat, Butiran 01700 - Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) RM1.3 juta dan akhirnya lampu jalan kampung, empat projek yang telah dimohon RM310 ribu. Kesemuanya adalah RM15,770,000 dan ini merupakan program-program, projek-projek yang telah dimohon melalui pejabat daerah dan Kerajaan Negeri Johor tetapi sehingga kini masih tidak dilaksanakan.

Malah saya telah menulis surat namun tidak mendapat sebarang balasan sehingga kini. Kalau zaman kerajaan lepas saya faham tetapi ini sebagai kerajaan *reform* sepatutnya telah pun dijawab ataupun saya menganggapnya telah pun akan dimasukkan. Saya berharap kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil perkara serius kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini amat penting.

Saya adalah Ahli Parlimen di luar bandar. Ini adalah di bawah 61 tahun *under* BN, 35 tahun MIC tetapi kalau Presiden MIC pernah ada dekat sana boleh menyelesaikan masalah. Akan tetapi kalau perkara ini tidak diberikan mereka akan salahkan saya, agak berbeza. Ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri akan merujuk dan cuba menyelesaikan masalah ini.

Memandangkan dua minit lagi saya terus bacakan juga contohnya Projek Penghubungan Desa menaik taraf Jalan 'Tongkeng Gelugor – Jementah' RM50 ribu, jalan perhubungan desa, bina jalan – 400 meter. Saya telah senaraikan satu persatu, Yang Berhormat Timbalan Menteri satu persatu saya senaraikan. Saya telah memudahkan kerja kementerian memberikan justifikasi, bekerjasama dengan pejabat daerah dan juga sebagainya.

Maka saya benar-benar berharap bahawa kementerian ini akan memandang serius kepada keperluan masyarakat luar bandar. Ini adalah satu perkara yang amat penting bagi saya kerana kalau kita tidak laksanakan projek-projek ini maka kita tidak berlaku adil kepada masyarakat Melayu Islam di luar bandar kerana kita mengurangkan mobiliti mereka untuk keluar bekerja, mencari nafkah dan juga sebagainya. Kalau kita hendak merapatkan jurang perbezaan pendapatan ini maka kita perlu berikan kepada mereka perkara-perkara yang asas.

Perkara seperti jalan raya, mobiliti jalan raya, lampu jalan, mereka bukan minta BMW Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka minta perkara-perkara biasa. Perkara yang harus kita berikan perhatian. Maka saya benar-benar berharap, ini kali ketiga saya berucap, dan saya

berharap saya tidak perlu berucap sekali lagi kerana saya rasa tertekan. Saya rasa tertekan tetapi saya tahan emosi saya, saya bercakap secara perlahan tetapi dalam membakar, Yang Berhormat Timbalan Menteri, membakar ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam percintaan, mata sama mata memandang hati sama. Akan tetapi ini sebagai wakil rakyat saya berharap apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri memandang pada saya, senyuman itu bermaksud Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberikan perhatian serius. Apa yang kita mohon hanyalah RM16 juta berbanding dengan duit campur tadi sudah berbilion. Bolehlah dijelaskan dalam tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Paya Besar diikuti oleh Yang Berhormat Keningau, diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai, kemudian Yang Berhormat Limbang, kemudian Yang Berhormat Jeli. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

7.13 mlm.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan yang bertungkus-lumus. Saya tengok dekat luar tadi sudah ada yang berdiri, ada yang duduk. Akan tetapi yang paling pentingnya pada petang ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara Tuan Pengerusi berkaitan kementerian ini berkaitan Butiran 03000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar.

Hal ini sebab saya masih yakin dan percaya bahawasanya kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas membawa isu-isu yang melibatkan kawasan mereka dan Parlimen Paya Besar merupakan juga kawasan luar bandar dan saya menganggap bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini merupakan satu kementerian yang paling utama dalam memastikan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan untuk melaksanakan Wawasan Kemakmuran Bersama dapat dicapai dengan lebih baik.

Akan tetapi agak tersinggung saya apabila saya melihat Bajet 2020 ini tidak seolah-olahnya memberi refleksi yang jelas berkaitan hala tuju Kerajaan Pakatan Harapan. Ini sebab apa dalam Butiran 03000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, saya harus menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sepatutnya kita tidak lagi bercakap tentang IKS. Kita sepatutnya bercakap untuk masyarakat luar bandar sesuatu perkara yang lebih besar, yang lebih bersifat skala besar bukan lagi skala-skala yang kecil.

Ini kerana apa migrasi yang disebut oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi merupakan satu masalah bukan masalah yang agak kecil tetapi ia merupakan masalah yang agak besar. Walaupun Jabatan Perangkaan, Tuan Pengerusi, telah membuat satu *survey* pada tahun 2018 menyatakan bahawasanya migrasi kepada 32 juta rakyat Malaysia hanya sebanyak 1.6 peratus. Akan tetapi jangan dilihat angka ini merupakan angka yang tidak seolah-olahnya

memaparkan bahawasanya ada penghijrahan anak-anak muda ke bandar-bandar besar. Ini kerana apa? Kita lihat negara-negara yang telah dahulu duduk di bawah kita seperti Singapura apabila dia keluar daripada Malaysia, dia membangunkan kampung-kampung. Dia mewujudkan satu penempatan yang tersusun. Dia menganggap bahawasanya kampung-kampung ini harus dibangunkan supaya dekat kampung-kampung ini akan menjadi satu lagi peluang pekerjaan kepada *local talent*.

Akan tetapi ia sudah ada di Malaysia bagaimana kita bangunkan Kampung Baru, bagaimana kita bangunkan Kampung Kerinchi, bagaimana kita bangunkan Kuala Lumpur tetapi ia tidak berlaku di Paya Besar. Ia tidak berlaku di kawasan-kawasan Parlimen yang disifatkan sebagai kawasan luar bandar. Adakah kita hanya ingin melihat sesuatu hanya sekadar data tetapi kita tidak melihat sepenuhnya? Ini sebab saya hendak merujuk kepada Laporan Survei Migrasi yang dibuat oleh DOSM. Lebih kurang 24.3 peratus yang berhijrah ini kerana kerjaya tetapi kalau kita boleh mewujudkan ekonomi setempat ini, kita hebatkan ekonomi setempat saya yakin ia akan memberi satu peluang yang baik.

Jepun bangunkan kampung yang mempunyai dahulu mereka hebat dari segi *agriculture*. Hari ini mereka bangunkan pelancongan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kawasan Paya Besar ada lebih 15 kawasan pelancongan luar bandar yang sepatutnya dibangunkan tetapi dipandang sepi kerana mungkin saya memikirkan ini Paya Besar bukan Kuantan. Akan tetapi nama Kuantan itu lebih besar daripada nama Paya Besar kerana mungkin sebabkan faktor daerah.

Akan tetapi saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini, saya harap sangat pegawai-pegawai di kementerian, Yang Berhormat Timbalan sendiri dan Yang Berhormat Menteri harus melihat Paya Besar adalah satu kawasan luar bandar yang sepatutnya kita bangunkan kawasan *ecotourism*.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 02000 berkaitan Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas. Saya yakin dan percaya selepas kita ada satu sistem ekonomi yang baik, infrastruktur dan kemudahan asas kena berada dalam keadaan yang baik. Bandar Sungai Lembing, Yang Berhormat Timbalan Menteri, adalah satu kawasan peninggalan *mining* yang sangat hebat suatu ketika dahulu ditutup dan hari ini menjadi tumpuan kepada orang di sana.

Akan tetapi ada masalah Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu isu air. Saya bangkitkan dalam Mesyuarat Kamar Khas tempoh hari pada 29 Oktober berkaitan masalah bekalan air di kawasan bandar Sungai Lembing dan di perkampungan Bukit Kuin. Saya ingatkan ini di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli tetapi Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada 15 Oktober 2019 menyatakan semua bekalan air luar bandar diserahkan kepada kementerian Yang Berhormat.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah pastikan bekalan air terutamanya di Bukit Kuin dan bandar Sungai Lembing dapat diselesaikan dengan secepat

mungkin supaya saya, tahun depan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bangkitkan perkara ini lagi. Ini kerana apa? Apabila bekalan air tidak ada di bandar Sungai Lembing Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia akan merencatkan pertumbuhan ekonomi setempat iaitu ekonomi pelancong. Banyak *chalet*, hotel-hotel tetapi akhirnya apabila mereka ke sana air tidak ada ia akan merosakkan dari segi Kempen *Mosque to Mosque*.

Akhirnya Tuan Pengerusi saya hendak menyentuh kepada 04000 – Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan. Saya yakin ramai Ahli Yang Berhormat telah membahaskan berkaitan kualiti Tabika KEMAS dibandingkan dengan banyak tabika atau tadika dari segi swasta ataupun di bawah Kementerian Pendidikan. Akan tetapi yang paling pentingnya adalah bagaimana kita hendak mengupayakan Tabika KEMAS ini supaya Tabika KEMAS ini kembali menjadi pilihan utama kepada rakyat luar bandar dan rakyat di bandar.

Saya yakin kalau kita dapat usahakan cikgu yang baik tetapi cikgu yang baik bukan sahaja datang berkualiti begitu sahaja. Sistem pembayaran gaji mereka, sistem skim mereka harus juga ditambah baik. Ini kerana apa Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita hendak kualiti guru yang baik, tetapi skim yang agak kurang saya risau tidak ramai orang yang akan datang menjadi pengajar di Tabika KEMAS.

■1920

Akhirnya Tuan Pengerusi saya hendak menyentuh Butiran 050400. Ini satu perkara Tuan Pengerusi yang saya rasa harus diselesaikan oleh pihak kementerian berkaitan kos penyelenggaraan lampu jalan. Apa yang berlaku hari ini bekas pengerusi JKK hampir sudah sampai ke *stage* untuk disaman oleh pihak TNB kerana semasa dia membina dan menawarkan diri untuk menjadi penama, projek itu adalah projek di kampung FELDA Bukit Goh melibatkan 15 lampu jalan dan akhirnya bil-bil itu dinamakan di atas nama bukan pengerusi JKK tetapi nama individu. Saya harap-harap sangat Yang Berhormat Menteri tolonglah. Lompat ini pun sudah tak ada jawatan. Akhirnya dia terpaksa menanggung hutang, bil elektrik sampai RM50,000.

Jadi saya harap sangat dapat diselesaikan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Keningau.

7.21 mlm.

Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mempunyai lima perkara untuk disentuh di sini. Pertama, saya ingin merujuk kepada muka surat 210, Butiran 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan yang mana peruntukan keseluruhannya telah turun jika dibandingkan dengan peruntukan tahun lalu dan saya tidak nampak kenapa sedangkan kerajaan sedang mempunyai satu program untuk mengurangkan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan mengenai ini.

Kedua, isu Butiran 020000 – Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas. Terdapat peningkatan di dalam peruntukan ini tetapi tidak ada peruntukan khusus untuk pembangunan wilayah Sabah dan Sarawak seperti yang terdapat di negeri-negeri di Semenanjung dan saya ingin tahu kenapa? Adakah ini kerana Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak tidak wujud? Namun walaupun tidak wujud, tidakkah boleh menyalurkan pembangunan peruntukan itu melalui Unit Perancangan Ekonomi negeri masing-masing?

Ketiga, saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar khusus Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa dan 030200 – Kesejahteraan Rakyat. Biasanya pembangunan luar bandar ini mengutamakan keperluan asas elektrik, air, jalan raya dan sebagainya dan semuanya ini baik untuk luar bandar tetapi akhirnya bil elektrik perlu dibayar, bil air perlu dibayar, minyak kereta perlu dibayar dan sekiranya ekonomi dan pendapatan rakyat tidak berubah, mereka akan bertambah miskin.

Oleh sebab itu di kawasan saya telah memikirkan tentang satu mekanisme untuk membantu masyarakat luar bandar ini supaya mempertingkatkan ekonomi dan pendapatan mereka melalui satu sistem yang saya namakan *Rural Micro Business System* (RMBS) yang akan memberi satu organisasi atau sistem yang mana semua masyarakat luar bandar akan menjadi peserta untuk membangunkan dan memajukan tanah-tanah mereka dari segi pertanian dan sistem ini akan membantu dari segi pemprosesan dan pemasaran. Walau bagaimanapun, sistem ini memerlukan bantuan daripada kerajaan dan di sinilah peruntukan-peruntukan ini mungkin dapat disalurkan melalui sistem pelaksanaan ini iaitu RMBS dan saya mohon supaya sistem RMBS ini diterima sebagai satu mekanisme membantu ekonomi luar bandar terutama di kawasan saya di Keningau.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan yang mempunyai peruntukan sebanyak RM156 juta dan di sini Sabah tidak mempunyai satu saluran untuk mendapatkan peruntukan ini maka itu saya ingin mencadangkan supaya Yayasan Pembangunan Insan atau *People Development Foundation* yang sedia wujud ini dapat menjalankan satu menyertai dalam program ini untuk memohon peruntukan, menjalankan latihan modal insan bagi menjayakan Program Keusahawanan Desa melalui RMBS yang saya sebutkan tadi.

Kelima, merujuk kepada Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Pertama sekali Butiran 01702, Butiran 01703, dan Butiran 01707 mengenai bekalan elektrik luar bandar dan juga lampu-lampu jalan. Saya ingin tahu sama ada peruntukan ini telah dikomitedkan melalui projek-projek yang telah diberi ataupun berasaskan kepada permohonan dan keperluan-keperluan di kawasan masing-masing.

Saya ingin tanya juga jenis bekalan elektrik sama ada melalui penjanaan generator, *mini hydro* ke ataupun hanya penyambungan elektrik? Begitu juga dengan Bekalan Air Luar Bandar dalam Butiran 02000 di mana tidak dinyatakan bagaimanakah dan cara manakah bekalan air ini akan diberi sama ada melalui graviti, pembetulan, *dam* ataupun melalui penyambungan paip?

Saya ingin juga bertanya apakah perbezaan di antara jalan-jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa. Oleh sebab desa-desa itu di luar bandar juga. Jadi dalam usaha untuk memberikan jalan-jalan luar bandar ini, saya memohon supaya pihak kementerian melihat keperluan di luar bandar khusus untuk membuka tanah-tanah kawasan yang tidak mempunyai jalan.

Di Tambunan sahaja kita mempunyai seluas 25,000 ekar tanah-tanah padang ragut yang tidak diusahakan dan kebanyakan tanah-tanah ini tidak mempunyai jalan. Begitu juga tanah-tanah yang tidak terbangun tidak dimajukan yang mempunyai potensi untuk menjanakan pendapatan dan ekonomi yang baharu di kampung-kampung akan tetapi tidak mempunyai akses, tidak mempunyai jalan-jalan menuju ke tanah-tanah tersebut.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat Yang Berhormat Keningau.

Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Oleh sebab itu saya minta agar ini diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai diikuti oleh Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Hulu Terengganu dan Yang Berhormat Pasir Mas.

■1930

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Jangan lupa Papar.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ledang tidak ada?

7.30 mlm.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada Padang Serai untuk berbahas dalam peringkat Jawatankuasa. Seterusnya, Butiran 010400 – Pengurusan Maklumat. Apakah cadangan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan daya sambungan ataupun *connectivity* dari segi internet dan lebih lagi internet jalur lebar dapat dimantapkan di kawasan luar bandar. Apakah Kerajaan Persekutuan dapat memberi kos terperinci bekalan tersebut dan kawasan luar bandar yang bagaimanakah akan dijadikan keutamaan?

Seterusnya Butiran 020000 – Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas. Sebagai Ahli Parlimen padang Serai diminta Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi penerangan yang lebih terperinci akan pelan pembangunan infrastruktur bersama Lembaga Kemajuan wilayah Kedah. Kawasan saya terdiri daripada perkampungan, saya minta pihak kementerian ambil perhatian yang serius dan kebanyakan kampung-kampung tersebut didapati longkang-longkang dan juga jalan-jalan tidak begitu selamat. Saya harap ambil perhatian yang serius.

Seterusnya, apakah pelan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam menaik taraf besar di Kedah misalnya Jalan Kulim Hi-Tech ke Baling yang harus dijadikan dua laluan bagi menyelesaikan isu kesesakan trafik.

Ketiga, apakah kemudahan asas yang utama yang akan diperuntukkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi menyelaraskan daya sambungan atau *connectivity* antara bandar seperti Kulim ke luar bandar.

Seterusnya Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan bagi menggalakkan usahawan desa mengimplementasikan *Industrial Revolution 4.0*?

Kedua, usahawan di negara menghadapi banyak rintangan termasuk kekurangan modal untuk memulakan keusahawanan. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk membantu menangani isu ini? Ketiga, dari segi program pembangunan perniagaan, apakah strategik ataupun bukti yang menunjukkan bahawa program seperti ini berkesan dalam membantu usahawan desa?

Saya ucapkan terima kasih dan ucapkan tahniah kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sudi kerap kali turun kawasan walaupun kita ketinggalan jauh dan juga saya harap kali kedua pun turun dan selesaikan masalah tersebut. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang dijemput Yang Berhormat Limbang.

7.33 mlm.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi pada malam ini. Satu ialah Maksud Bekalan 22, Butiran 050900 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan KEMAS. Jadi, di kawasan Limbang *office* KEMAS itu hanya ada satu tetapi yang banyak ialah tadika-tadika KEMAS di mana ada yang menyewa, ada yang di rumah-rumah panjang dan ada yang rumah pondok biasa. Di mana sebelum ini terus terang kita banyak membantulah secara peribadi melalui pusat khidmat. Kita berharap – saya yakin pegawai KEMAS di Limbang, kita telah pun bekerjasama dengan rapat demi untuk kepentingan anak-anak kita. Jadi, tidak kiralah *divide* mana. Jadi, saya ingin mengutarakan, kita pun hendak tolong ada kemampuan kita sahaja, ada had.

Jadi, satu lagi ialah butiran – *you can get the* senarai *actually* mana-mana yang diperlukan *I mean in full from the* KEMAS punya pegawai di Limbang. Seterusnya ialah Butiran 051100 – Peralatan dan Kelengkapan Tabika/Taska KEMAS. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang kita dari pusat khidmat yang bantu sampai ada satu masa kita tolong belikan peti ais *for the children* untuk makanan mereka di kawasan luar bandar ini. Jadi, *also the same things*, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri mintalah *the full list*

mana-mana yang kekurangan kelengkapan dan sebagainya. Sesetengahnya itu memang sangat daif *but we try our very best* Yang Berhormat Menteri dengan izin, *to help also before this*.

Seterusnya ialah P.22, Butiran 00611 – Program GIATMARA. Dalam peringkat dasar saya ada bertanya hari itu juga. Bukan apa Yang Berhormat Menteri, *just that the things* sudah lama senyap perkara ini. Apakah status pembinaan GIATMARA baharu ini? Saya ulangilah di peringkat Jawatankuasa ini. Tentang tanah itu, *it is very nice*, dalam kawasan bandar baharu, *it is a good place* lah. Bukannya tanah yang disediakan ini tapak yang kata orang yang payah, yang tidak bagus tetapi *it's very nice place*. Kawasan cantik dan bandar baharu. Saya harap kerajaan negeri sudah sediakan *and I hope premium* dibayar jadi, tidaklah timbul masalah tanah. *We hope that* sekarang ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang sebelum ini dia tahulah GIATMARA menumpang dengan Pejabat Residen lama.

Saya pun pernah bangkitkan di sini keadaan yang daif *but I know that* memang ada kerja-kerja *maintenance* yang telah dibuatlah. Semenjak saya menyuarakannya di sini. *Actually*, itulah satu-satunya pusat latihan kemahiran yang ada di Parlimen Limbang. *Also, we don't want to miss this*, kita sayang dengan GIATMARA ini, betul-betul melahirkan anak-anak kita yang mempunyai kemahiran. Kalau boleh tambah kursus, masa ini saya tahu di sana *welding* dengan *air conditioner* sahaja. Kalau ada kompleks GIATMARA yang telah pun diluluskan itu *we can do more* lagi.

Seterusnya ialah P.22, Butiran 01702 berkaitan bekalan elektrik luar bandar Sarawak. Sekali lagilah Yang Berhormat Menteri, semasa dasar pun saya nyatakan hari itu fasal rumah Jampong ini. *Just that* ada permintaan terbaharu, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri sebelum Krismas tahun ini, itu permintaan yang mahal Yang Berhormat Menteri. Jikalau boleh kena timbanglah, betul juga beberapa tahun dari dahulu adalah pakai generator. *Since the things is there*, hari itu saya minta sedikit kalau dapat diusahakan sebelum Krismas tahun ini *that will be a very good Christmas present for the whole long house* di rumah Jampong ini.

Seterusnya ialah P.22, Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Jadi pada masa ini jalan tahap empat. Jalan Telahap, Meritam, Bong Abai, Pengkalan Rejab fasa empat. Memang ada aktiviti kerja tetapi itu daripada pemerhatian kitalah, macam ada mungkin *delay* Yang Berhormat Menteri. *So*, bukan apalah, kerisauan ini ada sebab fasa dua pun masih terbengkalai dan jawapan Yang Berhormat Menteri hari itu ialah fasa dua akan dilaksanakan oleh fasa empat punya kontraktor ini, *once they finish that*. Akan tetapi mudah-mudahanlah dari pemerhatian.

Jadi persoalannya, saya ingin juga hendak tahu apa *the actual progress on the site*. Di dalam rekod mereka *what is the actual progress?* Saya tengok ada juga jambatan, jambatan itu pun saya tengok ialah kita ni orang *on the site* Yang Berhormat Menteri nampaknya mungkin – *I am very sure there is delay there*. *Please* lah kalau boleh dipercepatkan supaya fasa dua juga dapat dilaksanakan nanti selepas itu.

Rasanya itu sahaja Yang Berhormat Menteri, saya harap *with this* perincian dalam peringkat Jawatankuasa ini kita akan dapat berita yang baik daripada kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sila saya jemput Yang Berhormat Jeli.

7.39 mlm.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, KPLB kita sedia maklum peranannya cukup besar dalam meningkatkan taraf sosioekonomi akar umbi khusus dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama yang diperkenalkan oleh kerajaan. Satu kementerian yang penting dalam memajukan struktur dan kedudukan ekonomi orang kampung. Maka kita ucap tahniah kepada semua pegawai dan Menteri dan kita harap akan dilipat gandakan usaha lagi. Pertama, P.22, Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar.

■1940

Tahniah kerana dinaikkan peruntukan kepada 880, Jalan Perhubungan Desa diturunkan kepada 120. Jadi, dua perkara. Yang pertamanya, kita hendak pastikan kualiti jalan-jalan ini baik, kita sedia maklum bahawa sesetengah kontraktor ini kadang-kadang baru beberapa bulan sudah pun berlubang. Jadi, sehubungan ini saya hendak tahu daripada peruntukan jalan luar bandar dan juga perhubungan desa ini, adakah sebahagian diperuntukkan untuk jalan baharu dan sebahagian pula untuk baiki jalan. Kerana kita dapati jalan-jalan lama yang mungkin oleh sebab penyelenggaraan tidak cukup ini memerlukan hendak ditampal semula jalan yang berlubang. Kita dapati di kampung-kampung ini banyak berlaku oleh sebab mungkin kekurangan peruntukan sebelum ini.

Yang kedua, Butiran 020600 - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Pembangunan Butiran 03900. KESEDAR ini telah memainkan peranan besar dalam memajukan Kelantan Selatan, bandar-bandar seperti Gua Musang, Kuala Krai, dan juga Jeli, sedikit sebanyak peranan KESEDAR cukup besar dan kita ucapkan tahniah melalui infrastruktur. Jadi, dahulu KESEDAR kawasan ini kelapa sawit, getah dan buah-buahan. Adakah kerajaan bercadang melihat semula model pembangunan luar bandar ini termasuklah pertanian moden? Mungkin Musang King, durian, ternakan, kita sedia maklum bahawa kita menghadapi *import bil* yang cukup besar dan *food security* satu masalah yang besar. Jadi, bagaimana KESEDAR ini dengan izin hendak *align* ataupun jajarkan peranannya untuk memastikan bahawa ia berubah kepada satu organisasi yang dinamik yang mampu untuk menjana pendapatan baharu kepada masyarakat kampung.

Bidang ternakan umpamanya menjanjikan pulangan yang agak baik, begitu juga *cash crop* dan kita hendak tahu bagaimana KESEDAR boleh membantu untuk memastikan negara dapat mengurangkan *import bil*. Saya hendak tahu sama ada setelah begitu lama KESEDAR ditubuhkan, kerajaan bercadang untuk buat kajian impak bagaimana KESEDAR telah

mengurangkan kadar kemiskinan, bagaimana KESEDAR telah memajukan bandar-bandar dan sebagainya? Sehubungan ini, saya menyeru, berbanding dengan Gua Musang umpamanya, Jeli ini terkebelakang sedikit. Adakah rancangan untuk membina beberapa bangunan untuk membolehkan pusat pertumbuhan baharu di Jeli? Itu berkaitan dengan KESEDAR.

Yang ketiga ialah, berkaitan dengan KEMAS. Butiran 050700 - Emolumen Kakitangan KEMAS Lantikan Tetap dan juga Butiran 050090 - Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan KEMAS. KEMAS telah memainkan peranan yang besar untuk mendidik anak kita tetapi kita tahu ada saingan daripada sekolah-sekolah pra sekolah, telah mengambil banyak pelajar-pelajar ini. Kita tahu KEMAS sudah membuat penyesuaian sewajarnya. Saya hendak tahu bagaimana kurikulum dijangka dengan keperluan semasa, menjadikan pelajar-pelajar lebih terbuka, lebih berketerampilan, akhlak mulia, agamanya, budayanya semua sekali kerana kita tahu sistem sekolah sedang diubah dengan radikal maka begitu jugalah khususnya bagi pelajar-pelajar anak-anak kita yang kurang umur enam tahun, kerana umur enam tahun ini KEMAS menghadapi saingan daripada pra sekolah.

Berkaitan dengan Butiran 050090 - Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan KEMAS. Seperti ramai Ahli Yang Berhormat juga, kita tahu bahawa beberapa bangunan KEMAS ini daif. Kalau sekolah itu sekolah daif, KEMAS juga. Adakah KEMAS sudah buat satu kajian? Saya yakin sudah tentang bangunan-bangunan yang daif dan apakah perancangan? Adakah dengan RM9.5 juta ini mampu untuk membaiki dan menyelenggarakan bangunan KEMAS?

Seterusnya MRSM khususnya penyelenggaraan Butiran 00602 - Maktab Rendah/Kolej Sains MARA. Peruntukan RM27 juta kita harap ini akan mampu untuk menyelenggarakan sekolah-sekolah dan kita harap peruntukan ini ditambah lagi kerana apa, kerana kalau sekolah-sekolah tidak diselenggara dengan sebaiknya, maka satu hari nanti kita akan hadapi masalah mungkin bangunan akan runtuh umpamanya kalau peruntukan untuk penyelenggaraan tidak mencukupi.

Seterusnya berkaitan dengan bekalan air, Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, sudah pun ke Jeli dan sudah ke beberapa kawasan lain. Kita perlukan air alternatif dan bekalan air luar bandar dan saya harap perhatian khusus diberikan kerana di Kelantan ini di Jeli khususnya, Air Kelantan tidak mampu untuk menyelesaikan masalah air tetapi ada sumber air graviti air bukit dan juga air daripada bawah tanah dan kita harap peruntukan ini mencukupi untuk membantu kawasan luar bandar.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya cadangkan mungkin lebih relevan kepada Kementerian Kewangan. Ini kerana, beberapa Butiran ini terlalu umum (*general*). Itu sebabnya kita tanya sama ada peruntukan untuk kawasan kita, negeri kita. Umpamanya lampu jalan kampung, kita tidak tahu berapa ribu yang ada, maka tidak banyak soalan dalam Parlimen ini. Umpamanya, berkaitan dengan peruntukan untuk negeri, kalau setiap kementerian di hujung ini ada peruntukan untuk negeri. Sebelum ini ada tohmahan bahawa negeri tertentu tidak ada peruntukan, yang sebenarnya banyak juga.

Jadi, kita harap dalam membentangkan buku ini, kita terperinci sedikit, berapa kilometer jalan umpamanya, di mana lebih kurang, walaupun tidak di seluruh negara, mungkin di Semenanjung, Sabah dan Sarawak lampu berapa ada. Dan juga semua ini sehubungan ini umpamanya Butiran 030200 - Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, tidak silap saya, RM280 juta. Adakah ini rumah-rumah miskin umpamanya, jadi kita kena tepat deskripsi objek ini. Jadi, kalau umum, jadi kita tertanya-tanya di sini, membuang masa. Jadi kalau dengan tepat mengatakan bahawa ini adalah membina rumah miskin, maka tidaklah kita banyak soalan.

Jadi itu lah beberapa perkara yang umum, saya harap kerajaan akan ambil perhatian. Buku ini perlu dibentangkan kepada Ahli Parlimen, perlu di diperincikan sedikit. Kita faham kalau terlalu terperinci, maka tebal bukunya. Akan tetapi, saya yakin boleh diambil kira pandangan ini supaya kita tidak membangkitkan banyak sangat soalan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong, saya hendak ulang selepas ini Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Putatan, kemudian Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Rasah.

7.46 mlm .

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 00611 - Program GIATMARA. Soalan saya kepada kementerian adalah, adakah kementerian bercadang untuk menambah kursus yang ditawarkan di pusat-pusat GIATMARA? Saya hendak bagi contoh, di Johor ada 26 pusat GIATMARA dan salah satu padanya terletak di kawasan Parlimen Parit Sulong. Di Parit Sulong hanya ada tiga jenis kluster kursus yang ditawarkan berbanding 12 kluster kursus yang ada secara keseluruhan.

Jadi, soalan saya kepada MARA adalah, adakah MARA ada hasrat untuk menambah jumlah kursus yang ditawarkan supaya masyarakat setempat mempunyai pilihan yang lebih banyak. Di Parit sulung, kluster kursus yang ditawarkan hanya melibatkan kluster komputer dan teknologi, kluster elektronik dan kluster pengangkutan. Jadinya saya rasa, perlulah kementerian menambah jumlah kursus yang ditawarkan, contohnya mungkin kluster kulinari yang mana tawarannya mungkin amat bersesuaian memandangkan kawasan Parlimen Parit Sulong adalah kawasan yang terkenal dengan IKS.

Kemudian saya juga hendak mencadangkan agar kursus pendidikan awal kanak-kanak di bawah kluster hospitaliti diperluaskan di seluruh pusat GIATMARA yang ada kerana ia merupakan satu keperluan di negara pada hari ini untuk memberi lebih banyak pendidikan mengenai *early childhood education and training*. Ini kerana saya dapati kursus pendidikan awal kanak-kanak hanya ditawarkan di satu pusat GIATMARA sahaja iaitu di Petaling Jaya. Jadi, adakah ada cadangan untuk meluaskan kursus ini? Ini kerana suatu hari nanti pasti kita - kita masih lagi banyak kekurangan pengasuh berdaftar di pusat-pusat, jadi pastinya permintaan terhadap kursus ini amat mendesak.

Butiran 040300 - Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Setakat ini soalan saya, apakah pembaharuan yang telah dilaksanakan ke atas Tadika KEMAS agar tadika kelolaan kerajaan ini dilihat dapat bersaing dengan lambakan tabika swasta yang kini *tumbuh bak cendawan selepas hujan*. Jadinya, maklum balas yang saya dapati pada ibu bapa saya dapati Tadika KEMAS masih jauh lagi ketinggalan kalau kita bandingkan dengan tadika-tadika swasta yang ada seperti kita ada *Real Kids, Smart Reader, Little Caliph, Brainy Bunch* dan semua tadika ini menggunakan kaedah fonik untuk mengajarkan kanak-kanak membaca sedangkan Tabika KEMAS masih lagi menggunakan sistem lama iaitu kaedah mengeja. Jadi, saya hendak petik satu kajian kes jurnal yang dikeluarkan oleh Profesor Diane yang penulis buku *Why Our Children Can't Read* dan penulis buku *The Alphabet Effect*, Dr. Robert Logan. Mereka menyatakan kaedah mengeja tidak lagi relevan untuk diajarkan kepada kanak-kanak zaman kini dan kanak-kanak yang belajar membaca melalui kaedah fonik telah terbukti dapat menguasai kemahiran membaca dengan lebih cepat daripada kaedah mengeja.

■1950

Jadinya, soalan saya kepada kementerian adalah mengapa TABIKA KEMAS masih menggunakan kaedah lama ini? Adakah TABIKA KEMAS akan mengubah sistem pembelajaran di tadika-tadika KEMAS?

Butiran 040100 – Institut Kemajuan Desa (INFRA). Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk membuka cawangan INFRA di setiap negeri? Buat masa ini, saya melihat cawangan INFRA hanya ada tiga. Di Semenanjung ada di Kajang, satu di Sabah dan satu di Sarawak. Saya hendak mencadangkan agar kementerian membuka cawangan INFRA di setiap negeri kerana saya lihat banyak kemudahan yang disediakan oleh INFRA ini mungkin boleh digunakan untuk pembangunan ekonomi masyarakat setempat.

Butiran 050400 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Menyentuh pada butiran ini, saya ingin membawa isu berkaitan lampu jalan kampung di kawasan Parlimen Parit Sulong. Kawasan Parlimen Parit Sulong ini ia ada enam mukim, ia ada kampung rangkaian sebanyak 220 kampung tetapi lampu-lampu jalannya memang tidak teratur, masih ada lagi yang perlu— sebab jalannya terlampau panjang dan lampu memang tidak mencukupi.

Jadinya, saya hendak bagi contoh seperti di Kampung Sri Wangi, Kampung Parit Karjan, Kampung Pedada Kuning, Kampung Sri Jasa hingga ke Bukit Sri Wangi memang keadaannya sangat gelap. Ia kadang-kadang risikonya apabila terpaksa melanggar dengan babi yang lalu lalanglah tengah-tengah malam...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ha, dengan beliau. Dia dengan beliau. *[Ketawa]* Jadinya, saya mohon agar diberikan tambahan kepada lampu-lampu jalan di kawasan Parlimen Parit Sulong ini. Sampai ada yang *accident*, sampai masuk *emergency room* dan segalanya.

Seterusnya ke Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa. Saya lihat peruntukan bagi butiran ini sejak Pakatan Harapan ambil alih kerajaan, ia semakin mengurang. Contohnya, Bajet 2019 yang lepas, kerajaan telah memotong bajet Pembangunan Usahawan Desa dari RM2.4 juta hingga RM2 juta. Tahun ini Bajet 2020, sekali lagi kerajaan memotong daripada RM2 juta tahun lepas ke RM1.6 juta untuk keseluruhan negara. Pada saya, jumlah ini sangat sedikit kalau dibandingkan dengan kawasan Parlimen. Contohnya, rakyat di kawasan saya memang bergantung kepada industri desa. Malah pelbagai bantuan harus kita turunkan, kita salurkan daripada kerajaan.

Jadinya, soalan saya kepada pihak Menteri adalah mengapa ada pengurangan dari segi peruntukan ini? Berapakah pula peruntukan yang diperuntukkan untuk kawasan Parlimen Parit Sulong dari segi pembangunan usahawan desa ini?

Itu sahaja dan saya harap apa yang saya utarakan dapat maklum balas daripada pihak kementerian dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab persoalan-persoalan yang saya utarakan. Terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Terengganu.

7.53 mlm.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk berbahas di bawah Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya terus kepada Maksud Bekalan 22 Butiran 020500 bersama dengan Maksud Pembangunan 22 Butiran 03800 iaitu KETENGAH. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di Hulu Terengganu, kawasan yang terbesar tadahan airnya ialah Tasik Kenyir iaitu berada di dalam kawasan KETENGAH. Apa yang berlaku dalam kawasan Tasik Kenyir tersebut ialah ia mempunyai sebuah hotel yang sedang dibina. Persoalan saya, sehingga hari ini, apakah status pembinaan hotel yang telah dibina oleh Syarikat Bina Puri sehingga hari ini? Saya difahamkan ia berada dalam keadaan sakit.

Kemudian, di dalam kawasan Tasik Kenyir juga ada dibuat satu *water theme park* yang cuma beroperasi saya rasa tidak sampai setahun dan hari ini telah pun ditutup. Persoalan saya, kenapa ia ditutup? Bilakah ia akan beroperasi semula? Ini kerana *water theme park* ini menjadi satu tarikan pelancong untuk ke Tasik Kenyir.

Kemudian di Tasik Kenyir juga ada taman burung, taman rama-rama, taman orkid, taman herba yang saya difahamkan berada di dalam keadaan *hidup segan mati tidak mahu*. Jadi, perlu kepada penjelasan daripada pihak kementerian, kenapa ia berlaku dan apakah tindakan-tindakan yang boleh dilakukan untuk memulihkan semula projek-projek ini yang saya difahamkan memakan belanja yang berjuta-juta ringgit?

Selain daripada itu juga, Tuan Pengerusi, di bawah Kepala ini juga, kita ada satu perumahan kastam yang mengandungi lebih kurang 72 unit yang semuanya sudah siap tapi umpama menjadi projek gajah putih. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk *utilize* bangunan-bangunan ini agar ia tidak terbiar? Ini kerana ia sudah sempurna semuanya. Jadi, pohon pihak kerajaan supaya melihat ataupun mencari jalan untuk mengguna ataupun memenuhi rumah-rumah tersebut yang saya rasa sehingga hari ini saya difahamkan cuma lima unit sahaja yang digunakan.

Seterusnya, iaitu di Tasik Kenyir juga, ada satu projek iaitu pulau bebas cukai di Pulau Bayas, yang mana ia nampaknya sudah terbengkalai dan ia memakan belanja yang lebih daripada RM300 juta. Cuma persoalannya, apakah perancangan pihak kementerian untuk meneruskan projek yang telah dibina ini? Apakah ia akan berhenti setakat itu? Ataupun apakah perancangan-perancangan yang lain? Bebas cukai yang sedang beroperasi sekarang cuma berada di bawah satu kanopi sahaja yang keadaannya pun *hidup segan mati tidak mahu*.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada Maksud Pembangunan 22 iaitu Butiran 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains MARA. Apa yang ingin saya persoalkan di sini ialah MRSM Ketengah yang saya difahamkan telah pun ditutup. Kenapa ia ditutup? Apakah tindakan daripada pihak kementerian untuk menempatkan semula pelajar-pelajar yang sedang belajar di situ dan punca penutupan tersebut?

Kemudian terakhir, Tuan Pengerusi, iaitu Maksud P.22 Butiran 02001 iaitu bekalan air luar bandar. Di dalam kawasan Hulu Terengganu, masih ada lagi 22 kampung yang terdiri daripada 600 keluarga yang masih tidak mempunyai bekalan air yang mencukupi. Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Pelam, Kampung Paya Dadih, Kampung Tanjung Baru, Kampung Gerdung, Kampung Binjai Kertas, Kampung Matang dan seterusnya banyak lagi yang mengandungi 22 kampung. Jadi, kita berharap dengan peruntukan, walaupun diturunkan daripada RM207.8 juta kepada RM111 juta, agar kampung-kampung ini tidak dikesampingkan. Ini kerana sesuai dengan Hulu Terengganu sebagai kawasan luar bandar dan sempena juga nama kementerian ini, saya harap pihak kementerian dapat memberi perhatian khusus kepada pembangunan terutamanya dalam membekal air di kawasan-kawasan luar bandar ini.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Mas. Silakan.

7.58 mlm.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran 051200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Saya ingin mempersoalkanlah mengapa kementerian memperkenalkan Majlis

Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan pada tahun 2020? Sedangkan MPKK di negeri Kelantan dan negeri-negeri pembangkang khususnya ini telah pun berjalan dengan begitu baik.

Sebenarnya kenyataan berkenaan MPKKP ini sudah pun dikeluarkan di peringkat parti. Kalau di negeri Kelantan oleh Pakatan Harapan negeri Kelantan. Jadi, saya rasa agak tidak molek sebenarnya kenyataan berbentuk pentadbiran kerajaan seperti ini dikeluarkan oleh parti terlebih dahulu dan menggunakan alasan seolah-olah MPKK ini digunakan untuk tujuan politik. Sedangkan MPKK ini sudah pun beroperasi dengan begitu baik di negeri-negeri pembangkang ini. Jadi, bila diwujudkan MPKKP yang mana elaun daripada kerajaan hanya dibayar kepada MPKKP sahaja, saya menjangka bahawa akan timbul polemik baharu di peringkat negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang ini.

Jadi, yang terbaiknya bagi pihak negeri-negeri pembangkang ini, saya mengusulkan supaya MPKK ini terus dikekalkan sebagaimana pentadbiran pada hari ini dan tidak perlu diwujudkan kerajaan dalam kerajaan. Ini kerana kalau dahulu, Pakatan Harapan sering kali, apabila berkempen, kita sering kali menyelar perbuatan ataupun aktiviti mewujudkan kerajaan dalam kerajaan ini. Apabila MPKKP ini diwujudkan, maka sudah tentu ia akan menjadi kerajaan dalam kerajaan dalam bentuk yang baharu.

■2000

Butiran 020600 – Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan bentuk pendekatan yang berorientasikan islamik dalam pengurusan, perancangan dan pelaksanaan melibatkan KESEDAR sebagaimana ini telah dinyatakan dalam Peta Jalan Hala Tuju KESEDAR 2014-2030. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan status dan prestasi inisiatif projek ekonomi utama Kelantan khususnya melibatkan fasa jangka sederhana 2016-2020 serta impaknya kepada masyarakat.

Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan pendirian mengenai perjanjian persefahaman antara MARA Corporation Sdn. Bhd., Mara Corp dan Lynas Malaysia Sdn. Bhd. bagi menjalin kerjasama dalam beberapa projek utama termasuk menarik industri dan pelanggan hiran ke Malaysia. Apakah benar bahawa MOU antara Mara Corp. dan Lynas dibuat tanpa kelulusan majlis MARA.

Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Peruntukan 2020 adalah sebanyak RM880.6 juta berbanding 2019, RM787.1 juta. Saya mahu tahu setakat manakah peruntukan yang dapat kepada negeri Kelantan dan khususnya Parlimen saya di Pasir Mas. Ini kerana saya sering didatangi oleh pelbagai pihak untuk meluluskan peruntukan untuk membuat jalan dan peruntukan RM100,000 untuk Ahli Parlimen pembangkang ini sudah tentu tidak cukup untuk meluluskan jalan-jalan di luar bandar. Jadi saya mahu tahu berapakah peruntukan yang telah pun diagihkan pada tahun 2019 kepada negeri Kelantan di bawah jalan-jalan luar bandar ini khususnya di Parlimen Pasir Mas kerana kami tidak sama dengan Ahli Parlimen Pakatan Harapan.

Kelmarin saya mendengar daripada Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Kota Melaka boleh meluluskan peruntukan-peruntukan ratusan ribu tetapi kami hanya dapat melihat

sahaja surat permohonan tanpa dapat berbuat apa-apa. Ini kerana kami tidak tahu apakah jalan-jalan luar bandar dan peruntukan yang datang ke Parlimen kami.

Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Saya menyambut baik kenaikan RM6.68 juta pada tahun 2020 berbanding RM2.055 juta tahun 2019. Akan tetapi saya ingin timbulkan persoalan. Pada tahun 2018 perbelanjaan ialah sebanyak RM99,000 sahaja. Kurang RM1,000 daripada RM100,000. Apa sebenarnya di bawah perbelanjaan ini RM99,000 sahaja pada tahun 2018.

Jika ia berkaitan dengan kurikulum tadika KEMAS, saya ingin mengulang balik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi bahawa adakah tiada kajian terhadap silibus pendidikan tadika KEMAS, kajian semula supaya ia dapat bersaing duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan tadika-tadika swasta yang lain. Jadi kita tidak mahu institusi pendidikan ini menerima serangan sebagaimana sekolah-sekolah rendah yang diserang dengan pengedaran komik-komik yang menyeleweng, komik-komik yang diharamkan.

Kita nampak bahawa agenda ini adalah merupakan agenda pihak-pihak tertentu untuk menyerang institusi-institusi pendidikan dan kita tidak mahu kanak-kanak di peringkat tadika KEMAS ini juga menerima serangan yang sama. Justeru *syllabus* yang lebih berorientasikan perpaduan, mengajar mereka bentuk perpaduan dan juga mengajar mereka bagaimana berinteraksi.

Hari ini cabaran *smartphone* dan sebagainya cukup banyak di dalam tumbesaran-tumbesaran kanak-kanak. Jadi di dalam proses P&P dalam membentuk kemenjadian seorang pelajar di tadika KEMAS ini, kita mahu supaya *syllabus* pengajian ini lebih berorientasikan bagaimana membentuk mereka mempunyai *social skill* untuk berinteraksi dengan orang lain.

Berikutnya Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa. Kenapa turun daripada RM24.04 juta pada tahun 2019 kepada RM1.68 juta pada tahun 2020? Turun hampir setengah juta. Cukup kah jumlah ini untuk membangunkan usahawan desa seluruh negara? Saya mahu tahu berapakah peruntukan tahun 2019 yang turun kepada negeri-negeri pembangkang khususnya di Kelantan.

Sebenarnya peruntukan usahawan desa ini sepatutnya lebih memperkasakan usahawan-usahawan di luar bandar sebagaimana disebut tadi oleh Yang Berhormat Kangar. Bagaimana penghijrahan daripada desa ke bandar. Saya nampak bahawa adalah tidak mustahil untuk kita mewujudkan senario di mana belia-belia di bandar berhijrah kembali ke desa-desa. Ini kerana sebenarnya untuk menjana *income*, menjana pendapatan di desa-desa sudah cukup. Kalau kita ada tanah seluas lebih kurang dua ekar sebagai contoh, kita boleh guna untuk tanaman fertigasi dan sebagainya.

Kami di Pasir Mas sebagai contoh, kalau Yang Berhormat Menteri mahukan budu yang paling enak sekali di Kelantan ialah di Pasir Mas. Begitu juga terkenal dengan perusahaan pembuatan senjata-senjata, parang dan sebagainya. Pemuda-pemuda di Pasir Mas ini pernah menjuarai di peringkat antarabangsa pertukangan senjata. Begitu juga dengan projek-projek

ataupun perusahaan-perusahaan yang lain, keropok dan juga sambal daging atau disebut sebagai serunding juga ada. Jadi, saya nampak bahawa kalau kita memperkasakan kegiatan-kegiatan ini, tidak mustahil suatu masa nanti kita boleh mewujudkan senario belia-belia bandar kembali berhijrah ke desa.

Seterusnya Maktab Rendah Sains Mara, Butiran 00602. Saya mahu tahu berapa banyak kah MRSM Ulul Albab dan berapa banyak kah hafiz yang telah pun keluar menghafal Al-Quran yang dihasilkan oleh MRSM Ulul Albab ini, yang saya nampak ia merupakan satu kurikulum pengajian yang cukup baik dalam membentuk hafiz yang boleh mempunyai ilmu yang berinteraksi dengan ilmu semasa dan juga menghafal Al-Quran sekali gus. Saya mahu data itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Putatan. Saya ingin mohon mulakan lima minit.

8.05 mlm.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 00611 – Program GIATMARA. Di sini kita nampak ada RM24,500,000. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri di tempat saya ada sebuah bangunan pusat GIATMARA yang masih lagi menyewa balai raya di kampung, di tengah-tengah pusat perumahan. Jadi saya mohon agar kementerian dapat menilai permohonan saya agar sebuah pusat GIATMARA dapat diwujudkan. Saya boleh sediakan tanah melalui majlis daerah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah seorang pelajar daripada pusat GIATMARA di kawasan saya ini telah pun menempa nama, mengharumkan nama Malaysia apabila beliau menjadi johan di dalam kejuruteraan *air-condition* di Eropah pada tahun 2014 daripada kawasan saya, P.173 – Putatan. Pohon untuk mendapatkan satu bangunan baru.

Kedua, saya ingin bercakap tentang kesejahteraan rakyat tetapi di sini cuma ada RM2 juta. Ini kerana di kawasan saya ini saya menghadapi satu masalah, mungkin di Malaysia ini, Putatan sahaja menghadapi masalah sebegini, kenapa? Di Parlimen Putatan ini ada tiga tebatan banjir yang di dalam pembinaan. Semuanya di dalam RM50 juta merentas kampung-kampung. Jadi saya boleh lampirkan nanti semasa saya berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kampung saya ini juga, kawasan ini juga dilintasi oleh Pan Borneo. Jadi ada empat projek besar melalui kawasan Putatan yang kecil. Jadi kawasan PPRT yang ada sekarang ini kawasan PPR yang disediakan, 500 unit ini tidak dapat menampung penduduk-penduduk kampung yang terlibat di dalam pengusiran kerana empat projek mega ini. Jadi saya sudah berbincang dengan pejabat daerah, pejabat daerah bersedia walaupun tempat saya itu di bandar, tanah amat mahal tetapi pejabat daerah bersedia untuk memberikan satu bidang tanah untuk program PPRT berkelompok. Kita akan mohon sebanyak mana yang boleh agar dapat menempatkan penduduk-penduduk di kawasan saya ini yang terlibat di dalam pengusiran kerana projek ini. Itu saya pohon.

Ketiga, saya perlu perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang *contractor driven project*. Merujuk kepada Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar yang bernilai RM880 juta. Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini saya menghadapi satu masalah di mana terdapat satu peruntukan projek yang turun di pejabat daerah tanpa pengetahuan saya tetapi dipohon melalui prosedur yang betul. Masalahnya, ini yang kita panggil *contractor driven project*. Cadangan ini tidak melalui Ahli Parlimen. Jadi apa yang berlaku projek yang diluluskan ini *not benefiting the rakyat*. Jabatan gantung yang mahu runtuh yang perlu dibuat tetapi yang dibuat adalah jambatan yang perlu dicat. Jadi jalan yang perlu dibuat untuk memberi manfaat kepada 500 orang penduduk, dibuat pula jalan yang cuma untuk ditampal untuk 50 orang penduduk kerana ini yang kita katakan *contractor driven project*.

■2010

Saya pohon kepada kementerian di masa akan datang, projek-projek *Federal* sama ada jalan-jalan kampung, sama ada PPRT perlu lah— kita tahu prosedur itu melalui pejabat daerah, tetapi perlulah ada pengesahan wakil rakyat Parlimen. Itu amat penting kerana kita yang berdepan dengan rakyat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar. Papar ingin minta pencelahan.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Ya, sila. Sila.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ya, di Papar juga ada permasalahan seperti apa yang Yang Berhormat Putatan— masalah yang ada di Putatan. Jadi, saya ingin kementerian mengambil suatu penyelesaian yang baik supaya Ahli-ahli Parlimen yang memohon kerja-kerja itu tahu yang projek-projek ini telah diluluskan. Apa yang terjadi apabila kelulusan ada tetapi kami Ahli Parlimen tidak tahu menahu apa yang sebetulnya. Jadi, benda-benda macam ini kadang-kadang kalau dikira, tidak baik untuk pembangunan di tempat-tempat kami. Terima kasih.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Itu sahaja. Saya pohon ucapan Yang Berhormat Papar...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan. Saya juga sama-sama dengan Yang Berhormat Papar tadi meminta supaya dalam hal-hal seperti begini kita Ahli-ahli Parlimen sebagai wakil rakyat di kawasan itu juga dimaklumkan tentang perkara itu dan diminta pengesahan daripada kita supaya tidak timbul masalah, supaya projek-projek yang datang itu betul-betul memenuhi kehendak rakyat di kawasan kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Saya pohon agar kedua-dua daripada Papar dan Beaufort itu ucapannya dimasukkan di dalam permohonan saya. Itu sahaja, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti, diikuti oleh Yang Berhormat Rasah, kemudian Yang Berhormat Kota Tinggi, kemudian Yang Berhormat Tenom.

8.11 mlm.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke Butiran 050500 – Rural Basic Infrastructure. Di mana kita melihat peningkatan daripada RM14 juta kepada RM35 juta. Saya ingin mengetahui perincian, apakah yang dapat diperoleh untuk *rural basic infrastructure* untuk negeri Sarawak dan juga khususnya untuk di kawasan Parlimen Sibuti? Apakah bentuk-bentuk projek yang dapat terpelanting ke *rural basic infrastructure* ini?

Saya juga terus pergi kepada P.22 iaitu 01700/01702 – Bekalan Elektrik Luar Bandar/Sarawak. Di mana kerajaan meneruskan peruntukan untuk projek-projek bekalan elektrik luar bandar. Saya ingin mendapatkan perincian untuk kawasan Parlimen Sibuti memandangkan di kawasan Parlimen Sibuti lebih menumpukan kepada aktiviti *the last mile* iaitu penyambungan elektrik-elektrik ke rumah-rumah panjang dan kampung yang masih tidak sempat diletakkan di dalam projek.

Saya juga ingin mengetahui apakah dasar pihak kementerian bagi projek-projek untuk rumah-rumah panjang yang baru ataupun rumah-rumah panjang yang berpisah untuk menubuhkan rumah panjang yang baru? Adakah mereka layak untuk mendapatkan projek bekalan elektrik luar bandar? Memandangkan kawasan tersebut sudah mempunyai grid ataupun diserahkan kepada Sarawak Energy Berhad.

Saya juga ingin mendapatkan perincian bagi Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Di mana terdapat banyak permohonan dan juga Kerajaan Negeri Sarawak turut menjalankan aktiviti-aktiviti bekalan air luar bandar. Apakah langkah-langkah kerjasama yang dijalankan oleh pihak KPLB dan juga pihak JBALB di Sarawak? Saya juga ingin mengetahui apakah status permohonan penduduk di kawasan Kampung Tukau Jaya di kawasan DUN Lambir iaitu Parlimen Sibuti, mereka telah menghantar permohonan kepada pihak kementerian. Selain daripada itu, apakah langkah-langkah pihak kementerian berkenaan tentang bekalan elektrik luar bandar dan juga bekalan air luar bandar? Bilakah kerajaan dapat mengeluarkan data lengkap? Berapa peratus kah lagi elektrik dan juga projek-projek air yang diperlukan oleh negeri Sarawak?

Saya juga pergi terus kepada Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Saya ingin mendapatkan perincian, berapakah jumlah yang diperoleh untuk negeri Sarawak? Projek-projek ini juga adakah dapat dipohon oleh kawasan Parlimen Sibuti, khususnya bagi jalan-jalan masuk ke kampung dan juga rumah panjang?

Saya juga ingin pergi kepada Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Di mana peruntukan yang besar sebanyak RM280 juta. Di dalam skim ini juga saya mendapat tahu bahawa projek-projek rumah PPRT, baik pulih adalah dimasukkan di dalam RM280 juta ini. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, saya telah mendapat jawapan dari pihak Menteri bahawa pada tahun 2018 hanya dua unit rumah PPRT dibina di kawasan Parlimen Sibuti. Saya juga tidak mengetahui bagaimana rakan-rakan di pihak kerajaan,

berapakah jumlah kuota yang diberi untuk setiap Parlimen? Adakah pihak kerajaan mempunyai satu cadangan ataupun pelan cadangan Program PPRT ini turut layak dipohon oleh penduduk-penduduk rumah panjang dan juga baik pulih rumah-rumah panjang?

Ini adalah penting memandangkan struktur rumah tersebut bukanlah seperti rumah di kampung-kampung. Di mana rumah panjang ini sekiranya kita hanya membaiki se pintu rumah sahaja, ini akan memberi kesan kepada penduduk-penduduk ataupun jiran-jiran di dalam rumah panjang tersebut. Maka, saya berpandangan bahawa pihak kementerian wajar menggubal satu idea ataupun satu pelan bagi membantu skim membaiki rumah panjang dan juga membolehkan rumah-rumah panjang yang daif ini dapat dibina melalui Program PPRT.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh berkenaan tentang 051100 – Peralatan dan Kelengkapan Tabika/Taska KEMAS. Walaupun berlaku peralihan kerajaan, kami tetap membina tadika-tadika KEMAS bagi memastikan pendidikan awal kanak-kanak kami terjamin. Di kawasan Parlimen Sibuti, saya rasa hampir lima buah Tadika KEMAS yang baru. Akan tetapi kami memerlukan kerjasama dengan pihak kementerian untuk melengkapkan peralatan dan juga adalah tidak adil untuk kami membina sebuah tadika, melengkapkan tadika tersebut dan akhirnya, sekiranya kita mengguna pakai kaedah yang diguna pakai oleh Menteri Pendidikan dan menyatakan apa yang kami bina itu adalah hadiah daripada Kerajaan Pusat. Ini adalah tidak adil. Lebih baik kita bekerjasama, kami membina sama ada pihak kementerian membina tadika KEMAS, kami memberi peralatan ataupun Tadika KEMAS yang sedia ada siap, pihak kerajaan ataupun KEMAS dapat diberikan peralatan lengkap untuk kemenjadian anak-anak fasa awal ini. Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah.

8.17 mlm.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan. Ini rakan-rakan ingat Rasah ini kawasan bandar sahaja, sebenarnya ada sebahagian luar bandar, Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu saya— untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada 24 MPKK di bawah Parlimen Rasah, jauh lebih banyak daripada Ipoh Timur, lebih banyak daripada Taiping. Oleh sebab itu, perkara pertama saya hendak sebutkan Butiran 051200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Tuan Pengerusi, saya nampak ada sedikit pengurangan. Kalau tahun lepas, tahap Belanjawan 2019 terdapat RM231 juta diperuntukkan untuk butiran ini tetapi kali ini kurang RM10 juta kepada RM221 juta sahaja.

Di bawah 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Tajuknya elaun. Saya hendak tanya, ini memang elaun untuk Pengerusi dan Setiausaha MPKK iaitu elaun tetap yang mana masing-masing kalau tak silap saya RM500 dan RM300 dan juga elaun mesyuarat untuk AJK yang 11 orang yang terlibat sahaja kah ataupun ia termasuk geran RM10 ribu yang diberikan?

Oleh sebab saya sendiri, saya nampak selain daripada Butiran 051200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ini, saya tak nampak ada butiran lain dalam buku ini, tak kira maksud Bekalan ataupun maksud Pembangunan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar berkenaan dengan RM10 ribu yang tahun ini telah diagihkan kepada MPKK selepas permohonan dengan masing-masing mengemukakan kertas cadangan program di kawasan kampung masing-masing. Saya tak nampak perkara itu. Bagi saya, geran itu penting sebab geran itulah yang akan menghidupkan MPKK, yang membolehkan MPKK menjadi peringkat jawatankuasa akar umbi yang penting, khususnya di negeri-negeri macam di tempat saya di Negeri Sembilan yang mana boleh menyampaikan maklumat ataupun segala program daripada kerajaan dengan cepat dan tepat kepada masyarakat di akar umbi, khususnya di kampung-kampung. Ia sangat penting.

■2020

Oleh sebab di kawasan saya sendiri terdapat 24 kampung, 24 MPKK di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, saya mohon penjelasan dan saya mohon kalau boleh geran RM10,000 itu ialah kalau tahun 2019, sebanyak RM10,000 tahun depan patut ada penambahan. Kalau tidak RM20,000 pun dapatlah RM15,000 ada kenaikan supaya lebih banyak, lebih rancak lagi pelbagai program yang dirancang di peringkat kampung. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan MPKK juga macam mana dengan peruntukan untuk memperbaiki infra prasarana di peringkat kampung. Dalam kita sebut pembangunan, kita hendak pembangunan yang saksama khasnya untuk kawasan luar bandar. Apa yang kita sedia maklum ia ketinggalan daripada kawasan bandar. Oleh itu, kerja meningkatkan ataupun menaik taraf prasarana di peringkat kampung itu sangat penting. Tidak kira jalan kah, parit dia kah, balai raya dia kah, ia antara yang mustahak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini saya sendiri saya telah memperuntukkan daripada peruntukan PMR saya untuk memperbaiki kalau tidak silap 13 atau 14 balai raya yang di bawah kendalian MPKK tahun ini. Jadi, saya harap kalau tahun depan *direct* boleh dapat peruntukan daripada kementerian, jadi peruntukan saya sebagai Ahli Parlimen itu boleh digunakan untuk tujuan lain untuk kepentingan masyarakat setempat.

Perkara kedua iaitu di bawah Butiran 02001, di bawah tajuk Bekalan Air Luar Bandar, Semenanjung. Saya nampak RM111 juta diperuntukkan. Saya hendak tanya macam mana peruntukan ini diagihkan, sama ada diagihkan kepada Pejabat Daerah masing-masing ataupun *direct* secara terus kepada MPKK ataupun KEMAS atau mana-mana agensi yang terlibat dalam pengagihan peruntukan tersebut di Semenanjung.

Oleh sebab di kawasan saya, saya sebutkan nama kampung itu, Kampung Lambar, ada beberapa sebahagian penduduk yang masih belum terima bekalan air bersih sebab tidak ada saluran untuk disalurkan air bersih ke rumah masing-masing. Jadi, saya mohon perhatian untuk perkara ini.

Perkara terakhir..

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kampung Lambar, ya yang ada MPKK. Okey. Selepas itu yang terakhir di bawah Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya nampak ada RM880 juta diperuntukkan untuk tajuk ini. Jadi, saya mohon – macam mana hendak mohon kalau MPKK hendak buat permohonan untuk memperbaiki jalan di luar bandar. Ini sebab saya nampak ini banyak kampung yang menghadapi masalah yang perlu mendapat manfaat daripada peruntukan yang besar ini – yang agensi yang bertanggungjawab dan cara permohonan. Sama ada ia mohon secara terus kepada Pejabat Pembangunan di setiap negeri ataupun kepada pejabat daerah masing-masing. Itu sahaja persoalan saya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi.

8.23 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan dan ada di antara perkara yang saya hendak bangkitkan ini Yang Berhormat Menteri saya sudah bangkitkan pada tahun yang lepas. Jadi, saya harap dalam Bajet 2020 ini satu berita baiklah. Kalau tidak saya kena bawa lagi tahun depan dan saya kena bawa lagi tahun depan. Itu pun sementara Kerajaan Pakatan Harapan ada. Kalau Kerajaan Pakatan Harapan sudah tidak ada, saya tidak perlu bangkitkan lagi kerana Kerajaan BN yang akan buat.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 02403 – Program Bersepadu Pemajuan Kawasan. Saya sudah bangkitkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang permohonan ini iaitu dahulu saya minta 80 unit tetapi saya pun sudah bincang dengan Yang Berhormat Menteri pada waktu itu mengatakan bahawa kementerian tidak ada peruntukan.

So, kali ini saya hendak mohon 20 unit sahaja rumah PPRT di Taman Sinar dengan keluasan tanah 10 ekar. Pejabat Daerah pun sudah buat sudah buat enam unit pada 10 tahun yang lalu. Ini kerana kita tahu peruntukan perumahan PPRT datang daripada peruntukan KPLB. Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tolong saya hasil daripada masalah tahun lepas bina 20 sahaja rumah PPRT, itu yang pertama.

Keduanya, ini pun saya sudah bangkitkan, bina semula Jabatan Kampung Teluk Tanjung Sedili yang menghubungkan lima kampung, Kampung Semayung Perepat, Teluk Padang, bilangan penduduk sebanyak 3,745. Yang Berhormat Timbalan Menteri, jambatan ini tunggu roboh sahaja. Sudah retak, sudah pecah tinggal tunggu roboh sahaja. Jadi, saya harap jangan sampai ia datangkan masalah. Bina jambatan ini pun bukan mahal sangat dalam RM3 juta sahaja sedikit. Jadi, saya harap tahun depan ini boleh selesai.

Hal ini pun saya sudah bangkitkan juga tahun lepas. Di bawah Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar, Butiran 02001 - Semenanjung. Mohon bekalan air baharu di Kampung Baru

Batu 15 Jalan Mersing, Kota Tinggi. Kampung ini tidak ada air langsung, samalah dengan Rasah. Saya pun kasihan dengan Rasah ini dan dia orang ambil sumber air daripada sungai. Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri selesaikan perkara yang saya bangkitkan tahun lepas untuk Bajet tahun depan.

Hal yang ini pun saya pun sudah mohon di bawah Butiran 01701 – Semenanjung, Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Ada 10 perkampungan, surat pun saya sudah hantar kepada Yang Berhormat Menteri ini pada 17 hari bulan Mac tahun 2019. Saya ingat saya tidak payah sebutlah senarai kampung ini, saya minta Yang Berhormat Menteri tolong rujuk balik surat yang telah pun saya hantar kepada Yang Berhormat Menteri KPLB.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 020800 – Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). KEJORA sudah buat Yang Berhormat Timbalan Menteri, 177 lot rumah di Bandar Perani. Bina 100 unit kemudian tahun 1986 bina lagi 43 unit pada tahun 1987 dan ada baki lagi sebanyak 34. So, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh lengkapkanlah baki 34 itu untuk anak-anak dalam kawasan Bandar Perani.

Terakhir Tuan Pengerusi, bawah Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Saya mohon supaya dapat dibina baru Jalan Sepakat Kampung Singapura ke Taman Sinar, Jalan baharu di Kampung Sedili Kecil dan ada 9 perkampungan yang perlu dinaik taraf jalannya. Jalan utama Kampung Padang, Kampung Simpang, Kampung Seri Paya, Kampung Teluk, Jalan Muafakat, Kampung Singapura, Kampung Mawai, Kampung Jalan Bahagia, Kampung Singapura lagi Jalan Senangin, Kampung Sedili Kecil dan Kampung Sayang.

Jadi, saya harap mudah-mudahan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bagi saya jawapan yang luar biasa selepas saya asyik membangkitkannya bermula daripada tahun yang lepas. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tenom diikuti oleh Yang Berhormat Setiu, kemudian Yang Berhormat Lembah Pantai, kemudian Yang Berhormat Hulu Rajang dan kemudian Yang Berhormat Papar. Sila.

8.27 mlm.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya dalam perbahasan saya ini saya akan sebutkan beberapa butiran iaitu Butiran 050500 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung, Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sabah, Butiran 02003 – Bekalan Air Luar Bandar di Sabah, Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar bersekalikan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kerana negeri Sabah biasanya mendapat peruntukan tertinggi di kawasan luar bandar terutamanya membabitkan bekalan elektrik, bekalan air bersih serta jalan-jalan perhubungan desa dan kampung. Cuma saya hendak tekankan di sini

bahawa kawasan Parlimen yang seluas 2,238 kilometer persegi ini masih banyak keperluan, kemudahan infrastruktur asas yang perlu dibina, dibaiki dan diambil perhatian.

Untuk makluman Dewan, berdasarkan maklumat daripada SSB, masih ada kira-kira 603 kampung dengan jumlah rumah beranggaran dengan anggaran 19,761 buah di seluruh negeri Sabah masih belum mempunyai kemudahan bekalan elektrik. Saya difahamkan masih terdapat kira-kira 36 buah kampung yang melibatkan 774 buah rumah yang masih belum mempunyai bekalan elektrik di dalam Daerah Tenom sendiri.

Saya ingin bertanya kepada kementerian menerusi peruntukan sebanyak RM216 juta bagi bekalan elektrik luar bandar di Sabah dalam Belanjawan 2020, berapakah yang disalurkan kepada kawasan Parlimen Tenom. Penduduk pendalaman berhak mendapat kemudahan asas yang terbaik agar mereka berasa tidak terpinggir walaupun penduduk kampung boleh menggunakan generator, minyak tanah, lilin dan sebagainya tetapi saya mohon supaya perkara ini dapat diberi perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi, selain bekalan elektrik keperluan bekalan air juga sangat mendesak di kawasan Parlimen saya. Dalam Belanjawan 2020 bekalan air luar bandar di Sabah diperuntukkan sebanyak RM350 juta berbanding Belanjawan 2019 sebanyak RM295 juta. Peruntukan sudah meningkat dan saya berharap program pembangunan dan projek menaik taraf dan projek baru bagi bekalan air di Tenom ini perlu dilaksanakan segera. Seperti di Pekan Kemabong, Tenom, bayangkan dengan keluasan yang meliputi 1,182 kilometer persegi membabitkan 109 kampung di lima buah mukim hanya terdapat satu sahaja loji rawatan air iaitu Loji Air Kemabong.

■2030

Loji ini pada masa sekarang tidak mampu menampung keperluan bekalan air terawat di keseluruhan kawasan Pekan Kemabong kerana kurang kapasiti dan tekanan air dan sering kali berlaku bekalan air terputus terutamanya di Kampung Pal, Kampung Cinta Mata, Kampung Kenaboi, Kampung Saga, Kampung Monotomon dan banyak lagi kampung yang terlibat. Jadi saya hendak cadangkan supaya kementerian boleh menambah loji rawatan air di kawasan Parlimen Tenom khususnya di kawasan daerah kecil Kemabong. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian apakah status projek penaiktarafan Loji Air Senagang setakat hari ini. Adakah ia masih diteruskan?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh hal jalan-jalan di kampung. Masih banyak kawasan di daerah Tenom yang jalannya berbatu dan tanah merah. Saya berharap melalui peruntukan RM120 juta di bawah jalan perhubungan desa dan jalan-jalan luar bandar dapat disalurkan juga di kawasan Parlimen Tenom.

Di Tenom juga mempunyai beberapa kawasan pelancongan malahan saya ingin mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan jalan-jalan luar bandar ini turut disalurkan bagi kategori jalan pelancongan luar bandar yang bakal diwujudkan dan sedang dibangunkan di negeri Sabah termasuk di dalam daerah Tenom. Kalau boleh peruntukan ini dapat menyelenggarakan

atau menaik taraf jalan ke kawasan pelancongan di luar bandar ini. Perancangan sebegini penting kerana kebanyakan jalan yang menghubungkan pusat pelancongan yang diusahakan komuniti luar bandar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf sosioekonomi setempat.

Selama ini kita sedia maklum kategori jalan seperti jalan pertanian, jalan majlis dan jalan kampung tetapi tidak ada jalan pelancongan luar bandar atau desa. Jadi saya mohon kerajaan memikirkan hal ini dengan peruntukan yang ada kerana tujuan sebegini adalah idea yang baik dalam membantu rakyat setempat.

Akhir sekali di bawah Butiran 05000 – Lembaga Kemajuan Tanah Sabah. Saya sekali lagi ingin bertanya kepada kementerian adakah permohonan dana pembangunan infrastruktur oleh pihak SLDB bagi projek menanam kopi di Kampung Kabintaluan, Tenom termasuk dalam anggaran perbelanjaan kementerian dalam Bajet 2020.

Saya mohon agar kementerian memberi perhatian kepada perkara ini kerana projek ini dijangka akan membantu sekurang-kurangnya 602 isi rumah dan seterusnya dapat menyelesaikan permasalahan kekurangan bekalan biji kopi yang sedang dihadapi oleh peniaga-peniaga kopi di daerah Tenom pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiu. Selepas itu Yang Berhormat Lembah Pantai.

8.32 mlm.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 00602 – (MRSM) Maktab Rendah Sains MARA. Jadi saya pohon supaya dibina satu MRSM di Setiu memandangkan Setiu belum ada MRSM ini.

Kedua, Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Masih banyak masalah jalan luar bandar yang menjadi *problem* kepada warga Setiu. Saya sebut beberapa contoh. Satu jalan sempit dari Kampung Banggol Setor ke ladang nenas negara Sungai Tong di mana jalan ini menjadi jalan alternatif kepada beberapa buah kampung apabila berlaku banjir.

Ketiga, jambatan uzur Kampung Ladang Fikri ke Kampung Pak Ba yang jambatan tadi didapati sudah merekah dan dibimbangi akan roboh dan runtuh jika sekiranya tidak dibaiki pulih segera.

Keempat, jalan kawasan pemindahan RTB Bukit Gerebar dalam DUN Permaisuri di mana *signboard* sudah dipacak sejak tahun 2017 lagi tetapi belum dibina sehingga kini.

Kelima, jalan pintasan banjir ke Kampung Bukit sebagai jalan alternatif kepada penduduk kampung di musim banjir.

Keenam, Jambatan Tok Nandung yang saya sudah sebut dalam perbahasan bajet tahun lepas iaitu satu jambatan yang sempit dan kecil dan sering tenggelam apabila musim banjir. Jadi saya mengharapkan supaya perlu dibina segera projek jambatan ini sebab penduduk sering terperangkap di musim banjir. Mereka tidak ada jambatan lain melainkan jambatan ini.

Untuk merancakkan lagi aktiviti ekonomi penduduk Setiu, sebelum PRU dahulu pernah dicadangkan jalan dari Kampung Banggol ke Kampung Bukit Kecil tetapi sehingga kini tiada perkembangan sama ada projek jalan ini akan diteruskan ataupun tidak. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya Butiran 051200 – Elaun MPKK. Tahun 2019, peruntukan sebanyak RM231 juta, tahun 2020 sebanyak RM221. 8 juta. Persoalan saya, apakah justifikasi cadangan penubuhan MPKKP di Terengganu sedangkan mesyuarat Kabinet pada 27 Jun 2018 telah memutuskan bahawa MPKK di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pada 1 Julai 2018, Terengganu merupakan negeri pertama selesai pelantikan MPKK ini.

Baru-baru ini Menteri Besar Terengganu telah bersetuju dengan cadangan daripada KPLB atau Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melantik lima orang AJK dari kalangan Ahli Pakatan Harapan untuk menganggotai MPKK di setiap kampung tetapi sehingga kini masih lagi tidak menghantar nama tersebut. Maknanya Terengganu mengikut prosedur dan syarat dan apa jua permintaan daripada KPLB. Akan tetapi dalam masa yang sama sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini bahawa kerajaan akan terus juga menubuhkan MPKKP ini.

Apakah dengan penubuhan MPKKP ini, elaun empat jawatan tertinggi MPKK dan elaun-elaun lain tidak lagi akan disalurkan kepada MPKK? Adakah kerajaan sedar bahawa penubuhan MPKKP ini menjejaskan keharmonian masyarakat dan kampung? Apakah geran RM10,000 tidak lagi disalurkan kepada MPKK apabila ditubuhkan MPKKP ini?

Seterusnya Butiran 02008 – Bekalan Air Luar Bandar. Isu air luar bandar masih belum dapat diselesaikan. Masih ada banyak tempat-tempat di kawasan pedalaman khususnya di Setiu yang masih menggunakan telaga air bawah tanah kerana tiada pemasangan paip utama di kawasan mereka.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 00500 – Pusat Kegiatan Masyarakat. Masih ada MPKK yang tiada kemudahan balai raya. Ada balai raya tetapi uzur dan mereka tidak ada kelengkapan seperti *laptop*, komputer dan lain-lain. Ada di antara balai raya yang dibina di atas tanah milik dan perlu diambil di luar pengambilan balik. Ada balai raya digunakan untuk Tadika KEMAS.

Satu lagi Tuan Pengerusi, Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Masih banyak kampung yang tiada lampu jalan. Saya mengharapkan supaya lokasi-lokasi selekoh yang diklasifikasikan sebagai selekoh berbahaya, selekoh maut yang boleh mengundang kepada kemalangan mesti diberi keutamaan dalam pemasangan lampu-lampu jalan yang baru ini. Sekian Tuan Pengerusi, *aquluqauli haza astaghfirullahal azim liwalakum, wassalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai. Selepas itu Yang Berhormat Hulu Rajang.

8.38 mlm.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta masuk Bekalan 22, Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat khusus berkaitan dengan premis-premis perniagaan yang dimiliki oleh MARA. Cadangan saya untuk Yang Berhormat Menteri berikan pertimbangan memandangkan Kuala Lumpur juga ramai warga luar bandar yang berhijrah datang ke Kuala Lumpur untuk mencari peluang yang lebih baik.

Jika ada lebih banyak premis perniagaan yang dimiliki oleh MARA boleh diusahakan seperti yang dibantu contohnya Rosyam Mart yang mana saya difahamkan sewa yang diberikan cukup rendah dan kalau ada beberapa lagi premis perniagaan di dalam kawasan Kuala Lumpur termasuklah di kawasan Lembah Pantai, mungkin boleh dibantu lebih ramai warga luar bandar yang berhijrah ke Kuala Lumpur.

Saya ingin menyentuh bekalan Butiran 050900 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan KEMAS serta Butiran 051100 – Peralatan dan Kelengkapan Tabika/Taska Kemas. Saya lihat beberapa— banyak daripada premis bagi Tabika dan Taska KEMAS bukan sahaja di kawasan Lembah Pantai tetapi banyak kawasan di PPR-PPR seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada dalam pelbagai keadaan. Ada yang baik, ada yang kurang, di bawah kolong-kolong dan banyak yang mempunyai masalah.

■2040

Saya lawat satu di kawasan PPR Sri Pantai contohnya terdapat laluan, ia di bawah kolong dan ada contohnya paip-paip. Kalau berlaku kebocoran, macam-macam yang turun ya, yang jatuh ke atas kepala anak-anak. Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Mohon pertimbangan untuk dibantu baiki mana yang patut dan terutama di kawasan PPR.

Saya lihat Yang Berhormat Menteri bagi Butiran 00400 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Saya difahamkan, ramai daripada kanak-kanak yang keluar daripada program Tabika KEMAS mempunyai dengan izin ya, tahap *literacy rate very high*. Di Lembah Pantai saya difahamkan daripada lebih kurang 300 yang keluar setiap tahun, *literacy rate* hampir 97 peratus. Malangnya *somehow, something gets lost* bila mereka masuk Darjah 1, Darjah 2 dan seterusnya, *literacy rate* dia berkurangan. Saya tidak pasti kenapa. Mungkin kalau ada satu program yang boleh bantu, bagaimana pencapaian yang telah dikecapi di peringkat Tabika, kita tidak hilang bila masuk ke sekolah rendah.

Mungkin antara pihak kementerian, antara kementerian boleh dipertimbangkan. Saya mendapat satu pandangan daripada salah seorang sahabat kita dalam Dewan ini berkenaan dengan Maksud Pembangunan 22, Butiran 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains MARA. Walaupun pada waktu ini mungkin saya tidak pasti kalau ada dasar yang dikhususkan ataupun diutamakan anak-anak daripada kawasan luar bandar. Jika ya, saya mohon pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian agar anak-anak bandar terutama dari golongan B40 seperti yang saya sebutkan tadi, ramai yang berhijrah ke Kuala Lumpur jangan

dipinggirkan untuk peluang mereka menyertai MRSM jika benar ada telah berlaku perubahan seperti itu.

Saya ingin menyentuh Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri bahawa perbelanjaan yang besar, kalau dijumlahkan hampir RM1.3 bilion. Mohon pandangan adakah jumlah ini, bagaimanakah kita dengan izin *how can be stretch the* rakyat seringgiti dalam projek-projek ini memandangkan sekarang kita sudah hendak masuk tahun 2020 tapi kita masih sebut tentang bekalan elektrik luar bandar dan kita masih sebut tentang bekalan air luar bandar. Adakah cara kita melaksanakan projek-projek ini bermasalah dan adakah boleh diusahakan cara yang berbeza.

Contohnya jika salah satu daripada masalahnya adalah dari segi kontrak dan pihak JKR sebagai contoh. Adakah boleh kita kurangkan kos *profit margin* nya agar kita dapat pastikan lebih banyak yang dapat dibina untuk memanfaatkan lebih banyak rumah di kawasan luar bandar untuk memastikan wang rakyat ini dibelanjakan dengan lebih berhemah. Setakat itu dahulu, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Hulu Rajang, lepas itu Yang Berhormat Papar.

8.43 mlm.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Sebagai Ahli Parlimen luar bandar dan kebanyakan yang berada pada hari ini, petang ini saya ingat dari luar bandar. Saya terus, saya mohon kepada kementerian untuk membina jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gat iaitu kawasan rumah panjang saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada tempoh hari saya bangkitkan Jalan Tegulang, Jalan Metalon dan Jalan Rumah Juntan di Sungai Sut supaya kalau boleh kementerian semak semula dan angkatkan peruntukan untuk membina jalan tersebut.

Selain daripada itu saya terus kepada mengenai pembangunan modal insan dan saya berharap jika pihak kementerian dapat membina satu Institut Kemahiran Mara (IKM) untuk pendudukan kawasan Parlimen Hulu Rajang dan Butiran 00604, satu di Asap kalau boleh dan kedua di daerah Bukit Mabong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu juga saya ingin merujuk kepada Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Butiran 05900 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan KEMAS. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pejabat KEMAS di kampung-kampung di Hulu Rajang adalah sangat menyedihkan. Bahkan adanya pejabatnya di ruang kecil dan juga di bawah rumah panjang sekarang. Kita menolong menggunakan peruntukan dari pusat khidmat kita. Selain daripada itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu kalau situasi, keadaan tidak begitu baik, pegawai KEMAS juga tidak

berfungsi dengan baik dan tempat mereka melakukan pekerjaan dan bergiat untuk masyarakat pun tidak kondusif.

Jadi tambah juga menyedihkan elaun pembantu pemaju masyarakat iaitu pembantu, cikgu atau tadika KEMAS hanyalah dibayar RM500 saja sebulan. Jadi ada mereka suruh beritahu kepada kementerian dan *WhatsApp* kepada saya. Jadi mereka ini adalah antara yang bertanggungjawab untuk mendidik generasi masa depan negara dan elaun mereka adalah sangat-sangat rendah Yang Berhormat Menteri.

Jadi kasihan melihat mereka bangun awal pagi, mendidik anak-anak, balik lewat dan juga hanya menerima gaji minimum RM500 sebulan. Ini adalah sangat tidak adil. Jadi saya mintalah, harap gaji mereka pada tahap gaji minimum yang ada sekarang. Oleh yang demikian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang, sila Yang Berhormat Papar.

8.46 mlm

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Pembangunan Luar Bandar di peruntukkan sebanyak RM5.23 bilion demi menjadi peneraju kemajuan luar bandar walaupun bajet tahun sebelumnya berjumlah RM5.42. B.22, Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar diberi peruntukan sebanyak RM1.38 berbanding RM1.29 tahun sebelumnya. Ini bererti ada kenaikan yang harus kita banggakan.

Butiran 030300 – Majlis Amanah Rakyat (MARA) diberi peruntukan sebanyak RM1.37 bilion berbanding RM1.29 bilion tahun sebelumnya. Kenaikan ini akan dapat membantu MARA menjalankan operasinya dengan teratur. Di Kinarut ada sebuah sekolah MRSM. Saya difahamkan sekolah ini di bawah MARA. Dengan peruntukan yang sebesar ini, saya merayu agar sekolah MRSM Kinarut dapat diberi agihan dana yang lebih memandangkan banyak keperluan sekolah yang belum diberikan dan dilaksanakan.

Saya gabungkan Butiran 01703 – Bekalan Elektrik Luar Bandar sekali dengan Butiran 02003 – Bekalan Air Luar Bandar. Bekalan air luar bandar diberi peruntukan sebanyak RM350 juta berbanding dengan RM203.3 juta tahun sebelumnya. Ini adalah kenaikan sebanyak RM147 juta ataupun RM72 juta. Terima kasih atas kenaikan peruntukan yang diberi. Sabah akan dapat menunaikan sedikit sebanyak janji-janji untuk kesejahteraan rakyat. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah menyasarkan semua kampung di luar bandar di Sabah akan menikmati kemudahan bekalan air bersih dan elektrik menjelang 2035. Di P.175 memang banyak kampung-kampung yang belum ada bekalan air dan elektrik pada masa ini.

Saya tidak payah lagi hendak sebutkan kampung-kampung ini kerana saya sudah selalu menyebutkannya. Ada juga kampung-kampung di pinggir bandar yang tidak ada bekalan air dan elektrik. Dengan adanya dana yang konsisten diberi oleh kerajaan, saya memang optimistik

bahawa sasaran KPLB Sabah akan dapat dicapai. Kalau bekalan elektrik dan air di luar bandar dapat dilaksanakan bererti ramai penduduk Sabah dapat menikmati arus pembangunan yang telah dijanjikan selama ini sehingga perubahan kerajaan.

Apa yang saya ingin mohonkan untuk mereka ialah supaya agensi-agensi kerajaan yang berkenaan mestilah bermurah dan tidak terlalu ketat apabila ada di antara penduduk-penduduk kampung ini yang tidak akan dapat menjelaskan bil-bil elektrik ataupun bil-bil air disebabkan yang pertama ialah kemiskinan. Kedua ialah disebabkan oleh jauhnya tempat untuk mereka membayar bil-bil ini. Ini disebabkan jalan raya yang tidak begitu baik yang tidak membolehkan kenderaan untuk berulang alik ke tempat-tempat mereka. Keadaan jalan-jalan yang tidak sempurna ke kampung-kampung di luar bandar ini juga telah menyebabkan banyak kenderaan yang tidak sanggup untuk datang, lalu lalang ke kampung ini.

■2050

Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar diberi peruntukan sebanyak RM880.6 juta berbanding RM787.1 juta sebelumnya. Kenaikan ini menunjukkan komitmen kerajaan kepada rakyat. Daripada jumlah ini, berapakah agihan yang akan disalurkan ke negeri Sabah? Ini adalah kerana negeri Sabah terlalu luas dan berbukit bukau. Sabah memang tidak mempunyai jalan raya yang sempurna terutamanya jalan-jalan luar bandar. Kita akan melihat jalan-jalan di luar bandar banyak yang tidak diselenggarakan secara berkala. Ini menyebabkan banyak jalan yang berlubang dan berombak-ombak.

Butiran 0200 – Jalan Penghubung Desa. Ini diberi peruntukan sebanyak RM120 juta. Daripada jumlah ini, berapakah yang akan disalurkan kepada negeri Sabah? Ini kerana masih banyak lagi jalan-jalan penghubung desa yang belum dapat dilaksanakan disebabkan kekurangan dana untuk pembangunan yang dimaksudkan.

Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM280 juta berbanding RM217 juta. Daripada jumlah ini, berapakah yang akan disalurkan ke negeri Sabah memandangkan Sabah adalah negeri yang ketinggalan jauh daripada segi pembangunan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Dengan peruntukan yang diberi, kita akan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat di luar bandar secara menyeluruh. Saya ingin tahu, apakah pembangunan kesejahteraan rakyat yang dimaksudkan dan diharap dapat pencerahan daripada kementerian supaya permohonan akan dapat dibuat selepas ini. Terima kasih. Saya menyokong Bajet ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Seterusnya Yang Berhormat Lenggong tiada dalam Dewan, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang. Sebelum Yang Berhormat Ledang, saya bercadang Yang Berhormat Timbalan Menteri mula menggulung pada jam 9.15 malam dan 45 minit yang tak sempat, bagi jawapan bertulis. Sila Yang Berhormat Ledang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Pengerusi, pohon kalau boleh sebut beberapa orang lagi yang dapat untuk saya pastikan sama ada saya berpeluang untuk berbahas pada malam ini ataupun tidak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sebenarnya saya teringin sangat memberikan peluang kepada Yang Berhormat Tumpat tetapi masa amat cemburu. Mungkin boleh tunggu, kita boleh tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri beri jawapan bertulis. Ada lebih kurang lima orang lagi Yang Berhormat. Saya sebenarnya sekarang jika Yang Berhormat Ledang – saya umumkan. Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Dungun dan yang terakhir Yang Berhormat Cameron Highlands. Sila.

8.53 mlm.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 051200 – Elaun (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)). Saya pun sebenarnya mencari-cari di mana kah ada butiran berkenaan dengan geran kepada MPKK. Mungkin di sinilah butirannya kerana sebenarnya daripada segi MPKK, ianya merupakan satu institusi yang penting daripada segi pengantara kepada akar umbi. Justeru, saya ingin melihat, sejauh manakah status pemberian geran-geran kepada MPKK. Berapakah yang diluluskan dan dilaksanakan mengikut negeri? Bagaimanakah geran tersebut dipantau? Seterusnya, bagaimanakah perbezaan kualiti kepimpinan dan pengurusan MPKK dibandingkan dengan JKK dahulu.

Saya juga berharap supaya pihak kementerian dapat juga membantu ketua-ketua kampung MPKK khususnya untuk memudahkan proses permohonan bagi mendapatkan geran tersebut, selain daripada penyediaan profil kampung tetapi juga saya percaya mereka perlu dibantu supaya ianya dapat sampai kepada penduduk ataupun komuniti.

Keduanya ialah berkenaan dengan Butiran 00400 – KEMAS (Pendidikan Awal Kanak-kanak) kerana pendidikan awal kanak-kanak ini agak penting yang melibatkan seramai 227,267 orang kanak-kanak berumur empat tahun hingga enam tahun. Ada 509 taska, 10,966 tabika. Maknanya ini jumlah yang besar dan harus diberikan perhatian. Makanya saya ingin bertanya, berapa ramai kah di kalangan guru-guru ataupun pendidik di KEMAS ini yang ada Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak ataupun ada ijazah. Bagaimanakah pihak kementerian melihat untuk kita meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dan bagaimanakah ianya selari dengan silibus daripada segi prasekolah dan juga ianya seiring dengan kepesatan teknologi IR 4.0.

Yang ketiga dan terakhir ialah berkenaan dengan Butiran 050300 – Pusat Komuniti Desa (PKD). Ini sebagaimana yang diumumkan pada Oktober tahun lalu merupakan penjenamaan semula RTC dan mini RTC dan RTC-RTC di Melaka, Pahang, Johor, Kedah dan Terengganu kekal di bawah KPLB yang dijenamakan semula. Jadi, saya rasa penting kerana apabila

dijenamakan semula, disebutkan bahawa ianya akan menjadi desa digital, pusat aktiviti, program pemerkasaan wanita dan lain-lain lagi. Di Johor, disebutkan ada sebanyak 24 PKD. So, soalan saya adalah sejauh manakah PKD telah diwujudkan secara zahirnya prestasi penyampaian perkhidmatan PKD itu dan bila dan apakah perancangan PKD di kawasan Johor Utara terutamanya yang saya nampak sejak dulu lagi agak tersisih sedikit, terpisah sedikit daripada bantuan ataupun keperluan yang boleh diberi oleh mini RTC dahulunya ataupun UTC ataupun lain-lainnya.

Saya harap perkhidmatan ini dapat diberikan kerana ianya sangat-sangat membantu kepada penduduk-penduduk terutamanya warga emas, OKU yang tidak mempunyai pengangkutan yang mudah untuk sampai ke mini RTC. Kalau di sebelah saya di Tangkak, Johor itu, mereka terpaksa ke Sungai Rambai di Melaka ataupun ke Bandar Melaka. Jadi saya harap perkara ini dapat pertimbangan daripada pihak kementerian. Saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Kota Samarahan, dijemput.

8.57 mlm.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada butiran yang pertama iaitu Butiran B.050900 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Bangunan KEMAS. Ingin saya hendak menarik perhatian kementerian ataupun Timbalan Menteri berkaitan dengan bangunan-bangunan KEMAS khasnya tadika-tadika KEMAS yang berada dalam keadaan uzur dan daif dan ada yang berstatus menumpang. Oleh itu pada tahun 2020, kita nampak peningkatan ketara dalam peruntukan untuk tujuan butiran ini.

Oleh itu saya ingin nak memohon bagaimana status perkembangan permohonan penaiktarafan tadika iaitu Tadika KEMAS Serpan Ulu yang masih menumpang di surau. Tadika Kampung Baru, uzur dan jumlah pelajar anak-anak yang ramai. Tadika Kampung Tanjung Parang, daif dan uzur. Tadika Kampung Sindang Baru, uzur dan ramai para pelajar. Tadika Kampung Tanjung Apong, uzur dan daif. Tadika Kampung Jawa Semenggok dan juga Tadika Kampung Sidanu. Ini merupakan permohonan yang dah lama, yang menunggu *queue* katanya dan harapan kita dalam peruntukan tahun 2020, dapat dipertimbangkan.

Untuk butiran yang kedua, Butiran P.00900 – Institut Kemajuan Desa Sarawak yang terletak di Kota Samarahan. Suka kita memaklumkan, sesungguhnya pengujudan INFRA di kawasan kita amat-amat membantu dalam menggalakkan pembangunan masyarakat luar bandar khasnya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran daripada sudut *leadership* dan juga perubahan sikap di masyarakat luar bandar. Namun begitu, saya ingin nak mohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memaklumkan kepada kita, program-program berkenaan iaitu program pembangunan modal insan, program kemahiran, program kepimpinan, program perubahan sikap yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Siapakah sasarannya dan

bagaimana kita dapat memperolehi perkhidmatan ataupun program-program yang dianjurkan oleh INFRA berkenaan.

■2100

Seterusnya Maksud P.22 Butiran 02404 – Program Lonjakan Mega Luar Bandar, Butiran 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar, Butiran 02600 – Pembangunan Ekonomi Komuniti dan Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Semua program yang dipaparkan dalam butiran ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan luar bandar khususnya dari sudut pembangunan ekonomi, infrastruktur dan juga pembangunan sosial di kampung-kampung. Suka kita maklumkan sesungguhnya program ini telah banyak memberi impak khasnya dalam pembangunan kampung tersebut.

Namun begitu, saya ingin mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kaedah pelaksanaannya, yang mana disebut juga oleh Sabah tadi, di Sarawak, sebelum ini dari sudut perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan juga kajian impak dilaksanakan oleh pegawai daerah. Sebab, pejabat daerah mengetuai fokus *group* pelaksanaan program-program pembangunan bersepadu masyarakat ataupun kampung-kampung di luar bandar. Namun begitu, baru-baru ini, cadangan-cadangan tidak melalui pejabat daerah lagi sebab pejabat daerah akan sentiasa berurusan dengan *stakeholders* khasnya ketua-ketua kaum, khasnya agensi-agensi KPLB yang menjadi agensi pelaksana berkenaan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar, Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar Sarawak. Saya mohon perincian daripada kementerian mengenai peruntukan untuk projek-projek pembangunan untuk negeri Sarawak dan juga perincian untuk kawasan Parlimen Kota Samarahan.

Seterusnya Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya juga mohon perincian daripada kementerian tentang jalan-jalan yang diluluskan di bawah butiran ini termasuk juga perincian untuk Kota Samarahan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, Maran. Daripada pagi tunggu ini. Bagi saya peluang sikit.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kementerian ini hanya bermula lepas waktu Maghrib.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Mohon izin Tuan Pengerusi. Dulu kita sampai pagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kita bagi peluang kepada anggota...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Lepas ini ya? Okey, terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

9.02 mlm.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 051200 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang mana saya hendak bangkitkan di sini bahawa sama ada kementerian bercadang untuk menimbang semula had umur bagi ketua kampung, pengerusi MPKK khususnya yang sebelum ini saya difahamkan ditetapkan pada 60 tahun. Di kawasan saya juga terdapat dua orang pengerusi yang mana had umur mereka lebih daripada 60 dan difahamkan bahawa mereka tidak akan diberi elaun MPKK ini sekiranya lantikan hendaklah dibuat.

Saya percaya bahawa ramai bersetuju sekiranya kita hendak melantik pengerusi MPKK yang berpengalaman dan juga boleh berkhidmat kepada rakyat, berkenaan dengan had umur ini ia haruslah dipertimbangkan semula.

Butiran kedua iaitu Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Saya perhatikan pada sebelum ini Menteri pernah beberapa kali telah pun mengumumkan berkenaan dengan pemasangan 10,000 biji lampu jalan kampung jenis LED yang selepas pengumuman tersebut, angka ini telah pun ditambah kepada 60,000 lampu jalan LED dalam dua tahun setelah MESTECC dan juga Jabatan Perdana Menteri memberikan peruntukan masing-masing untuk membantu.

Saya ingin bertanya di sini bahawa anggaran pada tahun 2020 adalah sebanyak RM10 juta yang dinyatakan dalam Butiran 01707 ini. Akan tetapi, sekiranya dibandingkan dengan pengumuman daripada Menteri sebelum ini, ia adalah sebanyak RM83 juta setahun. Saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada pihak Menteri ataupun Timbalan Menteri berkenaan dengan kenapa kedua-dua angka ini adalah tidak sama?

Saya juga ingin memohon supaya apabila pemasangan lampu-lampu jalan LED ini dilaksanakan di bawah kawasan Ipoh Timur, saya sememangnya mempunyai 11 kampung tradisi yang mana saya berharap bahawa agihan yang setimpal boleh diberikan kepada kampung-kampung di bawah kawasan Ipoh Timur ini termasuk Kampung Pengkalan Gate, Kampung Pengkalan Pegoh, Kampung Pengkalan Tin, Kampung Sri Kinta dan sebagainya.

Butiran terakhir yang saya hendak sentuh pada malam ini ialah Butiran 02403 – Program Bersepadu Pemajuan Kawasan sebanyak RM46.5 juta. Tuan Pengerusi, di kawasan kampung-kampung tradisi di bawah kawasan Ipoh Timur, tiga antaranya iaitu Kampung Seri Kinta, Kampung Pasir Puteh dan Kampung Pasir Puteh Tambahan, sememangnya pada satu dekad yang lepas mengalami masalah banjir kilat yang amat serius dan yang baru-baru berlaku adalah pada dua minggu yang lepas. Antara puncanya yang kami dapati adalah tidak ada sistem saliran dan perparitan yang baik dan juga masalah penambakan lombong yang mana tidak dikawal dengan baik.

Saya memohon supaya pihak kementerian boleh juga untuk memberikan bantuan kepada kampung-kampung tradisi tersebut untuk menyelesaikan masalah banjir kilat khususnya di beberapa kampung yang telah saya bangkitkan tadi.

Yang Berhormat Sandakan hendak celah tadi. Tidak ada? *[Disampuk]* Okey, boleh, boleh. Sila.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ini gandingan beregu.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Saya hanya mahu kemukakan satu isu iaitu di muka surat 215, Butiran 00100 hingga 00600 di bawah Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menumpukan perhatian kepada pendidikan kemahiran dan pendidikan awal. Pendidikan awal kanak-kanak adalah satu sektor yang sangat penting kepada komuniti terutamanya untuk golongan B40. Dalam pada itu, saya ingin menyeru kementerian untuk mengambil kira penubuhan tabika KEMAS di Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Sandakan seperti PPR Mesra yang dihuni oleh kira-kira 1,000 keluarga untuk menampung permintaan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okey. Okey, terima kasih Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Oleh sebab itu jangan pinjam masa rakan-rakan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Saya pinjam masa satu minit. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih. Itu sahaja ucapan daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur kerana menepati masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dungun. Sila.

9.07 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di peringkat Jawatankuasa.

Saya hanya akan tumpukan kepada Butiran 03800 – Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dengan peruntukan RM42,666,000. Melihat kepada akta parlimen yang telah meluluskan kuasa kepada perbadanan yang diwujudkan di bawah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah ini pada tahun 1973, dicampur pula dengan pada tahun 1993, ditambah dengan kawasan pembangunan Tasik Kenyir menjadikan keluasan wilayah KETENGAH berjumlah 653,075 hektar iaitu kira-kira satu perdua daripada keluasan negeri Terengganu yang merangkumi daerah pedalaman Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu dan juga kawasan pembangunan Tasik Kenyir.

Oleh itu, dalam tempoh Bajet 2020 yang diberikan kepada kementerian ini untuk pembangunan KETENGAH yang hampir 47 tahun, saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah

pembangunan kawasan pedalaman yang melibatkan ekonomi, pertanian, perindustrian dan komersial telah berjaya diwujudkan berdasarkan kepada matlamat penubuhannya?

■2110

Kedua, pembinaan perumahan bagi memenuhi kehendak dan keperluan tempat tinggal. Banyak mana yang sedang dalam pembinaan dan jangkaan siap projek jika ada dan projek-projek perumahan yang akan datang.

Ketiga, ada lima bandar dalam pentadbiran dan pengurusan KETENGAH iaitu Bandar Baharu Cheneh, Bandar Seri Bandi, Bandar KETENGAH Jaya, Bandar Bukit Besi dan juga Bandar EMBS. Namun sejak daripada pembukaan Lebuh raya Pantai Timur 2 iaitu LPT2, kawasan-kawasan bandar yang disebutkan ini oleh kerana berada di Jalan Jabor-Jerangau telah tidak menjadi laluan utama, lalu timbul permasalahan-permasalahan dari segi kemajuan pembangunan di kawasan-kawasan bandar yang disebutkan. Lalu apakah kajian perancangan pembaik pulih ekonomi dan sosial bagi kelima-lima bandar yang disebutkan. Dengan peningkatan penduduk dalam lima buah bandar yang dibangunkan oleh KETENGAH hampir 40 tahun ini, apakah peranan kementerian dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi penduduk dengan membawa masuk kilang-kilang dan peluang-peluang pelaburan yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk dalam Wilayah KETENGAH. Difahami juga ada bandar-bandar baharu yang lebih berdaya saing akan dibina. Bolehkah Menteri nyatakan kajian-kajian yang telah dibuat bagi maksud pembinaan bandar-bandar baharu ini yang diletakkan di bawah bandar baharu berdaya saing.

Begitu juga saya pohon ialah oleh kerana dalam pengurusan yang melibatkan pihak berkuasa...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Maran mohon mencelah. Ya.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Maran.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya ingat Tuan Pengerusi, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang pembinaan bandar baharu ini. Akan tetapi bila pembinaan bandar baharu, apakah cadangan untuk membina pejabat-pejabat KEMAS yang berfaedah kepada masyarakat secara keseluruhannya. Jadi, saya hendak cadangkan juga supaya Yang Berhormat bawa cadangan saya di mana saya di Maran ini perlukan bangunan baharu bagi KEMAS yang telah pun kita kemukakan sebelum ini. Saya ingin ambil contoh Maran supaya dibawa ke bandar baharu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu. Minta ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Dungun.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Masukkan dalam ucapan. *Insya-Allah* perlukan jawapan Menteri. *[Ketawa]*.

Kemudian, yang akhir Tuan Pengerusi, oleh kerana sebahagian daripada kawasan-kawasan dalam Wilayah KETENGAH yang melibatkan hulu, pedalaman Kemaman, Dungun,

Hulu Terengganu dan juga Tasik Kenyir. Saya pohon ada penyelarasan dengan pihak berkuasa tempatan. Oleh kerana ia tidak melibatkan kawasan operasi Majlis Perbandaran Dungun, Majlis Perbandaran Kemaman dan juga Majlis Daerah Hulu Terengganu, perlu ada satu penyelarasan untuk kepentingan dibuat, kepentingan dalam Wilayah KETENGAH ini untuk kemudahan kepentingan penduduk seperti pengurusan sampah yang melibatkan kebersihan jalan raya dan lain-lain. Pohon diberikan perhatian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Cameron Highlands untuk menutup tirai perbincangan. Sila.

9.13 mlm.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke butiran. Butiran 01700 iaitu Bekalan Elektrik Luar Bandar. Terima kasih diucapkan kepada pihak kerajaan kerana menambah peruntukan di dalam butiran ini untuk tahun hadapan. Di dalam Perbelanjaan 2019, KPLB telah menyasarkan sebanyak 96 peratus kawasan kampung di Malaysia mempunyai akses kepada bekalan elektrik 24 jam. Adakah sasaran ini telah dapat dicapai pada tahun ini dan berapa peratusannya, serta berapa peratusan yang disasarkan oleh pihak kementerian pada tahun hadapan berhubung akses kepada bekalan elektrik terutama di kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli, khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands dan seluruh negara.

Selain daripada itu, saya ingin mengetahui berapa jumlah projek bekalan elektrik luar bandar di kawasan perkampungan Orang Asli yang telah diluluskan oleh pihak kementerian dan berapakah jumlah projek yang telah siap sepenuhnya dan berapakah yang masih tertangguh. Apakah sebab-sebab projek tersebut masih lagi tertangguh?

Seterusnya, berapa jumlah anggaran projek bekalan elektrik luar bandar pada tahun 2020 yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli? Saya berharap Menteri dapat memberi perhatian yang lebih terhadap masyarakat Orang Asli kerana bekalan elektrik sudah menjadi satu keperluan asas kepada kita di negara ini.

Butiran yang kedua, Butiran 02000 – Bekalan Air di Luar Bandar. Kira-kira RM587 juta akan diperuntukkan bagi projek bekalan air luar bandar dengan RM470 juta daripadanya disalurkan ke Sabah dan Sarawak. KPLB telah menyasarkan sebanyak 95 peratus kawasan luar bandar di Malaysia mempunyai akses kepada bekalan air terawat pada tahun 2020. Isu penukaran paip air lama yang mengakibatkan ketirisan dan gangguan bekalan air adalah begitu ketara di negeri Pahang terutama di kawasan Parlimen Cameron Highlands iaitu di Bukit Kulit, Kuala Lipis. Apakah tindakan yang akan diambil bagi membaiki keadaan ini?

Kajian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mendapati sebahagian masyarakat Orang Asli di negara ini masih tidak mendapat bekalan air bersih dan masih bergantung kepada sumber semula jadi seperti sungai. Kebanyakan komuniti Orang Asli masih bergantung kepada sungai

sebagai sumber air, sama ada di angkut menggunakan botol atau sistem yang disambungkan ke grid pusat dengan air yang terhad terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman. Jadi, apakah jalan penyelesaian yang akan dilakukan oleh pihak kementerian bagi mengatasi isu ini khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands dan seluruh negara?

Ketiga, dari segi pencapaian di bawah tempoh RMKe-10 dan ke RMKe-11, sebanyak 142,056 rumah telah menerima manfaat daripada projek bekalan elektrik luar bandar.

Seterusnya bagi Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar dan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Sejumlah RM1 bilion pula telah diperuntukkan bagi membina jalan luar bandar dan perhubungan desa. Dengan tumpuan yang diberi kepada Sabah dan Sarawak menerima RM326 juta, manakala RM224 juta bagi Sarawak. Masalah jalan untuk menghubungkan kampung Orang Asli bukanlah isu baharu. Jalan berlubang, sempit, rosak adalah pemandangan biasa sekiranya ingin memasuki ke perkampungan Orang Asli yang terpencil di pendalaman. Berapakah peruntukan untuk membina jalan baharu dan memperbaiki jalan-jalan yang rosak ini?

Jalan luar bandar amatlah penting bagi ketumbuhan ekonomi luar bandar di mana banyak produk-produk dapat dikeluarkan untuk dijual. Jalan juga memudahkan komunikasi kemudahan lain terutama perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan lain-lain yang mustahak. Dalam Belanjawan 2020, terdapat peningkatan peruntukan terhadap butiran ini. Apakah perancangan daripada pihak kementerian untuk mencapai sasaran 94 *percent* perkampungan yang mempunyai akses terhadap jalan perhubungan luar bandar khususnya yang belum disiapkan dan terutama di kampung-kampung kawasan Orang Asli. Saya berharap Menteri dapat memberi perhatian yang lebih dan saya berharap kita dapat bekerjasama demi kebaikan masyarakat Orang Asli supaya kita dapat memberi kemudahan jalan raya kepada mereka khususnya di kawasan Cameron Highlands dan keseluruhan amnya.

Akhir, Butiran 030000 berkaitan keupayaan ekonomi luar bandar. Bagi Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa, peruntukan yang diberikan untuk butiran ini pada tahun 2020 berkurangan sebanyak RM364,000. Apakah rasionalnya kerajaan mengurangkan peruntukan bagi pembangunan usahawan desa pada tahun hadapan dan apakah strategi yang akan digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan prestasi *outcome* bagi program tersebut dapat dicapai pada tahun hadapan. Selain itu, saya ingin juga tahu apakah tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di Malaysia dan berapakah purata pendapatan isi rumah masyarakat Orang Asli negara ini?

Akhir sekali, apakah program pembangunan yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian khususnya untuk masyarakat Orang Asli pada tahun 2020 dan apakah kaedah penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan sosioekonomi mereka? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, mohon izin.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya tahu selalunya...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya kasihan orang kampung saya. Menteri bersedia. Kalau Menteri sanggup tunggu... *[Tidak jelas]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya banyak selingan. Apabila saya duduk atas, kedua-dua belah pihak pun sama juga.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Sikit je.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sama ada sikit sahaja ataupun akhir sekali.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya sebenarnya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi saya rasa cukuplah. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat. Masa perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar sudah tamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Masa adalah 45 minit. Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya perlu menjawab mereka yang masih ada dalam Dewan, yang tidak ada dalam Dewan, sila beri jawapan bertulis. Sila Yang Berhormat.

■2120

9.20 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, membenarkan saya memulakan perbahasan penggulungan jawapan kepada isu-isu dan soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun tadi. Saya ingin mula dengan rekodkan terima kasih saya kepada 33 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dalam masa yang pendek yang diperuntukkan lima minit. Semua pandangan bernas dan soalan-soalan yang telah dilontarkan. Untuk 45 minit yang diperuntukkan itu saya menjawab, memang jelas Tuan Pengerusi, tidak cukup untuk menjawab satu persatu daripada nota-nota yang telah dihantar kepada saya oleh pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), sudah sampai hampir 100 keping nota... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya tahu, memang tebal macam tesis.

Tuan Sivarasa Rasiah: ...yang telah dihantar tadi. Saya akan menggunakan pendekatan untuk menjawab mengikut topik-topik yang penting. Banyak soalan yang berkaitan dengan kawasan secara spesifik itu kita akan jawab secara bertulis. Akan tetapi saya akan beri jaminan, apa yang tidak dapat dijawab secara lisan di sini memang akan dijawab secara bertulis. Jadi, saya ingin mula dengan membuat beberapa pemerhatian atas peruntukan untuk KPLB secara keseluruhan. Oleh sebab ada pandangan dari segi ada di kurang di sini dan sebagainya. Saya ingin tegaskan di sini bahawa untuk tahun 2020, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sudah dapat bajet yang lebih kurang sama. Kalau kita jumlahkan bajet Pengurusan dengan bajet

Pembangunan, KPLB sudah dapat untuk tahun 2020 RM8.414 bilion. Sedikit lebih daripada apa yang diagihkan pada tahun lepas oleh MOF iaitu RM8.413 bilion.

Ada perubahan memang di antara jumlah yang diperuntukkan untuk mengurus dan pembangunan tapi secara keseluruhan itulah bajet ia. Jadi, tidak ada pengurangan yang ketara dan sebagainya. Sekarang izinkan saya bermula dengan- saya akan sentuh berkaitan dengan tajuk prasarana dulu. Prasarana ada disentuh oleh jumlah terbesar Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, ada beberapa daripada Sabah iaitu Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Keningau, Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Papar daripada Sabah dan seterusnya Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Sibuti daripada Sarawak dan lain adalah daripada Semenanjung.

Secara umumnya Tuan Pengerusi, saya rasa semua Ahli Yang Berhormat yang menghadiri Dewan yang mulia ini akan setuju bahawa dalam Malaysia kita masih ada jurang yang besar dari segi tahap prasarana di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Itu telah di akui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan Hari Malaysia di Kota Kinabalu tahun lepas dan di Kuching tahun ini dan inilah jurang yang kita mesti betulkan. Oleh sebab itu, kita boleh lihat dengan jelas daripada bajet kali ini, Sabah telah mendapat peruntukan yang terbesar daripada semua negeri di Malaysia. Kalau kita jumlahkan Sabah dan Sarawak adalah lebih separuh daripada bajet prasarana diagihkan kepada negeri-negeri dalam usaha untuk memperbaiki keadaan yang telah diterangkan tadi oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Kita tahu keadaan di sana tapi itulah keadaan yang kita sudah warisi daripada 60 tahun pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Inilah sekarang cabaran yang kita hadapi dan kita tidak boleh memperbetulkan ketiadaan jalan-jalan, keadaan air terawat, ketiadaan bekalan api di ratusan mungkin ribuan kampung-kampung di Sabah dan Sarawak dalam satu, dua tahun. Kita perlu masa juga tapi memang cabaran itu kita akan beri tumpuan yang sewajarnya untuk memastikan jurang yang ada mesti dibetulkan. Kita tidak boleh terima jurang yang besar di antara prasarana yang kita lihat di Semenanjung dan prasarana yang kita lihat di Sabah dan Sarawak. Isunya ialah...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah: Biar saya habis dulu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, sekejap sikit Yang Berhormat.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sila.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Oleh sebab itu, pengakuan dan keterangan tersebut perlu mendorong kementerian untuk mengambil langkah-langkah yang *extraordinary*. Kalau langkah biasa seperti yang dibuat oleh kerajaan yang lalu, ia akan terus melebarkan jurang perbezaan. Oleh sebab itu, langkah-langkah yang luar daripada biasa, kebiasaan yang diambil oleh kerajaan harus dilakukan. Pendekatan-pendekatan harus diambil oleh kementerian sekarang ini untuk mengurangkan jurang perbezaan yang amat ketara antara luar bandar di Sabah dan juga antara luar bandar berbanding dengan luar bandar di Semenanjung dan di

Sarawak. Saya yakin Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri peka dan sensitif akan keperluan baharu ini. Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sila.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tadi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai sekiranya kaedah yang sebelum ini tidak memuaskan, cuba cari kaedah yang baharu. Kami dapat menerima sekiranya perjalanan pembangunan ini diteruskan. Saya juga bimbang dengan pandangan daripada MP Putatan, berkenaan tentang *contract driven* ini. Di Sarawak berlaku, kita bimbang ada individu yang menghantar cadangan-cadangan kontrak dan tiba-tiba jalan dibina. Di kawasan saya berlaku pada tahun ini. Di Sarawak juga, kalau di tempat saya sendiri selepas tahun 2009 baru kita nampak jalan-jalan dan air dipasang. Seheinggakan tempat kelahiran wakil-wakil rakyat pun, mereka membesar tanpa elektrik, baru tahun 2010 menerima elektrik dan air. Kita kena *accelerate* pembangunan di Sabah dan Sarawak dan juga saya menyokong pandangan Yang Berhormat Beluran.

Tuan Sivarasa Rasiah: Baik saya terima pandangan yang dilontarkan tadi oleh Yang Berhormat Beluran dan juga Yang Berhormat Sibuti. Saya secara ringkas, saya hendak sebut kita masih ada beberapa cabaran. Cabaran yang pertama ialah memang apa-apa pembangunan di Sabah dan Sarawak mesti dilakukan dengan kerjasama kerajaan negeri. Itu merupakan satu cabaran dari segi agensi-agensi, jabatan-jabatan dan semua yang terlibat daripada atas ke bawah. Kedua ialah kos. Kos yang saya nampak yang digunakan dulu untuk prasarana air sebagai contoh dan elektrik. Elektrik maksud saya inilah grid *electricity*, air juga grid air daripada paip utama dan sebagainya, memang sangat tinggi. Itulah merupakan satu cabaran yang sangat besar. Oleh sebab dengan bajet-bajet yang sedia ada, memang akan ambil masa yang sangat panjang untuk Sabah dan Sarawak di bawa kepada tahap yang ada di Semenanjung.

Secara ringkasnya, kita kena lihat kepada alternatif. Kita tidak boleh lengkapkan semua infrastruktur air, elektrik dan jalan di Sabah dan Sarawak dengan kos yang digunakan sekarang. Isu pelaksanaan sistem alternatif untuk elektrik dan air di Sabah dan Sarawak bagi saya akan merupakan satu cara untuk selesaikan masalah ini untuk beberapa kawasan yang perlukan air terawat dan elektrik 24 jam dan sebagainya. Akan tetapi dengan model-model yang digunakan dulu yang saya lihat pada lima, 10 tahun sebelum ini oleh kerajaan lama, kos alternatif pun sangat tinggi, ini yang *problem. Benchmark*, dengan izin, yang digunakan sebagai contoh untuk air terawat. Sistem air dipanjangkan kepada rumah kampung di KPLB ialah RM100 ribu dan RM120 ribu se rumah. Bayangkan, itulah kosnya dan kos yang serupa untuk elektrik. Dengan kos begitu, mungkin ada kawasan yang di Sabah dan Sarawak mungkin akan tunggu 20 hingga 30 tahun untuk menerima air yang terawat dan *electricity* 24 jam (bekalan elektrik 24 jam) dengan tahap itu.

■2130

Kita sekarang tidak ada pilihan. Kita terpaksa mencari pembekal dan teknologi yang sesuai dengan kos yang jauh lebih rendah daripada itu untuk sampai ke tahap itu. Jadi, itulah cabaran dia. Memang masalah yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Putatan tentang kontraktor *driven*- pembangunan juga memang satu masalah. Akan tetapi kos yang saya nampak ialah halangan-halangan yang apa yang jadi cabaran dan halangan yang besar ialah kos.

Itu termasuk juga kos membina jalan. Kos yang saya nampak dari yang digunakan oleh JKR sebagai contohnya borang- BQ, dengan kos yang sedia ada itu memang juga terlalu tinggi. Kalau kita hendak akan belanja sebagai contoh untuk jalan yang spesifikasi R1, R1 *is a basic road* di kampung 4.5 meter lebar dan kita akan belanja sebagai contoh RM1.5 juta, RM2.5 juta untuk setiap kilometer. Tidak akan kita dapat membina jalan-jalan yang perlu di Sabah dan Sarawak. Kita perlu cari teknologi yang lain juga dan inilah cabaran yang kita menghadapi. Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon pertimbangan daripada Tuan Pengerusi sekiranya boleh membenarkan Yang Berhormat Menteri menjawab soalan-soalan yang kami bangkitkan dalam perbahasan tadi.

Jadi, kalau ada masa mungkin Yang Berhormat Menteri boleh lah bagi laluan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai kah- atau sesiapa, untuk soalan-soalan tambahan.

Tuan Sivarasa Rasiah: Baik.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kalau tidak kejung kita menunggu di sini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ringkas.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tadi saya sudah cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidak payah jawab mereka yang tidak ada dalam Dewan ini. Jawab sahaja mereka yang masih setia bersama kita dalam Dewan ini boleh Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya masih di sini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain kita bagi jawapan bertulis... [*Dewan Tepuk*]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ringkas. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Tinggi puas hati ya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri ada sebut

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: ...Sebagai contoh untuk membina jalan di kawasan di negeri Sarawak R1, lebar 4.5 meter mungkin RM1.5 juta, RM2.5 juta satu kilometer jangkaan dia.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut untuk bina paip air ke rumah-rumah contohnya di Sarawak kosnya adalah mungkin RM100,00 serumah, satu rumah ya. Kalau ini adalah *inflated cost*, pada perkiraan kementerian apakah sebenarnya sepatutnya kos? *What is the estimated cost it should be?*

Oleh sebab kita hendak tahu siapa, *who has been profiteering* daripada kos-kos yang tinggi ini?

Tuan Sivarasa Rasiah: Okey, secara ringkas kos-kos jalan untuk membina jalan-jalan boleh ada julat yang besar daripada satu juta kilometer sampai RM8 juta, RM10 juta, RM12 juta sekilometer. Ada dua jalan saya ada nampak kos RM8 juta dan sebagainya. So, itulah tadi masalah dia. Untuk air, itu satu *benchmark* ya di Sabah dan Sarawak akan tetapi bagi sayalah ini perlu dikurangkan menggunakan teknologi dan cara *procurement* yang lebih efisien. Itu cara yang mungkin kita boleh gunakan.

Akan tetapi saya hendak Tuan Pengerusi, oleh sebab ada ramai yang telah bertanya beberapa permohonan termasuk Yang Berhormat Kota Tinggi kita sudah ambil nota terperinci dengan semua permohonan. Jadi, saya bagi aku janji ini setiap permohonan memang kita tidak ada- saya tidak boleh jawab di sini, permohonan sekian-sekian telah diluluskan memang tidak boleh. Akan tetapi kita sudah dengar dan memang saya boleh kata di sini setiap permohonan itu akan diberi pertimbangan dengan sewajarnya ya dan jawapan akan diberikan. So, itu memang kita akan buat.

Yang juga ada kategori Ahli-ahli Yang Berhormat telah tanya tentang beberapa projek-projek yang telah dipohon dahulu sama ada telah diluluskan atau tidak, itu pun kita akan jawab secara bertulis..

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat

Tuan Sivarasa Rasiah: Yang ketiga ialah kategori projek yang sudah diluluskan dan dalam proses pelaksanaan dan ada pertanyaan mereka, apakah status projek sekarang?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi.

Tuan Sivarasa Rasiah: Oleh sebab kalau saya pergi setiap persatu untuk setiap kawasan saya rasa itu akan buang masa untuk ramai lagi yang menunggu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tepat sekali.

Tuan Sivarasa Rasiah: Lebih baik kita tumpu pada isu-isu yang besar isu-isu yang merangkumi lebih kawasan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Faham, sedikit sahaja Tuan Pengerusi, sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Projek-projek yang dimohon akan tetapi belum diluluskan. Saya tidak sempat diberi bercakap oleh Tuan Pengerusi.

Cuma saya hendak timbulkan iaitu Kompleks KEMAS di Maran ini. Bangunan sekarang ini kayu sudah lama sudah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi kita telah kemukakan peruntukan pembangunan pada kerajaan dahulu dan juga sekarang yang ini pun saya sudah kemukakan lagi. Akan tetapi setakat ini belum ada respons.

Jadi saya minta supaya kalau rasa hendak minta KEMAS ini membantu kerajaan dan membantu rakyat maka saya minta supaya kerajaan mengusahakan mendapatkan peruntukan bagi membina bangunan baharu KEMAS Parlimen Maran. Terima kasih banyak.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tuan Pengerusi, itulah jawapan saya secara umum tentang isu prasarana dahulu dan sekali lagi saya sebutlah setiap permohonan itu, setiap pertanyaan itu kita akan bagi jawapan yang spesifik pada projek yang di mana di kawasan-kawasan berikutan.

Saya beralih sekarang kepada KEMAS oleh sebab masa pun sudah lalu. Jadi berkaitan dengan KEMAS, Jabatan Kemajuan Masyarakat ini, beberapa isu dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu ialah tentang beberapa soalan yang dibangkitkan tentang apa kementerian sekarang buat untuk kemajuan KEMAS secara satu institusi khususnya ramai yang sentuh tentang keadaan bangunan. Ada juga persoalan tentang kurikulum dan guru-guru dan sebagainya.

KPLB sentiasa peka tentang isu-isu ini dan sekarang usaha-usaha yang berterusan dibuat untuk memastikan tahap guru-guru itu dikekalkan dan diperbaik. Sebagai contoh, usaha kita sekarang dalam proses untuk memastikan guru-guru kita mesti ada kelayakan minimum iaitu diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak itu satu syarat yang wajib dan usaha untuk membantu mereka yang tidak ada diploma itu untuk belajar dan lulus diploma itu memang ialah satu program yang sentiasa dilaksanakan dan inilah satu komitmen oleh kementerian bahawa tahap guru-guru ini memang kita akan sentiasa menambahbaikkan.

Berkaitan dengan, begitu juga dengan kurikulum. Kita mungkin tidak boleh bersaing 100 peratus dengan tahap tabika-tabika swasta ya. Untuk tabika swasta ibu bapa terpaksa bayar mungkin RM400 seorang kanak-kanak-kanak-kanak setiap bulan dan sebagainya. Di KEMAS kita tidak minta duit begitu besar akan tetapi memang kita tahu juga, kita mesti *deliver*, dengan izin, satu produk yang baik. Kita tidak mahu tabika yang diuruskan oleh kerajaan. Akan tetapi dengan kurikulum yang dinampak macam kuno atau tidak setaraf dengan tabika-tabika swasta.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi.

Tuan Sivarasa Rasiah: Jadi, kurikulum selalu dikaji semula dan sekarang kita ada usaha spesifik untuk memastikan dengan Program *Science, Technology, Robotics, Engineering, Arts & Mathematics* (STREAM) bahawa penumpuan pada Sains dan Teknologi dan Matematik yang sangat penting dalam dunia sekarang ini, dunia moden, diberi keutamaan dan kita mula di peringkat KEMAS juga, peringkat Tabika.

Jadi, kita ada program yang khusus untuk itu dan juga ada program-program yang khusus untuk- sebagai contoh untuk memastikan kanak-kanak kita dapat pendedahan dan

kemahiran dalam bahasa Inggeris sebagai satu bahasa yang cukup penting. Memang mereka mesti menguasai Bahasa Malaysia- Bahasa Kebangsaan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Menteri taska ya, tabika.

Tuan Sivarasa Rasiah: Akan tetapi tumpuan kepada bahasa Inggeris. Soalan tentang Taska.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih. Saya memang antara tajuk yang hendak saya sebutkan tadi akan tetapi tidak diberi ruang. Terima kasih kerana Tuan Pengerusi masih lagi memberi ruang kepada saya.

Di dalam kementerian dalam kerajaan kita, kita ada beberapa taska ataupun tabika yang dikendalikan oleh kerajaan termasuk KEMAS, PERPADUAN, dan lain-lain. Sudah tentulah majoriti Tabika Perpaduan, KEMAS ini di luar bandar. Ada juga di bandar dan swasta yang lain.

■2140

Jadi, apakah usaha kerajaan sekarang, kementerian untuk menyelaraskan supaya dari segi kurikulumnya, dari segi pendidikannya, subjek-subjeknya dan lain-lain dapat diselaraskan. Kita tidak mahu- mungkin KEMAS, oleh sebab sebuah kementerian yang besar dia mendapat faedah lebih besar daripada mungkin Perpaduan. Jadi, apa usaha kerajaan untuk menyelaraskan perkara-perkara ini? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Dari segi penyelarasan kurikulum secara asas, *basic curriculum*, dengan izin, semua tabika termasuk KEMAS, Perpaduan dan sebagainya, termasuk yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, semua menggunakan Kurikulum yang sama. Kurikulum itu disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diwajibkan oleh semua tabika termasuk tabika swasta juga. Itulah kurikulum yang digunakan oleh KEMAS juga. Akan tetapi, memang kita ada membuat penambahan yang kita anggap sesuai untuk keadaan di kawasan-kawasan luar bandar. Inilah penambahbaikan yang dibuat oleh kita sendiri. Dari segi *standardization* itu, dengan izin, tidak ada apa-apa isu.

Berbalik kepada kualiti guru-guru, mereka ialah di dalam skim, tahap dia dalam kerajaan ialah Penolong Pegawai Pembangunan atau Pemaju Masyarakat Gred S29. Gaji juga merupakan syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Jadi itu yang berkaitan dengan guru dan kurikulum juga. Isu yang dibangkitkan oleh ramai...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sedikit?

Tuan Sivarasa Rasiah: ...Ahli-ahli Yang Berhormat. Biar saya habiskan *point* ini dahulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Point* guru ini.

Tuan Sivarasa Rasiah: Oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan bangunan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bangunan sudah terlebih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak pergi guru boleh?

Tuan Sivarasa Rasiah: Biar saya habiskan jawapan ini dahulu. Jadi, memang ini kita terima sebagai satu realiti. Ada banyak premis di dalam keadaan usang ataupun uzur yang memerlukan *renovation* dan sebagainya. Saya minta kerjasama daripada- memang yang terlalu usang atau uzur, sila beritahu pada kementerian secara secepat mungkin dan itu akan diberi keutamaan dari segi kegunaan bajet kita...

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah: ...Untuk memastikan prasarana atau bangunan KEMAS...

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Pohon mencelah sedikit.

Tuan Sivarasa Rasiah: ...Adalah yang terbaik.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Sedikit sahaja.

Tuan Sivarasa Rasiah: *Let me finish the point first then I will come back to you.*

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: *You already finish that point.*

Tuan Sivarasa Rasiah: So, ini yang saya hendak sebut, kita tahu keadaan ini memang wujud, bajet yang disediakan untuk tahun ini daripada apa yang kita lihat di sini adalah sebanyak RM9.5 juta, saya terima itu tidak cukup. Anggaran saya secara peribadi ialah kita perlukan lebih kurang sebanyak RM100 juta untuk *repair* ataupun buat bangunan baru untuk semua bangunan. Pastikan semua bangunan KEMAS kita adalah di dalam keadaan yang baik di seluruh negara. Akan tetapi itu akan mengambil masa sedikitlah.

Kita kena rujuk balik kepada Kementerian Kewangan untuk peruntukkan lebih besar. Saya bagi Yang Berhormat Putatan dahulu dan selepas itu Yang Berhormat Segamat.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar?

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Baik, terima kasih...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar selepas itu ya.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat Menteri...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sivarasa Rasiah: Yang Berhormat Paya besar dahulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak merujuk kepada guru yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, S29 kalau tidak salah saya.

Saya cuma hendak tanya, saya dimaklumkan KEMAS ada seramai 17,905 orang kakitangan, yang tetap hanya seramai 851 orang, seramai 9,798 petugas kontrak dan *service* ini adalah sementara kontrak tetap. Jadi, apa nasib mereka ini Yang Berhormat Timbalan Menteri? Jikalau kita hendak anak-anak kita diajar dengan kaedah yang lebih baik, kita kena bantu guru ini terlebih dahulu, kenapa? Ini kerana gurulah yang akan mengubah nasib anak-anak.

Tuan Sivarasa Rasiah: Baik. Isu sama ada guru-guru atau pemaju masyarakat yang kita ada di tabika berhak untuk mendapat jawatan tetap itu. Kita ada dasar yang dibuat oleh kerajaan dahulu, dasar itu ialah selepas berkhidmat selama 15 tahun sebagai pegawai kontrak

mereka berhak memohon dan diluluskan sebagai kakitangan tetap. Saya difahamkan ramai, kita akan bagi jumlah kakitangan kalau perlu dalam secara bertulis berapa ramai sudah di tukar daripada status kontrak kepada tetap.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ini bermakna jaminan pihak KPLB selepas 15 tahun akan diletakkan sebagai tetap?

Tuan Sivarasa Rasiah: Mereka berhak, kita tidak jamin tukar secara automatik, mereka berhak memohon.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bermakna masih pegang dasar yang lama? Masih pegang dasar yang lama?

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, dasar itu kekal.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Dasar itu belum tukar, tidak ada apa-apa perubahan kepada dasar itu. Itu yang saya boleh sebutkan di sini. Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Segamat.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *To be more specific*, apa yang saya utarakan tadi yang dikongsi oleh Yang Berhormat Samarahan, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Papar tadi bersangkutan paut dengan apa yang diutarakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bangunan yang usang, jambatan yang usang, jalan raya yang perlu dibaiki. Apa yang saya utarakan tadi itu apabila ada kontraktor, dia mempunyai hubungan dengan pejabat daerah, membuat permohonan terus kepada pegawai di kementerian tanpa melalui Ahli Parlimen. Ini yang saya cakap kontraktor *different project*.

Jadi, kadang-kadang permohonan mereka ini, permohonan yang lebih fokus kepada keuntungan *and not benefiting the rakyat*. Ini yang merosakkan negara, merosakkan janji kita, merosakkan kepercayaan rakyat kepada kita. Ini yang- jadi kalau yang tadi itu yang memberi repot kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kadang-kadang boleh ditukar. Itu yang kami kongsi tadi, terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Kita ambil perhatian. Sila Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan kementerian mendapat sebanyak RM9 juta sahaja, berbanding hendak RM100 juta. Akan tetapi memandangkan saya duduk di sebelah sini saya lembut, kalau di sana kasar sikit. Akan tetapi hanya ada sebanyak RM9 juta, maka saya beri cadangan. Contohnya bangunan saya sebut tadi KEMAS di Paya Jakas itu, pihak bomba sudah kata tidak selamat, hendak buat semula memerlukan sebanyak RM1 juta, ini ada RM9 juta, bermakna bagi RM1 juta kepada Segamat tidak adillah bagi mereka yang lain.

Maka saya hendak cadangkan kita berfikir di luar kotak, 10 meter daripada KEMAS itu ada Sekolah Rendah Kebangsaan Paya Jakas di mana mereka ada bangunan tambahan tetapi hanya perlu di baik pulih. Mungkin lebih kurang RM80,000 hingga RM90,000. Sanggup kah

KEMAS bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk ubah suai bangunan itu, *repair* bumbung dan juga sebagainya, selepas itu sewa daripada sekolah itu sehingga kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri ada duit untuk membuat bangunan tersebut?

Tuan Sivarasa Rasiah: Untuk kes-kes spesifik Tuan Pengerusi, kita sedia duduk dan bincang. Kita tidak boleh bagi jawapan “ya” atau “tidak” dalam keadaan ini. Akan tetapi memang saya nampak iaitu ada merit dia dan kita sedia untuk mempertimbangkan.

Jadi, untuk tajuk KEMAS Tuan Pengerusi, pandangan dan soalan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Sibuti dan inilah jawapan saya untuk *point* penting yang telah dibangkitkan oleh mereka.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Sivarasa Rasiah: *Sorry*, Yang Berhormat Segamat, minta maaf.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Segamat jadi Segambut.

Tuan Sivarasa Rasiah: Minta maaf, Yang Berhormat Segamat. So, itulah yang berkaitan dengan tajuk KEMAS. Sekarang saya beralih kepada tajuk MPKK yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Setiu. Kalau tidak silap saya Yang Berhormat Setiu juga ada bangkitkan. Ya, Yang Berhormat Setiu.

Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Setiu mempersoalkan kenapa MPKKP sekarang- dan juga Yang Berhormat Arau membangkitkan kenapa Kerajaan Persekutuan sekarang telah membuat keputusan untuk menubuhkan MPKKP di lima buah negeri yang diperintah oleh pihak pembangkang iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis dan juga Sarawak. Isu ini telah dibangkitkan dalam perbahasan dan penggulungan saya di peringkat dasar dan saya *just* secara ringkas, saya tidak mahu ulang semua *point* yang saya telah sebut pada peringkat itu. Saya ulang di sini, untuk rekod Dewan yang mulia ini dan Jawatankuasa yang sekarang bersidang.

■2150

Keputusan ini telah dibuat di peringkat Jemaah Menteri dan bukan sahaja di peringkat Kementerian Luar Bandar. Keputusan ini dibuat selepas usaha kita cuba untuk lebih satu tahun daripada pertukaran kerajaan pada bulan Mei tahun 2018. Kita sudah cuba dengan sistem MPKK di negeri-negeri ini tetapi kita dapat melihat, memang kita mengalami kesusahan dan cabaran besar dan juga halangan untuk memastikan maklumat-maklumat yang lengkap tentang program-program dan dasar Kerajaan Pusat dan juga program-program *specifically*, dengan izin, yang menyampaikan manfaat kepada rakyat.

Semua ini kita mengalami masalah untuk *deliver*, dengan izin, untuk sampaikan manfaat kepada rakyat di lima negeri ini. Sebagai contoh, ini di Sarawak sahaja, bukan di negeri lain. Di Sarawak pada bulan Oktober yang lepas, Kerajaan Negeri Sarawak sudah pergi ke tahap di

mana Setiausaha Kerajaan telah keluaran arahan bertulis melalui pekeliling bahawa anggota JKKK, istilah yang masih digunakan di sana, di larang sama sekali untuk menghadiri program-program yang dianjurkan oleh Ahli Parlimen daripada Kerajaan Pakatan Harapan atau ADUN-ADUN daripada Pakatan Harapan.

Jadi sebab itu, selepas mengambil kira semua faktor-faktor ini, Jemaah Menteri telah membuat keputusan, kita perlu satu saluran dan badan baharu dan oleh sebab itu keputusan untuk menubuhkan MPKKP telah diputuskan.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh mencelah?

Tuan Sivarasa Rasiah: Saya habis jawapan dahulu dan selepas itu saya akan beri ruang. Ada pertanyaan juga tentang elaun-elaun yang telah sekarang dibayar kepada MPKK yang sedia wujud. Kita tidak mengganggu pelantikan MPKK yang telah di lantik oleh kerajaan negeri di lima negeri yang saya sebut ini dan sebagai contoh di negeri Sarawak, pelantikan Tuai Rumah, Ketua Kaum yang dilantik di bawah undang-undang tertentu di negeri Sarawak tidak diganggu dan tidak diusik. Itu kita jelas dalam hal itu.

Tanggungjawab untuk membayar apa-apa elaun kepada MPKK yang sedia ada, itulah tanggungjawab kerajaan negeri yang telah melantik mereka. Itu kita serah kepada kerajaan negeri, sama ada hendak bayar kah tidak, itulah keputusan kerajaan negeri dan itulah tanggungjawab kerajaan negeri. Apa Kerajaan Pusat akan buat ialah kita akan menubuhkan daripada 1 Januari badan baharu, MPKK Persekutuan dan apa-apa elaun atau manfaat kewangan akan diberikan kepada MPKK ialah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Kota Samarahan.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini juga berkaitan dengan MPKK di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang perwujudan MPKK tidak menjejaskan JKKK tetapi bagi pihak kita, perwujudan MPKK di setiap kampung telah pun mengelirukan rakyat sebab untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri pelantikan KKKM memang telah di bawah Akta Ordinan kerajaan negeri di bawah *local authority* dan di bawah pelantikan ketua masyarakat ini telah pun dipersetujui diwujudkan JKKK. Secara automatik dari sudut peranan tanggungjawabnya adalah untuk memastikan pembangunan pengurusan pentadbiran dan JKKK bukan sahaja untuk memastikan pentadbiran kampung malah juga untuk memantau pembangunan dan juga menyebarkan polisi dan juga dasar kerajaan baik *Federal* ataupun *state*.

Setakat ini kita tidak ada masalah Tuan Pengerusi, Cuma, mungkin ada salah anggapan di sini dari sudut *circular* yang dimaklumkan kepada Ketua Masyarakat Ketua Kaum. Sekular itu bukan merujuk kepada JKKK, tetapi *circular* itu merujuk kepada Ketua Kaum yang memaklumkan sekiranya ada program-program yang memfokuskan tentang *state* maksudnya pembangunan maksudnya prioriti perlu dilaksanakan, prioriti perlu diberi oleh Ketua Kaum Ketua Masyarakat.

In terms of memaklumkan polisi dan dasar dalam tempoh dua tahun ini, JKKK tiada masalah, malah ada agensi-agensi lain juga seperti RTM, Jabatan Penerangan, KRT turut serta membuat penyebaran polisi, dasar dan pembangunan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan kepada masyarakat, tidak menimbulkan masalah. Akan tetapi, bila MPKK dan juga JKKK wujud, pertindanan fungsi dan matlamat itu berlaku. Maksudnya dari sudut fungsi dan matlamat itu yang dilaksanakan oleh kedua-dua NGO ini bertindih dan boleh menyebabkan kekeliruan dan perpecahan dalam kampung berkenaan.

Jadi, kita mohon pertimbangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk berbincang terus dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan kerajaan-kerajaan lain untuk memastikan pelaksanaan MPKK ataupun JKKK dapat dilaksanakan dengan baik untuk pembangunan masyarakat luar bandar.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tuan Pengerusi saya sambung, Yang Berhormat Kota Samarahan dengan penuh hormat, kita kurang setuju dengan pandangan yang diberi tadi. Bagi Kerajaan Pusat kita sudah melihat dan saya bagi contoh, pekeliling itu saya sudah dan amat jelas memang dia mengambil satu pendirian yang kita tidak boleh terima. Kita sudah minta pekeliling itu ditarik balik. Jawapan diberi kepada masa itu, pekeliling larangan itu dikeluarkan melarang-bagi saya semua, Ketua Kaum, Tuai Rumah dan JKKK daripada hadiri program wakil rakyat Ahli Parlimen, ADUN daripada Pakatan Harapan. So, itu sangat ekstrem dan dikatakan masa itu dikeluarkan sebab Kerajaan Pusat menanggungkan bayaran elaun. Penanggungkan bayaran elaun sebenarnya dibuat untuk semua negeri bukan sahaja Sarawak dan secara kebetulan bulan Oktober tahun lepas disambung sehingga sekarang akan tetapi, bulan itu juga pekeliling dikeluarkan.

So, ini menunjukkan keadaan itu tidak sesuai untuk meneruskan dengan struktur-struktur yang sedia ada. Bagi Kerajaan Pakatan Harapan sangat penting bahawa maklumat dan manfaat tentang program-program kebajikan semua program Kerajaan Pusat mesti disampaikan dan dinikmati oleh rakyat di seluruh Malaysia termasuk lima negeri ini. Jadi, itulah alasan untuk itu.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon penjelasan.

Tuan Sivarasa Rasiah: Bagi saya habiskan *point* saya. Dan ini bukan satu fenomena baharu, MPKKP ini memang dahulu pun telah diwujudkan daripada tahun 2008 telah diwujudkan oleh kerajaan lama di Selangor, di Pulau Pinang, di Kelantan dan sebagainya. Jadi, kita tidak boleh kata "oh, itu tidak pernah ada, dan ini satu yang baharu yang akan pecah-belahkan kampung" dan sebagainya. Itulah satu fenomena lama dan sekarang kita tidak ada pilihan untuk melaksanakan itu. Silakan Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya dua kemusykilan saya bila Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata berkenaan dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Sarawak. Adakah isu yang

sama timbul di Kelantan, Pahang, Perlis dan Terengganu? Kalau tidak timbul, maka kenapa tiba-tiba ada MPKKP? Dan saya tertarik bila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa sebenarnya sudah wujud lama tahun 2008 lagi.

Setuju kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kerajaan pada hari ini cuma menuruskan dasar yang telah diteruskan sebelum daripada ini yang didakwa sebagai tidak adil mewujudkan kerajaan dalam kerajaan? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menggunakan hujah yang sama berkenaan tentang memperkenalkan JKPP di Selangor pada ucapan saya yang lepas dan juga masalah yang berlaku di Sarawak adalah apabila satu kes daripada Bandar Kuching menjemput Ketua Masyarakat dan daripada situlah masalah tersebut melarat dan juga kerajaan dikatakan mengeluarkan pekeliling dan juga apa yang berlaku adalah *panic action* di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri apabila kerajaan terus menerus mengatakan pemotongan elaun.

Dan juga saya rasa, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri KPKT, Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar datang ke Sarawak dan juga dihadiri oleh Ketua-ketua Masyarakat dan arahan tersebut dikeluarkan oleh Pegawai Daerah, kita masih lagi mempunyai budi bicara.

■2200

Saya juga melihat- saya menerima dan juga berterima kasih kepada Menteri yang sering datang ke Sarawak. Akan tetapi, apakah peranan Menteri yang bertanggungjawab, Menteri KPLB, datang ke Sarawak hanya berjumpa dengan Ketua Menteri tetapi tidak membincangkan perkara-perkara sebegini?

MPKK di lihat dalam konteks yang berlainan di Sarawak. Di Kelantan mungkin di kampung-kampung tetapi kami mempunyai rumah panjang, rumah panjang yang diwujudkan satu, dua sistem. Itulah yang menjadi kebimbangan. Adakah kita mempunyai niat yang baik untuk duduk bersama untuk membincangkan berkenaan dengan pewujudan MPKKP?

Saya tidak hendak oleh kerana apa yang berlaku di Sarawak mengakibatkan Kelantan, Pahang terjejas dalam penerimaan geran. Apa yang berlaku di Sarawak adalah semua MPKK dijanjikan untuk menerima RM10 ribu. Adakah pemberian ini akan secara automatik? Ia juga perlu dijelaskan. Saya tidak hendak MPKK diwujudkan ini tertunggu-tunggu geran yang dijanjikan ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Balik kepada poin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi. Saya setuju pekeliling itu hanya terpakai di Sarawak, bukan di – tidak ada pekeliling samalah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, sebagai contoh. Keadaan di setiap negeri bukan sama, itu kita terima, tapi poin yang asas itu sama iaitu kita sudah cuba satu tahun lebih, bukan yang Kerajaan Pusat daripada pertukaran pada tahun lepas bulan Mei. Kita sudah terus pergi kepada apa yang dibuat dulu iaitu terus kita tubuhkan MPKKP. Kita sudah bagi peluang. Kita sudah cuba satu tahun lebih untuk

melihat sama ada struktur itu boleh berfungsi untuk semua pihak. Akan tetapi, itu yang kita dapati tidak menjadi.

Oleh sebab itulah, kita sudah buat keputusan dan saya sebut tadi keputusan ini bukan sahaja di peringkat kementerian tapi di peringkat Jemaah Menteri. Semua sudah duduk bincang dan inilah keputusannya iaitu kita akan tubuhkan MPKKP itu.

Poin yang disebut oleh Yang Berhormat Sibuti juga, kita sudah cuba berunding. Tahun lepas saya sendiri, selepas pekeliling dikeluarkan Kerajaan Negeri Sarawak, kita sudah merayu kepada mereka untuk tarik balik tetapi sampai sekarang tidak ditarik balik. So, kita tidak sebut tidak ada perundingan di peringkat yang atas. Saya sendiri ada berjumpa dengan Menteri yang berkenaan dan sebagainya. Menteri KPLB pun sudah ada membangkitkan isu ini tetapi kita tidak dapat diselesaikan. Oleh sebab itu, kita sudah buat keputusan itu yang akan dilaksanakan.

Berkaitan dengan isu geran yang dibangkitkan, saya sudah sebut tadi, kita serah sekarang kepada kerajaan negeri untuk memberi apa-apa kemudahan kewangan kepada badan yang dilantik oleh kerajaan negeri. Akan tetapi, apa-apa bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat sekarang akan disalurkan kepada badan yang dilantik oleh Kerajaan Pusat iaitu MPKKP di lima buah negeri ini.

Tuan Pengerusi, tadi saya kata saya sudah habis dengan isu prasarana tetapi saya hendak sebut satu isu spesifik tentang prasarana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan juga Yang Berhormat Paya Besar iaitu mengenai lampu jalan kampung supaya menjawab pertanyaan mereka.

Saya ingin sahkan bahawa peruntukan Lampu Jalan Kampung (LJK) untuk tahun 2020 ialah dalam...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, termasuk Kota Tinggi itu tadi.

Tuan Sivarasa Rasiah: Okey, saya masukkan Kota Tinggi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tolong sebut Kota Tinggi ya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat, termasuk Segamat lah. Tertinggal ini.

Tuan Sivarasa Rasiah: Segamat juga, okey. Kita ada peruntukan daripada MESTECC yang disebut tadi untuk 20,000 unit dan daripada KPLB sebanyak 35,000 unit dan ada sebahagian besar ini adalah HPSV yang kuning itu dan ada juga yang LED. Kos yang ditanya oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar seunit lebih kurang 2,600 unit. Agensi pelaksana di Semenanjung ialah TNB, di Sabah ialah SESB dan di Sarawak ialah SEB. Kita akan cuba sampaikan kepada setiap kawasan Parlimen 200 lampu jalan kampung ke setiap Parlimen. Itulah sasaran kita sekarang untuk pelaksanaan.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar berkaitan dengan Lampu Jalan Kampung (LJK) untuk kawasan FELDA. Minta maaf, saya kena sebut di sini bahawa kawasan itu bukan lagi di bawah bidang kuasa KPLB. FELDA sekarang diuruskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi, apa-apa bajet untuk LJK kena cari di sana.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Tuan Sivarasa Rasiah: Jadi, peruntukan kita akan disampaikan hanya kepada kawasan yang bukan FELDA. Jadi, memandangkan masa sudah...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat, memang.

Tuan Sivarasa Rasiah: Saya sudah sampai had masa saya. Topik lain saya akan jawab secara bertulis, Tuan Pengerusi, dan apa-apa pertanyaan secara spesifik kepada kawasan-kawasan berkenaan, kita akan bagi jawapan bertulis itu.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *[Bangun]*

Tuan Sivarasa Rasiah: Dengan itu, saya sekali lagi ucap terima kasih kepada semua pandangan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Saya ucapkan terima kasih dan juga kepada Tuan Pengerusi. Saya nampak Yang Berhormat Segamat masih hendak bangun. Kita bagi laluan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Dia memang berkobar-kobar.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya minta kalau bertulis itu diberikan tetapi tetapkan masa. Sebab, saya tidak hendak tunggu sampai belanjawan tahun hadapan. Sebab ada yang saya minta tahun lepas pun tidak dapat. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Baik, baik.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Setuju, setuju

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kalau boleh dalam minggu depanlah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Itu pun saya setuju.

Tuan Sivarasa Rasiah: Jawapan bertulis akan disampaikan sebelum akhir mesyuarat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sebelum akhir mesyuarat ini.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Pengerusi, setakat ini jawapan bertulis kita cuma terima daripada Kementerian Kesihatan. Yang lain kementerian belum ada lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Pohon Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sebenarnya Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar telah pun- kita katakan yang baik dijadikan teladan, yang buruk kita jadikan sempadan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini contoh yang baik, di mana jawapan bertulis akan dibekalkan sebelum akhir mesyuarat sesi kali ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Saya harap kementerian-kementerian lain akan melakukan yang sama.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Minggu depanlah, Tuan Pengerusi. *Outdated* sudah, bulan Disember baru dapat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,191,709,400 untuk Maksud B.22, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,191,709,400 untuk Maksud B.22, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,223,826,000 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM5,223,826,000 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 14 November 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.09 malam]